



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

SEJARAH

TINGKATAN

3





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:


**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

SEJARAH

TINGKATAN 3



Penulis

Dr. Azharudin bin Mohamed Dali
Ridzuan bin Hasan
Muslimin bin Fadzil

Editor

Abdul Ghani bin Abu
Md Shukuri bin Hamzah

Pereka Bentuk


Zainal Abidin bin Hasan

Ilustrator

Mohd. Sazali bin Ibrahim



DBP
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2018



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0068

KK 959-221-0102011-49-2080-20101

ISBN 978-983-49-2080-7

Cetakan Pertama 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Times New Roman

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

Arif Corporation Sdn. Bhd.,

No. 42, Jalan Pengasah 15/13,

Seksyen 15, 40200 Shah Alam,

Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 - (i) YBhg. Profesor Dr. Kamaruzaman bin Yusoff
 - (ii) YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali
 - (iii) YBhg. Profesor Dr. Sivamurugan a/l Pandian
 - (iv) YBhg. Profesor Dr. Ishak bin Saat
 - (v) YBhg. Profesor Madya Dr. Rohani binti Haji Ab. Ghani
 - (vi) YBhg. Profesor Madya Dr. Bilcher Bala
 - (vii) YBhg. Profesor Madya Dr. Neilson Ilan Mersat
 - (viii) YBhg. Dr. Ho Hui Ling
- Panel Ahli Akademik
 - (i) YBhg. Profesor Madya Dr. Kassim bin Thukiman
 - (ii) YBhg. Profesor Madya Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman
 - (iii) YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd bin Samsuddin
- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jawatankuasa Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Arkib Negara Malaysia
- Jabatan Muzium Malaysia
- Jabatan Warisan Negara
- Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- Yayasan Warisan Johor
- Perbadanan Muzium Melaka
- Perpustakaan Universiti Malaya
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Perpustakaan Negara Malaysia
- Persatuan Sejarah Malaysia
- Permodalan Nasional Berhad
- Perbadanan MRT Sdn. Bhd.
- Ekspres Rail Link Sdn. Bhd.
- Malaysia Airport Berhad
- Muzium Negeri Terengganu
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan

vi

Bab 1 Kedatangan Kuasa Barat 2

- 1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita 4
- 1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita 10
- 1.3 Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan 16
- 1.4 Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita 18



Bab 2 Pentadbiran Negeri-negeri Selat 28

- 2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka 30
- 2.2 Perjanjian London 1824 dan Kesannya Terhadap Alam Melayu 42
- 2.3 Pembentukan Negeri-negeri Selat 46
- 2.4 Pentadbiran Negeri-negeri Selat 48



Bab 3 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu 56

- 3.1 Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang 58
- 3.2 Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang 64
- 3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 74
- 3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu 76



Bab 4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu 84

- 4.1 Pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor 86
- 4.2 Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu 90
- 4.3 Peluasan Kuasa British di Johor 94
- 4.4 Sistem Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu 96






Bab 5 Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	108
5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah	110
5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak	114
5.3 Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah	120
5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	124



Bab 6 Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial	136
6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita	138
6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi	146
6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita	150
6.4 Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita	154

Bab 7 Penentangan Masyarakat Tempatan	170
7.1 Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan	172
7.2 Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat Tempatan	180
7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat	184
7.4 Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan.	190



Bab 8 Kebijakan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat	198
8.1 Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor Terhadap Tindakan Barat	200
8.2 Tindakan Raja Melayu Menangani Cabaran Barat	204
8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri	212
8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat	216

<i>Bibliografi</i>	226
<i>Indeks</i>	230

PENDAHULUAN

Buku Teks *Sejarah Tingkatan 3* ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku teks ini merupakan kesinambungan Buku Teks *Sejarah Tingkatan 2*. Penulisan buku teks ini diperincikan kepada lapan bab berdasarkan tema Kedatangan Kuasa Asing. Tema ini terdiri daripada dua tajuk utama, iaitu Tajuk 7: Campur Tangan Asing dan Penjajahan Kuasa Barat, dan Tajuk 8: Tindak Balas Masyarakat Tempatan.

Tajuk Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat membincangkan kuasa Barat, Pentadbiran Negeri-negeri Selat, Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah serta kesan pentadbiran Barat terhadap ekonomi dan sosial. Pengetahuan Sejarah tentang perkembangan kuasa Barat dipelajari oleh murid dari aspek kedatangan kuasa Barat, pengukuhan pentadbiran Barat sehingga membawa perubahan terhadap ekonomi dan sosial di negara kita.

Tajuk Tindak Balas Masyarakat Tempatan pula membincangkan penentangan masyarakat tempatan terhadap peluasan kuasa Barat di negara kita. Penentangan bermula dengan kebangkitan tokoh-tokoh setempat untuk mempertahankan maruah bangsa dan tanah air. Murid turut mempelajari kebijaksanaan pemerintah dalam menangani cabaran peluasan kuasa Barat di negara kita.

Pengetahuan dan pemahaman tentang tajuk-tajuk ini dipelajari secara kronologi agar mencapai fokus utama KSSM untuk melahirkan murid yang arif dan peka sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing pada masa hadapan.

Kandungan buku teks ini turut menerapkan kepelbagaian kaedah pembelajaran dan pengajaran, seperti Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS), kaedah kontekstual, pembelajaran berasaskan inkuiri, Kajian Masa Depan, kajian kes, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Elemen Keusahawanan (EK) serta mengaplikasikan kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) bagi membantu murid menghayati ilmu sejarah dengan lebih berkesan. Aspek yang turut ditekankan ialah elemen Kelestarian Global agar murid bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan seharian dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi. Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) turut dijemlakan menerusi latihan, aktiviti dan penilaian agar murid berupaya mengaplikasikan ilmu dan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

Bagi membantu guru dan murid menguasai kandungan buku teks ini, setiap bab menggunakan beberapa ikon mengikut kategori aktiviti yang disediakan. Berikut ialah ikon yang digunakan:

Rangsangan

Dipersembahkan pada setiap awalan bab dalam bentuk bergambar. Bahan rangsangan ini berperanan mencungkil minat murid untuk mengikuti pembelajaran seterusnya.

BAB 1 Kedatangan Kuasa Barat



Kemakmuran kegiatan perdagangan di Pelabuhan Melaka menarik kedatangan kuasa Barat.
(Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1600-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet)

Sinopsis

Kestabilan dan kemakmuran negara kita telah menarik kedatangan pelbagai kuasa Barat. Terdapat pelbagai faktor yang telah mendorong kedatangan kuasa Barat. Mereka bersaing dan menggunakan pelbagai strategi untuk mendapatkan tanah jajahan. Perbezaan strategi yang digunakan oleh kuasa-kuasa Barat untuk menguasai negara kita menyebabkan kuasa Barat dapat meluaskan kuasa dan pengaruh mereka di Alam Melayu.

Kegiatan perdagangan di Pelabuhan Melaka dan keadaan di penempatan Sabah

Panduan Penggunaan Buku Teks



Elemen Kewarganegaraan dan Sivik

Diterapkan dalam kandungan teks, pentaksiran dan pelbagai bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membentuk murid menjadi warganegara yang mempunyai jati diri dan berkeperibadian Malaysia yang patriotik.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan kestabilan dan kemakmuran negara kita.
2. Menghuraikan faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
3. Menganalisis persaingan antara kuasa Barat untuk mendapatkan tanah jajahan.
4. Menunjukkan perbezaan strategi kuasa Barat untuk menguasai negara kita.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan memanfaatkan sumber kekayaan negara.
2. Menghuraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara.
3. Membincangkan kepentingan berwaspada terhadap unsur luar yang boleh mengugat kedaulatan negara.
4. Merumuskan kebijaksanaan berfikir strategik untuk berjaya dalam kehidupan.



Serangan penduduk tempatan ke atas kapal British pada tahun 1843 di Sabah.
(Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1600-1940)*. Singapore: Editions Didier Millet)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
2. Meneroka bukti perbezaan strategi kuasa Barat untuk menguasai negara kita.
3. Membuat imaginasi kenabihan dan kemakmuran negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat.
4. Membuat interpretasi sebab dan akibat kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
5. Membuat rasionalisasi negara kita menjadi sasaran kuasa Barat untuk mendapatkan tanah jajahan.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

Membolehkan murid memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi terhadap setiap maklumat serta peristiwa sejarah yang dipelajari. Kemahiran ini dimantapkan dalam kalangan murid melalui aktiviti yang berkaitan.

Majlis Mesyuarat Persekutuan

Pada tahun 1909, British menandatangani perjanjian dengan Raja-raja Melayu bagi menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Majlis ini berkuasa meluluskan undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Persetiaan Persekutuan 1885



Keahlian Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan memberikan ruang kepada British untuk mengawal undang-undang dan kewangan negeri serta memberikan kuasa pentadbiran kepada Pesuruhjaya Tinggi British. Hal ini menjejaskan kewibawaan Raja-raja Melayu yang hanya diletakkan sebagai ahli biasa dalam majlis tersebut.

Pembentukan Durbar

British membentuk Durbar untuk mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu terhadap kuasa pentadbiran kepada Pesuruhjaya Tinggi British. Hal ini menjejaskan kewibawaan Raja-raja Melayu yang hanya diletakkan sebagai ahli biasa dalam majlis tersebut.

- Ahli Durbar terdiri daripada:
- Pesuruhjaya Tinggi British
 - Raja-raja Melayu
 - Residen Jeneral
 - Residen British

Pada asasnya, Durbar memperlihatkan tanggungjawab bersama-sama oleh Raja-raja Melayu sebagai pelindung orang Melayu.



Durbar pertama diadakan di Kuala Kangsar pada tahun 1897 dihadiri oleh Raja-raja dan pembesar Melayu serta pegawai British.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu membawa pembaharuan terhadap sistem pemerintahan negeri Melayu. Dalam usaha menguasai pentadbiran Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, British memperkenalkan Sistem Residen. Seterusnya British meletakkan negeri Melayu tersebut di bawah naungan British melalui pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kedaulatan negeri masih dipegang oleh Raja-raja Melayu. Raja terikat dengan perjanjian menerima nasihat British yang mengakhiri kewibawaan Raja-raja Melayu. Namun begitu, kewibawaan Raja-raja Melayu terus dipertahankan melalui penubuhan Majlis Raja-Raja yang ada hingga hari ini.



Penjelasan tersurat

Penjelasan tersirat

Sistem Residen

Melalui pelbagai strategi peluasan kuasa, British dapat melaksanakan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. British menempatkan Residen melalui perjanjian yang dibuat dengan pemerintahan tempatan dan Raja-raja Melayu.

Apakah peranan Residen British?

- Menasihati Raja-raja Melayu dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali berkaitan agama Islam dan adat Melayu.
- Semua nasihat hendaklah diikuti dan dipatuhi.



J.W.W. Birch, Residen British pertama di Perak (1874-1875)



Sultan Abdullah



Sultan Ahmad



J.P. Rodger, Residen British pertama di Pahang (1888-1896)



Sultan Abdul Samad




Raja-raja Melayu dan penerimaan Residen British pertama di negeri-negeri Melayu.



Tuanku Muhammad Yamtuan Besar



J.G. Davidson, Residen pertama di Selangor (1874-1875).



Kejayaan menempatkan Residen membolehkan British melaksanakan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.



Martin Lister, Residen pertama di Negeri Sembilan (1895-1897).



Mengapakah Residen British tidak menasihati Raja-raja Melayu dalam perkara berkaitan agama Islam dan adat Melayu?





Aktiviti

Merupakan gerak kerja berdasarkan pelbagai kaedah pembelajaran untuk membentuk murid yang kreatif dan saling bekerjasama. Aktiviti tersebut seperti perbincangan, pembentangan, penyelesaian silang kata, KPS, TMK, peta pemikiran *i-Think*, kajian kes, Cuba Buat dan elemen keusahawanan.



Glosari

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami dalam teks bagi meningkatkan kefahaman murid.



Glosari

Tanah Jajahan Mahkota British: tanah jajahan yang diperintah oleh Gabenor yang dilantik oleh pemerintahan beraja British.



Tahukah Anda?

Perjanjian London dan Peluasan Kuasa British di Nanning

- Nanning ialah sebuah daerah yang terletak di antara Rembau dan Melaka.
- British yang menguasai Melaka melalui Perjanjian London 1824 menganggap Nanning adalah sebahagian daripada Melaka.
- British menetapkan segala peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di Melaka turut dikenakan terhadap Nanning.

(Sumber: Adaptasi daripada Muzium Negeri Sembilan)



Tahukah Anda?

Maklumat tambahan bagi meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu perkara. Murid digalakkan menggunakan pelbagai sumber lain untuk meneroka maklumat yang berkaitan.



Tahukah Anda?

Perang British-Belanda

Pertama	1652-1654
Kedua	1665-1667
Ketiga	1672-1674
Keempat	1781-1784

Perjanjian London 1824

- **Tarikh:** 17 Mac 1824
- **Tempat:** London, England
- **Pihak terlibat:** British dan Belanda
- **Kandungan perjanjian:**
 - wilayah pengaruh
 - kewangan
 - perdagangan

Perjanjian London 1824



Aktiviti Peta Pemikiran

Secara berkumpulan, kumpul maklumat berkaitan Tanah Jajahan Mahkota British. Bentangkan dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai.



Bahaskan impak daripada peluasan pengaruh British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.



KBAT

Memfokuskan tahap pemikiran aplikasi, analisis, menilai dan mencipta. Murid dirangsang menerusi soalan berfikir aras tinggi.



Cerna Minda

Menguji pengetahuan sedia ada murid menerusi soalan aras rendah dan sederhana berkaitan teks.



QR Code

Imbas kod menggunakan alat peranti semasa untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam pelbagai bentuk seperti video dan dokumen. Bertujuan menambah pengetahuan dan minat murid.



PAK-21


Penerapan ciri PAK-21 pada hujung bab melalui kepelbagaian aktiviti berpusatkan murid dan pembelajaran kolaboratif yang memfokuskan kepada kemahiran dan proses pemikiran bersifat terarah sendiri berdasarkan tahap penguasaan murid.



Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-17 dan Abad Ke-18

Revolusi Perindustrian


- Revolusi Perindustrian berlaku di Britain sejak abad ke-17.
- Menjelang tahun 1870-an, negara-negara Eropah lain seperti Jerman dan Perancis menjadi negara perindustrian seperti Britain.
- Selepas berlakunya Revolusi Perindustrian, dasar kuasa-kuasa Barat berubah corak. Mereka perlu mencari pusat perdagangan dan menguasai tanah jajahan yang dapat membekalkan bahan-bahan mentah bagi keperluan kilang perusahaan mereka secara berterusan.
- Revolusi Perindustrian membolehkan barangan dikeluarkan secara besar-besaran. Dengan kepesatan pengeluaran barangan kilang, kawasan pasaran yang lebih luas perlu dicari untuk memasarkan barang tersebut supaya keuntungan dapat dimaksimumkan.



Aktiviti di kilang semasa Revolusi Perindustrian.
(Sumber: Peter Furtado, 1993, *The New Century: A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.)

Cerna Minda
Mengapakah dasar kuasa Barat berubah selepas Revolusi Perindustrian?

Ekspedisi Barat




PAK-21

Aktiviti 1: Hentian Bas (Bus Stop)

Arahan:

- Beberapa buah hentian diwujudkan di dalam kelas. Satu hentian satu soalan disediakan.
- Murid bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang soalan berkenaan.
- Murid berkongsi pendapat dan merekodkan komen serta maklumat yang diperoleh.

1. Murid mencari dua gambar yang menunjukkan pengangkutan utama kegiatan perdagangan pada abad ke-19 dan gambar pengangkutan utama kegiatan perdagangan pada abad ke-21 berdasarkan contoh di bawah.




Contoh pengangkutan kegiatan perdagangan pada masa dahulu. Pengangkutan kegiatan perdagangan pada masa ini.

2. Gambar ini ditampal pada dinding kelas dengan dicerakinkan soalan yang berbeza-beza, iaitu:

- Hentian Pertama**
Jelaskan pengangkutan utama yang digunakan untuk membawa barang dagangan pada abad ke-19 dan abad ke-21.
- Hentian Kedua**
Jelaskan pengaruh perkembangan teknologi dalam industri perkapalan yang membantu perkembangan kegiatan perdagangan sejak abad ke-19 hingga kini.
- Hentian Ketiga**
Jelaskan pengaruh perkembangan teknologi dalam industri pengangkutan yang membantu perkembangan kegiatan perdagangan sejak abad ke-19 hingga kini.
- Hentian Keempat**
Apakah jenis pengangkutan pada masa hadapan yang akan digunakan dalam kegiatan perdagangan?
3. Bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang soalan yang diberikan.
- Kongsikan pendapat dengan rakan dan rekodkan ulasan serta maklumat yang diperoleh.

Jejak Pembelajaran

Kepatanganan Kuasa Asing





Kemakmuran kegiatan perdagangan di Pelabuhan Melaka menarik kedatangan kuasa Barat.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]



Kegiatan perdagangan di Pelabuhan Melaka dan keadaan di perairan Sabah.



Sinopsis

Kestabilan dan kemakmuran negara kita telah menarik kedatangan pelbagai kuasa Barat. Terdapat pelbagai faktor yang telah mendorong kedatangan kuasa Barat. Mereka bersaing dan menggunakan pelbagai strategi untuk mendapatkan tanah jajahan. Perbezaan strategi yang digunakan oleh kuasa-kuasa Barat untuk menguasai negara kita menyebabkan kuasa Barat dapat meluaskan kuasa dan pengaruh mereka di Alam Melayu.




Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan kestabilan dan kemakmuran negara kita.
2. Menghuraikan faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
3. Menganalisis persaingan antara kuasa Barat untuk mendapatkan tanah jajahan.
4. Menunjukkan perbezaan strategi kuasa Barat untuk menguasai negara kita.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan memanfaatkan sumber kekayaan negara.
2. Menghuraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara.
3. Membincangkan kepentingan berwaspada terhadap unsur luar yang boleh menggugat kedaulatan negara.
4. Merumuskan kebijaksanaan berfikiran strategik untuk berjaya dalam kehidupan.



Serangan penduduk tempatan ke atas kapal British pada tahun 1843 di Sabah.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
2. Meneroka bukti perbezaan strategi kuasa Barat untuk menguasai negara kita.
3. Membuat imaginasi kestabilan dan kemakmuran negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat.
4. Membuat interpretasi sebab dan akibat kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
5. Membuat rasionalisasi negara kita menjadi sasaran kuasa Barat untuk mendapatkan tanah jajahan.

1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

Pengenalan

Negara kita telah mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbiran yang stabil. Kestabilan sistem pemerintahan dan pentadbiran ini merupakan hasil kebijaksanaan pemerintah. Mereka sedia berganding bahu dengan rakyat untuk membangunkan negeri. Kemakmuran negeri pula datangnya daripada sumber hasil bumi dan hasil alam yang dimanfaatkan untuk memajukan ekonomi. Selain itu, kemuncak kemakmuran ialah perkembangan dan kegemilangan kegiatan intelektual.

Kestabilan

Negara kita telah mewarisi sistem pemerintahan beraja dan pentadbiran yang mantap. Sistem pentadbiran, sistem perundangan dan struktur sosial masyarakat tersusun dengan sistematik. Hal ini disokong oleh muafakat antara golongan pemerintah dengan orang yang diperintah. Hasilnya, hubungan luar dapat dijalinkan dengan berkesan.

Sistem Pemerintahan dan Struktur Sosial

Corak sistem pemerintahan di negara kita banyak mempengaruhi pembentukan susun lapis masyarakatnya. Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka. Di Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pemerintahan masyarakat tempatan yang lebih awal. Hal ini anda telah mempelajarinya semasa di Tingkatan 2.




Sistem Pemerintahan Beraja




Cerna Minda


Nyatakan peranan pembesar.



Hierarki Pemerintahan di Negeri Sembilan



Sistem Pemerintahan di Sarawak



Sistem Pemerintahan di Sabah

Perundangan

- Negara kita telah mempunyai sistem perundangannya sendiri.
- Terdapat dua jenis undang-undang, iaitu undang-undang tidak bertulis dan undang-undang bertulis. Undang-undang tidak bertulis ini dikenali sebagai adat. Contohnya, Adat Perpatih. Contoh undang-undang bertulis pula ialah *Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang* dan *Undang-Undang 99 Perak*.
- Di Sarawak dan Sabah, peraturan hidup dan undang-undang berdasarkan hukum adat yang diamalkan secara tradisi serta turun-temurun melalui kepercayaan suku masing-masing.

Hubungan Luar

- Kestabilan negara kita dapat dilihat melalui hubungan dengan negara luar dalam bentuk ekonomi, politik dan sosial.
- Pemerintah di negara kita berjaya memanfaatkan hubungan dengan pedagang British dan Belanda untuk kepentingan negeri masing-masing.
- Kebijaksanaan pemerintah tempatan menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan menyebabkan mereka dapat meluaskan pengaruh, melindungi daripada ancaman musuh, memajukan ekonomi negeri dan menstabilkan sistem pemerintahan.



Glosari

Ibu Soko: individu yang mengetahui, memahami dan menghafal adat dan asal usul kelompok kekeluargaan yang diwakilinya. Ibu Soko terlibat secara langsung dalam pemilihan dan pelantikan Buapak.



Pemimpin memainkan peranan penting memastikan kestabilan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara. Jelaskan.

Kemakmuran

Negara kita terkenal di persada antarabangsa kerana memiliki kekayaan hasil bumi dan sumber alam daripada hasil galian, kesuburan tanah, sumber makanan, kelautan, flora dan fauna. Kemunculan pelabuhan perdagangan yang strategik membolehkan sumber hasil bumi dan sumber alam kita diperdagangkan ke seluruh dunia. Kemuncak kemakmuran negara kita ialah perkembangan kegiatan keintelektualan dan persuratan.

Hasil Bumi dan Hasil Alam

- Negara kita kaya dengan bahan galian seperti bijih timah, emas dan perak.
- Kegiatan melombong bijih timah dan emas dijalankan oleh masyarakat tempatan. Mereka menggunakan kaedah mendulang dan melampau. Mendulang dilakukan di kawasan sungai kerana bijih timah banyak didapati di lembah sungai.
- Negara kita juga dikenali sebagai pusat pengeluaran sumber hasil hutan seperti rempah-ratus, damar dan rotan.
- Hutan rimba di negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah terkenal dengan hasil hutan seperti kayu-kayan, kapur barus, rotan, damar, getah jelutung, kayu gaharu dan kayu cendana. Hasil hutan dijual kepada pedagang China, Jepun, Siam dan India.
- Negara kita juga kaya dengan hasil laut seperti sirip ikan yu, timun laut, rumpai laut dan mutiara.



Kegiatan mendulang secara tradisional.



Kegiatan mengutip hasil hutan.

Memfaatkan Hasil Alam

- Masyarakat tempatan mempunyai sifat yang kreatif dan berkemahiran tinggi. Mereka berjaya menghasilkan kraf tangan yang indah dan menarik daripada sumber alam.
- Daun mengkuang, daun pandan, daun nipah dan buluh boleh dianyam menjadi tikar atau bakul. Masyarakat Melayu juga mahir dalam bertukang kayu, membuat perahu, membuat perabot daripada rotan dan menempa alat senjata tradisional.
- Di Sarawak, terdapat juga kegiatan menenun kain pua dan menyulam selendang.



Tikar mengkuang



Kain pua



Dinding buluh



Cerna Minda

Nyatakan hasil hutan di negara kita.

Sistem Ekonomi

Masyarakat di negara kita telah mempunyai sistem ekonomi yang teratur. Mereka bijak mengeksploitasi sumber alam semula jadi untuk memajukan ekonomi dan memakmurkan kehidupan. Mereka melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan. Setiap negeri mempunyai kemudahan pelabuhan, mata wang, sistem percukaian dan sistem timbangan dan ukuran yang praktikal.

(i) Perdagangan dan Pelabuhan

Negeri-negeri Melayu telah menjalankan kegiatan perdagangan kerana mempunyai pelabuhan yang terletak di muara sungai yang strategik. Pelabuhan Johor, Kedah, Klang dan Melaka menjadi pusat mengumpul barangan dari timur dan barat. Syahbandar dilantik bagi mengurus pelabuhan.



Buah keras



Kayu manis



Cengkih

Pelbagai jenis rempah-ratus yang didagangkan di pelabuhan seperti buah keras, kayu manis dan cengkih.

(ii) Timbang, Sukat dan Ukur

Masyarakat Melayu menggunakan sukatan seperti kepul, leng, kal, cupak dan gantang.

1 leng = 2 kepul
1 kal = 2 leng
1 cupak = 4 kal
1 gantang = 4 cupak

Kemudian orang Melayu mengambil sistem timbangan dari pedagang China yang memakai sistem kati, tahlil dan pikul yang digabungkan dengan sukatan pikul orang Melayu.

16 tahlil = 1 kati
100 kati = 1 pikul

Bagi timbangan emas dan perak, orang Melayu mengambil timbangan pedagang India.

12 saga = 1 mayam
16 mayam = 1 bungkal
12 bungkal = 1 kati

Apabila pengaruh British sampai ke Alam Melayu, muncul sukatan baharu seperti auns, paun, tan dan gelen.

(iii) Mata Wang


Pada mulanya, pedagang menggunakan sistem *barter* (tukar barang) dalam urusan perdagangan. Kemudian, mata wang digunakan, iaitu wang logam yang diperbuat daripada timah dan emas. Idea menggunakan mata wang daripada logam timah atau emas dalam urusan niaga menjadi ikutan negeri-negeri Melayu lain untuk mengeluarkan mata wang masing-masing.



Mata wang emas Kedah.



Mata wang emas Kelantan atau duit kijang.



Mata wang Terengganu atau duit pith Terengganu (1835-1920).

(iv) Sistem Percukaian

Aktiviti perdagangan yang pesat memperkembangkan bidang percukaian. Cukai ialah bayaran yang dikenakan ke atas hasil perlombongan, pertanian, hasil hutan dan perdagangan. Cukai merupakan sumber pendapatan pemerintah dan akan disalurkan untuk memakmurkan negeri.



Cerna Minda

Nyatakan barangan dagangan utama di negeri-negeri Melayu.

Kegiatan Keintelektualan

Pendidikan ialah aspek yang penting dalam kehidupan masyarakat tempatan. Pendidikan bertujuan melahirkan individu yang berakhlak mulia, berkelakuan sopan, bertatasusila, berdikari dan berhemah tinggi. Pendidikan dalam masyarakat tempatan dapat dibahagikan kepada pendidikan tidak formal dan pendidikan formal. Sebelum kedatangan kuasa Barat, sistem pendidikan tidak formal dan pendidikan formal berkembang lama di negara kita.



Cerna Minda

Nyatakan cerita rakyat yang memberikan teladan.



Pendidikan merupakan pelaburan masa hadapan. Bincangkan.

Pendidikan Formal

Pendidikan formal masyarakat Melayu adalah bercorak Islam dan menekankan ilmu keagamaan. Pendidikan formal dilaksanakan di masjid, surau, pondok, madrasah dan istana.

Istana

- Hal pentadbiran negara.
- Sistem politik.



Istana Chegar,
Anak Bukit,
Alor Setar
Kedah.

Masjid dan surau

- Pengajiannya merangkumi cara bacaan dalam solat dan tajwid serta mempelajari hadis, fekah dan usuludin.



Masjid Kampung
Hulu, Melaka.

Pendidikan pondok

- Mata pelajaran yang diajar ialah al-Quran, ilmu hadis dan bahasa Arab.

Madrasah

- Mempunyai sukatan pelajaran.
- Dilaksanakan secara kelas.
- Mempunyai tahap permulaan, pertengahan dan pengkhususan.
- Diawasi oleh mudir (guru besar).
- Diselia oleh jawatankuasa kewangan.



Madrasah
Taufikiah,
Kedah.

Di Sarawak, pendidikan formal dijalankan di masjid dan sekolah agama. Kumpulan etnik beragama Islam mempelajari pendidikan agama Islam seperti membaca al-Quran dan menulis tulisan jawi. Selain itu, mereka mempelajari cara melaksanakan ibadat. Mereka diajar oleh guru al-Quran, imam dan lebai. Di Sabah, pendidikan secara formal amat terhad. Etnik yang beragama Islam belajar membaca al-Quran dan belajar menulis tulisan jawi di surau, pondok dan rumah guru agama.

Bahasa Melayu dan tulisan Jawi berkembang dengan pesat. Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu dan bahasa lingua franca dalam dunia perdagangan di Alam Melayu. Selain itu, bahasa Melayu membuktikan kemampuan menyampaikan ilmu agama dan ilmu pengetahuan yang tinggi.

Penulisan karya kesusasteraan juga berkembang. Hal ini membuktikan orang tempatan mempunyai ramai cendekiawan yang menghasilkan kitab dan karya kesusasteraan yang bermutu tinggi. Antaranya termasuklah *Tuhfat al-Nafis*, *Gurindam Dua Belas*, *Misa Melayu* dan *Hikayat Datuk Merpati Jepang*.



Antara karya agung
masyarakat Melayu.


Sebagai rakyat Malaysia, kita harus berbangga dengan kestabilan dan kemakmuran tanah air yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu. Kita harus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara kita. Kita haruslah bertanggungjawab mempertahankan identiti bangsa kita.

1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

Pengenalan

Pada tahun 1600, Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) ditubuhkan di England. Syarikat ini telah diberi hak monopoli dalam perdagangan rempah di Kepulauan Melayu oleh Kerajaan British. Pada tahun 1602, Syarikat Hindia Timur Belanda ditubuhkan. Syarikat ini diberi monopoli perdagangan di Timur. Pada tahun 1664, Perancis menubuhkan Syarikat Hindia Timur Perancis untuk berdagang di Asia.

Kestabilan dan kemakmuran negara kita menyebabkan kuasa-kuasa Barat berminat untuk memiliki kekayaan tersebut. Penjajahan Eropah ke luar benua melibatkan Portugis dan Sepanyol. Penjelajahan orang Portugis membawa mereka ke Asia. Mereka berjaya membina empayar perdagangan dan menguasai jalan perdagangan di Lautan Hindi. Orang Sepanyol menjadi saingan utama sebagai kuasa penjajah pada abad ke-16. Bahkan pada abad ke-16, Sepanyol menjadi kuasa ulung di Eropah kerana memiliki kekayaan hasil daripada beberapa buah koloninya. Abad ke-16 merupakan zaman kegemilangan Portugis dan Sepanyol. Pada abad ke-17 pula menyaksikan kebangkitan kuasa-kuasa Barat seperti Belanda, British dan Perancis sebagai kuasa penjajah untuk merebut kekayaan dan tanah jajahan di seberang laut. Alam Melayu menjadi sasaran utama kedatangan orang Eropah. Matlamat mereka adalah untuk mencari sumber rempah-ratus dan menguasainya.



Kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu.



Cerna Minda

Bagaimanakah Sepanyol boleh menjadi kuasa ulung?



Imperialisme Barat di Asia Tenggara.

Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-16

Barangan Mewah

- Kuasa-kuasa Barat pada ketika itu berminat untuk mendapatkan bahan seperti rempah-ratus, minyak wangi, emas, perak, batu permata, gading dan hasil hutan.
- Orang Eropah perlu mendapatkan barangan mewah dari China seperti teh, sutera dan tembikar.



Teh



Tembikar Dinasti Ming.
(Sumber: Muzium Seni Asia)



Kain sutera China.

Pusat Pengumpulan Barang

- Sebagai tukaran, negara China mahukan emas, perak, bijih timah dan rempah-ratus. Barang-barang ini boleh didapati di Kepulauan Melayu.
- Syarikat perdagangan tersebut memerlukan pusat pengumpulan bahan mentah tempatan yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di antara India dan China.

Pelabuhan Persinggahan

- Angin monsun barat daya dan angin monsun timur laut memainkan peranan penting bagi menentukan masa bagi setiap pelayaran.
- Kuasa Barat memerlukan pelabuhan yang sesuai sebagai tempat berlindung sementara menunggu peralihan angin monsun. Mereka memerlukan pelabuhan singgah di Alam Melayu untuk memudahkan kapal berlabuh, mengisi bekalan air, makanan dan kemudahan membaiki kapal sebelum belayar ke Canton.

Agama Kristian

- Agama merupakan antara faktor penting penjajahan kuasa Barat ke negara kita. Matlamat penjajahan mereka adalah untuk kekayaan, keagamaan dan kemasyhuran.




Spanyol dan Portugal merupakan dua buah negara Kristian Katolik yang menekankan usaha penyebaran agama Kristian di seberang laut.

(Sumber: Christine Rider, 2007. *Encyclopedia of the Age of the Industrial Revolution, 1700- 1920*, New York: Greenwood)

Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-17 dan Abad Ke-18

Revolusi Perindustrian

- Revolusi Perindustrian berlaku di Britain sejak abad ke-17.
- Menjelang tahun 1870-an, negara-negara Eropah lain seperti Jerman dan Perancis menjadi negara perindustrian seperti Britain.
- Selepas berlakunya Revolusi Perindustrian, dasar kuasa-kuasa Barat berubah corak. Mereka perlu mencari pusat perdagangan dan menguasai tanah jajahan yang dapat membekalkan bahan-bahan mentah bagi keperluan kilang perusahaan mereka secara berterusan.
- Revolusi Perindustrian membolehkan barangan dikeluarkan secara besar-besaran. Dengan kepesatan pengeluaran barangan kilang, kawasan pasaran yang lebih luas perlu dicari untuk memasarkan barang tersebut supaya keuntungan dapat dimaksimumkan.



Aktiviti di kilang semasa Revolusi Perindustrian.
(Sumber: Peter Furtado, 1993. *The New Century A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.)



Cerna Minda

Mengapakah dasar kuasa Barat berubah selepas Revolusi Perindustrian?

Ekspedisi
Barat



Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-19 dan Abad Ke-20

Perkembangan Industri Kereta

- Kemunculan perusahaan kereta dan ciptaan tayar menambahkan permintaan untuk getah asli.
- Selain itu, getah asli merupakan bahan yang penting dalam perusahaan penabit barangan elektrik.



Perkembangan industri kereta di Eropah menyebabkan permintaan getah melambung tinggi.

(Sumber: Peter Furtado, 1993. *The New Century A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.)

Kesuburan Tanah dan Kekayaan Hasil Bumi

- Negara kita mempunyai tanah yang luas, subur dan iklim yang sesuai untuk tanaman berorientasikan eksport. Contohnya, tanaman getah, tebu, tembakau dan padi.
- Negara kita juga kaya dengan hasil bumi seperti bijih timah, bijih besi, emas, petroleum dan arang batu.



Kesuburan tanah dan kekayaan hasil bumi di negara kita menarik kedatangan kuasa Barat.

(Sumber: Institut Penyelidikan Getah Malaysia)

Industri Mengetin

- Pada abad ke-19, terdapat beberapa jenis ciptaan baharu di Amerika Syarikat yang memerlukan penggunaan bijih timah, iaitu industri mengetin makanan, mengetin minuman, membuat bumbung rumah dan tong minyak.
- Kesannya, harga bijih timah melambung tinggi.
- Selepas tahun 1840, permintaan untuk bijih timah dari negeri-negeri Melayu bertambah dengan pesat.



Pekerja kilang tin di Amerika Syarikat.


(Sumber: Peter Furtado, 1993. *The New Century A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.)



Bagaimanakah negara kita menyumbang kepada Revolusi Perindustrian?

Pembukaan Terusan Suez


- Pembukaan Terusan Suez yang menghubungkan Pelabuhan Said di Laut Mediterranean dan Suez di Laut Merah telah mempercepat urusan perdagangan.
- Perdagangan di antara Alam Melayu dan benua Eropah semakin bertambah dengan pembukaan terusan ini.



(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)

Ciptaan Kapal Wap

- Pada abad ke-19, kapal wap dicipta.
- Penggunaan kapal wap penting kerana dapat membawa muatan yang banyak, perjalanannya lebih cepat dan menjimatkan kos.
- Penghantaran barang dagangan menjadi semakin mudah dan murah.



Pembinaan kapal berkuasa wap menggantikan kapal layar.
(Sumber: Peter Furtado, 1993. *The New Century A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.)



Tahukah Anda?


Terusan Suez dirancang dan dibina oleh Perancis yang diketuai oleh juruternya, Ferdinand de Lesseps. Terusan ini mula dibangunkan pada tahun 1859.



Bagaimanakah Terusan Suez dapat meningkatkan kegiatan perdagangan di Alam Melayu?

Persaingan Kuasa Barat

- Wujud semangat persaingan kuasa-kuasa Barat seperti Britain, Jerman, Perancis, Sepanyol dan Amerika Syarikat dalam kegiatan menakluki kawasan atau wilayah di luar Eropah.
- Mereka sanggup berperang untuk mendapatkan tanah jajahan. Kuasa-kuasa Barat menganggap semakin luas tanah jajahan, semakin tinggi sanjungan yang diperoleh kuasa-kuasa Barat itu.



Usaha memasang kabel telegraf di Lautan Atlantik menggunakan kapal.

(Sumber: Peter Furtado, 1993. *The New Century A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.)

Slogan “Beban Orang Putih”

- Kuasa Barat juga berhasrat untuk menyebarkan pengaruh dan tamadun mereka ke seberang laut.
- Mereka menggunakan berbagai-bagai slogan untuk mewajarkan tindakan mereka.
- Mereka berhujah bahawa peradaban mereka lebih tinggi berbanding dengan kebudayaan penduduk yang dijajah bagi merasionalkan penjajahan mereka.
- Kuasa Barat menggunakan slogan “Beban Orang Putih” yang bermaksud tanggungjawab mereka dan tugas mereka adalah untuk membantu dan memberikan kesejahteraan kepada peribumi di wilayah yang dijajah oleh mereka.
- Kuasa Perancis pula menggunakan muslihat “Tugas Menyebarkan Tamadun” kepada penduduk dunia bukan Barat yang dianggap mundur.



Perang Amerika Syarikat-Sepanyol di Filipina.
(Sumber: Gilbert Khoo, 1976. *Sejarah Asia Tenggara Sejak Tahun 1500*. Petaling Jaya: Fajar Bakti)

Ciptaan Telegraf

- Ciptaan teknologi telegraf membolehkan ahli perniagaan di benua Eropah dan Amerika Syarikat menghubungi ejen atau wakil mereka di Tanah Melayu dengan cepat.
- Penglibatan Tanah Melayu dalam kegiatan pasaran dunia antarabangsa semakin penting.



Cerna Minda


Nyatakan cara kuasa Barat menyebarkan tamadun mereka.

1.3

Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

Pengenalan

Kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba meluaskan kuasa ke seluruh pelusok dunia untuk memiliki tanah jajahan demi kepentingan ekonomi mereka. Sepanyol, Britain, Belanda, Perancis dan Rusia muncul sebagai empayar masing-masing. Kuasa Barat lain seperti Amerika Syarikat, Belgium, Jerman dan Itali turut menyertai perlumbaan mendapatkan tanah jajahan. Negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah kaya dengan bahan mentah dan kawasan pasaran. British bimbang dengan kemaraan kuasa-kuasa Barat ke wilayah tersebut.





Aktiviti (Cuba Buat)

Membina Model Kapal

Kapal merupakan wahana pengangkutan utama kegiatan perdagangan pada abad ke-15.

Arahan:


Murid membina model kapal seperti contoh yang diberikan. Kemudian, hasil binaan model tersebut dibentangkan di dalam kelas.

Bahan yang diperlukan:

- Botol air terpakai.
- Benang
- Kertas A4
- Pita pelekat
- Lidi
- Pisau



1. Tebuk lubang di tengah-tengah botol. Baki tebukan tersebut dijadikan alas di bahagian bawah botol.



2. Buat kerangka layar menggunakan lidi dan benang.



3. Dirikan kerangka layar.



4. Ambil kertas A4 dan lekatkan pada kerangka layar.



5. Dirikan layar di atas botol.


1.4 Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

Pengenalan

Kuasa-kuasa Barat menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita. Terdapat strategi yang berdiplomasi dan bersifat agresif. Misalnya, Portugis menggunakan strategi menyerang semasa menjatuhkan Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka. Belanda pula menggunakan strategi serangan fizikal, perjanjian dan pakatan kuasa Barat untuk mendapatkan wilayah atau jajahan. British menggunakan strategi yang lebih bersifat diplomasi berdasarkan isu dan faktor setempat.

Pada tahun 1873, Parti Konservatif mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan Britain daripada Parti Liberal. Kerajaan baharu ini menukarkan dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan British di negeri-negeri Melayu. Dasar campur tangan bermaksud British melibatkan diri secara langsung dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Pedagang Negeri-negeri Selat mendesak kerajaan British supaya campur tangan dan melindungi kepentingan pelaburan mereka.

Kerajaan British di London membuat keputusan untuk campur tangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu demi menjaga kepentingan ekonomi British. Andrew Clarke dihantar untuk menggantikan Gabenor Harry Ord. Beliau sengaja mencari alasan untuk memaksa pemerintah tempatan menerima naungan dan campur tangan British. Oleh itu, British menggunakan pelbagai strategi sekali gus meluaskan kuasanya di negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah.



Peta Eropah menunjukkan kedudukan kuasa Sepanyol, Portugal, Belanda, Perancis dan Britain.
(Sumber: *Singapore from Settlement to Nation Pre 1819 to 1971*, 2012. Singapura: Marshall Cavendish Education)

Strategi Kuasa Barat untuk Meluaskan Kuasa di Negara Kita

Selepas serangan Portugis, Belanda berusaha meluaskan kuasanya di negara kita. Antara strategi yang digunakan termasuklah serangan fizikal, pakatan dan perjanjian. British pula lebih licik, apabila menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita. Antaranya termasuklah serangan fizikal, pakatan, perjanjian, manipulasi, ugutan/desakan, tipu helah dan pajakan.

Strategi Belanda

Serangan fizikal

Pakatan

Perjanjian



Ilustrasi peristiwa menandatangani Perjanjian London 1824.

Strategi British

Manipulasi

Ugutan/Desakan

Tipu Helah

Perjanjian

Pakatan

Pajakan

Serangan fizikal



Strategi pajakan menyebabkan lama-kelamaan hak kita akan tergadai. Bincangkan.



Glosari

Manipulasi: tindakan mengatur sesuatu dengan cara bijaksana, mengambil kesempatan atas sesuatu perkara, sehingga dapat mencapai tujuan yang dikehendaki.

Ugutan/Desakan: menakut-nakutkan dengan menyatakan akan melakukan sesuatu tindakan yang tidak baik atau pernyataan yang mengugut untuk mengenakan sesuatu.

Tipu helah: mengenakan pengaruh, mempengaruhi, menggunakan tipu helah terhadap seseorang atau sesuatu pihak dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu.

Perjanjian: peristiwa seseorang atau pihak berjanji kepada seorang atau pihak lain atau dua orang atau dua pihak itu saling berjanji untuk melaksanakan suatu hal.

Pakatan: permuafakatan dan kerjasama antara dua pihak atau lebih dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Pajakan: kontrak (kuasa atau hak) yang membolehkan orang lain menggunakan atau menduduki tanah, bangunan dan sebagainya dalam tempoh masa dan dengan bayaran tertentu.

Serangan fizikal: melakukan tindakan menyerang, menyerang balas, menangkis serangan dan melancarkan serangan balas ke atas pihak lawan.

Strategi Belanda untuk Menguasai Negara Kita

Serangan Fizikal

- Belanda berperang dengan penduduk tempatan di Pulau Pangkor (1650) dan di Kuala Perak (1651) disebabkan oleh dasar monopoli bijih timah oleh Belanda.
- Pada tahun 1763, Belanda berperang dengan angkatan Selangor dan Rembau kerana bimbang penguasaan Selangor ke atas Selat Melaka.
- Pada tahun 1782, Belanda berperang dengan Johor disebabkan berlaku perselisihan mengenai perdagangan.
- Pada tahun 1784, sekali lagi Belanda berperang dengan angkatan Johor dan Selangor kerana masalah perebutan perairan Selat Melaka.
- Pada tahun 1784 dan 1785, Belanda berperang dengan angkatan Selangor di Kuala Selangor.

Strategi Belanda

Perjanjian

- Pada tahun 1650, Belanda mengadakan perjanjian dengan Perak untuk mendapatkan bijih timah.
- Pada tahun 1786, Belanda mengadakan perjanjian dengan Selangor.
- Sultan Ibrahim bersetuju menjual bijih timah kepada Belanda.

Pakatan

- Pada tahun 1641, Belanda mengadakan pakatan dengan Johor dan berjaya mengalahkan Portugis di Melaka.
- Belanda mengadakan pakatan dengan British dan bersetuju memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.



Bagaimanakah kuasa Barat dapat menguasai sesebuah negara melalui perjanjian?

Ilustrasi peristiwa menandatangani perjanjian antara Stamford Raffles dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada 6 Februari 1819.

Strategi British untuk Menguasai Negara Kita

Strategi British

Manipulasi

- British mendapatkan Singapura.
- Pada tahun 1871, berlaku perebutan takhta di Perak. British menggunakan peluang ini untuk campur tangan.
- Kejadian lanun merompak kapal dagang British di Selangor dan menyerang rumah api di Tanjung Rachado menjadi alasan untuk British campur tangan.
- Konflik antara dua pembesar di Sungai Ujong, Negeri Sembilan menyebabkan British mengambil kesempatan untuk campur tangan.

Tipu Helah

- British mendapatkan Pulau Pinang melalui tipu helah.
- Francis Light melakukan tipu helah kepada Sultan Kedah.

Pakatan

- British mendapatkan Melaka.
- Menyaksikan pakatan kuasa Barat, iaitu British dan Belanda memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.
- Melalui perjanjian ini, British berjaya mendapatkan Melaka, manakala Belanda memperoleh Bangkahulu.

Ugutan/Desakan

- British membuat ugutan/desakan agar sultan menerima Residen British di Selangor dan Pahang bagi menasihati pentadbiran negeri masing-masing.
- James Brooke mendesak Sultan Brunei dan menuntut diiktiraf sebagai Raja Sarawak.

Perjanjian

- British mendesak Sultan Perak, Sultan Selangor, Yamtuan Seri Menanti dan Sultan Pahang memeterai perjanjian menerima naungan British.
- Sultan Brunei bersetuju mengiktiraf James Brooke menjadi Raja Sarawak yang merdeka.

Pajakan

- Melalui pajakan dan pemberian piagam Syarikat British Utara Borneo, British meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah.

Serangan Fizikal

- Keengganan Penghulu Naning Dol Said tunduk kepada kekuasaan British di Melaka menyebabkan British menyerang Naning pada tahun 1831 dan 1832.
- British membedil Kuala Terengganu dan meminta Sultan Omar tidak mencampuri masalah perang saudara di Pahang serta masalah takhta Sultan Mahmud Lingga.



Penguasaan kuasa Barat ke atas negara kita dengan menggunakan pelbagai taktik dan strategi menyebabkan berlakunya perubahan besar-besaran dalam pelbagai aspek politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, kita sewajarnya mengambil iktibar daripada kerakusan kuasa Barat tersebut yang bersedia berbuat apa-apa sahaja demi mencapai matlamat penjajahan. Setiap rakyat haruslah bersatu padu, bermuafakat, bekerjasama memajukan ekonomi negara dan sentiasa bersiap siaga menangani ancaman negara demi mengekalkan kedaulatan negara kita.



Imbas Kembali

Kedatangan Kuasa Barat

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Kestabilan dan Kemakmuran Negara

- Kestabilan
- Kemakmuran

Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

- Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-16
- Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-17 dan Abad Ke-18
- Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-19 dan Abad Ke-20

Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

- Strategi Kuasa Barat untuk Meluaskan Kuasa di Negara Kita
- Strategi Belanda untuk Menguasai Negara Kita
- Strategi British untuk Menguasai Negara Kita

Bab ini telah menjelaskan bahawa kestabilan dan kemakmuran negara kita menarik kehadiran kuasa Barat. Pada asalnya kehadiran kuasa Barat adalah untuk tujuan perdagangan. Namun begitu, perkembangan yang berlaku di Eropah menyebabkan berlaku persaingan kuasa Barat untuk mendapatkan tanah jajahan. Kuasa Barat menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita. Bab seterusnya akan membincangkan tindakan licik Barat menceroob pentadbiran negara.



Aktiviti 1: Hentian Bas (*Bus Stop*)

Arahan:

- (i) Beberapa buah hentian diwujudkan di dalam kelas. Satu hentian satu soalan disediakan.
- (ii) Murid bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang soalan berkenaan.
- (iii) Murid berkongsi pendapat dan merekodkan komen serta maklumat yang diperolehi.

1. Murid mencari dua gambar yang menunjukkan pengangkutan utama kegiatan perdagangan pada abad ke-19 dan gambar pengangkutan utama kegiatan perdagangan pada abad ke-21 berdasarkan contoh di bawah.



Contoh pengangkutan kegiatan perdagangan pada masa dahulu.



Pengangkutan kegiatan perdagangan pada masa ini.

2. Gambar ini ditampal pada dinding kelas dengan dicerakinkan soalan yang berbeza-beza, iaitu:
 - (a) **Hentian Pertama**
Jelaskan pengangkutan utama yang digunakan untuk membawa barang dagangan pada abad ke-19 dan abad ke-21.
 - (b) **Hentian Kedua**
Jelaskan pengaruh perkembangan teknologi dalam industri perkapalan yang membantu perkembangan kegiatan perdagangan sejak abad ke-19 hingga kini.
 - (c) **Hentian Ketiga**
Jelaskan pengaruh perkembangan teknologi dalam industri pengangkutan yang membantu perkembangan kegiatan perdagangan sejak abad ke-19 hingga kini.
 - (d) **Hentian Keempat**
Apakah jenis pengangkutan pada masa hadapan yang akan digunakan dalam kegiatan perdagangan?
3. Bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang soalan yang diberikan.
4. Kongsi pendapat dengan rakan dan rekodkan ulasan serta maklumat yang diperolehi.



Aktiviti 2: Pengurusan Grafik (*Graphic Organiser*) dan Utusan (*Envoy*)

Arahan:

Setiap kumpulan diberikan tugas. Seorang utusan dipilih daripada setiap kumpulan untuk menerangkan hasil perbincangan kepada kumpulan baharu, di samping mendapatkan pandangan daripada ahli kumpulan tersebut. Utusan kembali kepada kumpulan asal dan menyatakan maklum balas daripada kumpulan tersebut.

Tajuk: Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

Murid diminta melakukan aktiviti yang berikut:

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber, murid mencari maklumat yang berikut:

Kumpulan Pertama

Faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-16.

Kumpulan Kedua

Faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-17 dan pada abad ke-18.

Kumpulan Ketiga

Faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-19 dan abad ke-20.

3. Maklumat yang diperolehi dipindahkan dalam lembaran pengurusan grafik seperti peta minda.

Kumpulan 1 Faktor Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-16
.....
.....
.....

Kumpulan 2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-17 dan Abad Ke-18
.....
.....
.....


Kumpulan 3 Faktor Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-19 dan Abad Ke-20
.....
.....
.....

4. Hasil tugas setiap kumpulan ditampalkan di tiga stesen berasingan di dalam kelas.
5. Seorang utusan dipilih daripada setiap kumpulan untuk menerangkan hasil perbincangan kepada kumpulan lain.
6. Utusan kembali semula kepada kumpulan asal dan menyatakan maklum balas yang diterima daripada kumpulan lain.




Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan peranan sultan dalam pentadbiran kerajaan Melayu?
 - I. Mengetuai pentadbiran negeri.
 - II. Menjadi lambang kedaulatan.
 - III. Mematuhi perlembagaan.
 - IV. Mengetuai peperangan.
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
2. Apakah tugas utama pembesar jajahan dan daerah?
 - A. Menasihati sultan dalam pentadbiran.
 - B. Mempertahankan kedaulatan negeri.
 - C. Mengendalikan pendidikan agama.
 - D. Melantik bakal pengganti sultan.
3. Rajah yang berikut berkaitan dengan tugas seorang pembesar dalam masyarakat Melayu.



X ialah

- A. Penghulu Bendahari
 - B. Ketua Hakim
 - C. Bendahara
 - D. Penghulu
4. Rajah yang berikut menunjukkan bentuk pendidikan masyarakat di negeri-negeri Melayu.



Apakah kepentingan pendidikan tersebut?

- A. Mengukuhkan ikatan keluarga.
- B. Melahirkan pahlawan bangsa.
- C. Menjadi tokoh berpengaruh.
- D. Melahirkan pekerti mulia.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Apakah tujuan kedatangan orang Eropah ke Alam Melayu pada abad ke-16?
- Mengaut keuntungan.
 - Menyebarkan ilmu pengetahuan.
 - Memajukan ekonomi penduduk tempatan.
 - Memperkenalkan sistem pemerintahan moden.
6. Apakah kesan perkembangan berikut terhadap Alam Melayu pada abad ke-19?

- Pembukaan Terusan Suez
- Penciptaan Kapal Wap

- Taraf hidup penduduk tempatan meningkat.
 - Pelaburan pemodal Eropah bertambah.
 - Pengenalan sistem pendidikan moden.
 - Industri tempatan berkembang pesat.
7. Jawab soalan yang berikut:
- Mengapakah negara kita menjadi sasaran kuasa-kuasa Barat hingga kini?
 - Jelaskan strategi yang digunakan oleh kuasa Barat untuk menguasai negara kita.
 - Sejauh manakah strategi yang digunakan oleh kuasa Barat untuk menguasai negara kita mencapai kejayaan?
 - Apakah kelebihan strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai Alam Melayu berbanding dengan strategi yang digunakan oleh Belanda?
8. Usaha menentang British oleh penduduk tempatan turut melibatkan penggunaan senjata moden.



Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- Nyatakan peralatan di atas.
- Apakah kegunaan peralatan di atas?
- Perkembangan teknologi mempengaruhi sistem pertahanan negara. Bincangkan.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Kita hendaklah sentiasa menghargai kestabilan dan kemakmuran negara yang kita miliki.
- Kestabilan dan kemakmuran negara merupakan hasil perjuangan masyarakat terdahulu yang harus dipertahankan demi kelangsungan generasi akan datang.
- Semangat juang dan pengorbanan mereka yang berjuang demi kelangsungan kestabilan dan kemakmuran negara hendaklah kita contohi.

Diri dan Keluarga

Kita hendaklah bersyukur kerana kestabilan dan kemakmuran negara membolehkan kita mengecap impian yang dicita-citakan.

Negara

Kestabilan dan kemakmuran membolehkan proses pembangunan dan pemodenan negara berjalan dengan jayanya.



Pemodenan negara akan dapat dijayakan dengan kestabilan dan kemakmuran ekonomi.

BAB 2

Pentadbiran Negeri-negeri Selat




Bangunan Mahkamah Agung Pulau Pinang (1910-an).

(Sumber: *Reminiscences of the Straits Settlement Through Postcards*, 2005. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia)



Info gambar
rangsangan.



Bendera Negeri-negeri Selat

(Sumber: <http://www.britishempire.co.uk/maproom/straitsettlemnts.html>. Dicapai pada 5 April 2018)



Sinopsis

Kedudukan strategik Pulau Pinang, Singapura dan Melaka mendorong British berusaha menguasai petempatan ini bagi memenuhi kepentingan British di Alam Melayu. British menggunakan strategi tipu helah, manipulasi politik dan mengadakan pakatan dengan kuasa Barat lain untuk menguasai petempatan tersebut. Pakatan British dan Belanda menyebabkan Alam Melayu dibahagikan kepada dua lingkungan pengaruh Barat. Pulau Pinang, Singapura dan Melaka kemudiannya digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat. Pentadbiran Barat yang diperkenalkan di Negeri-negeri Selat menandakan peluasan kuasa British di negara kita.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menjelaskan peluasan kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.
2. Menghubungkan Perjanjian London 1824 dan kesannya terhadap Alam Melayu.
3. Membincangkan pembentukan Negeri-negeri Selat.
4. Memperincikan corak pentadbiran Negeri-negeri Selat.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan sifat berwaspada dalam membuat keputusan.
2. Menghuraikan kepentingan pentadbiran yang sistematik dalam memajukan negara.
3. Menilai kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.
4. Membahaskan iktibar yang diperoleh daripada peristiwa campur tangan dan penjajahan Barat.



Bangunan Pejabat Awam, Melaka (1920-an).
(Sumber: *Reminiscences of the Straits Settlement Through Postcards*, 2005. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia)



Mahkamah Agung dan Bangunan Perbandaran Singapura (1930-an).
(Sumber: *Reminiscences of the Straits Settlement Through Postcards*, 2005. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi pembentukan Negeri-negeri Selat.
2. Meneroka bukti pengukuhan kuasa British melalui pembentukan Negeri-negeri Selat.
3. Membuat imaginasi kemakmuran Negeri-negeri Selat.
4. Membuat interpretasi terhadap perubahan pentadbiran Negeri-negeri Selat.
5. Membuat rasionalisasi mempertahankan kedudukan strategik Negeri-negeri Selat.

2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

Pengenalan

Pada abad ke-18, British menggalakkan ekspedisi ke Timur untuk meningkatkan kekayaan negara melalui perdagangan. Persaingan dengan kuasa Barat lain seperti Belanda dan Perancis menyebabkan British berusaha mendapatkan petempatan-petempatan baharu untuk menjamin kepentingan British di Timur. British menggunakan pelbagai strategi untuk menduduki Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Petempatan strategik ini penting bagi memenuhi keperluan perdagangan dan keselamatan British di Alam Melayu.

Latar Belakang Pulau Pinang, Singapura dan Melaka Sebelum Peluasan Kuasa British

Pulau Pinang

- Pulau Pinang merupakan wilayah Kesultanan Kedah dan menjadi tempat persinggahan pedagang-pedagang dari Lingga yang berdagang dengan Kedah.
- Pulau Pinang juga menjadi pelabuhan dagang bagi daerah serantau terutama dengan Aceh di Sumatera.
- Batu Uban merupakan pelabuhan paling awal dibuka di Pulau Pinang dan sering dikunjungi oleh pedagang-pedagang Arab.
- Petempatan Batu Uban dibuka oleh orang Melayu dari Sumatera pada tahun 1759. Sultan Kedah menganugerahkan kawasan tersebut sebagai membalas jasa orang Sumatera membantu Kesultanan Kedah menentang Siam.



Tahukah Anda?

“... telah ada masyarakat awal di Pulau Pinang jauh lebih awal sebelum kedatangan Francis Light pada tahun 1786. Namun, pembangunan yang pesat di Pulau Pinang telah memusnahkan banyak bukti penting arkeologi yang berkaitan dengan masyarakat awal berkenaan. Kajian terperinci di Muka Head perlu dijalankan untuk mendapatkan data yang lebih jelas tentang masyarakat awal Aceh di kawasan tersebut.”

(Sumber: Noriah Mohamed, et.al., 2006. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia)

Peta menunjukkan lokasi Batu Uban, iaitu pelabuhan paling awal di Pulau Pinang.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Murad Merican, 2015. *Batu Uban Sejarah Awal Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Singapura

- Singapura ialah wilayah Kesultanan Johor Riau yang meliputi Pahang, Johor dan gugusan kepulauan Riau Lingga sejak abad ke-16 hingga abad ke-19.
- Johor, Singapura dan Kepulauan Riau ditadbir oleh Temenggung Abdul Rahman yang tinggal di Singapura.
- Sewaktu pentadbiran Temenggung Abdul Rahman, ladang-ladang gambir diusahakan oleh orang Melayu dan Cina di Singapura.
- Pemerintah Kesultanan Johor Riau ialah Sultan Abdul Rahman yang bersemayam di Lingga dan mengadakan hubungan baik dengan Belanda.



Gambaran kota Melaka semasa zaman penjajahan Belanda.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, *Early Modern History (1800-1940)*, 2001. Singapura: Editions Didier Millet]



Cerna Minda

Siapakah yang mentadbir Pulau Pinang, Singapura dan Melaka sebelum peluasan kuasa British?



KPS

Bandingkan peranan Pulau Pinang dan Melaka sebelum peluasan kuasa British.

Peta menunjukkan wilayah pentadbiran Temenggung meliputi Johor, Singapura dan Kepulauan Riau.

(Sumber: Adaptasi daripada Abdul Rahim Ramli, 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia)

Melaka

- Kesultanan Melayu Melaka merupakan kerajaan Alam Melayu yang unggul pada abad ke-15.
- Pada tahun 1511, Kesultanan Melayu Melaka ditawan oleh Portugis.
- Pada tahun 1641-1824, Melaka menjadi tanah jajahan Belanda setelah Belanda mengalahkan Portugis dengan bantuan Kesultanan Johor Riau.
- Belanda menjadikan Melaka sebagai pusat pengumpulan hasil bijih timah dari negeri-negeri Melayu.
- Belanda mementingkan Betawi di Pulau Jawa sebagai pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang

Pada awal abad ke-18, British melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang bertapak di India berusaha mendapatkan petempatan baharu di Alam Melayu berikutan perkembangan pesat perdagangan dengan China. Pulau Pinang yang terletak di utara Selat Melaka mempunyai keistimewaan untuk memenuhi keperluan British di Alam Melayu.

Kedudukan Strategik Pulau Pinang Memenuhi Keperluan British

Kedudukan Pulau Pinang di pertengahan laluan perdagangan di antara Timur dan Barat dapat memenuhi keperluan perdagangan dan keselamatan British di Alam Melayu. Pulau Pinang sesuai dijadikan sebagai pusat pengumpulan barang, pelabuhan persinggahan dan pangkalan tentera.

Pusat Pengumpulan Barang

- British memerlukan barangan dari China terutama teh yang mendapat pasaran baik di Eropah.
- China tidak memerlukan barangan British, sebaliknya mahukan emas, perak, bijih timah dan rempah-ratus sebagai tukaran.
- British memerlukan pusat untuk mengumpulkan barangan tersebut yang boleh diperoleh di Alam Melayu untuk ditukarkan dengan teh dari China.

Pelabuhan Persinggahan

- British memerlukan pelabuhan persinggahan di laluan perdagangan di antara India dan China.
- Tempat membaiki kapal, mendapatkan bekalan makanan dan minuman serta berlindung sementara menunggu peralihan angin monsun.
- Memudahkan penjelajahan ke rantau Asia Pasifik.

Pangkalan Tentera

- Pangkalan tentera laut British yang terletak di pantai barat India, iaitu di Bombay sukar mengawal petempatan British di pantai timur India, iaitu di Madras.
- British memerlukan pangkalan tentera yang lebih strategik untuk mempertahankan petempatan di India daripada ancaman tentera Perancis dan menghadapi saingan Belanda di Alam Melayu.



KPS


Secara berkumpulan imajinasikan dan buat lakaran sebuah kapal dagang milik kuasa Barat.



Tahukah Anda?

Kepentingan British di Asia dan Pasifik:

- Pada abad ke-18, British kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan. Oleh itu, British berusaha mengukuhkan laluan perdagangan ke China dan berusaha meneroka petempatan di kawasan Asia Pasifik.
- Pada tahun 1770, British berjaya menduduki Australia. Melalui pendudukan di Pulau Pinang, British dapat mengukuhkan kedudukan mereka di Australia.
- Kedua-dua wilayah tersebut penting untuk mendapatkan kelebihan bersaing dengan kuasa Barat lain, terutama Perancis.



Peta menunjukkan laluan perdagangan British (SHTI) dengan China pada awal abad ke-19.

(Sumber: Adaptasi daripada Ruslan Zainuddin dan Fuziah Shafie, 2001. *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti)



Cerna Minda

Senaraikan barang dagangan yang diperlukan oleh China dari Alam Melayu.

Kronologi Pendudukan British di Pulau Pinang

Pada abad ke-18, Kesultanan Kedah tergugat kerana wujud persengketaan dalam negeri dan ancaman kuasa asing. Sultan Kedah berusaha mendapatkan bantuan ketenteraan daripada British untuk mempertahankan kedaulatan negeri. Namun begitu, pihak British mengambil kesempatan daripada masalah yang dihadapi oleh Kesultanan Kedah dengan melakukan tipu helah bagi menduduki Pulau Pinang.

Perebutan Takhta Kesultanan Kedah

- Krisis perebutan takhta berlaku apabila Sultan Muhammad Jiwa (1710-1778) melantik Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah. Kerabat Diraja Kedah yang tidak bersetuju dengan pelantikan tersebut telah berpakat dengan Bugis di Selangor untuk menentang Sultan Muhammad Jiwa.
- Sultan Muhammad Jiwa berusaha memohon bantuan ketenteraan daripada SHTI untuk mempertahankan kedaulatan negeri daripada serangan Bugis.
- SHTI menghantar Edward Monckton berunding dengan Sultan Muhammad Jiwa. Rundingan gagal apabila SHTI tidak memberikan jaminan akan melindungi Kedah daripada ancaman musuh.

Ancaman Siam

- Semasa pemerintahan Sultan Abdullah (1778-1798), Siam menuntut kembali penghantaran bunga emas daripada kerajaan Kedah yang terhenti semasa Perang Siam-Burma.
- Sultan Kedah berasa tergugat lalu memohon bantuan SHTI. Baginda menawarkan Pulau Pinang sebagai pangkalan kepada SHTI dengan syarat mendapatkan bantuan ketenteraan dan melindungi Kedah daripada ancaman Siam.
- Baginda meminta Francis Light, iaitu pedagang persendirian untuk menyampaikan syarat tersebut kepada Gabenor Jeneral British di India.

Tipu Helah Francis Light Menduduki Pulau Pinang

- Francis Light yang menyedari kedudukan strategik Pulau Pinang berjanji bahawa SHTI akan memenuhi syarat yang dipohon oleh baginda Sultan Kedah.
- Sultan Abdullah yang berpegang pada janji tersebut menawarkan Francis Light membuka petempatan di Pulau Pinang pada tahun 1786. Tawaran ini dibuat sementara menunggu jawapan daripada SHTI berhubung dengan syarat yang ditawarkan oleh baginda.
- Francis Light menamakan Pulau Pinang sebagai *Prince of Wales Island*. Petempatan mereka pula dinamakan Georgetown bersempena dengan nama Raja England.



Ilustrasi upacara menaikkan bendera *Union Jack* di Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Aktiviti Penulisan Pantas

Dalam tempoh lima minit, murid menyenaraikan iktibar yang diperoleh daripada peristiwa menaikkan bendera *Union Jack* di Pulau Pinang.

Pengukuhan Kuasa British di Pulau Pinang Melalui Perjanjian



Ilustrasi menunjukkan tentera Siam mengancam keselamatan Kedah.

- Pada tahun 1786, Siam menakluk Patani dan mengancam Kesultanan Kedah.
- Sultan Abdullah meminta bantuan ketenteraan SHTI seperti yang dijanjikan oleh Francis Light.
- SHTI enggan memberikan bantuan kerana tiada perjanjian ditandatangani dengan Sultan Kedah.

- Setelah menyedari tertipu dengan muslihat Francis Light, Sultan Abdullah menghimpunkan angkatan perang di Seberang Perai untuk mengambil semula Pulau Pinang.
- Angkatan perang Kesultanan Kedah dapat ditewaskan oleh Francis Light dengan bantuan tentera SHTI.
- Sultan Abdullah dipaksa menandatangani perjanjian dengan British pada tahun 1791.
- Perjanjian ini secara rasmi mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang.



Ilustrasi Perjanjian Persahabatan dan Keamanan British-Kedah pada 1 Mei 1791 di Alor Setar, Kedah.

- Pada tahun 1800, George Leith, Gabenor Pulau Pinang mendesak Sultan Kedah, Sultan Dhiauddin (1798-1804) menandatangani perjanjian dengan British.
- Perjanjian ini membolehkan British menduduki Seberang Perai. Pendudukan ini penting sebagai benteng pertahanan dan kawasan pertanian bagi membekalkan sumber makanan kepada penduduk di Pulau Pinang.



Seberang Perai kemudiannya dinamakan sebagai *Province of Wellesley*.

(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)

Pendudukan Francis Light di Pulau Pinang menandakan bermulanya kemasukan kuasa British ke negeri Melayu. Sejak itu, Pulau Pinang terpisah daripada Kesultanan Kedah dan mencipta identiti sebagai tanah jajahan British. Kesungguhan Kesultanan Kedah mempertahankan hak yang diambil tanpa restu wajar dihargai. Peristiwa ini memberikan iktibar kepada kita tentang kepentingan mengamalkan sifat berwaspada dalam membuat sebarang keputusan.



Cerna Minda

Nyatakan strategi yang digunakan oleh Francis Light untuk menduduki Pulau Pinang.

Peluasan Kuasa British di Singapura


Setelah menguasai Pulau Pinang, British berusaha meluaskan pengaruh ke wilayah lain di Alam Melayu. British dapat menduduki Melaka dan Betawi, iaitu tanah jajahan Belanda berikutan teretusnya Perang Napoleon di Eropah. Selepas Perang Napoleon tamat, British terpaksa memulangkan semula petempatan tersebut kepada Belanda. British menugaskan Stamford Raffles dan William Farquhar mencari pelabuhan baharu untuk memecahkan penguasaan Belanda di Alam Melayu, di samping berusaha menduduki Singapura.



Tahukah Anda?

Perang Napoleon (1793-1814)

- Belanda ditawan oleh Perancis.
- Raja Belanda berundur ke England dan menandatangani Surat Kew pada tahun 1795.
- Berdasarkan Surat Kew, Belanda menyerahkan tanah jajahannya secara sementara di Timur kepada British sehingga perang tamat.



Peta Eropah semasa Perang Napoleon.
(Sumber: Adaptasi daripada *Singapore from Settlement to Nation Pre 1819 to 1971*, 2012. Singapura: Marshall Cavendish Education)



Pada tahun 1804, Napoleon Bonaparte memiliki 350 000 anggota infantri yang membolehkan Perancis dapat menawan sebahagian besar kawasan Eropah.
(Sumber: *Great Armies*, 2012. New York: Parragon Book Ltd.)



Pulau Pinang terletak di utara Selat Melaka.

Bangkahulu berada di luar laluan utama perdagangan Alam Melayu.

Pangkalan British di Bangkahulu dibina pada tahun 1713.

(Sumber: John Bastin, 2014. *Raffles and Husting Private Exchanges Behind the Founding of Singapore*. Singapura: National Library Board)



Cerna Minda

Mengapakah Surat Kew ditandatangani?



Perang Napoleon di Eropah memberikan kesan terhadap perkembangan di Alam Melayu. Jelaskan kesan tersebut.

Kepentingan Singapura kepada British

Menjelang abad ke-19, perdagangan British di Alam Melayu semakin menguntungkan. Pelabuhan British, iaitu Pulau Pinang dan Bangkahulu tidak mampu menyaingi pelabuhan-pelabuhan Belanda di Alam Melayu.



Peta menunjukkan kedudukan Singapura dan pelabuhan lain di Alam Melayu.

- British memerlukan pelabuhan yang lebih strategik untuk bersaing dengan Belanda di Alam Melayu.
- Kedudukan Singapura di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu dapat mengawal kegiatan perdagangan Selat Melaka dan Selat Sunda.
- Singapura boleh memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan hasil-hasil ekonomi Alam Melayu.

Kebanyakan kapal dagang berlabuh di pelabuhan Betawi, Riau dan Lingga yang berada di bawah pengaruh Belanda.



Aktiviti Peta Pemikiran

Berdasarkan peta di sebelah, secara berkumpulan bincang dan buat justifikasi kepentingan Singapura sebagai pelabuhan yang menguntungkan di Alam Melayu. Bentangkan hasil perbincangan anda dalam bentuk peta pemikiran.

Pertapakan British di Singapura

Stamford Raffles dan William Farquhar tiba di Singapura pada bulan Januari 1819. Pihak British kemudiannya mengadakan perjanjian awal dengan pentadbir Singapura, iaitu Temenggung Abdul Rahman untuk membenarkan British mendirikan petempatan di Singapura. Temenggung Abdul Rahman menegaskan bahawa perjanjian tersebut perlu mendapat pengesahan daripada Sultan Abdul Rahman, iaitu pemerintah Kesultanan Johor Riau.

Stamford Raffles memanipulasikan isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau bagi mendapatkan pengesahan sultan setelah menyedari Sultan Abdul Rahman mempunyai hubungan baik dengan Belanda.



Diorama menggambarkan pertemuan Stamford Raffles dan William Farquhar dengan Temenggung Abdul Rahman pada Januari 1819.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Isu Pewarisan Takhta Kesultanan Johor Riau



- Sultan Mahmud Shah III mempunyai dua orang putera, iaitu Tengku Hussein, putera sulung dan Tengku Abdul Rahman, putera bongsu.



- Pada tahun 1812, Sultan Mahmud Shah III mangkat.
- Tengku Abdul Rahman hadir semasa pemakaman Almarhum Sultan di Lingga.



Tengku Hussein tidak hadir semasa Almarhum Sultan dimakamkan kerana berada di Pahang.



- Tengku Abdul Rahman ditabalkan sebagai Sultan Johor Riau.
- Mendapat pengiktirafan daripada orang Bugis dan Belanda.



- Tengku Hussein yang diketepikan telah berundur dan menetap di Riau.



Stamford Raffles
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Stamford Raffles mengambil peluang memujuk Temenggung Abdul Rahman menjemput Tengku Hussein ke Singapura. Kemudian, baginda diisytiharkan sebagai Sultan Johor Riau dengan gelaran Sultan Hussein Muhammad Shah.

Tindakan Stamford Raffles memanipulasikan isu pewarisan takhta menyebabkan Kesultanan Johor Riau mempunyai dua orang sultan.

Sultan Abdul Rahman bersemayam di Lingga.

Sultan Hussein bersemayam di Singapura.

Perjanjian Mengukuhkan Kuasa British di Singapura

British seterusnya mengukuhkan penguasaan ke atas Singapura melalui beberapa perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Perjanjian 6 Februari 1819

- Stamford Raffles menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Kesan Perjanjian

- Petempatan British di Singapura diiktiraf.
- British menaikkan bendera Union Jack di Singapura pada 13 Februari 1819.
- William Farquhar (1819-1823) dilantik sebagai Residen pertama Singapura.

Perjanjian 2 Ogos 1824

- Residen Singapura, John Crawfurd (1823-1826) menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Kesan Perjanjian

- Singapura diserahkan kepada British untuk selama-lamanya.
- Sultan dan Temenggung hilang kedaulatan ke atas Singapura.
- Sebagai ganti, Sultan dan Temenggung diberikan bayaran pampasan dan pencen bulanan seumur hidup.



Apakah kepentingan cap mohor dalam perjanjian 6 Februari 1819?



Aktiviti Kedai Kopi

Petikan sebahagian syarat Perjanjian 6 Februari 1819

PERKARA YANG KEEMPAT. Maka Datuk Temenggung ada perjanjian selama-lamanya yang kompeni Inggeris boleh duduk dan pelihara seperti janji ini tiada ia boleh masuk bicara atau lepas masuk di dalam daerahnya pada segala bangsa yang lain daripada bangsa Inggeris.

PERKARA YANG KELIMA. Maka apabila datang Seri Sultan yang di jalan sampai di sini boleh habiskan segala perkara-perkara hal perjanjian ini dan tetapi baiklah kompeni Inggeris boleh pilih satu tempat mahu dinaikkan bala tenteranya dengan alat perkakasnya dan menaikkan bendera Kompeni Inggeris maka dari itu diturunkan tandatangan dan cap kedua kita di dalam kertas ini tatkala diperbuat surat ini kepada empat hari bulan Rabiul Akhir 1233 H.

Cap dan tandatangan

(Sumber: *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad)

Halaman akhir perjanjian 6 Februari 1819.

(Sumber: *Singapore from Settlement to the Nation*, 2012. Singapura: Marshall Cavendish Education)



Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja. Guru meletakkan tajuk di tengah-tengah meja tersebut “Singapura Jatuh ke Tangan British Melalui Perjanjian”. Secara berkumpulan murid akan membincangkan tajuk ini.

Melalui perjanjian tersebut, British dapat menguasai Singapura, kawasan laut, selat dan pulau kecil sekitarnya, kecuali kawasan kediaman Sultan dan Temenggung.

Peluasan Kuasa British di Melaka

Melaka merupakan pelabuhan strategik di Selat Melaka yang berjaya dikuasai oleh British selepas kejayaan menduduki Pulau Pinang dan Singapura. British dapat menguasai Melaka melalui strategi pakatan dengan Belanda.

Faktor Pakatan British-Belanda

Pakatan British dan Belanda berlaku berdasarkan perkembangan yang berlaku di Alam Melayu dan di Eropah. Faktor yang membawa kepada pakatan antara dua kuasa Eropah adalah untuk menamatkan pertikaian di Alam Melayu, mengukuhkan persahabatan di Eropah dan penyelesaian untuk perdamaian.

1 Menamatkan Pertikaian British dan Belanda Berkaitan Singapura

Pendudukan British di Singapura menimbulkan pertikaian dan menyebabkan hubungan antara British dengan Belanda di Alam Melayu semakin tegang.

British

- Berjaya memajukan Singapura dalam tempoh yang singkat.
- Bertekad mempertahankan kedudukan di Singapura.
- Yakin Singapura menjadi pelabuhan bebas dan pangkalan tentera yang penting di Alam Melayu.

Pertikaian antara British dengan Belanda



Belanda

- Mendakwa Singapura berada di bawah lingkungan pengaruhnya.
- Menuntut British berundur dari Singapura.
- Bimbang kemajuan Singapura menjejaskan perdagangan di Betawi, pelabuhan utama Belanda di Alam Melayu.

2 Dasar Persahabatan British dan Belanda di Eropah

- Persahabatan di Eropah penting kerana kedudukan Belanda berdekatan dengan Britain.
- British mengambil pengalaman semasa Perang Napoleon, Perancis menjadikan Belanda sebagai pangkalan menyerang Britain pada tahun 1795.
- Belanda perlu berbaik-baik dengan British yang menjaga jajahan Belanda di timur semasa Perang Napoleon.

3 Penyelesaian untuk Perdamaian

- Belanda dan British mahu mengelakkan peperangan yang pernah berlaku pada abad ke-17 dan ke-18.
- Belanda tidak mahu terbeban dengan masalah kewangan yang semakin lemah selepas Perang Napoleon.
- Oleh itu, penyelesaian mesti dilakukan melalui rundingan ke arah perdamaian.



Glosari

Lingkungan pengaruh: kawasan atau wilayah yang berada di bawah pentadbiran dan penguasaan sesuatu pihak.



Cerna Minda

Mengapakah Belanda berbaik-baik dengan British?

Kesan Pakatan British dan Belanda

- Pakatan British dan Belanda menyebabkan termeterainya Perjanjian London 1824 atau Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.
- Perjanjian ini bertujuan menamatkan pertikaian dan hubungan tegang antara dua kuasa Eropah tersebut demi menjaga kepentingan masing-masing di Alam Melayu.
- Melalui perjanjian ini juga, British dapat menguasai Melaka apabila berlaku pertukaran wilayah antara British dengan Belanda.

Pelbagai strategi digunakan oleh British untuk meluaskan kuasa di Alam Melayu. Strategi tipu muslihat, manipulasi politik dan pakatan dengan kuasa Barat lain dilaksanakan oleh British untuk menguasai Pulau Pinang, Singapura dan Melaka yang merupakan petempatan strategik di Selat Melaka. British berjaya meluaskan “Tanah Jajahan Mahkota British”. Peristiwa ini memberikan iktibar kepada kita agar sentiasa berwaspada terhadap anasir asing yang boleh menggugat kedaulatan negara.



Glosari

Tanah Jajahan Mahkota British: tanah jajahan yang diperintah oleh Gabenor yang dilantik oleh pemerintahan beraja British.



Tahukah Anda?

Perjanjian London dan Peluasan Kuasa British di Naning

- Naning ialah sebuah daerah yang terletak di antara Rembau dan Melaka.
- British yang menguasai Melaka melalui Perjanjian London 1824 menganggap Naning adalah sebahagian daripada Melaka.
- British menetapkan segala peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di Melaka turut dikenakan terhadap Naning.



Tahukah Anda?

Perang British-Belanda

Pertama	1652–1654
Kedua	1665–1667
Ketiga	1672–1674
Keempat	1781–1784

Perjanjian London 1824

- **Tarikh:** 17 Mac 1824
- **Tempat:** London, England
- **Pihak terlibat:** British dan Belanda
- **Kandungan perjanjian:**
 - wilayah pengaruh
 - kewangan
 - perdagangan

Perjanjian
London
1824



Aktiviti Peta Pemikiran

Secara berkumpulan, kumpul maklumat berkaitan Tanah Jajahan Mahkota British. Bentangkan dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai.



Bahaskan impak daripada peluasan pengaruh British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.



(Sumber: Adaptasi daripada Muzium Negeri Sembilan)

2.2

Perjanjian London 1824 dan Kesannya Terhadap Alam Melayu

Pengenalan

Persaingan kuasa-kuasa Barat di Alam Melayu membawa kepada perancangan British dan Belanda untuk membuat pembahagian kawasan pengaruh masing-masing. Perancangan ini terhasil melalui Perjanjian London 1824 yang ditandatangani oleh British dan Belanda. Kandungan perjanjian tersebut yang merangkumi butiran tentang wilayah pengaruh, perdagangan dan kewangan memberikan kesan penting terhadap Alam Melayu.

Kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu

Perjanjian London 1824 dibuat tanpa merujuk Raja-raja Melayu sebagai pemerintah kerajaan Alam Melayu. Perjanjian ini memberikan kesan kepada kerajaan Alam Melayu yang kekal hingga hari ini. Alam Melayu terbahagi kepada dua lingkungan pengaruh Barat, perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau dan penguasaan Selat Melaka oleh British.

1 Pembahagian Alam Melayu kepada Dua Lingkungan Pengaruh Barat

- Selat Melaka dan Selat Singapura dijadikan sempadan yang memisahkan wilayah pengaruh British dan wilayah pengaruh Belanda di Alam Melayu.
- British dan Belanda hanya mengutamakan kepentingan mereka terjamin dan meminggirkan kedaulatan kerajaan-kerajaan Alam Melayu.
- Mewujudkan entiti geopolitik baharu yang dikenali sebagai Tanah Melayu di bawah pengaruh British.
- Wilayah pengaruh Belanda dikenali sebagai Hindia Timur Belanda.



Peta menunjukkan pembahagian kawasan pengaruh British dan Belanda berdasarkan Perjanjian London 1824.

Antara Syarat Perjanjian London 1824

British:

- Berundur dari Sumatera.
- Menyerahkan Bangkahulu kepada Belanda.
- Tidak membuka petempatan baharu di Kepulauan Riau Lingga dan kepulauan lain di selatan Singapura.

Belanda:

- Mengiktiraf petempatan British di Singapura.
- Menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada British.
- Tidak membuka petempatan baharu di Tanah Melayu.



Tahukah Anda?

Selat Singapura terletak di sebelah timur Selat Melaka dan sebelah barat Laut China Selatan. Singapura terletak di sebelah utara, manakala Kepulauan Riau di sebelah selatan.



KPS

Berdasarkan maklumat di dalam peta, buat garis pemisah yang menunjukkan pembahagian Alam Melayu kepada dua lingkungan pengaruh Barat berdasarkan syarat Perjanjian London.

Perpecahan Empayar Kesultanan Johor Riau

Pembahagian kawasan pengaruh British dan Belanda dalam Perjanjian London 1824 sekali gus menamatkan keunggulan empayar Kesultanan Johor Riau yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka. Pemerintahan wilayah kekuasaan Kesultanan Johor Riau yang luas meliputi Johor, Pahang, Singapura dan Kepulauan Riau Lingga telah berpecah belah.

(a) Singapura Menjadi Tanah Jajahan British

- Johor dan Singapura diperintah oleh Sultan Hussein Muhammad Shah dan Temenggung Abdul Rahman berada di bawah pengaruh British.
- Pada Ogos 1824, Sultan dan Temenggung didesak menandatangani perjanjian menyerahkan Singapura kepada British.
- Sultan Hussein Muhammad Shah meninggalkan tempat persemayamannya di Kampung Gelam, Singapura dan berpindah ke Banda Hilir Melaka. Baginda mangkat pada tahun 1835 dan dimakamkan di Melaka.
- Pemerintah Johor kemudiannya memindahkan pusat pemerintahan Johor ke Johor Bahru.



Istana Sultan Hussein Muhammad Shah, di Kampung Gelam, Singapura. Kini, istana tersebut dikenali sebagai Pusat Warisan Melayu

(Sumber: Ahmad Dahlan, 2017. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

(b) Berakhir Kesultanan Riau Lingga

- Kepulauan Riau Lingga diperintah oleh Sultan Abdul Rahman dan berada di bawah pengaruh Belanda.
- Pada tahun 1911, institusi Kesultanan Riau Lingga dihapuskan oleh Belanda.
- Wilayah Riau Lingga kemudiannya diperintah secara langsung oleh Belanda melalui Residen Riau.



Makam Sultan Hussein Muhammad Shah di kawasan Masjid Tengker, Melaka.

(Sumber: Ahmad Dahlan, 2017. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah II (1883-1911), pewaris takhta kerajaan Riau Lingga telah diturunkan takhta oleh Belanda pada tahun 1911.

(Sumber: Ahmad Dahlan, 2017. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

(c) Pengisytiharan Kedaulatan Pahang


- Perpecahan Kesultanan Johor Riau berlaku apabila Bendahara Tun Ali di Pahang cuba membebaskan Pahang daripada Kesultanan Johor Riau berikutan pengukuhan kuasa Barat di Singapura dan Johor serta pergolakan di Riau Lingga.
- Pada tahun 1853, dengan muafakat pembesar Pahang, Bendahara mengisytiharkan Pahang sebagai negeri yang bebas dan berdaulat.



- Perjanjian London 1824 membelakangkan Raja-raja Melayu dan pembesar tempatan dibuktikan melalui sepucuk surat yang ditulis oleh Bendahara Tun Ali kepada Sultan Riau Lingga, Sultan Mahmud Muzaffar Shah IV (1841-1857).
- Surat tersebut menyatakan bahawa Perjanjian London 1824 berada di luar pengetahuan Bendahara Tun Ali.
- Sultan Mahmud Muzaffar Shah IV teramat murka dengan perjanjian tersebut apabila diketahui oleh baginda.

Surat Bendahara Tun Ali kepada Sultan Mahmud yang ditulis pada tahun 1855.

(Sumber: Suzana Hj. Othman, 2007. *Perang Bendahara Pahang 1857-63, Pensejarahan Semula Menelusuri Peranan British*. Shah Alam: Karisma Publication)



3

Selat Melaka di bawah Penguasaan British

- Perdagangan di Selat Melaka dikuasai sepenuhnya oleh British kerana memiliki tiga pelabuhan strategik, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.
- Pengunduran Belanda dari Tanah Melayu membuka peluang kepada British untuk meluaskan kuasa ke negeri-negeri Melayu.

Perjanjian London 1824 memaparkan pakatan kuasa Barat dalam menangani persaingan di Alam Melayu. British dan Belanda bertindak sewenang-wenangnya tanpa melibatkan Raja-raja Melayu dengan membahagi-bahagikan wilayah Kesultanan Melayu yang berdaulat. Perjanjian tersebut merintis pembahagian Alam Melayu menjadi dua buah entiti yang berasingan dan menjadi asas kepada sempadan Malaysia dan Indonesia masa ini. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada kita tentang kepentingan mempertahankan kedaulatan negara daripada pencerobohan kuasa asing.



Analisis perubahan yang berlaku di Alam Melayu selepas Perjanjian London 1824.

2.3 Pembentukan Negeri-negeri Selat

Pengenalan

Negeri-negeri Selat merupakan unit pentadbiran yang dibentuk oleh British untuk mengukuhkan penguasaan terhadap Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Negeri-negeri Selat dibentuk pada tahun 1826 dan dibubarkan pada tahun 1946.

Latar Belakang Pulau Pinang, Singapura dan Melaka Sebelum Pembentukan Negeri-negeri Selat

Sebelum pembentukan Negeri-negeri Selat, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka mempunyai pentadbiran yang tersendiri.

Pulau Pinang (1786-1826)

- Peringkat awal, ditadbir oleh Francis Light sebagai Pesuruhjaya yang bertanggungjawab kepada Gabenor Jeneral British di India.
- Pada tahun 1787, memperoleh status pelabuhan bebas dan menguasai perdagangan dengan negeri-negeri Melayu.
- Perdagangan dikuasai oleh pedagang persendirian.
- Pada tahun 1805, dinaik taraf menjadi Presidensi keempat selepas Benggala, Madras dan Bombay di India.
- Seorang gabenor dilantik sebagai ketua pentadbir Pulau Pinang.

Singapura (1819-1826)

- Ditadbir oleh Residen yang bertanggungjawab kepada Leftenan Gabenor British di Bangkahulu, Sumatera.
- Pada tahun 1823, diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas.
- Menjadi pusat pertemuan pedagang persendirian mengumpulkan hasil Alam Melayu untuk diperdagangkan dengan China.

Melaka (1824-1826)

- Melaka ditadbir oleh Residen Konsular.
- Sistem Kapitan diteruskan bagi mewujudkan keamanan dalam komuniti kaum.
- Suku-suku kaum diletakkan di bawah seorang ketua kaum yang berperanan sebagai penegak undang-undang.
- Bagi masyarakat luar bandar, tanggungjawab tersebut diserahkan kepada penghulu.



Glosari

Pelabuhan bebas: pelabuhan yang terbuka kepada pedagang asing dan tempatan dengan barangan yang dibawa masuk bebas daripada cukai.



Tahukah Anda?


- Pedagang persendirian juga dikenali sebagai pedagang negeri (*country trader*).
- Kegiatan perdagangan kumpulan ini adalah di antara India, Alam Melayu dan China.
- Mereka merupakan bekas pedagang SHTI yang menjayakan matlamat peluasan kuasa British.

Negeri-negeri Selat 1826

Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dinamakan Negeri-negeri Selat. Penggabungan ini bertujuan menjimatkan perbelanjaan dan menyeragamkan pentadbiran.

Kepentingan Pembentukan Negeri-negeri Selat kepada British

- British dapat menguasai keseluruhan Selat Melaka sebagai laluan utama perdagangan di Alam Melayu.
- Taraf pelabuhan bebas Negeri-negeri Selat berjaya menarik kedatangan pedagang tempatan dan kapal-kapal dagang dari Alam Melayu serta pedagang luar dari Alam Melayu seperti Arab, India, China, Eropah dan Amerika.
- Negeri-negeri Selat menjadi pusat pengumpulan hasil-hasil dari Alam Melayu terutama bijih timah untuk mengimbangi perdagangan British dengan China serta menyaingi pelabuhan-pelabuhan Belanda di Alam Melayu.
- Negeri-negeri Selat menjadi pintu masuk bagi buruh luar untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi British. Hal ini juga menyebabkan kewujudan masyarakat berbilang kaum di Negeri-negeri Selat.
- Penanaman modal oleh pelabur luar menyebabkan perkembangan Negeri-negeri Selat berlaku dengan pantas.



Peta Negeri-negeri Selat.

(Sumber: Adaptasi daripada *Malaysia Kita*, 1991. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara)

Hubungan Negeri-negeri Selat dengan Negeri-negeri Melayu

Negeri-negeri Selat

Memerlukan hasil ekonomi negeri-negeri Melayu untuk memajukan perdagangan.

Melabur modal memajukan perlombongan bijih timah di negeri Melayu.

Negeri-negeri Melayu

Memerlukan pelabuhan Negeri-negeri Selat untuk memperdagangkan hasil ekonomi.

Pembentukan Negeri-negeri Selat membolehkan British menguasai laluan perdagangan di antara India dan China, mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negeri-negeri Melayu serta menyaingi penguasaan Belanda di Alam Melayu.



Tahukah Anda?

Petempatan British lain yang diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat:

- Dinding (1874) - diserahkan kembali kepada Perak pada tahun 1935.
- Pulau Cocos (Keeling) (1886) - dipindahkan dari Ceylon (Sri Lanka).
- Labuan (1887) - digabungkan dengan Borneo Utara pada tahun 1890.
- Pulau Krismas (1900) - Pulau Cocos (Keeling) dan Pulau Krismas diserahkan kepada Australia pada tahun 1931.

(Sumber: Tun Salleh Abas, 2015. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

2.4 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

Pengenalan

Negeri-negeri Selat mengalami perubahan pentadbiran sejak pembentukannya pada tahun 1826. Pada peringkat awal, Negeri-negeri Selat ditadbir oleh kerajaan British di India. Pada tahun 1867, pentadbiran Negeri-negeri Selat dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan London.

Negeri-negeri Selat di bawah Kerajaan British di India (1826-1867)

Pentadbiran Negeri-negeri Selat pada mulanya diletakkan di bawah Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di India. Selepas SHTI dibubarkan, pentadbiran Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah *India Office* (Pejabat India).

Negeri-negeri Selat di bawah SHTI (1826-1857)

- Negeri-negeri Selat diketuai oleh Gabenor.
- Residen Konsular dilantik membantu Gabenor menjalankan pentadbiran.
- Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran pertama.
- Pada tahun 1832, pusat pentadbiran dipindahkan ke Singapura kerana lebih strategik dan maju berbanding dengan Pulau Pinang.

Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat India (1858-1867)

- Undang-undang British dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat.
- Pemberontakan yang berlaku di India menyebabkan Pejabat India tidak mampu mentadbir Negeri-negeri Selat dengan baik.
- Pejabat India tidak memberikan perhatian yang sewajarnya bagi melindungi pedagang Negeri-negeri Selat.
- Menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pedagang Negeri-negeri Selat.




Tahukah Anda?

- *India Office* (Pejabat India) dibentuk pada tahun 1858 untuk mengawasi pentadbiran British India yang meliputi wilayah India, Pakistan, Bangladesh, Burma dan wilayah-wilayah lain di sekitar Lautan Hindi.
- Jabatan ini diketuai oleh Setiausaha Negara untuk India.



Cerna Minda

Mengapakah Pejabat India tidak mampu mentadbir Negeri-negeri Selat dengan baik?



Struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat (1826-1867).

Bangunan ibu pejabat Negeri-negeri Selat di Pulau Pinang, bangunan tersebut kemudiannya dijadikan Mahkamah Agung pada tahun 1905.

(Sumber: *Reminiscences of the Straits Settlements Through Postcard*, 2005. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Singapura)




Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat Tanah Jajahan (1867-1946)

Golongan pedagang dan penduduk tempatan yang tidak berpuas hati dengan pentadbiran *India Office* (Pejabat India) telah mendesak Pejabat Tanah Jajahan di London mengambil alih pentadbiran Negeri-negeri Selat.

Faktor Pemindahan Pentadbiran Negeri-negeri Selat ke Pejabat Tanah Jajahan London

- Tiada wakil Negeri-negeri Selat dalam Majlis Perundangan di India yang meluluskan undang-undang bagi Negeri-negeri Selat.
- Pejabat India gagal mengawal masalah rompakan terhadap kapal dagang dan pertelingkahan kumpulan Cina di Negeri-negeri Selat.
- Pejabat India mahu menjadikan mata wang rupee India sebagai mata wang Negeri-negeri Selat menggantikan mata wang Dolar Sepanyol yang telah lama digunakan.
- Cadangan Pejabat India mengenakan cukai pelabuhan di Negeri-negeri Selat boleh menjejaskan kemakmuran taraf pelabuhan bebas.
- Pejabat India menjadikan Negeri-negeri Selat tempat buangan banduan menjejaskan imej Negeri-negeri Selat sebagai pusat perdagangan.

Pada 1 April 1867, Negeri-negeri Selat diisytiharkan sebagai tanah jajahan British dan diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Tanah Jajahan di London. Seterusnya, Majlis Perundangan ditubuhkan di Negeri-negeri Selat untuk meluluskan undang-undang sendiri.



Struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat Tanah Jajahan di London.

Mohammad Eunus Abdullah yang mendapat pendidikan Inggeris di Raffles Institutions, Singapura merupakan orang Melayu pertama dilantik menganggotai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]



Tahukah Anda?

Pejabat Tanah Jajahan ialah jabatan kerajaan Britain yang ditubuhkan untuk mengurus hal ehwal tanah jajahan British. Jabatan ini diketuai oleh Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan.



Pembentukan dan pentadbiran Negeri-negeri Selat merupakan penerusan peluasan kuasa British di negara kita. Pelbagai strategi digunakan oleh British untuk menduduki Pulau Pinang, Singapura dan Melaka yang strategik untuk menjamin kepentingan politik dan ekonomi di Alam Melayu. Peristiwa ini memberikan iktibar kepada kita kepentingan mempertahankan keistimewaan yang ada di negara kita daripada dieksploitasi oleh orang asing. Selain itu, pentadbiran yang sistematik dan urus tadbir yang baik penting bagi melindungi kepentingan negara kita.



Imbas Kembali

Pentadbiran Negeri-negeri Selat

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:



Peta menunjukkan pembahagian kawasan pengaruh British dan Belanda berdasarkan Perjanjian London 1824.



Bendera Negeri-negeri Selat

Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

- Latar Belakang Pulau Pinang, Singapura dan Melaka Sebelum Peluasan Kuasa British
- Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang
- Peluasan Kuasa British di Singapura
- Peluasan Kuasa British di Melaka

Perjanjian London 1824 dan Kesannya Terhadap Alam Melayu

- Kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu

Pembentukan Negeri-negeri Selat

- Latar Belakang Pulau Pinang, Singapura dan Melaka Sebelum Pembentukan Negeri-negeri Selat
- Negeri-negeri Selat 1826
- Hubungan Negeri-negeri Selat dengan Negeri-negeri Melayu

Pentadbiran Negeri-negeri Selat

- Negeri-negeri Selat di bawah Kerajaan British di India (1826-1867)
- Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat Tanah Jajahan (1867-1946)

Bab ini telah memerihalkan peluasan kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. British memerlukan pelabuhan yang strategik di Alam Melayu, khususnya untuk mengumpulkan hasil-hasil ekonomi dari Alam Melayu. Selain itu, British ingin menyekat penguasaan Belanda di Alam Melayu. British telah menggunakan pelbagai strategi termasuklah tipu helah, manipulasi dan mengadakan pakatan dengan kuasa Barat lain untuk menguasai negara kita. British menggabungkan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat. Demi menjaga kepentingan Negeri-negeri Selat, British kemudiannya telah campur tangan di negeri-negeri Melayu yang lain yang akan dipelajari dalam bab seterusnya.



PAK-21

Aktiviti 1: Saya Lihat, Saya Fikir, Saya Bertanya (I See, I Think, I Wonder)

Arahan:

- (i) Senaraikan apa-apa yang dilihat.
- (ii) Fikirkan apa-apa yang dilihat dan kaitkan dengan perkara lain.
- (iii) Bertanyakan soalan yang relevan.

Gambar yang berikut menunjukkan keunikan warisan di salah satu Negeri-negeri Selat.



Rumah ibadat dibina berdekatan di Melaka sejak abad ke-17 dan ke-18. Kini, jalan tersebut dikenali sebagai Jalan Harmoni.

(Sumber: *Reminiscences of the Straits Settlement Through Postcards*, 2005. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia)

Secara berkumpulan, bincang dan lakukan aktiviti yang berikut:

1. Ceritakan apakah yang anda lihat dalam gambar di atas?
2. Bincangkan keunikan warisan Negeri-negeri Selat tersebut.
3. Mengapakah jalan di kawasan tersebut dinamakan Jalan Harmoni?
4. Hasilkan brosur berkaitan langkah-langkah untuk mengekalkan keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara kita.
5. Bentangkan hasil dapatan di dalam kelas.



Artikel berkaitan Jalan Harmoni, Melaka.

(Sumber: <http://tourismmelakaofficial.blogspot.my/2016/07/jalan-harmoni.html>. Dicapai pada 15 April 2018)



Teks penuh makalah berkaitan Jalan Harmoni.




PAK - 21

Aktiviti 2: Kumpulan Pelangi (*Rainbow Groups*)

Arahan:

- (i) Murid berada dalam kumpulan. Tentukan tajuk yang berbeza-beza bagi setiap kumpulan.
- (ii) Selepas berbincang, bina kumpulan baharu yang terdiri daripada ahli kumpulan asal.
- (iii) Murid akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir-gilir.

Maklumat yang berikut adalah berkaitan pengiktirafan yang diterima oleh Bandaraya Melaka dan Pulau Pinang.



Melaka dan George Town, Bandar Bersejarah di Selat Melaka

Negara kita berjaya menyenaraikan dua tapak warisan dunia di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organisation* - UNESCO) melalui bandar Melaka dan Georgetown. Pengiktirafan yang diterima oleh kedua-dua bandar raya tersebut diperolehi pada 7 Julai 2008 pada persidangan Jawatankuasa Warisan Dunia ke-32 yang berlangsung di Quebec City, Kanada. Kejayaan kedua-dua bandar tersebut yang disenaraikan bersama-sama sebagai Bandar Sejarah Selat Melaka merupakan kebanggaan bagi Malaysia. (Sumber: *Warisan Negara*, 2013. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara)

Berdasarkan maklumat pengiktirafan di atas dan merujuk pelbagai sumber, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan mencari maklumat yang berikut:

Kumpulan 1

Keistimewaan /keunikan Bandaraya George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kumpulan 2

Keistimewaan/keunikan Bandaraya Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kumpulan 3

Cadangan tapak lain yang berpotensi sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.
Berikan hujah.

3. Selepas berbincang, bina kumpulan baharu yang terdiri daripada tiga ahli kumpulan asal.
4. Ahli kumpulan akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal masing-masing kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir-gilir.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Dialog berikut mungkin diucapkan oleh pegawai British pada abad ke-18.

Pegawai British A: Hubungan perdagangan kita dengan negara China menggalakkan, tetapi kita memerlukan emas, perak, bijih timah, rempah-ratus dan lada hitam untuk ditukarkan dengan teh.

Pegawai British B: Masalah ini mesti diselesaikan untuk kepentingan perdagangan kita dengan negara China.


Bagaimanakah British menyelesaikan masalah tersebut?

- A. Menaungi Johor.
 - B. Menguasai Melaka.
 - C. Menjajahi Bangkahulu.
 - D. Menduduki Pulau Pinang.
2. Peristiwa berikut berkaitan dengan perjanjian antara British dengan Sultan Kedah.

Tahun	Peristiwa
1786	Sultan Abdullah menawarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang.

Mengapakah Sultan Abdullah bertindak demikian?

- A. Mengatasi masalah kewangan.
 - B. Menghapuskan ancaman lanun.
 - C. Memajukan bidang perdagangan.
 - D. Mendapatkan bantuan ketenteraan
3. Rajah yang berikut menunjukkan faktor-faktor Stamford Raffles menduduki Singapura.



Apakah X?

- A. Mengeksploitasi hasil bumi.
- B. Menyekat kemaraan Perancis.
- C. Mewujudkan pusat pengumpulan barang.
- D. Menyaingi pelabuhan Belanda di Betawi.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

4. Maklumat yang berikut menerangkan tindakan Pejabat India terhadap Negeri-negeri Selat.

Tindakan Pejabat India

- Mengabaikan kebajikan pedagang.
- Memperkenalkan mata wang rupee India.
- Menghapuskan taraf pelabuhan bebas Singapura.

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

- Sistem Residen diperkenal.
 - Ibu negeri ditukarkan ke Singapura.
 - Pentadbiran dipindahkan ke London.
 - Syarikat Hindia Timur Inggeris dibubarkan.
5. Situasi yang berikut menggambarkan ketegangan hubungan antara British dengan Belanda di Alam Melayu pada tahun 1824.



- Apakah nama pulau yang dimaksudkan dalam pertikaian di atas?
- Mengapakah tempat tersebut menjadi rebutan?
- Bagaimanakah ketegangan hubungan tersebut diselesaikan?
- Apakah kesan ketegangan hubungan tersebut terhadap Alam Melayu?
- Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada peristiwa di atas.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pembentukan Negeri-negeri Selat memberikan pengajaran yang penting tentang kepentingan perancangan strategi dan fikiran strategik dalam melaksanakan sesuatu tugas.
- Dalam mempertahankan negara daripada serangan musuh dalam pelbagai bentuk, kita perlu sentiasa cakna dengan perancangan strategik kuasa asing.
- Perancangan strategik mendepani musuh negara hanya mampu dicapai dengan sikap kerjasama dan permuafakatan sesama warganegara.

Diri dan Keluarga

Kita hendaklah bijak dalam menyusun strategi mencapai cita-cita masa hadapan.

Negara

Dalam era dunia tanpa sempadan, pihak musuh sentiasa mencari idea untuk mencero boh negara. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan tindakan musuh yang secara sembunyi-sembunyi cuba menggugat kedaulatan negara kita.



Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) merupakan kawasan kawalan keselamatan yang meliputi 1400 km kawasan pantai timur Sabah bermula dari Kudat sehingga Tawau.

(Sumber: Pejabat Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah, Jabatan Perdana Menteri)

BAB 3

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu



Carcosa Seri Negara, Kuala Lumpur. Bangunan ini pernah menjadi kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British semasa pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1904.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)



Carcosa Seri Negara dan Bangunan Sultan Abdul Samad.



Sinopsis

Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang kaya dengan hasil bumi terutamanya bijih timah. Kekayaan hasil bumi mendorong British menggunakan pelbagai strategi untuk meluaskan kuasa ke atas negeri-negeri ini. British seterusnya mengukuhkan kuasa dengan membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang meletakkan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang di bawah satu unit pentadbiran bercorak persekutuan.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menjelaskan kekayaan hasil bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
2. Mengklasifikasikan peluasan kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
3. Menghuraikan pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
4. Membahaskan pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menerangkan sikap kesediaan menerima perubahan yang membawa kebaikan.
2. Menjelaskan kepentingan sikap berwaspada terhadap anasir luar.
3. Menilai keberkesanan pentadbiran yang sistematik untuk kemajuan negara.
4. Mewajarkan kepentingan berilmu dalam pembangunan negara.



Bangunan Sultan Abdul Samad pada tahun 1906.

[Sumber: Wendy Khadijah Moore, 2004. *Malaysia, A Pictorial History 1400-2004*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, Arkib Negara Malaysia dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad]



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu.
2. Meneroka bukti kekayaan hasil bumi negeri-negeri Melayu.
3. Membuat imaginasi kemakmuran negeri-negeri Melayu.
4. Membuat interpretasi pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
5. Membuat rasionalisasi perubahan pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

3.1

Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

Pengenalan

Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang kaya dengan hasil bumi seperti bijih timah dan emas. Kekayaan hasil bumi ini ditadbir urus dengan baik sehingga menjadikan negeri tersebut makmur. Kekayaan dan kemakmuran negeri-negeri Melayu ini telah menarik minat kuasa Aceh, Belanda dan British untuk menguasai negeri tersebut.

Kekayaan Bijih Timah

Bijih timah merupakan barangan dagangan yang penting di negeri-negeri Melayu sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Para pedagang dari seluruh Alam Melayu datang ke pelabuhan Melaka untuk mendapatkan bijih timah.

Perlombongan Bijih Timah Abad Ke-15



Kaedah tradisional melombong bijih timah, iaitu melampau.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

“Che Long Jaafar telah membuka sebuah daripada jajahan negeri Perak yang dinamakan Larut dan segala sungai-sungai telah dijadikan lombong bijih timah. Segala pekerjaan itu telah dibuatnya dengan usaha dan belanjanya sendiri. Oleh itu, dengan sukacita beta menyerahkan jajahan Larut kepadanya dan anak cucunya bolehlah menerima jajahan itu seperti hak miliknya.”

Antara kandungan surat kuasa bertarikh 28 Februari 1850 pengurniaan daerah Larut kepada Long Jaafar daripada Paduka Seri Sultan Sahabudin Riayat Syah. (Sumber: Mohd Zamberi Abdul Malek, 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia)

Perlombongan Bijih Timah Abad Ke-16 hingga Abad Ke-17

Lokasi Perlombongan

- Perak terkenal dengan hasil bijih timah sejak zaman Kesultanan Perak.
- Perlombongan tertumpu di sepanjang Sungai Perak dan anak sungai di daerah sekitar Kuala Kangsar dan Kelian Intan.
- Pada tahun 1616, bijih timah mula dilombong di Manjung dan Beruas.
- Perak merupakan pelabuhan utama yang menghasilkan bijih timah dan sering dikunjungi pedagang, terutamanya Portugis.
- Kekayaan dan kemakmuran Perak menyebabkan Aceh meletakkan Perak sebagai negeri naungannya pada abad ke-16 hingga abad ke-17.
- Perak menggunakan bijih timah sebagai bahan bernilai untuk mendapatkan perlindungan Portugis di Melaka bagi membebaskan Perak daripada naungan Aceh.

Perlombongan Bijih Timah Abad Ke-18

Perak

- Pada pertengahan abad ke-18, bijih timah dikeluarkan oleh pelombong-pelombong kecil Melayu di kawasan Larut seperti Kerian, Kurau, Larut, Terong dan Beruas.
- Sultan Perak, Paduka Seri Sultan Muzaffar Shah memeterai perjanjian menjual bijih timah dengan Belanda di Melaka.
- Menjelang akhir abad ke-18, pengeluaran bijih timah Perak merosot akibat aktiviti penyeludupan bijih timah kepada pedagang British di Pulau Pinang melalui Sungai Kurau.

Selangor

- Kekayaan bijih timah di Kuala Sungai Selangor menarik ramai pedagang luar ke Kuala Selangor.
- Pada tahun 1790, Sultan Ibrahim dan Belanda menandatangani perjanjian penjualan hasil timah antara Selangor dengan Belanda.



Peta menunjukkan kawasan di sepanjang Sungai Perak.

(Sumber: Adaptasi daripada Muhammad Yusuff Hashim, "Masyarakat Perak pada Abad Ke-18: Interpretasi Historis Daripada Misa Melayu" dlm. *Jurnal Sejarah*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 2/1993)



Kota Belanda di Pulau Pangkor, Perak. Kota ini dibina pada tahun 1670 sebagai gedung menyimpan bijih timah yang diperolehi di Perak. (Sumber: Dennis De Witt, 2007. *History of the Dutch in Malaysia*, Petaling Jaya: Nutmeg Publishing)



Tahukah Anda?

Kekayaan negeri-negeri Melayu abad ke-18 diakui oleh pedagang persendirian. Surat Francis Light kepada Gabenor Jeneral British di India pada 7 Januari 1789 memerihalkan bahawa Perak menghasilkan 5000 pikul bijih timah setiap tahun dan mempunyai kontrak perdagangan dengan Belanda di Melaka.

[Sumber: Sivachandralingam Sundara Raja, 2011. "Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) dalam Penulisan Sejarah Malaysia. Dalam Mohammad Redzuan Othman (ed.)" dlm. *Jendela Masa, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya]

Perlombongan Bijih Timah Abad Ke-19

Kekayaan bijih timah mencapai tahap penting pada abad ke-19. Perkembangan perlombongan bijih timah melalui beberapa fasa yang melibatkan pelombong-pelombong Cina menjadikan Perak, Selangor dan Negeri Sembilan sebagai pengeluar bijih timah utama dunia.

Larut

- Perlombongan bijih timah di Perak mencapai tahap penting pada tahun 1840-an, hasil penemuan bijih timah di Larut.
- Pembesar Melayu Long Jaafar dan anaknya Ngah Ibrahim telah memajukan perlombongan bijih timah di Klian Pauh dan Klian Baru dengan membawa masuk pelombong Cina.
- Ngah Ibrahim menjadikan Kuala Sepetang sebagai pelabuhan untuk mengangkut bijih timah dari Perak ke Pulau Pinang.

Lembah Kinta

- Pada akhir abad ke-19, Lembah Kinta muncul sebagai pengeluar utama bijih timah dunia.
- Perkembangan kegiatan perlombongan bijih timah menyebabkan kemunculan bandar Gopeng, Ipoh, Batu Gajah dan Kampar.
- Pada tahun 1870-an, Sultan Ismail mengusaha dan memajukan kawasan perlombongan baharu di Lembah Kinta yang menyebabkan kemunculan bandar Papan dan Pangkalan Peguh.



Peta menunjukkan kawasan perlombongan bijih timah di Perak pada abad ke-19.

(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)



Tahukah Anda?



Gambaran pelukis tentang gajah semasa penemuan bijih timah di Larut, Perak.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Antara versi penemuan bijih timah di Larut, Perak pada abad ke-19.

Gajah milik Long Jaafar bernama Si Larut terlepas ke dalam hutan. Apabila ditemukan semula, didapati kaki gajah tersebut terlekat lumpur hitam bercampur bijih. Menyedari kepentingan bahan tersebut, Long Jaafar mengikut jejak gajah tersebut dan menemukan tempat gajah mendapat lumpur hitam tersebut. Tempat ini dibangunkan oleh Long Jaafar dalam aktiviti perlombongan bijih timah.

(Sumber: Mohd. Zamberi A. Malek, 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia)

Jugra

- Sultan Abdul Samad (1857-1898) menjadikan Jugra di daerah Langat sebagai pusat pentadbiran Kesultanan Selangor.
- Jugra memainkan peranan penting sebelum pusat pentadbiran kerajaan berpindah ke Klang.
- Jugra menjadi pusat pengutipan cukai bijih timah yang dibawa keluar melalui Sungai Langat untuk dibawa ke pelabuhan Melaka.

Kuala Lumpur

- Menjelang tahun 1860, Kuala Lumpur menjadi pusat pengeluaran bijih timah yang penting di Selangor.
- Bijih timah berjaya dilombong di Ampang. Kuala sungai yang menjadi pertemuan di antara Sungai Klang dan Sungai Lumpur dijadikan pangkalan untuk mengangkut bijih timah.
- Kejayaan tersebut mendorong ramai orang Melayu dan Cina mendirikan petempatan di situ yang membentuk bandar Kuala Lumpur.

Lukut

- Lukut merupakan wilayah Kesultanan Selangor. Perlombongan bijih timah di Lukut mula diusahakan oleh Raja Busu dengan membawa masuk pelombong Cina.
- Pada tahun 1830-an, selepas kemangkatan Raja Busu, Raja Jumaat berjaya menjadikan Lukut sebagai pusat perdagangan bijih timah yang terkenal.
- Pada tahun 1880, Lukut diserahkan kepada daerah Sungai Ujong, Negeri Sembilan melalui rundingan antara Sultan Selangor bersama-sama pemerintah Sungai Ujong.
- Kajang, Semenyih dan Beranang yang sebelumnya di dalam kawasan Sungai Ujong menjadi sebahagian daripada wilayah Kesultanan Selangor.

Nama Kuala Lumpur diambil daripada nama Sungai Lumpur. Namun begitu, nama sungai tersebut ditukarkan kepada Sungai Gombak pada tahun 1875.

Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

(Sumber: <http://www.astroawani.com> dan www.bharian.com.my. Dicapai pada 22 Februari 2018)



Peta menunjukkan kawasan perlombongan bijih timah di Selangor pada abad ke-19.

(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)



Aktiviti TMK

Tokoh yang terlibat dalam pembangunan Kuala Lumpur:

- Raja Abdullah bin Raja Jaafar
- Sutan Puasa
- Abdullah Hukum
- Yap Ah Loy


1. Secara berkumpulan, kumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber Internet berkenaan sumbangan dan peranan tokoh-tokoh di atas dalam perkembangan dan pembangunan Kuala Lumpur.
2. Bentang dapatan kajian anda.



Kekayaan Hasil Emas

Perlombongan emas di negeri-negeri Melayu bertumpu di kawasan jalur emas yang sebahagian besarnya terdiri daripada negeri Pahang. Jalur emas Pahang meliputi kawasan perlombongan yang terdapat di Raub dengan berkeluasan 14,000 batu persegi.

Mengikut rekod negara China, emas telah menjadi eksport utama Pahang sejak abad ke-13. Menurut catatan Portugis pula, pada abad ke-16 emas yang dihasilkan di negeri Pahang diperdagangkan di Melaka. Sultan Pahang juga menggunakan emas sebagai hadiah kepada negeri-negeri lain.



Antara kegunaan emas dalam masyarakat Melayu termasuklah dijadikan barangan perhiasan. Pening emas bertatah batu permata biasanya dipakai oleh kerabat diraja semasa upacara istiadat kebesaran diraja.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Peta menunjukkan kawasan perlombongan emas di negeri-negeri Melayu.

(Sumber: Adaptasi daripada Sivachandralingam Sundara Raja, Sejarah Perlombongan Emas di Pahang: dengan Rujukan Khas Syarikat Lombong Emas Australia Raub, 1892-1960, dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 29-2001)



Glosari

Konsesi: hak atau keizinan yang diberikan oleh pemerintah untuk menggunakan sesuatu kawasan bagi tujuan melombong.



Tahukah Anda?

Berdasarkan sumber dari negara India, Semenanjung Tanah Melayu dikenali sebagai Suvarnabhumi yang bermaksud Bumi Emas.

Manakala dalam catatan Yunani, Claudius Ptolemy, ahli Geografi Yunani yang menulis pada abad kedua Masihi menamakan Semenanjung Tanah Melayu sebagai Golden Khersonese yang bermaksud Semenanjung Emas.

(Sumber: Paul Wheatley, 1973. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya)





Tahukah Anda?

Perkataan “raub” dalam bahasa Melayu bermakna genggam. Pusat perlombongan emas dinamakan Raub selepas pelombong-pelombong menjumpai seraub emas pada setiap dulang pasir.

Lokasi Perlombongan Emas di Pahang

- Perlombongan emas telah dilakukan di Hulu Pahang, iaitu di sekitar Sungai Tembeling, Sungai Jelai dan Sungai Semantan.
- Kawasan-kawasan penting perlombongan emas ialah Raub, Tui, Tersang, Selinsing, Penjom, Kechau dan Hulu Dong.



Peta menunjukkan kawasan perlombongan emas dan bijih timah yang diusahakan pada abad ke-19. [Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Kegiatan Perlombongan Emas di Pahang		
<p>Abad Ke-16 dan Ke-17</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dijalankan oleh orang Melayu, orang Asli dan orang Minangkabau. • Menggunakan kaedah mendulang dan melampan. 	<p>Abad Ke-18</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekayaan emas menarik kehadiran orang Cina dari Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan. • Menggunakan kaedah melampan. 	<p>Abad Ke-19</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sultan Ahmad memberikan konsesi kepada orang Eropah untuk memajukan kegiatan perlombongan di Pahang. • Pelombong Eropah menggunakan kaedah lombong dedah dan lombong bawah tanah.

Kita sewajarnya bersyukur dan menghargai negara kita kerana dikurniakan dengan pelbagai kekayaan hasil bumi. Kita seharusnya memanfaatkan kekayaan hasil bumi tersebut untuk kesejahteraan hidup masyarakat dan kemakmuran negara.



Aktiviti TMK

Dengan menggunakan pelbagai sumber, secara berkumpulan cari maklumat tentang pengeluaran dan kegiatan perdagangan komoditi utama negara berasaskan hasil perlombongan. Bentangkan hasil dapatan di hadapan kelas.

Pengenalan

Perubahan yang berlaku di Eropah terutama perkembangan perindustrian menyebabkan British memerlukan bahan mentah yang mencukupi untuk menjamin pengeluaran hasil industri di Eropah. Kemakmuran negeri-negeri Melayu yang kaya dengan bijih timah mendorong British berusaha meluaskan kuasa ke Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Strategi British Meluaskan Kuasa di Negeri-negeri Melayu

Pelbagai strategi digunakan oleh British untuk meluaskan kuasa di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Demi mencapai matlamat peluasan kuasa, British melaksanakan taktik manipulasi, desakan dan ugutan serta mengadakan perjanjian dengan pemerintah tempatan untuk meletakkan negeri Melayu tersebut di bawah pengaruh British.

1. Strategi Manipulasi

Suasana yang tidak stabil dan kekacauan yang berlaku di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan membuka peluang kepada British untuk melaksanakan strategi manipulasi di negeri Melayu tersebut. British memberikan bantuan kepada pihak yang berkepentingan untuk membolehkan British meluaskan pengaruhnya di negeri Melayu tersebut.

Manipulasi British di Perak

British memperoleh peluang untuk menguasai Perak apabila berlaku Perang Larut dan perebutan takhta Kesultanan Perak dalam kalangan kerabat diraja Perak. Gabenor Negeri-negeri Selat, Andrew Clarke mengambil peluang daripada kedua-dua peristiwa tersebut untuk campur tangan dan bertindak sebagai orang tengah menamatkan kekacauan di Perak. Alasan British adalah untuk menyelamatkan rakyat Perak daripada keadaan kucar-kacir.

(i) Perang Larut 1861-1874

- Pemerintah Larut, Tengku Menteri Ngah Ibrahim membawa masuk ramai pelombong Cina memajukan perlombongan bijih timah di Larut.
- Pergaduhan pelombong Cina antara kumpulan Ghee Hin dengan Hai San untuk mempertahankan hak dan kepentingan masing-masing menyebabkan tercetusnya Perang Larut.
- Pergaduhan yang berpanjangan di Larut menjejaskan perdagangan bijih timah di Negeri-negeri Selat.
- Golongan pelabur Eropah dan pedagang Negeri-negeri Selat meminta British campur tangan untuk melindungi pelaburan mereka dalam perlombongan bijih timah.



Bandar Taiping pada tahun 1870-an.
(Sumber: Mohd Zamberi A. Malek, 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia)



Tahukah Anda?

Selepas Perang Larut tamat, nama Klian Pauh ditukarkan kepada nama Taiping yang bermaksud “kedamaian yang abadi”.

[Sumber: Khoo Kay Kim, “Taiping (Larut): The Early History of A Mining Settlement” dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. 64, No. 1, 1991]

(ii) Perebutan Takhta Kesultanan Perak

Perak mengamalkan sistem penggiliran dalam pewarisan takhta Kesultanan Perak yang diasaskan pada awal tahun 1820-an. Mengikut sistem ini, bakal raja perlu melalui tiga jawatan, iaitu Raja Di Hilir, Raja Bendahara dan Raja Muda, sebelum berhak ditabalkan sebagai Sultan. Pada akhir abad ke-19, berlaku krisis dalam kalangan kerabat diraja Perak berkaitan sistem pewarisan takhta dalam Kesultanan Perak.



Peta Perak menunjukkan kawasan kekuasaan kerabat diraja dan pembesar yang terlibat dalam perebutan takhta Kesultanan Perak.

(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)

Pertabalan Sultan Ismail

- Selepas kemangkatan Sultan Ali, Raja Ismail, iaitu Raja Bendahara dilantik sebagai Sultan.
- Mendapat sokongan pembesar Hulu Perak termasuk Ngah Ibrahim, Menteri Larut.



Istana Sultan Ismail, di Belanja, Hulu Perak. (Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Bantahan Raja Yusuf

Raja Yusuf, iaitu Raja Di Hilir menuntut haknya sebagai Sultan setelah sekian lama diketepikan.



Raja Yusuf
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Tuntutan Raja Abdullah

- Raja Abdullah, iaitu Raja Muda tidak ditabalkan sebagai sultan kerana tidak hadir ke upacara pemakaman Sultan Ali walaupun dijemput.
- Menuntut kembali haknya sebagai sultan akibat masalah kewangan dan desakan golongan pelabur Eropah dan Cina.
- Mendapat sokongan pembesar di Hilir Perak seperti Dato' Maharaja Lela.

Kekacauan di Perak membuka ruang kepada British untuk melakukan manipulasi politik. Andrew Clarke, iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat menyokong Raja Abdullah dan menyatakan kesediaan British untuk membantu mengesahkan Raja Abdullah sebagai Sultan Perak dan menamatkan persengketaan pelombong Cina di Larut demi mewujudkan keamanan di Perak.



Cerna Minda

Senaraikan pihak yang terlibat dalam kekacauan di Perak.



Sistem Pewarisan Takhta Kesultanan Perak

Manipulasi British di Selangor

Sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Samad (1857-1898), teretus pertelingkahan dalam kalangan kerabat diraja Selangor yang menyebabkan berlakunya Perang Klang. British turut campur tangan dalam pertelingkahan tersebut untuk meluaskan pengaruh di Selangor.



Peta Negeri Selangor menunjukkan daerah Klang yang kaya dengan bijih timah pada abad ke-19.


Pihak yang Terlibat dalam Perang Klang (1866-1874)

Raja Abdullah bin Raja Jaafar

- Memperoleh hak mentadbir daerah Klang daripada Sultan Abdul Samad.
- Berjaya memajukan daerah Klang sebagai pusat pengeluaran bijih timah dengan pembukaan lombong di sekitar Ampang dan Kuala Lumpur.
- Mendapat sokongan kumpulan Hai San.

Raja Mahadi bin Raja Sulaiman

- Putera Raja Sulaiman yang mentadbir Klang sebelum diserahkan kepada Raja Abdullah.
- Kemajuan perlombongan bijih timah di daerah Klang mendorong Raja Mahadi menuntut hak ke atas daerah tersebut yang pernah diletakkan di bawah kekuasaan ayahandanya.
- Mendapat sokongan kumpulan Ghee Hin.



Gambaran pelukis menunjukkan Raja Mahadi bersedia untuk menyerang Raja Abdullah dan gedungnya di Klang pada tahun 1868.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gedung Raja Abdullah merupakan pusat pengumpulan bijih timah di Lembah Klang.



Kota Raja Mahadi di Klang. Kota ini siap dibina pada tahun 1866 dan digunakan sebagai benteng pertahanan semasa Perang Klang.



Tunku Dhiauddin atau dikenali sebagai Tunku Kudin dilantik sebagai wakil Sultan Selangor untuk menamatkan Perang Klang.

Kekacauan di Selangor memberikan peluang kepada British melaksanakan manipulasi politik. British memihak kepada Raja dan pembesar Melayu yang boleh membawa keuntungan dari segi ekonomi terutama perdagangan bijih timah. Oleh sebab itu, British memberikan bantuan ketenteraan kepada Tunku Kudin untuk menamatkan Perang Klang. Melalui bantuan tersebut, British mengharapkan Sultan Selangor sedia menerima perlindungan British bagi mewujudkan kestabilan di Selangor.

Manipulasi British di Sungai Ujong, Negeri Sembilan

British berpeluang melakukan manipulasi politik di Negeri Sembilan apabila berlaku perbalahan pembesar Melayu di daerah Sungai Ujong yang kaya dengan bijih timah.

Kepentingan Sungai Linggi

- Sungai Linggi merupakan laluan penting yang menghubungkan daerah Sungai Ujong dengan kawasan sekitarnya.
- Penguasaan ke atas Sungai Linggi membolehkan pembesar mendapat hak memungut cukai terhadap pedagang yang membawa keluar bijih timah melalui sungai tersebut untuk dibawa ke pelabuhan Melaka.



Tahukah Anda?

Sungai Ujong kini dikenali sebagai Seremban.



Kuala Linggi, pintu gerbang keluar masuk perdagangan kawasan pedalaman seperti Sungai Ujong dan Rembau ke Melaka.

(Sumber: Norhalim Haji Ibrahim, 1998. *Sejarah Linggi Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti)



Peta menunjukkan kedudukan Sungai Linggi dalam daerah Sungai Ujong.

Persaingan Pembesar Memungut Cukai di Sungai Linggi

Dato' Kelana, Dato' Syahbandar dan Dato' Muda Linggi saling bersaing untuk mengawal pungutan cukai di Sungai Linggi.



Ilustrasi benteng yang didirikan di sepanjang Sungai Linggi oleh pembesar yang bersaing memungut cukai hasil bijih timah dari daerah Sungai Ujong.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Namun begitu, persengketaan Dato' Kelana dan Dato' Syahbandar dimanipulasi oleh British. Melalui bantuan ketenteraan kepada Dato' Kelana untuk mengalahkan Dato' Syahbandar, British memperoleh hak memungut cukai di Sungai Linggi.



Dato' Kelana Syed Abdul Rahman, pemerintah Sungai Ujong.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Perbalahan pembesar di daerah Sungai Ujong dan persaingan untuk menguasai Sungai Linggi menjejaskan kegiatan perdagangan di Negeri-negeri Selat. Manipulasi British dalam konflik ini berjaya meletakkan daerah Sungai Ujong yang kaya dengan bijih timah di bawah kekuasaan British.

2. Desakan dan Paksaan kepada Raja-raja Melayu Menerima Perlindungan British

British turut menggunakan strategi mengugut dan mendesak pemerintah tempatan untuk menerima perlindungan British.

Desakan British di Selangor

Anda telah mempelajari tindakan campur tangan British sewaktu berlaku kekacauan di Selangor. Walaupun British memberikan bantuan ketenteraan untuk menamatkan kekacauan di Selangor, namun British tidak berjaya memujuk Sultan Abdul Samad menerima perlindungan British. British terus mencari alasan untuk meletakkan Selangor di bawah pengaruhnya bagi menguasai kekayaan bijih timah di Selangor.



Gambaran pelukis menunjukkan kapal perang British membedil kubu Raja Mahadi di Kuala Selangor.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

British mendapat alasan untuk mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan British apabila berlaku peristiwa yang menggugat aktiviti perdagangan British di perairan Selangor.

Rompakan Kapal Dagang British

Pada tahun 1873, kapal dagang British dalam pelayaran dari Pulau Pinang ke Melaka dirompak berdekatan perairan Kuala Langat.



Ilustrasi kapal dagang British dirompak di perairan Kuala Langat.

Serangan Rumah Api

Pada tahun 1874, berlaku serangan terhadap rumah api di Tanjung Rachado.



Rumah api di Tanjung Rachado yang kini dikenali sebagai Tanjung Tuan, Negeri Sembilan.

Peristiwa tersebut digunakan oleh British untuk mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan British dengan alasan Sultan gagal mengawal dan mewujudkan keselamatan perairan Selangor untuk kegiatan perdagangan.

Desakan dan Paksaan British di Pahang

British tidak mempunyai ruang melakukan manipulasi dan memaksa Sultan Pahang menerima perlindungan British. Hal ini demikian kerana di Pahang tidak berlaku kekacauan dalam kalangan kumpulan pelombong Cina yang boleh dijadikan alasan oleh British untuk campur tangan. Tambahan pula, Sultan Ahmad amat berhati-hati dalam rundingan dengan pihak British yang berusaha memujuk baginda menerima perlindungan British. Pada tahun 1887, British mendapatkan bantuan Sultan Abu Bakar dari Johor untuk memujuk Sultan Pahang menerima seorang wakil British di Pahang.



Sultan Ahmad bersama-sama pengikutnya di hadapan istana diraja, Pekan Pahang pada tahun 1885. (Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Pada tahun 1888, British memperoleh peluang untuk mendesak dan memaksa Sultan Pahang menerima perlindungan British apabila berlaku kematian seorang lelaki berbangsa Cina bernama Goh Hui yang ditikam di pekarangan istana. British mendakwa Goh Hui ialah rakyat British dan Sultan diminta bertanggungjawab atas kematian rakyat tersebut. Sultan Pahang dipaksa menerima perlindungan British dengan alasan Sultan tidak mampu mewujudkan keadilan dan ketenteraman awam.



Glosari

Wakil British: mempunyai kuasa seperti seorang pegawai konsul iaitu mengurus dan melindungi rakyat British di negeri lain.



Cerna Minda

Mengapakah British sukar mencari peluang memanipulasi sultan di Pahang?



KPS

Bandungkan cara peluasan kuasa British di Perak dengan di Pahang.

3. Strategi Menandatangani Perjanjian dengan Pemerintah Tempatan

Bagi mengukuhkan kuasa, British mengadakan perjanjian dengan pemerintah tempatan untuk mengikat persetujuan menerima pengaruh British dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu. Perjanjian pertama British dengan negeri Melayu ialah perjanjian dengan pembesar Perak di Pulau Pangkor yang dikenali sebagai Perjanjian Pangkor 1874.

Perjanjian Pangkor 1874 mengukuhkan kuasa British di Perak

Andrew Clarke, iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat bertindak memanggil ketua kumpulan Ghee Hin dan Hai San untuk menamatkan perselisihan faham antara mereka. Pembesar-pembesar Melayu yang bertelagah dipanggil untuk berunding di Pulau Pangkor bagi menamatkan perselisihan di Perak. Antara pembesar Melayu yang hadir termasuklah Raja Abdullah, Ngah Ibrahim dan Dato' Sagor. Sultan Ismail dan Raja Yusuf tidak menyertai rundingan tersebut.



Pulau Pangkor menjadi lokasi perjanjian antara British dengan Perak.

Antara Syarat Perjanjian Pangkor:

1. Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak.
2. Raja Ismail dibenarkan memakai gelaran Sultan Muda dan diberikan sebuah jajahan kecil untuk ditadbir.
3. Sultan menerima seorang Residen British. Nasihatnya mesti diminta dan dipatuhi dalam semua urusan pentadbiran kecuali berkaitan agama Islam dan adat Melayu.
4. Ngah Ibrahim diakui sebagai Orang Kaya Menteri Larut dan menerima seorang Penolong Residen.
5. British berkuasa penuh ke atas pungutan cukai di Perak.



Sebahagian daripada dokumen Perjanjian Pangkor 1874.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Tahukah Anda?

Perjanjian Pangkor 1874 ditandatangani di atas kapal perang British, iaitu HMS Pluto.



KPS

Jelaskan kepentingan Perjanjian Pangkor dalam perkembangan sejarah negara kita.



Diorama menandatangani Perjanjian Pangkor 1874 antara Gabenor Negeri-negeri Selat dengan pembesar-pembesar Melayu Perak.

(Sumber: Terowong Sejarah Pasir Salak, Kompleks Sejarah Pasir Salak)

Perjanjian Pangkor menandakan kejayaan penguasaan British secara langsung dalam hal ehwal pentadbiran dan ekonomi di Perak. Perjanjian tersebut menjadi titik peralihan kepada British bagi perjanjian seterusnya dengan pemerintah negeri Melayu yang lain.

Perjanjian British-Sungai Ujong 1874

Antara syarat perjanjian:

- Dato' Kelana diiktiraf sebagai pemerintah Sungai Ujong.
- British mempunyai kuasa penuh memungut cukai di Sungai Linggi.

Perjanjian British-Selangor 1875

Antara syarat perjanjian:

- British membantu Sultan memerintah negeri.
- British menghantar J.G. Davidson menetap di Klang dan Frank Swettenham menetap di Langat untuk membantu pentadbiran Selangor.

Melalui perjanjian dengan pemerintah tempatan, British berjaya mengikat persetujuan pemerintah tempatan untuk menerima nasihat British dalam hal ehwal pentadbiran dan ekonomi di negeri Melayu.

Hugh Clifford dilantik sebagai wakil British di Pahang selepas perjanjian tahun 1874.



Perjanjian British-Pahang 1887

Antara syarat perjanjian:

- British menempatkan seorang wakil yang mempunyai kuasa seperti pegawai konsul di Pahang.
- British bertanggungjawab menjaga keamanan Pahang.
- Pahang tidak membenarkan membuat perjanjian dengan kerajaan asing tanpa kebenaran British.



KPS

Bina garis masa yang menunjukkan kronologi peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu melalui perjanjian.



Aktiviti Kajian Kes

Perjanjian British-Negeri Sembilan 1895

Dokumen di bawah merupakan perjanjian antara British dengan pemerintah Negeri Sembilan pada tahun 1895. Perjanjian ini lebih memihak kepada British berbanding dengan manfaat diperoleh negeri Melayu. Buktikan.

Perjanjian antara Gabenor Negeri-negeri Selat yang Bertindak Bagi Pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Undang Luak-Luak yang Selepas Ini Dinamakan Negeri Sembilan, 1895

Bagi mengesahkan pelbagai perjanjian terdahulu yang bertulis dan yang tidak bertulis, maka Yam Tuan Besar Sri Menanti bersama dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tampin dengan ini secara berasingan meletakkan diri mereka dan Luak mereka di bawah naungan Kerajaan British.

2. Undang Luak-luak yang tersebut di atas, dengan ini bersetuju membentuk sebuah negeri gabungan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan, dan mereka berhasrat memperoleh bantuan seorang Residen British dalam mentadbir kerajaan gabungan tersebut dan mereka mengaku janji mematuhi nasihatnya dalam semua perkara pentadbiran selain yang menyentuh agama Islam.

Petikan sebahagian kandungan Perjanjian Negeri Sembilan 1895.

(Sumber: *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad)

Sistem Residen

Melalui pelbagai strategi peluasan kuasa, British dapat melaksanakan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. British menempatkan Residen melalui perjanjian yang dibuat dengan pemerintahan tempatan dan Raja-raja Melayu.

Apakah peranan Residen British?


- Menasihati Raja-raja Melayu dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali berkaitan agama Islam dan adat Melayu.
- Semua nasihat hendaklah diikuti dan dipatuhi.



J.W.W. Birch, Residen British pertama di Perak (1874-1875).



Sultan Abdullah



Sultan Ahmad



J.P. Rodger, Residen British pertama di Pahang (1888-1896).



Sultan Abdul Samad



Tuanku Muhammad, Yamtuan Besar



Martin Lister, Residen pertama di Negeri Sembilan (1895-1897).



J.G. Davidson, Residen pertama di Selangor (1874-1875).



Raja-raja Melayu dan penerimaan Residen British Pertama di negeri-negeri Melayu.

Kejayaan menempatkan Residen membolehkan British melaksanakan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.



KPS

Mengapakah Residen British tidak menasihati Raja-raja Melayu dalam perkara berkaitan agama Islam dan adat Melayu?

Pelaksanaan Sistem Residen

Sistem Residen merupakan sistem pemerintahan British secara tidak langsung di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Ciri-ciri

- Kedudukan sultan dan pembesar negeri dikekalkan.
- Nasihat British mesti diterima dan Sultan tidak lagi boleh membuat undang-undang seperti sebelumnya.
- Sultan dan pembesar kehilangan kuasa dalam pentadbiran dan pungutan cukai.
- Residen mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar-pembesar dan negeri. Peranan pembesar-pembesar ini digantikan oleh pegawai-pegawai British.
- Jabatan-jabatan dan sistem bercorak Barat digunakan bagi menggantikan sistem pentadbiran tradisional.



Ilustrasi penguasaan Residen British dalam Majlis Mesyuarat Negeri.

Kamu perlu membayar cukai tanah pertanian sebanyak 50 sen seekar.



Jabatan Cukai

Di bawah Ordinan Mencegah Jenayah 1880, kamu dijatuhkan hukuman penjara empat bulan kerana memiliki barang curi.




Jabatan Kehakiman

Kamu ditahan kerana meneroka tanah tanpa kebenaran tuan Residen.



Jabatan Polis

Pastikan tiang tegak.



Baik, tuan.

Buat kerja betul-betul.

Jabatan Tanah dan Ukur

(Sumber: Nordin Husin dan Shakimah Che Hasbullah, "Pentadbiran Kolonial Inggeris di Negeri-negeri Selat dan Usaha Membanteras Jenayah". *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 7 (5), Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysia Development, 2011)



KPS

Pelaksanaan Sistem Residen di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan memberikan kesan kepada masyarakat tempatan. Bahaskan kesan baik dan buruk pelaksanaan sistem tersebut.



Mengapakah British berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kuasa memungut cukai?

3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Pengenalan

Selepas pelaksanaan Sistem Residen, British mengukuhkan kuasa di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dengan membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) melalui Perjanjian Persekutuan 1895.

Ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- Gabungan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang yang membentuk sebuah persekutuan.
- Residen Jeneral sebagai ketua pentadbiran kerajaan persekutuan.
- Raja-raja Melayu menerima nasihat Residen Jeneral dalam semua perkara kecuali yang berkaitan agama Islam dan adat Melayu.
- Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu juga dikenali sebagai Persekutuan 1896.



Glosari

Persekutuan: gabungan beberapa buah negeri di bawah satu unit pentadbiran yang mengandungi kerajaan pusat dan kerajaan negeri.



Jata Negeri-negeri Melayu Bersekutu



Bendera Negeri-negeri Melayu Bersekutu
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina dari tahun 1894 hingga tahun 1897 sebagai pejabat kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*, Singapura: Editions Didier Millet)



Cerna Minda


Warna bendera NNMB mewakili empat anggota NNMB. Kaitkan warna bendera dengan negeri tersebut.



Bandingkan jata NNMB dengan jata negara Malaysia pada masa ini.

Faktor Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Negeri-negeri Melayu Bersekutu dibentuk untuk memenuhi kepentingan British bagi mengatasi kelemahan Sistem Residen, menyeragamkan pentadbiran, menjamin keselamatan dan menangani masalah kewangan negeri Pahang.



Tahukah Anda?

Beban kewangan negeri Pahang.

Tahun	Hasil	Belanja
1894	100 220.43	207 514.27
1895	106 743.80	231 913.90

(Sumber: Aruna Gopinath, 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Pasukan Keselamatan Negeri Melayu (Malay States Guides)
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Pengenalan

Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) diketuai oleh Residen Jeneral. Beliau bertanggungjawab kepada Majlis Mesyuarat Negeri dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang juga merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat.

Majlis Mesyuarat Negeri

Majlis Mesyuarat Negeri ditubuhkan selepas British berjaya campur tangan dalam pentadbiran negeri Melayu. Majlis ini dipengerusikan oleh Raja Melayu dan berperanan menggubal undang-undang serta membantu pentadbiran negeri.

Selepas pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Majlis Mesyuarat Negeri tidak lagi berkuasa kerana kuasa perundangan terletak di tangan Residen Jeneral. Dari sudut pentadbiran, peranan Raja-raja Melayu diambil alih oleh Residen Jeneral. Kuasa Raja-raja Melayu semakin terhakis kerana terpaksa menurut nasihat Residen Jeneral dalam semua perkara pentadbiran kecuali dalam hal berkaitan dengan agama dan adat Melayu.



Frank Swettenham

- Residen Jeneral NNMB (1896-1900).
- Pesuruhjaya Tinggi NNMB (1901-1903).

Struktur Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak pada tahun 1907.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Aktiviti Kedai Kopi


Bincangkan perbezaan pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan pentadbiran persekutuan pada masa ini serta kepentingannya.

Majlis Mesyuarat Persekutuan

Pada tahun 1909, British menandatangani perjanjian dengan Raja-raja Melayu bagi menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Majlis ini berkuasa meluluskan undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Persetiaan
Persekutuan
1885



Keahlian Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan memberikan ruang kepada British untuk mengawal undang-undang dan kewangan negeri serta memberikan kuasa pentadbiran kepada Pesuruhjaya Tinggi British. Hal ini menjejaskan kewibawaan Raja-raja Melayu yang hanya diletakkan sebagai ahli biasa dalam majlis tersebut.

Pembentukan Durbar

British membentuk Durbar untuk mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu terhadap Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Ahli Durbar terdiri daripada:

- Pesuruhjaya Tinggi British
- Raja-raja Melayu
- Residen Jeneral
- Residen British

Pada asasnya, Durbar memperlihatkan tanggungjawab bersama-sama oleh Raja-raja Melayu sebagai pelindung orang Melayu.



Durbar pertama diadakan di Kuala Kangsar pada tahun 1897 dihadiri oleh Raja-raja dan pembesar Melayu serta pegawai British.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu membawa pembaharuan terhadap sistem pemerintahan negeri Melayu. Dalam usaha menguasai pentadbiran Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, British memperkenalkan Sistem Residen. Seterusnya British meletakkan negeri Melayu tersebut di bawah naungan British melalui pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kedaulatan negeri masih dipegang oleh Raja-raja Melayu. Raja terikat dengan perjanjian menerima nasihat British yang menghakis kewibawaan Raja-raja Melayu. Namun begitu, kewibawaan Raja-raja Melayu terus dipertahankan melalui penubuhan Majlis Raja-Raja yang ada hingga hari ini.





Imbas Kembali

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- Kekayaan Bijih Timah
- Kekayaan Hasil Emas

Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- Strategi British Meluaskan Kuasa di Negeri-negeri Melayu
- Sistem Residen

Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- Ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- Faktor Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- Majlis Mesyuarat Negeri
- Majlis Mesyuarat Persekutuan

Bab ini telah memerihalkan usaha peluasan kuasa British di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Kekayaan hasil bumi di negeri-negeri ini menarik minat penguasaan British. Bermula dengan tindakan meluaskan kuasa di negeri-negeri ini melalui pelbagai strategi licik, British kemudiannya telah berusaha menyatukan negeri tersebut di bawah satu pusat pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Bab seterusnya pula akan memerihalkan tindakan British untuk menguasai seluruh negeri Melayu.



Aktiviti 1: Fikir-Pasangan-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

Arahan:

- (i) Murid dikehendaki memikirkan tajuk/soalan yang diberi secara individu.
- (ii) Murid kemudiannya berbincang dengan rakan/pasangan.
- (iii) Murid kemudiannya berkongsi maklumat/hasil perbincangan dengan pasangan lain/kumpulan/kelas.

Tajuk: Peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu.

Negeri Melayu	Keistimewaan	Isu/Masalah	Strategi digunakan	Halangan/Cabaran
Perak				
Selangor				
Negeri Sembilan				
Pahang				

Berdasarkan tajuk di atas lakukan aktiviti yang berikut:

1. Aktiviti individu: Catatkan maklumat berkaitan tajuk di atas berdasarkan aspek yang berikut:
 - (a) **Keistimewaan negeri Melayu:** Jelaskan keistimewaan negeri Melayu tersebut yang menarik minat kuasa British.
 - (b) **Isu atau permasalahan di negeri Melayu:** Jelaskan isu atau masalah yang wujud di negeri Melayu tersebut.
 - (c) **Strategi yang boleh digunakan:** Kenal pasti strategi yang digunakan oleh British untuk meluaskan kuasa di negeri Melayu berkenaan.
 - (d) **Keberkesanan strategi:** Buat penilaian, sejauh manakah British berjaya meluaskan pengaruh melalui keberkesanan strategi yang digunakan?
 - (e) **KBAT:** Sebagai pemimpin masa hadapan, cadangkan langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan campur tangan dan peluasan pengaruh asing di negara kita.
2. Aktiviti berpasangan: Secara berpasangan, kongsi maklumat yang diperolehi dan buat penambahbaikan serta pameran di sudut maklumat hasil perbincangan keseluruhan.
3. Aktiviti berkumpulan: Bentuk kumpulan kecil dengan rakan pasangan lain, kongsi maklumat yang diperolehi.



Aktiviti 2: Drama (*Dramatisation*)

Arahan:

Secara berkumpulan, murid membuat perbincangan tentang satu peristiwa sejarah. Kemudian, murid akan merancang dan membuat latihan persembahan drama untuk mempersembahkan kembali peristiwa sejarah tersebut.

Ilustrasi yang berikut menunjukkan diorama Perjanjian Pangkor 1874.



Diorama menandatangani Perjanjian Pangkor 1874 antara Gabenor Negeri-negeri Selat dengan pembesar-pembesar Melayu Perak.

(Sumber: Terowong Sejarah Pasir Salak, Kompleks Sejarah Pasir Salak)

Secara berkumpulan, bincang dan lakukan aktiviti yang berikut:

1. Berdasarkan pelbagai sumber, dapatkan maklumat berkaitan Perjanjian Pangkor yang berikut:
 - (a) Tarikh dan tempat perjanjian ditandatangani.
 - (b) Senarai pihak yang terlibat dalam menandatangani perjanjian.
 - (c) Perkara yang dibincangkan dalam perjanjian.
 - (d) Syarat-syarat perjanjian yang ditandatangani.
2. Berdasarkan maklumat diperoleh, bina skrip dan persembahkan dalam bentuk drama berkaitan peristiwa menandatangani Perjanjian Pangkor.
3. Rekodkan atau rakam drama tersebut untuk tujuan dokumentasi.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Maklumat yang berikut menerangkan kekacauan di Perak pada abad ke-19.

- Perebutan takhta dalam kalangan kerabat diraja.
- Pergaduhan antara pelombong Cina.

Bagaimanakah kekacauan tersebut diselesaikan?

- A. Perjanjian Pangkor ditandatangani.
B. Pembahagian kawasan pengaruh dibuat.
C. Sistem pewarisan takhta diperkenalkan.
D. Majistret dan pemungut hasil ditempatkan.
2. Apakah kesan daripada peristiwa berikut kepada negeri Selangor?

- Serangan ke atas kapal dagang berhampiran Kuala Langat.
- Serangan ke atas rumah api Tanjung Rachado.


- A. Pembinaan kubu.
B. Peperangan saudara.
C. Penerimaan Residen.
D. Pengambilan askar upahan.
3. Jadual yang berikut menunjukkan kekacauan di negeri-negeri Melayu yang memberikan peluang kepada British untuk campur tangan pada abad ke-19.

Negeri	Peristiwa
Perak	Perang Larut
Selangor	Perang Klang
Negeri Sembilan	Perbalahan Sungai Ujong

Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut?

- A. Bersatu padu asas kestabilan negara.
B. Berbangga dengan kekayaan negara.
C. Berdikari untuk memperjuangkan hak.
D. Bertoleransi dalam kalangan masyarakat.
4. Rajah berikut menunjukkan faktor-faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896. Apakah X?


- A. Pergaduhan pelombong Cina.
B. Desakan pedagang Eropah.
C. Pentadbiran tidak seragam.
D. Perebutan takhta kerajaan.





Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Lengkapkan teka silang kata yang berikut:



Melintang

- Daerah yang kaya dengan emas di Pahang.
- Pusat pentadbiran Kesultanan Selangor yang diasaskan oleh Sultan Abdul Samad.
- Bandar yang berkembang akibat perlombongan bijih timah di Lembah Kinta.
- Persidangan Raja-raja Melayu.
- Kaedah melombong tradisional.
- Daerah Selangor yang kaya dengan bijih timah diserahkan kepada Sungai Ujong.
- Sungai yang menjadi laluan utama perdagangan bijih timah di daerah Sungai Ujong ialah Sungai ...

Ke bawah

- Strategi British untuk menguasai Perak, Selangor dan Sungai Ujong.
 - Pegawai British yang ditempatkan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
 - Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu menyebabkan berlaku pemusatan kuasa di tangan Residen ...
 - Daerah perlombongan bijih timah di Perak pada abad ke-17.
 - Negeri Melayu yang menghadapi krisis kewangan.
6. Jadual berikut menerangkan kedudukan kerabat diraja dalam sistem pewarisan takhta Kesultanan Perak pada abad ke-19.

Tahun	Raja Di Hilir	Raja Bendahara	Raja Muda	Sultan
1851	Raja Yusuf	Raja Ali	Raja Jaafar	Sultan Muhammad Shah
1857	Raja Abdullah	Raja Ismail	Raja Ali	Sultan Jaafar
1865		Raja Ismail	Raja Abdullah	Sultan Ali
1871			Raja Abdullah	Sultan Ismail

Petunjuk ↘ Memegang jawatan mengikut giliran ↓ Mengekalkan jawatan ↪ Melangkau jawatan

Kaji jadual di atas dan jawab soalan yang berikut:

- Siapakah yang sepatutnya ditabalkan sebagai Sultan Perak selepas Sultan Ali berdasarkan kedudukan dalam sistem pewarisan takhta di atas?
- Siapakah yang ditabalkan sebagai Sultan Perak selepas kemangkatan Sultan Ali pada tahun 1871?
- Senaraikan kerabat diraja yang terlibat dalam perebutan takhta Kesultanan Perak.
- Apakah kesan perebutan takhta dalam kalangan kerabat diraja tersebut terhadap negeri Perak?
- Jelaskan keistimewaan sistem pewarisan takhta Kesultanan Perak sekiranya sistem tersebut dipatuhi.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Khazanah kekayaan sumber alam merupakan anugerah Tuhan yang tiada nilaiandingannya.
- Kita hendaklah menghargai dan mempertahankan sumber kekayaan negara kita daripada dieksploitasi pihak tidak bertanggungjawab.
- Pencerobohan terhadap kekayaan sumber alam negara menyebabkan kita kehilangan sumber alam untuk manfaat kepada penduduk tempatan.

Diri dan Keluarga

Kita perlu bijak mengurus sumber kewangan diri demi mendepani cabaran hidup pada masa hadapan.

Negara

Setiap warganegara bertanggungjawab memelihara dengan baik sumber alam yang kita miliki.



Negara kita kaya dengan sumber hasil bumi seperti petroleum. Sumber ini perlu diurus dan digunakan dengan bijak demi kelangsungan negara pada masa hadapan. Gambar menunjukkan pelantar minyak di perairan Terengganu.

(Sumber: Pusat Media PETRONAS)

BAB 4

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu



Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*. Singapura: Editions Didier Millet)



Info gambar
rangsangan.



Sinopsis

Pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor didukung oleh sultan dan pembesar yang bertindak memakmurkan negeri masing-masing. Namun begitu, kemakmuran tersebut meraih perhatian British. Melalui strategi pakatan dengan Siam, British meluaskan kuasanya di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. British turut menggunakan strategi tipu muslihat untuk meluaskan kuasanya di Johor. Akhirnya, negeri-negeri Melayu ini dikuasai oleh British dan dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor.
2. Menghuraikan peluasan kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.
3. Menilai peluasan kuasa British di Johor.
4. Merumuskan sistem pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan bersikap jujur dalam melaksanakan tanggungjawab.
2. Menghuraikan kepentingan kestabilan politik dalam mewujudkan keamanan negara.
3. Menilai kepentingan pentadbiran yang sistematik untuk kemajuan negara.
4. Merumuskan kepentingan kewibawaan pemimpin dalam memperjuangkan maruah bangsa.



Kota Kuala Kedah, Kedah.
(Sumber: Koleksi DBP, 2017)



Istana Maziah, Kuala Terengganu.
(Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi peluasan kuasa British di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
2. Meneroka bukti kekayaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan kemakmuran kerajaan sebelum kehadiran British.
3. Membuat imaginasi pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
4. Membuat interpretasi pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
5. Melakukan rasionalisasi perubahan pentadbiran yang berlaku di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

4.1

Pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

Pengenalan

Sistem kesultanan yang diamalkan dalam pemerintahan di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor menjadi tonggak yang sangat penting. Sultan sebagai puncak kuasa dan kedaulatan turut diperkuat dengan dukungan para pembesar. Sebelum kedatangan kuasa British, pemerintahan kesultanan merupakan asas terpenting dalam sistem kerajaan negeri-negeri ini yang membawa kemakmuran.

Pemerintahan Kesultanan Melayu

Pemerintahan Kesultanan Melayu membentuk sistem pentadbiran yang tersusun dan diwarisi sejak turun-temurun. Kebijaksanaan pemerintah tempatan membolehkan perkembangan ekonomi, sosial dan politik berlaku di setiap negeri.

Latar Belakang

- Perlis merupakan wilayah yang terpisah dengan Kedah pada tahun 1842.
- Maharaja Siam mengiktiraf Syed Hussin Jamalullail di Bangkok sebagai Raja Perlis yang pertama pada tahun 1843. Baginda diberikan gelaran Phya Songkhram Rama Wichit Willis Asmara Phya Pelit.
- Pada tahun yang sama, istiadat pengisytiharan turut diadakan di istana Arau sebagai pemberitahuan kepada rakyat seluruh negeri Perlis.



Pentadbiran

- Raja Syed Hussin Jamalullail membentuk pasukan pentadbiran yang berwibawa terdiri daripada kalangan pembesar tempatan.
- Tuan Syed Abdullah ibni Syed Harun Jamalullail dilantik sebagai Raja Muda Perlis, Dato' Arau sebagai Perdana Menteri dengan gelaran Dato' Belat Paduka Seri Perdana Menteri.
- Negeri Perlis dibahagikan kepada 22 buah mukim.

Kerajaan Perlis

Hubungan Luar

- Hubungan dengan Siam terus berjalan dengan baik dan hubungan ini menjadi strategi Perlis untuk tidak diganggu gugat oleh kuasa lain.

Perundangan

- Berdasarkan Undang-Undang Kesultanan Kedah sebagai rujukan.
- Pelaksanaannya menitikberatkan kebajikan terhadap rakyat.



Glosari

Phya Songkhram Rama Wichit Willis Asmara Phya Pelit: gelaran yang diberikan oleh Raja Siam kepada Raja Perlis yang disingkatkan sebagai Phya Pelit.



Latar Belakang

- Kerajaan Kedah bermula sejak abad ketujuh dan merupakan antara kerajaan terawal di negara ini. Kesultanan ini terus kekal hingga hari ini.
- Pertapakan Islam di Kedah sejak abad ke-12 telah memulakan sistem pemerintahan Islam dengan pusat pemerintahan di Kota Bukit Meriam. Pemerintah pertama yang bergelar sultan ialah Sultan Mudzaffar Shah.

Pentadbiran

- Sistem pemerintahan diketuai oleh Sultan dan pembesar serta disokong oleh undang-undang yang kemas dan teratur.
- Bagi membolehkan negeri ditadbir dengan berkesan, diwujudkan pembahagian wilayah yang diletakkan di bawah pengawasan pembesar daerah.
- Di setiap daerah, diwujudkan mukim-mukim yang dikendalikan oleh kalangan penghulu.
- Pada abad ke-19, terdapat 128 mukim di Kedah.

Kesultanan Kedah

Hubungan Luar

- Kedah menjalinkan hubungan luar dengan Siam sebagai strategi mempertahankan negeri daripada ancaman Burma.
- Hubungan dua hala ini berlaku dalam pelbagai cara seperti hubungan diplomatik, pentadbiran dan kewangan.

Perundangan

- Kanun undang-undang Kedah yang pertama ditulis pada tahun 1650 yang memberikan hak kepada raja dan golongan pemerintah.
- Terdapat lima bab undang-undang Kedah:
 - (i) Undang-undang 1060H (1650)
 - (ii) Tembera Dato' Seri Paduka Tuan 1075H (1667)
 - (iii) Hukum Kanun Dato' Kota Setar, Adat Bunga Emas
 - (iv) Adat Kebesaran, Pada Masa Tabal, Orang Besar
 - (v) Adat Meminang dan Undang-undang 1199H (1704)



Tahukah Anda?

Pembesar memainkan peranan penting dalam membantu pentadbiran kerajaan negeri. Dalam tradisi Kesultanan Melayu, terdapat beberapa kategori pembesar.

Pembesar	Peranan
Pembesar Peringkat Negeri	(i) Melaksanakan perintah sultan. (ii) Mentadbir dan mengutip cukai di kawasan tertentu.
Pembesar Peringkat Jajahan atau Daerah	(i) Menjaga keamanan. (ii) Mempertahankan kedaulatan negeri. (iii) Menyerahkan sebahagian hasil cukai kepada kerajaan. (iv) Menyediakan tenaga kerja.
Pembesar Peringkat Kampung (dikenali sebagai Penggawa atau Penghulu)	(i) Memungut cukai. (ii) Membekalkan tenaga tentera. (iii) Mengekalkan taat setia masyarakat. (iv) Perantara antara pembesar dengan rakyat.



Bagaimanakah pembahagian wilayah dapat melicinkan pentadbiran?

Latar Belakang

- Meskipun Kesultanan Kelantan wujud sebelum abad ke-17, namun semasa pemerintahan Long Yunus pada tahun 1776 hingga tahun 1794, kerajaan Kelantan berjaya disatukan. Baginda menaiki takhta dengan gelaran Yang Dipertuan.
- Pertelingkahan antara Kelantan dengan Terengganu serta pengaruh Siam menyebabkan perubahan berlaku pada tahun 1812. Sebagai strategi bagi mengelakkan ancaman Terengganu, Sultan Muhammad I membuat persetiaan dengan Siam.
- Berikutan itu, Maharaja Siam mengurniakan gelaran Phya Pipit Pakdi kepada Sultan Muhammad I dan Siam meluaskan pengaruhnya di Kelantan hingga tahun 1909.



Pentadbiran

- Sultan dibantu oleh para pembesar. Sistem ini dikenali sebagai Sistem Jemaah Menteri yang dibentuk oleh Sultan Muhammad II (1839-1886).
- Dalam pentadbiran wilayah, negeri Kelantan dibahagikan kepada jajahan tertentu. Pada tahun 1904, terdapat tiga jajahan, iaitu Selatan Batu Mekebang, Pasir Puteh dan Pasir Mas.
- Pada peringkat paling bawah, pentadbiran dijalankan oleh Tok Kweng yang turut dibantu oleh imam.

Kesultanan Kelantan

Hubungan Luar

- Hubungan dengan kerajaan Siam dijalinan semasa pemerintahan Sultan Muhammad I.
- Selain itu, Kelantan menjalin hubungan dengan Terengganu, Kedah, Patani dan negeri-negeri Melayu yang lain.

Perundangan

Pelaksanaan undang-undang syarak di Kelantan semasa pemerintahan Sultan Muhammad II membolehkan Kelantan berada dalam keadaan aman dan makmur sebagai pusat perdagangan.

Tahukah Anda?

Hari ini negeri Kelantan memiliki 11 jajahan, iaitu:

- Jajahan Kota Bharu
- Jajahan Pasir Mas
- Jajahan Tumpat
- Jajahan Pasir Puteh
- Jajahan Bachok
- Jajahan Kuala Krai
- Jajahan Machang
- Jajahan Tanah Merah
- Jajahan Jeli
- Jajahan Gua Musang
- Jajahan Kecil Lojing



Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri

(Sumber: Salleh Mohd Akib, 2016. *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan)

Glosari

Phya Pipit Pakdi: gelaran yang diberikan oleh Raja Siam kepada Sultan Kelantan bagi mengakui peranan serta kedudukan baginda sebagai pemerintah Kelantan.

Tok Kweng atau Penggawa: pentadbir yang bertanggungjawab mentadbir kawasan jajahan atau kweng. Ketika ini, Tok Kweng amatlah berpengaruh dalam kawasan atau daerah yang terletak di bawah pentadbiran mereka. Mereka berperanan penting sebagai orang tengah antara penduduk kampung dengan pembesar atau pemerintah atau pihak istana. Tok Kweng akan menyampaikan segala keinginan dan hasrat penduduk kampung kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan.

(Sumber: Nik Haslinda Nik Hussain, 2011. *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan 1881-1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia)

Aktiviti Kedai Kopi

Tajuk: Pentadbiran dan Hubungan Luar

1. Guru atau pemudah cara meletakkan tajuk di tengah-tengah meja bulat perbincangan.
2. Setiap ahli perbincangan akan memberikan pandangan tentang tajuk yang diberikan.
3. Setiap ahli akan mencatatkan butiran perbincangan.
4. Pada akhir perbincangan, seorang ahli perbincangan akan membuat dan menyatakan rumusan.

Latar Belakang

- Pengasas Kesultanan Terengganu ialah Sultan Zainal Abidin I yang menaiki takhta pada tahun 1708 dan kekal memerintah hingga tahun 1733.
- Sistem pemerintahan ini membawa kemajuan negeri dan memelihara kedaulatan kerajaan.
- Di bawah sistem kesultannya, negeri Terengganu merupakan negeri paling akhir menerima Penasihat British.



Kesultanan Terengganu

Pentadbiran

- Sultan dibantu oleh pembesar sama ada sebagai penasihat baginda atau dalam urusan pentadbiran wilayah dan daerah.
- Sistem penghulu diperkemas ketika zaman pemerintahan Sultan Omar (1839-1876).
- Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dibantu oleh Tengku Musa, Tuan Hitam dan Che Abdul Rahim.
- Terdapat pembesar bergelar Dato' Mata-mata yang bertugas menyambut kedatangan pelawat atau orang kenamaan Terengganu.
- Sistem Jemaah Mesyuarat Kerajaan dibentuk bagi memutuskan sesuatu hukuman atau perisytiharan negeri. Anggotanya dikenali sebagai Ahli Mesyuarat.

Hubungan Luar

- Negeri Terengganu menjalin hubungan dengan Siam sejak abad ke-18.
- Selain itu, negeri ini menjalin hubungan dengan negeri Kelantan, Patani dan Johor.
- Hubungan ini membolehkan kedudukan negeri Terengganu sebagai sebuah negeri berdaulat diakui oleh negeri-negeri yang lain.

Perundangan

- Sejak pemerintahan Sultan Zainal Abidin I, sistem perundangan dan kehakiman berasaskan prinsip keadilan Islam dilaksanakan.
- Ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, baginda melantik Tengku Musa sebagai Ketua Jabatan Mahkamah untuk menjalankan urusan berkaitan keadilan dan perundangan.
- Pada tahun 1911, Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu digubal dan diamalkan.
- Hakim mahkamah pula dipilih secara teliti daripada individu yang berkebolehan dan mempunyai pengetahuan agama yang luas.

Latar Belakang

- Institusi kesultanan di Johor mempunyai sejarah yang panjang. Sebaik sahaja jurai keturunan Sultan Melaka berakhir pada tahun 1699, Kesultanan Johor diperintah oleh keturunan Bendahara.
- Konflik politik yang berlaku membolehkan keturunan Temenggung Daeng Ibrahim menjadi pemerintah di Johor. Kedudukan ini digantikan oleh anakanda baginda, iaitu Daeng Abu Bakar yang menjadi Sultan Johor pada tahun 1885.



Kesultanan Johor

Pentadbiran

- Ketika zaman pemerintahan Maharaja Abu Bakar, Johor mengalami zaman pemodenan.
- Baginda mengasaskan sistem pentadbiran moden yang cekap dan berkesan dengan mewujudkan Majlis Jemaah Diraja Johor, Jemaah Menteri dan jabatan-jabatan kerajaan.
- Pembesar-pembesar kerajaan seperti Dato' Seri Amar Diraja dan Dato' Bentara Dalam bertanggungjawab membantu pemerintahan sultan.
 - Selain itu, jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan diwujudkan bagi melicinkan pentadbiran.

Hubungan Luar

- Maharaja Abu Bakar menjalin hubungan dengan negeri-negeri Melayu yang lain termasuklah dengan Terengganu, Perak, Pahang dan Selangor.
- Selain itu, baginda menjalin hubungan dengan negara-negara luar melalui lawatan ke Eropah dan Jepun. Kesannya, kuasa-kuasa ini mengiktiraf kedudukan Johor.

Perundangan

- Pada tahun 1895, Kesultanan Johor memasyhurkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan yang digunakan sebagai aturan dalam pemerintahan.

Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbiran tersusun yang menjadi asas kemajuan kesultanan tersebut. Dalam sistem ini, raja menjadi tonggak paling penting. Gandingan pemerintahan oleh raja dan pembesar memacu kemakmuran negeri. Selain itu, sistem undang-undang dilaksanakan dengan teratur dan teliti. Kita perlu menyedari bahawa kestabilan politik amat penting bagi mewujudkan keamanan negara. Pentadbiran yang sistematik pula menyumbang kepada kemajuan negara.

4.2 Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

Pengenalan

Sebelum kehadiran British, negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu berhadapan dengan pengaruh Siam. Pada abad ke-19, hubungan antara British dengan Siam memberikan kesan besar kepada negeri-negeri ini. Kedudukan strategik dan kemakmuran negeri-negeri ini menarik perhatian British. Namun begitu, selagi negeri-negeri ini di bawah naungan Siam, maka British tidak akan mampu untuk meluaskan kuasanya.

Faktor Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

Pelbagai faktor mempengaruhi usaha peluasan kuasa British ke atas negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

1. Kedudukan yang Strategik

- Kedudukan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu penting kepada perdagangan British.
- Kelantan dan Terengganu strategik di laluan perdagangan di antara Siam dan Singapura.

2. Menghalang Kemasukan Kuasa Barat Lain

- Negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu merupakan penampan usaha kuasa-kuasa Barat lain untuk campur tangan.
- Antara kuasa Barat tersebut termasuklah Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Rusia yang cuba meluaskan kuasa di sekitar negeri Melayu Utara.
- British perlu menguasai negeri-negeri ini untuk menghalang kemaraan kuasa Barat tersebut.
- Kemaraan kuasa Barat dapat dilihat dari aspek yang berikut:

Kemaraan kuasa Barat yang ingin menguasai bahan mentah mencabar penguasaan British di negeri-negeri Melayu.

Jerman berusaha untuk mendapatkan Pulau Langkawi.

Amerika Syarikat berhasrat meluaskan pengaruhnya di Terengganu.

Perancis berminat untuk meluaskan kuasa ke kawasan di Segenting Kra. Matlamat Perancis ini akan mengancam perdagangan dan kedudukan Singapura sebagai pelabuhan antarabangsa.

Rusia ingin membuka petempatan di Ujung Salang.



Glosari

Penampan: sesuatu yang menjadi penahan, penyekat dan penghalang.

3. Kemakmuran dan Kekayaan Sumber Hasil

- Bagi Kedah dan Perlis, hasil pertanian dan penternakan menjadi sumber bekalan makanan yang diperlukan bagi memenuhi permintaan penduduk Pulau Pinang yang dikuasai oleh British.
- Bagi Kelantan dan Terengganu pula, aktiviti pembuatan seperti pertukangan dan pembinaan kapal menjadi sangat penting. Kedua-dua negeri ini menjadi pembekal pelbagai barang dagangan kepada pedagang Singapura.

[Sumber: *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, 2011. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan; Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Nor Muhammad, 2014. “Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu” dlm. *International Journal of the Malay Civilization (Iman)*, Vol. 2, No. 3]

4. Menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang

- British berhasrat menghubungkan Burma yang dikuasainya dengan Pulau Pinang dan Singapura.
- Pembinaan jalan raya, kereta api dan telegraf di antara Burma dan Pulau Pinang membolehkan British mempunyai rangkaian terus perhubungan dengan India.
- Hal ini sangat penting bagi perdagangan dan keselamatan British.

(Sumber: Paul H. Kratoska (ed.), 1983. *Honourable Intentions, Talks on the British Empire in South-East Asia Delivered at the Royal Colonial Institute 1874-1928*. Singapura: Oxford University Press)

5. Beban Orang Putih

- British mendapati Siam melakukan kekejaman di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.
- Bagi mewajarkan tindakannya, slogan “Beban Orang Putih” digunakan dalam usaha British meluaskan kuasanya.

(Sumber: Paul H. Kratoska (ed.), 1983. *Honourable Intentions, Talks on the British Empire in South-East Asia Delivered at the Royal Colonial Institute 1874-1928*. Singapura: Oxford University Press)



Cerna Minda

Mengapakah British ingin membina rangkaian perhubungan dengan India?



KPS

Rasionalkan sebab-sebab British berusaha meluaskan kuasa di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Strategi Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

Peluasan kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dijalankan secara berperingkat-peringkat. British menyedari bahawa negeri-negeri ini berada di bawah naungan Siam dan tindakan agresif akan menimbulkan masalah. Oleh hal yang demikian, British menggunakan strategi perjanjian untuk memastikan kejayaannya. Dengan menggunakan kedudukannya di Pulau Pinang, British memantau perkembangan yang berlaku di negeri-negeri Melayu sebelum bertindak mengadakan perjanjian dengan Siam.

Ke arah Perjanjian Bangkok 1909

- Negeri-negeri Melayu yang mempunyai hubungan rapat dengan Siam ialah Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Bagi kerajaan Siam, negeri-negeri ini adalah di bawah naungannya dan dikehendaki menghantar bunga emas dan perak setiap tiga tahun sekali sebagai tanda pertuanan Siam serta kepatuhan kepada kuasa Siam. Sebaliknya, negeri-negeri ini menganggap penghantaran bunga emas dan perak merupakan tanda persahabatan.
- Pengaruh Siam ke atas negeri-negeri ini kurang menyenangkan pihak British.
- Matlamat utama British adalah untuk memastikan laluan perdagangan di antara India dan China berada dalam keadaan selamat.
- Menyedari bahawa konfrontasi secara bersemuka akan merugikannya, British menggunakan strategi perjanjian bagi meluaskan kuasa.
- Oleh itu, sejak tahun 1826, terdapat beberapa siri perjanjian melibatkan British dan Siam yang menyentuh hal ehwal negeri-negeri Melayu.
- Perjanjian ini diakhiri dengan Perjanjian Bangkok 1909 yang membolehkan British meluaskan kuasa di negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.




Tahukah Anda?

Perjanjian Sulit 1897 (British - Siam) ditandatangani pada 6 April 1897. British mahu memastikan tidak ada kuasa lain meluaskan pengaruhnya ke atas Kedah, Kelantan dan Terengganu. British mengakui hak pertuanan Siam ke atas negeri tersebut.

Perjanjian Sempadan (British-Siam) ditandatangani pada 29 November 1899. Perjanjian ini menetapkan sempadan di antara sempadan negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah. Perjanjian ini menyelesaikan masalah sempadan di antara Perak (British) dan Reman (Siam).

Perjanjian 1902 (Pengisytiharan British-Siam) ditandatangani pada 6 Oktober 1902. Siam akan mengawal hubungan luar negeri Kelantan dan Terengganu. Negeri-negeri ini tidak boleh menyerahkan konsesi kepada kuasa asing tanpa izin Siam. Pengisytiharan ini merupakan langkah penting bagi peluasan kuasa British di Negeri Melayu Utara.



Cerna Minda

Mengapakah British menggunakan strategi perjanjian untuk meluaskan kuasanya?

Perjanjian Bangkok 1909

Perjanjian Bangkok 1909 ditandatangani oleh British dan Siam pada 10 Mac 1909. Perjanjian ini memberikan kesan besar kepada negeri-negeri Melayu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Perjanjian ini membuka laluan kepada British untuk menguasai negara kita tanpa gangguan daripada kuasa luar yang lain.

Rentetan Peristiwa Perjanjian Bangkok 1909

April 1907

Rundingan antara pihak British dengan Siam bermula selepas Perjanjian Perancis-Siam. Perjanjian ini diusahakan oleh Penasihat Am bagi kerajaan Siam, E. H. Strobel dengan Ralph Paget, iaitu wakil British di Bangkok.

Jun 1907

Pejabat Tanah Jajahan membenarkan usaha perundingan ini.

13 September 1907

Strobel menemui Putera Damrong, iaitu Menteri Dalam Negeri kerajaan Siam bagi menyampaikan hasrat British.

November 1907

Hal tersebut disampaikan kepada Raja Siam.

Januari 1908 - Januari 1909

Draf perjanjian dirangka pada Januari 1908 dan dipersetujui pada bulan Januari 1909.

10 Mac 1909

Perjanjian ditandatangani antara wakil British, Ralph Paget dengan wakil Siam, iaitu Putera Devawongse Varaprakar yang juga merupakan Menteri Hal Ehwal Luar kerajaan Siam.



Ke Arah Perjanjian Bangkok 1909



Sebahagian Perjanjian Bangkok 1909 yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

(Sumber: *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad)

Melalui Perjanjian Bangkok 1909, negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu menerima seorang Penasihat British. Walau bagaimanapun, pada tahap awal, Kelantan dan Terengganu menolak kehadiran penasihat ini.

Raja Chulalongkorn dari Siam (di tengah-tengah berpakaian putih bertanda X) dalam lawatannya ke Kelantan pada tahun 1909 dan Sultan Muhammad IV (bertanda Y). (Sumber: Muzium Negara Malaysia)



Perjanjian
Burney

4.3 Peluasan Kuasa British di Johor

Pengenalan

Johor memiliki sistem pemerintahan dan pentadbiran yang teratur sejak sebelum campur tangan British. Johor telah mencapai tahap kemakmuran yang tinggi. Keadaan ini didorong oleh kebijaksanaan pemerintah Johor membangunkan negeri sehingga pihak British tidak mempunyai sebarang alasan meluaskan kuasa ke Johor. Namun begitu, penguasaan British terhadap Singapura menyebabkan kedudukan Johor terancam.

Kemajuan dan Kemakmuran Johor

Kemajuan dan kemakmuran Johor serta pemodenan yang dilaksanakan dalam pentadbiran menjadi faktor penting yang membolehkan Johor mengekalkan kedaulatannya hingga tahun 1914. Secara tidak langsung Johor menerima kesan daripada pelaksanaan sistem pentadbiran Barat di Singapura.



Kebijaksanaan pemerintah dan pembesar Johor memajukan dan memakmurkan negeri menyebabkan British tidak dapat memanipulasi keadaan untuk campur tangan di Johor.



Aktiviti Fikir-Pasangan-Kongsi

“Johor bukan sahaja mempunyai hasil bumi yang banyak tetapi juga mempunyai permukaan tanah yang subur untuk kegiatan pertanian komersial. Faktor ini ditambah lagi dengan kedudukan geografinya yang sangat strategik.”

(Sumber: Kassim Thukiman, 2011. *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia)

Berdasarkan petikan di atas, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Bincang dengan rakan sekelas maksud “kegiatan pertanian komersial” dan “kedudukan geografi yang strategik”.
2. Kongsi hasil perbincangan di dalam kelas.

Strategi British Menguasai Johor

Kemajuan ekonomi Johor menyebabkan British mula merangka strategi untuk menguasai Johor. British bimbang kerana sebagai sebuah negeri bebas, Johor menjalinkan hubungan dengan kuasa-kuasa Barat yang lain. Oleh itu, British menjalankan strategi secara tersusun untuk menguasai Johor. Peluasan kuasa melalui perjanjian dan manipulasi dilaksanakan oleh pihak British terhadap Johor.

Perjanjian 1855 antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim yang menyatakan bahawa sekiranya jajahan Kesang hendak dijual oleh sultan, Kesang hendaklah terlebih dahulu ditawarkan kepada pihak British.

Perjanjian Setia 1885 antara Johor dengan British menyebut bahawa Johor hanya akan menerima seorang ejen yang peranannya menyamai seorang pegawai Konsul dan lebih rendah daripada Penasihat. Hal ehwal luar dikawal oleh British.

Pada tahun 1879, Gabenor Negeri-negeri Selat mencadangkan kepada British untuk menempatkan Residen British di Johor.

Secara terancang, British berusaha memanipulasi kedudukan kewangan Johor dengan menawarkan pinjaman sebanyak 200,000 dolar kepada Johor bagi membiayai pembinaan kereta api. Usaha ini tidak berjaya apabila cadangan tersebut tidak diterima kerana kesannya akan menjejaskan ekonomi Johor.

Pada 12 Mei 1914, Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian dengan Sir Arthur Henderson Young, Gabenor Negeri-negeri Selat. Dalam perjanjian tersebut, jawatan Konsul yang sebelumnya ditempatkan di Johor ditukarkan kepada Penasihat Am British.

Douglas Graham Campbell dilantik sebagai Penasihat Am British pertama di Johor. Pelantikan ini juga menukarkan taraf Johor daripada negeri yang bebas dan berdaulat kepada sebuah negeri naungan British. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak menjejaskan kedudukan Sultan Johor. Pihak British masih mengakui kedudukan dan kedaulatan sultan.



Tahukah Anda?

Dalam Warta Kerajaan Johor bertarikh 3 Ogos 1918, ejaan untuk merujuk negeri Johor ialah “Johore”. Walau bagaimanapun, kini ejaan “Johor” diterima pakai.

(Sumber: Rahimah Abdul Aziz, 1997. *Pembaratan Pemerintahan Johor, 1800-1945*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Kemampuan anak tempatan yang diterajui oleh Sultan Johor yang dibantu oleh gandingan pemimpin yang berwibawa membolehkan Johor berjaya mengekang asakan British. Namun begitu, asakan berterusan ini gagal juga dihalang sehingga menyebabkan British berjaya meluaskan kuasanya di Johor. Sikap jujur dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab oleh pembesar Johor sangat penting dalam memastikan kedaulatan Johor terus terjamin. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa kewibawaan pemimpin amat penting dalam memperjuangkan maruah bangsa.

4.4

Sistem Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Pengenalan

Perjanjian Bangkok 1909 membawa perubahan penting dalam sejarah di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Selain itu, kedudukan Johor berubah pada tahun 1914, apabila menerima Penasihat Am British. Kelima-lima buah negeri inilah yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Latar Belakang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu



Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Pentadbiran di Perlis

- Penasihat British terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan turut melibatkan pembesar tempatan.
- Majlis Mesyuarat Negeri menjalankan pentadbiran yang dipengerusikan oleh raja.
- Kakitangan perkhidmatan awam terdiri daripada orang Melayu. Pada tahun 1931, hanya terdapat tiga orang pegawai Eropah dalam pentadbiran di Perlis.
- Setiausaha Kerajaan merupakan pegawai tadbir terpenting.



Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis yang menempatkan pegawai pentadbir negeri diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)

Pentadbiran di Kedah

- Penasihat British terlibat secara langsung dalam pentadbiran yang turut melibatkan pembesar tempatan.
- Kedah tidak akan diserahkan kepada mana-mana negeri lain tanpa keizinan bertulis dibuat oleh sultan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Majlis Mesyuarat Negeri menjalankan pentadbiran yang diwujudkan sejak tahun 1905.
- Kakitangan perkhidmatan awam terdiri daripada orang Melayu yang berkebolehan.
- Setiausaha Kerajaan merupakan pegawai tadbir terpenting.



Wisma Darul Aman menjadi pusat pentadbiran kerajaan negeri Kedah pada masa ini.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)



Bandingkan pentadbiran kerajaan negeri Kedah sebelum dan selepas kedatangan British.

Pentadbiran di Kelantan

- Penasihat British terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan turut melibatkan pembesar tempatan.
- Sultan mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negeri dan Penasihat British merupakan anggota Majlis.
- Kakitangan perkhidmatan awam terdiri daripada orang Melayu. Pegawai Eropah dihadkan memegang jawatan tertentu sahaja.
- Menteri Besar memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri.



Kota Darul Naim menjadi pusat pentadbiran kerajaan negeri Kelantan pada masa ini.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)

Pentadbiran di Terengganu

- Pentadbiran negeri berlandaskan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang diluluskan pada tahun 1911.
- Undang-undang ini menetapkan bahawa ketetapan atau perundangan yang dilaksanakan tidak boleh dipinda.
- Penasihat British terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan melibatkan pembesar tempatan.
- Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri diwujudkan bagi melaksanakan pentadbiran kerajaan.
- Kakitangan perkhidmatan awam terdiri daripada orang Melayu. Penglibatan pegawai Eropah dihadkan dalam pentadbiran.



Wisma Darul Iman merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri Terengganu pada masa ini.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)

Pentadbiran di Johor

- Berlandaskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.
- Sultan tidak dibenarkan untuk menyerahkan negerinya kepada kuasa asing.
- Pentadbiran dijalankan oleh Menteri Besar, manakala Setiausaha negeri terdiri daripada orang Melayu yang menjadi jurucakap kerajaan yang rasmi.
- Majlis Mesyuarat Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri membantu sultan menjalankan pentadbiran.
- Orang Eropah dan Melayu dalam perkhidmatan kerajaan Johor dilayan sama taraf dan keutamaan diberikan kepada orang Melayu yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan pentadbiran.



Iskandar Puteri merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri Johor pada masa ini.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)



Cerna Minda

Siapakah yang menjadi jurucakap kerajaan Johor?



Lawatan Pesuruhjaya Tinggi British ke Kuala Terengganu pada bulan Julai 1909 bagi meluaskan kuasanya. Dapat dilihat Sultan Zainal Abidin III dan Sir John Anderson.

(Sumber: Muzium Negara Malaysia)

Sultan Johor bersama-sama askarnya dalam perarakan hari ulang tahun keputeraan baginda yang diadakan di Singapura pada tahun 1885. Sultan Johor telah menubuhkan Askar Timbalan Setia Negeri Johor yang menunjukkan pemodenan negeri Johor.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*. Singapura: Editions Didier Millet)



Tahukah Anda?

Dua perkara yang berikut merupakan kesan langsung daripada perkembangan sejarah yang berlaku melibatkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Cuti Umum

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, ketetapan diambil untuk mengekalkan hujung minggu pada hari Ahad. Namun begitu, lima bekas Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu mengekalkan Jumaat sebagai hari cuti mereka. Pada tahun 1994, mengikut kehendak kerajaan Perlis dan Johor, hari kelepasan am mingguan ditukarkan kepada hari Ahad. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, kerajaan Johor kembali menjadikan hari Jumaat sebagai cuti umum.

Askar Timbalan Setia Negeri Johor

Pasukan ini dikenali dengan nama Johor Military Force (Askar Timbalan Setia Negeri) yang ditubuhkan pada tahun 1885 sewaktu pemerintahan Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar. Baginda menerima saranan pihak British agar memiliki sebuah pasukan tentera sendiri bagi melindungi institusi diraja dan negeri Johor. Selain memberikan perkhidmatan menjaga keselamatan Sultan dan negeri Johor, pasukan Timbalan Setia Negeri ini terlibat dalam perbarisan bersempena dengan ulang tahun raja di England pada tahun 1906. Pasukan tentera ini terus kekal relevan hingga hari ini.

Perkembangan Pentadbiran

Pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu memberikan kesan besar kepada perkembangan pentadbiran yang melibatkan tiga aspek utama, iaitu pengekaln kedudukan sultan, penerusan sistem pentadbiran tradisional dan pengenalan birokrasi Barat.

1. Pengekalan Kedudukan Sultan

- Perubahan yang berlaku dalam sistem pentadbiran di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu tidak mengubah kedudukan sultan.
- Sultan masih kekal sebagai puncak kuasa dalam pentadbiran negeri.
- Sultan masih mempunyai kuasa terutama dalam hal berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- Selain kedudukan sultan, kedudukan pembesar turut dikekalkan, meskipun bidang tugasnya telah berubah.
- Pembesar tidak lagi mengutip cukai dan pajak seperti sebelum ini, sebaliknya diberikan elaun dan pencen.



Raja Ahmad bin Raja Endut, Menteri Besar Perlis yang pertama (1904-1957).



Datuk Wan Muhammad Saman, Perdana Menteri (Menteri Besar) Kedah yang pertama (1870-1898).



Dato' Perdana Menteri Paduka Raja, Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail, Menteri Besar Kelantan yang pertama (1921-1944).



Dato' Seri Amar Di Raja Haji Ngah Muhammad bin Yusof, Menteri Besar Terengganu yang pertama (1925-1940).



Dato' Jaafar bin Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama (1886-1919).

2. Penerusan Sistem Pentadbiran Tradisional

- Sistem pentadbiran tradisional seperti sistem Jemaah Menteri dan Majlis Negeri dan peraturan yang terdapat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan diteruskan.
- Pembesar Melayu menjadi peneraju sistem pentadbiran negeri.
- Pihak British turut membantu melalui peminjaman pegawai daripada Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.
- Negeri-negeri ini mempunyai sistem perkhidmatan awamnya sendiri.
- Kerajaan Kedah membuat perjanjian dengan kerajaan British yang menyatakan bahawa semua jawatan perkhidmatan awam hendaklah diisikan dengan pegawai Melayu Kedah.

3. Pengenalan Birokrasi Barat

- Penasihat British menentukan dasar pentadbiran negeri sehingga mengurangkan kuasa sultan dan pembesar.
- Jabatan-jabatan baharu turut diperkenalkan di setiap negeri.
- Pasukan polis diwujudkan.
- Urusan pentadbiran negeri mula mengamalkan cara Barat, mahkamah sivil diperkenalkan dan pegawai-pegawai British turut dibawa masuk sebagai pegawai pentadbiran kerajaan.



Tahukah Anda?

Bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam segala urusan rasmi yang berkaitan pentadbiran negara. Hal ini diperkukuh dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan dijelaskan melalui Pekeliling Bilangan 9 Tahun 2011, Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam.

(Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam)



Cerna Minda

Apakah amalan pentadbiran Barat di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

Peluasan kuasa British di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menyebabkan perubahan berlaku dalam sistem pentadbiran. Pembentukan sistem Penasihat British menjadi asas penting peluasan kuasa British di negeri-negeri ini. Walaupun kedaulatan negeri masih dipegang oleh sultan, namun kuasa yang ada semakin terhakis. Pembaharuan dan sistem pentadbiran yang sistematik menjadi penentu kepada kemajuan dan pembangunan negara.





Imbas Kembali

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

- Kerajaan Perlis
- Kesultanan Kedah
- Kesultanan Kelantan
- Kesultanan Terengganu
- Kesultanan Johor

Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

- Faktor Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu
- Strategi Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu
- Perjanjian Bangkok 1909

Peluasan Kuasa British di Johor

- Kemajuan dan Kemakmuran Johor
- Strategi British Menguasai Johor

Sistem Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

- Latar Belakang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
- Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
- Perkembangan Pentadbiran

Bab ini telah memerihalkan usaha peluasan kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor. Kedudukan strategik dan kekayaan hasil bumi negeri-negeri ini menarik minat penguasaan British. British perlu menjaga kepentingan pengaruhnya kerana wujud persaingan dengan kuasa Barat yang lain, khususnya di bahagian utara negeri Melayu. British berpakat dengan Siam dan menggunakan pengaruh Siam ke atas negeri-negeri Melayu di utara untuk meluaskan kuasanya. Kesannya, British mewujudkan pakatan longgar yang dinamakan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Bab seterusnya pula akan memerihalkan tindakan pemodal asing yang berusaha menguasai Sarawak dan Sabah. Pemodal asing ini melalui bantuan British melebarkan kuasa pentadbirannya pula di kedua-dua negeri tersebut.




Aktiviti 1: Kumpulan Pelangi (*Rainbow Groups*)

Arahan:

- (i) Murid berada dalam kumpulan. Guru akan menetapkan tajuk perbincangan.
- (ii) Selepas berbincang, bina kumpulan baharu yang terdiri daripada ahli kumpulan asal.
- (iii) Murid akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir-gilir.

Perjanjian British-Siam 1909 juga dikenali sebagai Perjanjian Bangkok 1909. Melalui perjanjian ini, kerajaan Siam bersetuju untuk menyerahkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu untuk bernaung di bawah pemerintahan British. Perjanjian tersebut ditandatangani di Bangkok antara Ralph Paget yang merupakan Duta Britain di Siam sebagai wakil kerajaan Britain dan Ireland, dengan Putera Devawongse Varoprakar yang merupakan Menteri Luar kerajaan Siam.



Perjanjian Bangkok 1909.
(Sumber: *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad)

Berdasarkan maklumat Perjanjian Bangkok 1909 di atas, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan mencari maklumat yang berikut:

Kumpulan 1

Syarat Perjanjian Bangkok 1909 dimeterai oleh Siam dan British.

Kumpulan 2

Kesan dan faedah yang diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Kumpulan 3

Reaksi Raja-raja Melayu dan rakyat negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu terhadap Perjanjian Bangkok 1909.

3. Selepas berbincang, bina kumpulan baharu yang terdiri daripada tiga ahli kumpulan asal.
4. Ahli kumpulan akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal masing-masing kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir-gilir.



Aktiviti 2: Drama (*Dramatisation*)

Arahan:

Persembahkan murid berasaskan peristiwa sejarah dalam bentuk drama, iaitu hasil kerja murid secara berkumpulan selepas membuat perbincangan, perancangan dan latihan.

Mendraf Surat Perjanjian dan Lakon Drama Menandatangani Perjanjian

1. Bahagikan kelas kepada dua kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu mendraf Surat Perjanjian bagi dua pihak yang berbeza-beza untuk menyelesaikan permasalahan, iaitu penyerahan kuasa pihak A kepada pihak B dan keuntungan yang akan diberikan oleh pihak B kepada pihak A.
3. Kedua-dua kumpulan perlu melantik seorang ketua dan barisan pembesar bagi membincangkan isu tersebut. Mereka akan memainkan watak-watak yang terlibat dalam perjanjian tersebut.
4. Butir-butir perlu dicatatkan dan perlu dibincangkan sebelum dibawa ke meja rundingan.
5. Pada akhir aktiviti ini, kata putus atau persetujuan perlu dicapai sebelum perjanjian ditandatangani oleh wakil kedua-kedua kumpulan.

(a) **Draf Pihak A**
Surat Perjanjian Penyerahan Kuasa
A. Kuasa-kuasa yang diserahkan:
1. _____
2. _____

B. Manfaat penyerahan kuasa:
1. _____
2. _____

(b) **Draf Pihak B**
Surat Perjanjian Penyerahan Kuasa
A. Kuasa-kuasa yang diserahkan:
1. _____
2. _____

B. Manfaat penyerahan kuasa:
1. _____
2. _____

(c) **Surat Perjanjian Penyerahan Kuasa**
A. Kuasa-kuasa yang diserahkan:
1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

B. Manfaat penyerahan kuasa:
1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

(d) **Surat Perjanjian Penyerahan Kuasa**
Penyataan Persetujuan

Tandatangan Persetujuan:

Pihak A **Pihak B**

Tarikh dipersetujui:



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. **Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911**

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A. Menyaingi kedudukan Johor.
- B. Memastikan keamanan negeri.
- C. Menghalang kemaraan kuasa British.
- D. Mengukuhkan kuasa dan kedudukan Sultan.

2. Apakah tugas Dato' Mata-Mata semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III di Terengganu?

- A. Mengawal istana.
- B. Menangkap orang salah.
- C. Menjaga keselamatan sultan.
- D. Menyambut kedatangan orang kenamaan.

3. Perjanjian berikut merupakan perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam sebelum tahun 1909, kecuali:

- A. Perjanjian Sempadan 1899
- B. Perjanjian Pangkor 1874
- C. Perjanjian Burney 1826
- D. Perjanjian Sulit 1897

4. Senaraikan dua negeri Melayu yang menjalinkan hubungan dengan Johor ketika zaman pemerintahan Maharaja Abu Bakar.

- (a) _____
- (b) _____

5. Namakan badan pentadbiran yang membantu Sultan Terengganu sewaktu baginda menjalankan pentadbiran negeri.

- (a) _____
- (b) _____

6. **Kehadiran British ke negara kita dipengaruhi oleh pelbagai faktor.**

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Senaraikan lima faktor yang mendorong kehadiran British ke negara kita.
- (b) Nyatakan kepentingan kedudukan strategik Terengganu dan Kelantan.
- (c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi tindakan British dalam usaha peluasan kuasanya?



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

7. Tandakan lima buah negeri dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dalam rajah di bawah.

U	A	G	G	A	N	U	T	A	K
M	N	R	K	L	A	N	G	G	E
A	P	A	K	E	N	U	E	N	D
B	A	T	G	D	T	S	R	O	A
C	R	T	A	G	P	B	K	T	H
T	K	E	L	A	N	T	A	N	P
K	L	R	S	H	H	E	T	T	K
R	O	H	O	J	H	P	R	S	T
S	N	U	J	S	I	L	R	E	P
J	O	H	O	L	N	P	R	T	T

8. Secara berkumpulan, berdasarkan gambar bunga emas di sebelah lakukan tugas yang berikut:
- Hasilkan satu esei tentang ciri-ciri bunga emas yang dihantar oleh negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu ke Siam.
 - Berdasarkan pelbagai sumber, dapatkan maklumat tentang penghantaran bunga emas negeri Kedah ke Siam.



Bunga emas.
(Sumber: Muzium Negara)



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Kita hendaklah menjiwai usaha pemimpin terdahulu mempertahankan maruah dan warisan bangsa daripada dirobek penjajah.
- Kita hendaklah sentiasa bersedia mempertahankan negara daripada diserang anasir luar yang boleh memporak-perandakan negara.
- Permuafakatan merupakan unsur terpenting dalam usaha kita memperjuangkan maruah dan warisan negara.

Diri dan Keluarga

Kita perlulah sentiasa menjaga keterampilan diri untuk dihormati oleh orang lain.

Negara

Tanggungjawab mempertahankan maruah dan warisan negara adalah di atas bahu setiap warganegaraanya.



Setiap warganegara mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan maruah dan warisan negara. Antara langkah pemupukan semangat tanggungjawab ini termasuklah melalui latihan fizikal separa ketenteraan.



Astana di Kuching, Sarawak yang dibina pada tahun 1932.
(Sumber: Koleksi DBP, 2018)



Sinopsis

Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pemerintahan yang sistematik sebelum kedatangan kuasa Barat. Pemerintahan tempatan ini dilaksanakan bagi menjamin kelangsungan kehidupan masyarakat berasaskan peraturan yang diterima oleh masyarakat ketika itu. Namun begitu, perubahan berlaku seiring dengan kemasukan dan peluasan kuasa Dinasti Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara British di Sabah. Pelbagai strategi digunakan sama ada oleh Dinasti Brooke atau pemodal Barat termasuk Syarikat Borneo Utara British untuk menguasai Sarawak dan Sabah. Peluasan kuasa Barat di Sarawak dan Sabah berlaku secara beransur-ansur. Pentadbiran cara Barat yang diperkenalkan turut digabungkan bersama-sama pentadbiran tempatan.



Astana Kuching
dan Pejabat
Tadbir Sabah




Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan latar belakang pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah.
2. Menerangkan peluasan kuasa Dinasti Brooke di Sarawak.
3. Menghuraikan peluasan kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah.
4. Merumuskan pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menerangkan sikap kesediaan menerima perubahan yang membawa kebaikan.
2. Menjelaskan kepentingan sikap berwaspada terhadap anasir luar.
3. Menjelaskan kepentingan kewibawaan pemimpin dalam pembangunan negara.
4. Menilai keberkesanan pentadbiran yang sistematik untuk kemajuan negara.



Pejabat Kereta Api Sabah, 1930.

(Sumber: Chai Foh Chin, 2007. *Early Picture Postcards of North Borneo and Labuan*. Sabah: Opus Publications Sdn. Bhd.)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi peluasan kuasa Dinasti Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara British di Sabah.
2. Meneroka bukti kemakmuran Sarawak dan Sabah sebelum kedatangan kuasa Barat.
3. Membuat imaginasi peluasan kuasa Barat di Sarawak dan Sabah.
4. Membuat interpretasi peluasan kuasa Barat di Sarawak dan Sabah.
5. Membuat rasionalisasi perubahan pentadbiran di Sarawak dan Sabah.

5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

Pengenalan

Sebelum kedatangan kuasa-kuasa luar, masyarakat tempatan di Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pemerintahan yang berkesan. Sistem pemerintahan yang diamalkan ini membawa kestabilan dan menyumbang kepada keharmonian serta kemakmuran di negeri-negeri ini. Sistem ini menjadi panduan dalam perkembangan ekonomi, sosial dan politik masyarakat tempatan di kedua-dua buah negeri. Di Sarawak, terdapat beberapa kerajaan Melayu seperti Sawaku, Kalaka, Samadong dan Melano.



Sistem Pemerintahan Tempatan

Sistem pemerintahan di Sarawak dan Sabah mempunyai persamaan dan perbezaan. Persamaan dan perbezaan yang wujud ini mempunyai kaitan langsung dengan perkembangan sejarah sosiopolitik yang berlaku di kedua-dua buah negeri tersebut. Setiap suku kaum di Sarawak dan Sabah mempunyai ketua rumah tetapi disebut mengikut dialek masing-masing, namun semuanya mempunyai maksud yang sama.

1. Sistem Kesukuan

Sistem ini dilaksanakan oleh masyarakat tempatan di Sarawak dan Sabah. Asas yang penting ialah pegangan dan kepatuhan kepada adat masyarakat.



Tahukah Anda?

Terdapat kira-kira 27 etnik di Sarawak dan kira-kira 34 etnik di Sabah.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)



Rumah Panjang di Sarawak
(Sumber: Koleksi DBP, 2010)



Mengapakah wujud perbezaan sistem pemerintahan di sesebuah negeri?




Aktiviti Peta Pemikiran

Hasilkan peta buih berganda bagi menunjukkan persamaan dan perbezaan sistem kesukuan di Sarawak dan Sabah.

2. Sistem Pentadbiran Tempatan

Pengaruh Kesultanan Brunei ketara di Sarawak dan Sabah. Di Sabah, selain Kesultanan Brunei, wujud pengaruh Kesultanan Sulu di bahagian pantai timur Sabah.



Sistem Kedatuan di Sarawak

Sistem Kedatuan merupakan sistem pemerintahan tradisi masyarakat Melayu di Sarawak yang berpusat di sekitar Sungai Sarawak. Sistem ini merupakan kesinambungan daripada sistem kerajaan yang terdapat sebelum ini di Sarawak.

Sistem ini diamalkan oleh kerajaan-kerajaan awal yang wujud di Sarawak.

Sewaktu pengaruh Kesultanan Brunei, golongan pembesar ini menjadi wakil bagi pihak Sultan Brunei.

Kerajaan Sawaku merupakan antara kerajaan awal yang terletak di sekitar Sungai Sarawak ditadbir oleh Datu Merpati Jepang.

Mereka berkuasa mentadbir Sarawak tanpa campur tangan Kesultanan Brunei.

Keturunan Datu Merpati Jepang secara turun-temurun menguasai pentadbiran di wilayah ini dengan memakai gelaran Datu Patinggi, Datu Bendahara (Datu Bandar) dan Datu Temenggung.

Mereka bertanggungjawab menjalankan pentadbiran dan membangunkan Sarawak.



Sungai Kerajaan,
Tulin, Kuripan



Tahukah Anda?

Gelaran Orang Kaya (O.K.) diberikan oleh Kesultanan Brunei terutamanya kepada pemimpin Iban dan pemimpin tempatan untuk menonjolkan kedudukan mereka sebagai pemimpin.

Sistem Pentadbiran di Sabah

Kawasan pantai barat dikuasai oleh Kesultanan Brunei, manakala kawasan pantai timur dikuasai oleh Kesultanan Sulu.

Kuasa Kesultanan Brunei di Sabah berasaskan sistem penguasaan tanah.

Pentadbiran dijalankan oleh pembesar tempatan yang menjadi wakil sultan atau pembesar (pengiran) yang memiliki wilayah tersebut.

Sultan Sulu memiliki semua tanah di bawah pengaruhnya. Namun begitu, pemerintahan diwakilkan oleh Datu.

Kuasa golongan Datu pula bergantung pada milikan bilangan hamba (pengikut) dan kemampuan menghantar ufti secara tetap kepada sultan.

Golongan Datu inilah yang sebenarnya menjalankan pentadbiran di pantai timur Sabah dan sistem ini dikenali sebagai sistem Datu.

Sistem Ketua Bebas di Sabah

Pada abad ke-17 dan 18, sistem pentadbiran Ketua Bebas dijalankan di kawasan-kawasan yang kuasa Sultan Brunei dan Sulu agak lemah atau tidak berkesan. Sistem ini bergantung pada kemampuan individu untuk memerintah kawasan yang dikuasainya.

Ketua bebas ini muncul daripada sikap berani dan keperwiraan seseorang tokoh yang mencabar kewibawaan Sultan di kawasannya.

Mereka tergolong atau mempunyai pertalian keluarga dengan Sultan Brunei atau Sultan Sulu.

Mereka mempunyai undang-undang tersendiri dan tidak mengiktiraf kuasa lain.

Antara Ketua Bebas yang dikenali ialah Syarif Osman yang berkuasa di daerah Marudu antara tahun 1830-1840 dan Datu Kerunding yang berkuasa di daerah Tungku pada akhir abad ke-19.

Mereka berkuasa dan bertanggungjawab menjalankan pentadbiran di kawasan masing-masing.

Jelaslah bahawa Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pemerintahan yang teratur yang membawa kepada kestabilan dan kemakmuran kepada masyarakat. Dalam masa yang sama menarik kehadiran kuasa luar. Oleh itu, kita seharusnya berwaspada terhadap anasir luar yang mampu mengambil alih kuasa yang ada jika kita tidak bersatu padu.



Apakah kelebihan sistem Ketua Bebas di Sabah?



Cerna Minda

Di manakah dijalankan sistem pentadbiran Ketua Bebas?

5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak

Pengenalan

Peluasan kuasa Barat di Sarawak dilakukan oleh pihak persendirian, iaitu James Brooke. Kekayaan Sarawak terutamanya sagu, antimoni dan emas menarik perhatian James Brooke untuk menguasai Sarawak. Beliau menggunakan pelbagai strategi untuk meluaskan kuasanya. Selain itu, perpecahan politik di Sarawak dan alasan kegiatan pelanun digunakan sepenuhnya oleh James Brooke hingga akhirnya beliau berjaya memperoleh Sarawak daripada Kesultanan Brunei. Seterusnya, James Brooke dan keluarganya berusaha meluaskan kuasa mereka ke seluruh Sarawak.

Sarawak Ketika Kehadiran James Brooke

- Kawasan Sungai Sarawak merupakan kawasan ekonomi yang penting.
- Sultan Brunei menghantar Pengiran Indera Mahkota ke kawasan ini sebagai pembesar Brunei untuk menguasai ekonomi.
- Pada tahun 1820-an, kalangan masyarakat Melayu bertumpu di Lidah Tanah yang terletak di sekitar Sungai Sarawak. Kawasan ini menjadi pusat perdagangan dan pentadbiran. Kawasan ini sangat strategik kerana mampu mengawal kegiatan perdagangan sungai dan kawasan pedalaman.



Peta menunjukkan Sarawak ketika kehadiran James Brooke.

Terdapat beberapa individu yang terlibat dalam percaturan politik dan pemerintahan di Sarawak antara tahun 1830-an hingga 1840-an.



Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei

- Sultan Brunei yang mentadbir wilayah Sarawak pada tahun 1827 berhasrat mengawal kegiatan perdagangan di Sarawak.
- Pengiran Indera Mahkota mendirikan pusat pentadbiran di Kuching.
- Menimbulkan perbalahan dengan pembesar tempatan kerana mengenakan cukai yang tinggi dan kerahan tenaga.
- Penentangan dipimpin oleh Datu Patinggi Ali yang ingin membebaskan Sarawak daripada cengkaman Pengiran Indera Mahkota.



Pengiran Raja Muda Hashim

- Dihantar oleh Sultan Brunei untuk menyelesaikan masalah di Sarawak.
- Merupakan bapa saudara Sultan Brunei.
- Berusaha memujuk Datu Patinggi Ali dan pembesar Melayu, namun gagal.
- Beliau meminta bantuan James Brooke.



Cerna Minda

Siapakah yang dihantar oleh Sultan Brunei untuk menyelesaikan masalah di Sarawak?



James Brooke

- Mencari peluang untuk mendapatkan Sarawak.
- Pada peringkat awal, menjalankan aktiviti pengembaraan di antara Sarawak dan Singapura dengan kapalnya Royalist.
- Mendapat sokongan pihak British melalui angkatan tentera laut.
- Menerima pelawaan Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyelesaikan masalah di Sarawak.
- James Brooke mengenakan syarat, iaitu Pengiran Raja Muda Hashim perlu menyerahkan Sarawak kepada beliau.



Datu Patinggi Ali

- Pembesar tempatan di Sarawak.
- Melakukan penentangan terhadap pentadbiran Brunei pada tahun 1836.
- Menentang tindakan-tindakan wakil Sultan Brunei yang menjejaskan kehidupan masyarakat tempatan.
- Bersetuju berunding dengan James Brooke dan menamatkan penentangan terhadap Brunei.

James Brooke Mendapatkan Kuasa Pemerintahan

James Brooke menggunakan kesempatan terhadap masalah yang berlaku di Sarawak sehingga berjaya menyelesaikannya. James Brooke menggunakan empat strategi dalam usaha mencapai matlamatnya.

1. Rundingan

- Strategi ini digunakan oleh James Brooke apabila berunding dengan Pengiran Raja Muda Hashim apabila diminta untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di Sarawak.
- Dalam rundingan inilah Pengiran Raja Muda Hashim menawarkan Sarawak kepada James Brooke dan tawaran ini dilakukan sebanyak dua kali sebelum James Brooke menerimanya.

2. Ugutan

- Strategi ugutan dilakukan oleh James Brooke sebanyak dua kali. Pertama, terhadap Pengiran Raja Muda Hashim yang cuba berdolak-dalik dan tidak bersetuju dengan rundingan yang dilakukan sebelumnya, iaitu menyerahkan Sarawak kepadanya. Bagi mengatasi hal ini, James Brooke mengugut Pengiran Raja Muda Hashim dengan bersedia menyerang kedudukan Pengiran Raja Muda Hashim di Kuching.
- Tindakan ini menyebabkan Pengiran Raja Muda Hashim bersetuju menyerahkan pemerintahan Sarawak kepada James Brooke.
- Ugutan kedua dilakukan secara tidak langsung kepada pemerintah Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin apabila James Brooke hadir ke Brunei diiringi oleh angkatan tentera laut British.
- Kehadiran James Brooke adalah untuk mengesahkan penyerahan Sarawak seperti yang dilakukan oleh Pengiran Raja Muda Hashim.
- Tindakan James Brooke menyebabkan Sultan bersetuju mengesahkan penyerahan Sarawak tersebut.

3. Perjanjian

- James Brooke turut menggunakan perjanjian sebagai strategi untuk meluaskan kuasa. Dua perjanjian terpenting berlaku pada tahun 1841 dan 1842.

Perjanjian 1841: James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim

- James Brooke memerintah Sarawak dan menguasai hasilnya.
- James Brooke harus menghormati dan memelihara undang-undang dan adat Melayu.

Perjanjian 1842: James Brooke dengan Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin

- Sultan Brunei menyerahkan Sarawak dari kawasan Tanjung Datu ke Sungai Samarahan.
- Semua hasil pendapatan kawasan ini diserahkan kepada James Brooke.
- James Brooke mestilah memberikan ufti tahunan sebanyak 2,500 Dolar Sepanyol kepada Sultan Brunei.
- Tidak boleh campur tangan dalam hal adat dan agama penduduk tempatan.
- Tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran Sultan Brunei.
- Sultan Brunei mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Putih Sarawak.

- Kedua-dua perjanjian inilah yang membolehkan James Brooke mendapatkan kekuasaan sebagai pemerintah Sarawak dan secara langsung menamatkan kekuasaan Kesultanan Brunei di Sarawak.

4. Ketenteraan

- James Brooke turut menggunakan kekuatan ketenteraan dalam usahanya untuk mendapatkan kuasa di Sarawak.
- Bantuan ketenteraan diperoleh melalui sokongan kapal HMS Dido yang dimiliki oleh angkatan tentera laut British.
- Kapal ini digunakan bagi memerangi ancaman lanun yang mengganggu perdagangan dan ketenteraman Sarawak.

Walau bagaimanapun, kejayaan James Brooke ini hanyalah permulaan kepada penguasaan yang lebih luas. Kemudiannya, ia meliputi kawasan-kawasan lain di Sarawak yang masih dalam kekuasaan Kesultanan Brunei.



Tahukah Anda?

Fort Margherita dibina pada tahun 1878 dan siap sepenuhnya pada tahun 1879 serta mengambil nama isteri Raja Charles Brooke. Kos pembinaannya ialah 8100 Dolar Sepanyol.



Aktiviti TMK

Dengan menggunakan pelbagai sumber TMK, hasilkan poster bertajuk “Fort Margherita: Kota Penuh Misteri”.

Pengukuhan Kuasa James Brooke

Setelah memperoleh kuasa di Sarawak, James Brooke berusaha mengukuhkan kuasanya.

Jadual: Usaha dan Tindakan James Brooke Mengukuhkan Kuasa

<p>Kekuatan Tentera</p>	<ul style="list-style-type: none"> • James Brooke memperoleh bantuan dan sokongan daripada tentera laut British. • Kapal perang HMS Dido berjaya menghancurkan kubu kuat orang Iban di Sungai Saribas dan Sungai Skrang.
<p>Menentang Kebangkitan Orang Tempatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • James Brooke menganggap kebangkitan orang tempatan sebagai lanun. • Isu ini menjadi alasan tindakan meluaskan kuasa di kawasan orang Iban sebagai tindakan yang sah dan mendapat sokongan British.
<p>Memperoleh Sokongan Sebahagian Masyarakat Tempatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • James Brooke berjaya memperoleh sokongan daripada sebahagian orang tempatan termasuklah sebahagian orang Melayu dan Iban.
<p>Mengambil Kesempatan daripada Pertelingkahan yang Wujud dalam Masyarakat Tempatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Di Mukah, James Brooke menyokong Pengiran Matusin yang berkonflik dengan Pengiran Ersat. Pengiran Ersat dan anaknya Pengiran Nipa lebih dihormati oleh penduduk tempatan. Brooke menyokong Pengiran Matusin hingga membolehkan Brooke memecahkan kekuatan masyarakat tempatan di Mukah.
<p>Menghapuskan Tokoh Tempatan yang Menentang Kedudukannya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • James Brooke berjaya menyingkirkan tokoh tempatan yang menentangnya. • Sharif Masahor yang dituduh terlibat dalam pakatan menyingkirkan Brooke dibuang ke Singapura. • Datu Patinggi Abang Abdul Ghafur bin Abang Qahar pula dibuang ke Melaka.
<p>Memperkuh Pertahanan Sarawak</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Benteng dan kubu yang dilengkapi dengan meriam didirikan di kawasan yang strategik bagi mengawal kawasan tersebut. • Kubu di Sungai Skrang dibina pada tahun 1849 selepas Perang Beting Maru tamat bagi memerhati pergerakan kaum Iban Skrang daripada menentang pentadbiran Brooke di kawasan tersebut. Pada tahun 1849, kubu ini dinamakan Fort James. • Pada tahun 1862, Renjer Sarawak ditubuhkan bagi mengawasi keamanan dan pertahanan.
<p>Sokongan Kewangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam usaha meluaskan kuasa di Sarawak, James Brooke memperoleh sokongan kewangan daripada pemodal Eropah terutama Baroness Angela Burdett-Counts.



James Brooke menggunakan kekuatan ketenteraan untuk menguasai Sarawak. Bincangkan.

Kronologi Peluasan Kuasa Dinasti Brooke

Tahun 1841

- James Brooke memperoleh kawasan Kuching, kemudiannya merangkumi kawasan dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan.
- Sejak tahun 1840-an, James Brooke berjaya menguasai Batang Lupar dan Sungai Saribas.



James Brooke, Raja Putih Sarawak yang pertama (1842-1868).




Charles Brooke, Raja Putih Sarawak yang kedua (1868-1917).

Tahun 1853

- Penentangan orang Iban di Saribas dan Batang Lupar berjaya ditumpaskan dengan menggunakan alasan menghapuskan lanun.
- Sadong, Batang Lupar, Saribas dan Kalaka berjaya diperoleh oleh James Brooke. Sebagai balasan, separuh daripada hasil pendapatan wilayah ini diberikan kepada Sultan Abdul Mumin.

Tahun 1861

- Sultan Abdul Mumin menyerahkan Sungai Rajang kepada James Brooke dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol setahun kerana membantu menghapuskan kebangkitan orang tempatan.
- Kawasan yang terlibat termasuklah Oya, Mukah, Tatau dan Bintulu.



Kawasan jajahan keluarga Brooke di Sarawak.



Cerna Minda

Namakan kawasan yang berjaya dikuasai oleh James Brooke.



KPS

Bincangkan kaedah yang digunakan oleh Charles Brooke dalam usaha memperluas kuasa Dinasti Brooke di Sarawak.

Tahun 1883

- Orang Kayan yang mendiami kawasan Sungai Baram bangun menentang Kesultanan Brunei.
- Charles berjaya mendapatkan Baram dan seluruh lembangan Sungai Baram daripada Sultan Brunei dengan bayaran ufti sebanyak 4200 Dolar Sepanyol setahun.

Tahun 1885


- Kawasan di Sungai Trusan diperoleh oleh Charles Brooke dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol yang diserahkan kepada Temenggung kerana kawasan itu di bawah penguasaan beliau.
- Tindakan ini diambil bagi membolehkan isu pembunuhan beberapa peniaga Sarawak oleh orang Murut di kawasan itu dapat diselesaikan.

Tahun 1890

- Limbang diperoleh Charles Brooke pada tahun 1890.
- Tindakan ini dilakukan apabila penduduk Limbang bersetuju untuk menyertai Sarawak.
- Bayaran sebanyak 6000 Dolar Sepanyol kepada Sultan Brunei.

Tahun 1905

- Pada 12 Januari 1905, kerajaan Sarawak memperoleh hak terhadap Lawas yang sebelum itu dimiliki oleh SBUB.
- Sempadan Sarawak itu masih dikekalkan hingga kini.



Charles Vyner Brooke, Raja Putih Sarawak yang ketiga (1917-1946).

Jelaslah bahawa kelicikan dan kemampuan James Brooke menggunakan pelbagai strategi membolehkannya berjaya mendapatkan Sarawak daripada Sultan Brunei. Perpecahan dan konflik masyarakat tempatan memudahkan usaha James Brooke ini. Dalam hal ini, sejarah membuktikan bahawa tanpa sifat bersatu padu dan berwaspada, orang asing akan lebih mudah untuk mengambil alih kuasa dan seterusnya menguasai negara kita.



Mengapakah sungai di Sarawak sangat penting dalam kehidupan masyarakat di Sarawak?



KPS


Imaginasikan peristiwa pengambilan Sungai Trusan oleh Charles Brooke pada tahun 1885. Ceritakan peristiwa tersebut semula.

Pengenalan

Sebelum kehadiran kuasa-kuasa Barat di Sabah, pentadbiran di Sabah dikuasai oleh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu serta Ketua-ketua Bebas. Kedudukan Sabah yang strategik dan mempunyai potensi ekonomi yang besar menyebabkan Sabah menjadi perhatian pemodal asing. Dengan strategi pajakan, pembelian dan perjanjian, akhirnya Sabah berjaya dikuasai oleh pemodal asing seterusnya dimiliki oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

Kemakmuran Sabah Menarik Pemodal Asing

Dua faktor penting yang menyebabkan Sabah menjadi tarikan kepada pemodal luar ialah kedudukannya yang strategik dan kekayaan ekonomi.



Kedudukan strategik Sabah di laluan maritim antarabangsa.

(Sumber: James Waren, "The Global Economy and the Sulu Zone: Connections, Commodities and Culture", *Crossroads Studies on the History of Exchange Relation in the East Asian World*, Vol. III, 2001)

1. Kedudukan Strategik

Sabah berada di tengah-tengah laluan perdagangan di antara China dan Singapura. Sabah juga berhampiran dengan laluan Pulau Palawan yang merupakan laluan maritim bagi kapal-kapal dagang untuk belayar ke China dan Jepun.

Sabah penting dalam aktiviti perdagangan yang melibatkan kepulauan Sulu hingga New Guinea dan Australia.

Pelabuhan-pelabuhan di sepanjang pantai barat dan timur Sabah merupakan pelabuhan semula jadi yang strategik. Kapal boleh berlabuh dengan selamat daripada tiupan angin monsun. Antara pelabuhan utama termasuklah di Teluk Gaya.

2. Kekayaan Ekonomi

- Hasil-hasil ekonomi Sabah terutamanya sarang burung, sagu, rotan, getah perca, gamat dan sirip ikan yu telah lama memasuki pasaran antarabangsa.
- Barangan ini didagangkan oleh masyarakat tempatan dengan pedagang-pedagang asing yang datang ke Sabah.

- Sarang burung mendapat permintaan yang tinggi dalam pasaran di China.
- Keadaan ini menyebabkan pedagang Barat yang berminat mendapatkan barangan China menjadikan sarang burung sebagai barang dagangan yang penting untuk dibawa ke China.

- Di kawasan dataran dan lembah pula, tanaman seperti indigo dan kapas hidup subur.
- Hal ini membolehkan pertanian komersial dijalankan dengan giat.

Kekayaan yang dimiliki oleh Sabah menjadi perhatian dalam kalangan pemodal asing. Mereka berusaha meluaskan kuasa di Sabah. Hal peluasan kuasa ini agak unik kerana berbeza daripada usaha kuasa luar yang meluaskan kuasa di negeri-negeri lain di negara kita.

Sabah Sebelum Penguasaan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

Sebelum pertapakan dan peluasan kuasa SBUB di Sabah, dua kawasan telah pun dimiliki oleh British, iaitu Pulau Balambangan dan Pulau Labuan.

Pulau Balambangan

- Pada tahun 1763, Alexander Dalrymple yang membuat perjanjian dengan Kesultanan Sulu telah mengibarkan bendera British di Pulau Balambangan yang menandakan pulau tersebut menjadi milik British.
- Namun begitu, penempatan British di sini menghadapi pelbagai masalah termasuk serangan lanun.
- British meninggalkan pulau ini pada bulan November 1805.

Pulau Labuan

- James Brooke berusaha meluaskan daerah kekuasaan dengan mengadakan perjanjian dengan Sultan Brunei berhubung dengan Pulau Labuan.
- Sultan Brunei menyerahkan Labuan kepada pihak British melalui perjanjian pada 18 Disember 1846 dan pihak British bertanggungjawab menumpaskan lanun di kawasan tersebut serta melindungi perdagangan.
- James Brooke dilantik sebagai Gabenor yang pertama.



Pulau Balambangan
dan Pulau Labuan



British bertindak memacakkan benderanya di Pulau Balambangan. Bincangkan.




Tahukah Anda?

Indigo merupakan tanaman yang mampu menghasilkan warna semula jadi yang biasanya digunakan dalam industri mewarna tekstil.



Pertapakan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

Kedudukan strategik dan potensi kekayaan Sabah menarik perhatian pemodal asing. Beberapa strategi digunakan oleh mereka, iaitu dengan menyewa, memajak dan mengadakan perjanjian dengan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Perkembangan ini membawa perubahan ekonomi, sosial dan politik yang penting di Sabah.



Jata Syarikat Borneo Utara British (1881-1946).

(Sumber: Arkib Negeri Sabah)



Pegawai Syarikat Borneo Utara British.

(Sumber: Arkib Negeri Sabah)



Cerna Minda

Senaraikan nama pemodal yang terlibat dalam kegiatan perdagangan di Sabah.


Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

Kedudukan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) sebagai sebuah syarikat berpiagam menjadi asas penting dalam usahanya untuk meluaskan pengaruh dan kedudukan di Sabah. Piagam Diraja memberikan kuasa kepada SBUB untuk memiliki Sabah. Piagam Diraja yang diterima oleh SBUB diberikan oleh kerajaan British yang mengiktiraf kedudukan SBUB sebagai wakil kerajaan British. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan peluasan kuasa British ke atas Sabah.

Syarat yang perlu dipatuhi oleh SBUB untuk menerima Piagam Diraja adalah seperti yang berikut:

- SBUB menerima Penasihat British.
- SBUB perlu memelihara adat resam, agama dan undang-undang penduduk tempatan. SBUB hendaklah memerintah Sabah dengan adil dan saksama.
- SBUB mesti melantik Pegawai Tadbir daripada pegawai yang diakui British.
- SBUB tidak dibenarkan menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British.

- Dua matlamat utama SBUB ialah pembangunan ekonomi melalui eksploitasi sumber-sumber yang terdapat di Sabah dan melindungi serta mempertahankan hak-hak masyarakat tempatan.
- Melalui piagam ini, SBUB mempunyai kuasa mentadbir Sabah. Sir Rutherford Alcock menjadi presiden pertama, manakala Alfred Dent dilantik sebagai pengarah urusan.
- Kuasa sebenar syarikat terletak di tangan kalangan pemodal di London. Di Sabah pula, sistem birokrasi yang diterajui oleh Gabenor dibentuk bagi memastikan usaha syarikat untuk mengaut keuntungan.
- Gabenor pertamanya ialah William Hood Treacher (1881-1887).



William Hood Treacher
(Sumber: Muzium Negeri Sabah)

Kedudukan Sabah yang strategik dan potensi ekonominya menjadi faktor yang menarik kemasukan pemodal asing termasuklah SBUB. Setelah bertapak dan memperoleh Piagam Diraja daripada kerajaan British, SBUB bertindak meluaskan kuasanya di Sabah. Meskipun demikian, peluasan kuasa ini menyebabkan kekayaan yang dimiliki oleh Sabah akhirnya dikuasai oleh pihak asing. Oleh itu, kestabilan negara amatlah penting bagi memastikan usaha inovasi dan kreativiti kita untuk memajukan ekonomi negara tidak dimanipulasi dan dieksploitasi oleh kuasa asing.



Bincangkan potensi pembangunan ekonomi di Sarawak dan Sabah.

5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

Pengenalan

Peluasan kuasa oleh Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah bermatlamat mengaut keuntungan daripada eksploitasi terhadap sumber hasil dan kuasa politik mereka. Bagi memastikan matlamat mereka tercapai, pelbagai perubahan pentadbiran dilakukan. Perubahan pentadbiran ini memberikan kesan besar kepada kehidupan masyarakat di Sarawak dan Sabah.

Pemantapan Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

Usaha memantapkan pentadbiran dan kuasa Dinasti Brooke dilakukan secara berhati-hati dan berperingkat-peringkat.



1. Pembahagian Wilayah

Pentadbiran Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah menyusun semula sistem pentadbiran dengan membuat pembahagian terhadap wilayah-wilayah yang dikuasai. Hal ini dilakukan bagi membolehkan pentadbiran dijalankan dengan lebih berkesan.

(a) Sarawak

- Pada tahap awal, Raja Brooke membahagikan Sarawak kepada tiga bahagian bagi memudahkan pentadbiran.
- Charles Brooke menambahkan dua bahagian pada tahun 1885 dan 1890.
- Setiap bahagian dipecahkan kepada daerah dan kampung.
- Sempadan kawasan ini menjadi asas pemilikan dan kekuasaan Dinasti Brooke. Hal ini berbeza daripada amalan sebelumnya yang lebih menekankan kepada hak percukaian.




Cerna Minda

Apakah tindakan yang dilakukan oleh Dinasti Brooke untuk menyusun semula pentadbiran di Sarawak?



KPS

Rasionalkan tindakan Syarikat Borneo Utara British memantapkan pentadbiran di Sabah.




Bahagian di Sarawak semasa pemerintahan Dinasti Brooke.
(Sumber: Muzium Negeri Sarawak)

Bahagian Pertama	Sungai Sarawak dan Sadong
Bahagian Kedua	Batang Lupar, Saribas, Kalaka, Simanggang
Bahagian Ketiga	Sungai Rajang, Oya, Mukah, Bintulu, Matu
Bahagian Keempat	Sungai Baram
Bahagian Kelima	Limbang, Trusan dan Lawas

(b) Sabah

- SBUB turut melaksanakan pembahagian residensi di Sabah. Pada tahap awal hanya terdapat dua Residensi, iaitu Residensi Pantai Timur yang berpusat di Sandakan dan Residensi Pantai Barat yang berpusat di Jesselton.
- Pada tahun 1922, kawasan pentadbiran terdiri daripada lima residensi, iaitu Kudat, Pantai Barat, Pedalaman, Pantai Timur dan Tawau yang kesemuanya berjumlah 17 daerah.
- Setiap Residensi diketuai oleh Residen, sementara di daerah pula diketuai oleh Pegawai Daerah.
- Setiap Pegawai Daerah dibantu oleh Penolong Pegawai Daerah. Kebiasaannya, Residen, Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah berbangsa Inggeris atau Eropah.



Pembahagian residensi di Sabah pada tahun 1922 oleh SBUB.
(Sumber: Muzium Negeri Sabah)



Tahukah Anda?

Kudat pernah menjadi ibu negeri pertama Sabah sewaktu di bawah pentadbiran SBUB antara tahun 1881 hingga tahun 1884.

2. Pengekalan Pembesar Tempatan

Dasar yang dijalankan oleh Dinasti Brooke di Sarawak berasaskan kepada amanah. Sarawak merupakan milik penduduk peribuminya dan Raja Brooke memerintah bagi pihak dan untuk kepentingan mereka. Dengan asas ini, sikap mengambil berat terhadap usaha mempertahankan hak dan kepentingan kaum dijadikan pegangan.

Keadaan yang hampir sama turut berlaku di Sabah apabila SBUB perlu memenuhi syarat Piagam Diraja, iaitu menghormati dan mempertahankan masyarakat peribumi.

Pengekalan Pembesar Tempatan di Sarawak

Dinasti Brooke melibatkan kalangan pembesar tempatan dalam sistem pentadbiran atas nama dasar amanah.

Dasar ini digunakan bagi mengisi kekurangan pegawai-pegawai Eropah yang jumlahnya kecil.

Penglibatan orang tempatan seperti kalangan Datu, iaitu Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Temenggung serta dua jawatan baharu, iaitu Datu Imam dan Datu Hakim.

Ketika zaman Charles Vyner Brooke, beberapa gelaran diwujudkan, iaitu Datu Menteri, Datu Pahlawan, Datu Bentara dan Datu Amar.

Para pembesar tidak lagi dibenarkan mengutip cukai, sebaliknya diberikan gaji dan peranan membantu pentadbiran.

Mengekalkan semua undang-undang tempatan dan adat yang tidak bercanggah dengan sistem barat.

Pengekalan Institusi Peribumi di Sabah

Bagi menjamin kecekapan dan pentadbiran yang baik, SBUB membahagikan ketua-ketua peribumi kepada kategori ketua yang diakui dan yang tidak diakui.

Ketua Anak Negeri yang diakui diserapkan ke dalam sistem pentadbiran SBUB dan dibayar gaji, sementara Ketua Anak Negeri yang tidak diakui tidak dibayar gaji.

Institusi peribumi yang utama ialah Institusi Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung (Orang Tua) dan Mahkamah Anak Negeri.

Ketua bergaji akan memelihara keamanan dan peraturan serta mengutip cukai kepala dan mentadbir keadilan.

Ketua Anak Negeri yang juga digelar Orang Kaya-Kaya (O.K.K.) membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran pada peringkat daerah.

Ketua Anak Negeri juga dilantik menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri dan bertugas dalam menjaga keamanan daerah mereka, memungut cukai dan mengurus pentadbiran pengadilan (pembantu majistret).



Kuasa Barat di Sarawak dan Sabah memperkenalkan sistem pentadbiran moden tetapi dalam masa yang sama mengekalkan pemerintahan tempatan. Bincangkan.

3. Pentadbiran yang Berhierarki

Bagi menyelaraskan sistem pentadbiran yang berkesan, Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah membentuk sistem pentadbiran berhierarki.

(a) Sarawak

Raja Brooke mengetuai pentadbiran di Sarawak yang dibantu oleh Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri. Residen pula mengetuai pentadbiran di setiap bahagian yang terdiri daripada Kuching, Simanggang, Sibu, Marudi dan Lawas. Setiap bahagian dibahagikan kepada beberapa daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah. Pentadbiran pada peringkat kampung turut diperkemas melalui jawatan penghulu yang menjadi ketua bagi satu atau lebih kampung.



(b) Sabah

SBUB di Sabah diketuai oleh Gabenor yang bertanggungjawab kepada lembaga pengarah syarikat di London. Majlis penasihat ditubuhkan pada tahun 1883 untuk menasihati gabenor dalam hal ehwal pentadbiran.



Rumah kerajaan, 1870.



Ibu Pejabat Syarikat Borneo Utara British, 1898.

(Sumber: Muzium Negeri Sabah)

4. Pentadbiran Berasaskan Kaum

(a)



(b)



Bandingkan dasar yang dilakukan oleh pihak British di Negeri-negeri Melayu dengan tindakan Dinasti Brooke di Sarawak dalam mengamalkan dasar pecah dan perintah berasaskan kaum.




Aktiviti Berkumpulan


Secara berkumpulan dan bergilir-gilir, murid membincangkan peranan yang dimainkan oleh Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri dalam sistem pentadbiran di Sarawak ketika Dinasti Brooke.

5. Perundangan

(a)



(b)



Cerna Minda

Mengapakah pihak SBUB menyerapkan institusi peribumi ke dalam sistem pentadbirannya?

Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pemerintahan tempatan yang mantap sebelum kedatangan kuasa Barat. Kedudukan strategik dan kekayaan kedua-dua buah negeri ini menarik perhatian para pemodal luar untuk menguasai kekayaan yang dimiliki. Kesannya, berlaku peluasan kuasa yang merubah sistem pemerintahan tempatan. Jelaslah bahawa sebagai warganegara kita perlu sentiasa bersedia untuk menerima perubahan yang membawa kebaikan. Dalam masa yang sama, kita perlu berwaspada terhadap anasir luar yang boleh mengancam hak dan kemakmuran negara yang kita miliki.





Imbas Kembali

Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

- Sistem Pemerintahan Tempatan

Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak


- Sarawak Ketika Kehadiran James Brooke
- James Brooke Mendapatkan Kuasa Pemerintahan
- Pengukuhan Kuasa James Brooke
- Kronologi Peluasan Kuasa Dinasti Brooke

Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

- Kemakmuran Sabah Menarik Pemodal Asing
- Sabah Sebelum Penguasaan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)
- Pertapakan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)
- Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

- Pemantapan Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah



Bab ini telah memerihalkan usaha peluasan kuasa oleh pemodal asing melalui peranan British di Sarawak dan Sabah. Mereka menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai pemerintahan dan kekayaan ekonomi di Sarawak dan Sabah. Bab seterusnya pula akan membincangkan kesan pentadbiran Barat di negara kita.



Aktiviti 1: Fikir-Pasangan-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

Arahan:

- (i) Murid dikehendaki memikirkan tajuk/soalan yang diberi secara individu (*Think*).
- (ii) Murid kemudiannya berbincang dengan rakan/pasangan (*Pair*).
- (iii) Mereka kemudiannya berkongsi maklumat/hasil perbincangan dengan pasangan lain/kumpulan/kelas (*Share*).



Charles Brooke, Raja Putih Sarawak yang kedua (1868-1917).



Charles Vyner Brooke, Raja Putih Sarawak yang ketiga (1917-1946).

Berdasarkan gambar Charles Brooke dan Charles Vyner Brooke, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Secara individu, dapatkan biodata kedua-dua tokoh di atas.
2. Bincangkan dengan rakan sekelas mengenai tindakan yang dilakukan oleh kedua-dua tokoh dalam pentadbiran Sarawak. Kemudian senaraikan tindakan tersebut.
3. Kongsi hasil perbincangan di dalam kelas.



Aktiviti 2: Kumpulan Pelangi (*Rainbow Groups*)

Arahan:

- (i) Murid berada dalam kumpulan. Tentukan tajuk yang berbeza-beza bagi setiap kumpulan.
- (ii) Selepas berbincang, bina kumpulan baharu yang terdiri daripada ahli kumpulan asal.
- (iii) Murid akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir-gilir.

1. Murid-murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan dua tajuk perbincangan yang berbeza-beza seperti yang berikut:
 - (a) Pengekalan pembesar tempatan di Sarawak.
 - (b) Pengekalan pembesar tempatan di Sabah.
 - (c) Pentadbiran berhierarki di Sarawak.
 - (d) Pentadbiran berhierarki di Sabah.
3. Selepas berbincang, bina kumpulan yang baharu yang terdiri daripada ahli kumpulan lain.
4. Setiap kumpulan akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan yang baharu secara bergilir-gilir.

Aktiviti 3: Pengurusan Grafik (*Graphic Organiser*)

Arahan:

- (i) Murid menghasilkan bahan pengurusan grafik berdasarkan tajuk yang diberikan.
- (ii) Murid akan membentangkan hasil bahan pengurusan grafik secara bergilir-gilir.

1. Murid-murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Berdasarkan pelbagai sumber, setiap kumpulan memilih salah satu tajuk yang berikut dan mendapatkan maklumat yang berkaitan:
 - (a) Peluasan kuasa Dinasti Brooke di Sarawak.
 - (b) Syarikat Borneo Utara British di Sabah.
3. Maklumat yang diperoleh dipindahkan ke dalam bentuk pengurusan grafik.
4. Setiap kumpulan akan membentangkan hasil tugas secara bergilir-gilir.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Siapakah pembesar tempatan yang memimpin penentangan terhadap pentadbiran Pengiran Indera Mahkota di Sarawak?
 - A. James Brooke
 - B. Sharif Masahor
 - C. Datu Patinggi Ali
 - D. Pengiran Raja Muda Hashim
2. Susunan Dinasti Brooke yang betul di Sarawak ialah
 - A. James Brooke – Anthony Brooke – Charles Brooke
 - B. James Brooke – Charles Brooke – Charles Vyner Brooke
 - C. Charles Brooke – James Brooke – Charles Vyner Brooke
 - D. Charles Vyner Brooke – James Brooke – Anthony Brooke
3. Apakah faktor terpenting yang menyebabkan British meninggalkan Pulau Balambangan pada tahun 1805?
 - A. Kemarau
 - B. Serangan lanun.
 - C. Serangan penyakit.
 - D. Kekurangan bekalan makanan.
4. Siapakah Gabenor pertama Syarikat Borneo Utara British di Sabah?
 - A. Baron Gustavus von Overbeck
 - B. William Hood Treacher
 - C. Charles Lee Moses
 - D. James Brooke
5. Dialog berikut mungkin berlaku di Sarawak pada tahun 1830-an membabitkan Pengiran Muda Hashim dan James Brooke.

Pengiran Raja Muda Hashim: Saya mohon bantuan untuk menyelesaikan pertikaian di Sarawak ini.

James Brooke: Saya bersetuju dengan syarat Sarawak perlu diberikan kepada saya.

Apakah tindakan James Brooke seterusnya?

- A. Menyerang Brunei.
- B. Membedil Kuching.
- C. Mendapatkan bantuan daripada British.
- D. Mengadakan perundingan dengan Datu Patinggi Ali.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Senaraikan syarat yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Borneo Utara British sebagai sebuah syarikat yang menerima Piagam Diraja.
- (a) _____
(b) _____
(c) _____
(d) _____
7. Jelaskan tindakan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh berikut dalam sejarah Sabah
- (a) Charles Lee Moses: _____
(b) Alfred dan Edward Dent: _____


8. Rajah di bawah menunjukkan Carta Organisasi Pentadbiran di Sarawak.



Berdasarkan rajah di sebelah, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah tugas Residen di Sarawak?
(b) Adakah Residen di Sarawak mempunyai kedudukan dan peranan yang sama seperti di negeri-negeri Melayu.
(c) Mengapakah kedudukan Pegawai Daerah sangat penting?
(d) Pada pandangan anda, sejauh manakah sistem pentadbiran di Sarawak semasa pemerintahan Dinasti Brooke berjaya membangunkan Sarawak?

9. Rajah di bawah menunjukkan Carta Organisasi Pentadbiran SBUB.



Berdasarkan rajah di sebelah, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah peranan Gabenor dalam sistem pentadbiran SBUB?
(b) Di manakah kedudukan orang tempatan dalam sistem pentadbiran SBUB?
(c) Bandingkan peranan Ketua Anak Negeri dengan Ketua Kampung.
(d) Pada pandangan anda, sejauh manakah sistem pentadbiran Syarikat Borneo Utara British berjaya membangunkan Sabah?



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Kita perlulah bersikap amanah dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan demi memastikan kejayaan benar-benar dicapai dalam sesuatu perjuangan.
- Semangat cinta akan tanah air dapat dipupuk melalui sikap ingin tahu terhadap perjuangan masyarakat terdahulu serta menghayati perjuangan mereka.
- Sikap menghormati dalam kalangan masyarakat amat penting untuk mewujudkan rasa kebersamaan mempertahankan negara.

Diri dan Keluarga

Sikap berdisiplin menjadi kunci utama kejayaan diri dan keluarga pada masa hadapan.

Negara

Dalam dunia tanpa sempadan berwadahkan media sosial, kita bertanggungjawab mempertahankan tanah air daripada tohmahan negatif yang boleh memporak-perandakan negara.



Media sosial yang menjadi wadah komunikasi pada masa ini perlu digunakan dengan bijak agar mendatangkan manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

BAB 6

Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial



Pada abad ke-20, getah merupakan hasil utama kegiatan ekonomi di negara kita yang dieksploitasi oleh kuasa Barat.

(Sumber: Lembaga Getah Malaysia)



Kegiatan penanaman getah dan kemunculan bandar kesan pentadbiran Barat.



Sinopsis

Perkembangan pengaruh British telah membawa perubahan sosioekonomi di negara kita melalui pengenalan ekonomi moden. Pentadbiran Barat berkaitan dengan ekonomi turut diperkenalkan untuk memudahkan pihak British mengeksploitasi ekonomi terutamanya perusahaan perlombongan dan pertanian. Pentadbiran British tersebut seterusnya memberikan kesan kepada aspek ekonomi dan sosial di negara kita.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan pengenalan ekonomi moden oleh kuasa Barat di negara kita.
2. Menghuraikan pentadbiran Barat berkaitan dengan ekonomi.
3. Mewajarkan kesan ekonomi akibat pentadbiran Barat di negara kita.
4. Menilai kesan sosial akibat perkembangan ekonomi di negara kita.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan sikap gigih dalam memajukan diri.
2. Menerangkan kepentingan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum.
3. Menghuraikan kepentingan sikap bermuafakat dalam memajukan negara.
4. Merumuskan kepentingan memanfaatkan kekayaan negara.



Pertumbuhan ekonomi menyebabkan munculnya bandar-bandar baharu di negara kita. Gambar menunjukkan bandar Kuala Lumpur pada tahun 1950-an.

[Sumber: Wendy Khadijah Moore, 2004. *Malaysia, A Pictorial History 1400-2004*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, Arkib Negara Malaysia dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad]




Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi kegiatan ekonomi dan sosial kuasa Barat di negara kita.
2. Meneroka bukti kesan ekonomi dan kesan sosial akibat pentadbiran Barat di negara kita.
3. Membuat imaginasi penguasaan ekonomi oleh kuasa Barat di negara kita.
4. Membuat interpretasi perubahan sistem pentadbiran Barat yang membawa perubahan kepada kemajuan sosioekonomi.
5. Membuat rasionalisasi pengenalan ekonomi moden oleh kuasa Barat di negara kita.

6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita


Pengenalan

Kedatangan kuasa Barat menyebabkan berlakunya perubahan sistem pentadbiran di negara kita. Tempoh tersebut menandakan permulaan perubahan bentuk ekonomi dan sosial negara. Semasa pemerintahan British, mereka memperkenalkan sistem ekonomi moden yang lebih mementingkan keuntungan dan pengumpulan harta melalui proses penukaran barangan atau jual beli serta pembayaran-pembayaran lain. Sistem ekonomi moden ini berasaskan beberapa ciri seperti modal, tanah, teknologi moden, buruh dan pengeluaran dalam skala yang besar.




1. Modal

Pembangunan ekonomi moden memerlukan pelaburan modal yang besar dari luar negara dan modal tempatan. Modal yang besar diperlukan untuk mempertingkatkan proses pengeluaran dalam sektor perlombongan dan pertanian supaya memberikan pulangan keuntungan yang lumayan kepada pelabur-pelabur Eropah.



Lombong emas di Raub, Pahang pada tahun 1890-an.



Lombong petroleum yang pertama di Miri, Sarawak.



Menara lombong arang batu di Tanjung Kubong, Labuan, Sabah.

[Sumber: Wendy Khadijah Moore, 2004. *Malaysia, A Pictorial History 1400-2004*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, Arkib Negara Malaysia dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad]

(i) Perlombongan

Negeri-negeri Melayu

- Emas dilombong secara komersial di Raub, Pahang.
- Arang batu dilombong di Batu Arang, Selangor.
- Bijih timah dilombong di daerah Lukut, Sungai Ujong, Larut dan Klang.
- Pada tahun 1888, British membuka lombong bijih timah bawah tanah yang terpanjang dan terdalam di dunia, iaitu di Sungai Lembing, Pahang.
- Kawasan lombong bijih timah baharu kemudian dibuka di Ampang, Kuala Lumpur dan Lembah Kinta, Perak.
- Permintaan bijih timah yang tinggi di pasaran dunia menyebabkan British menggubal enakmen dan undang-undang bagi menguasai industri bijih timah.
- Antara syarikat perlombongan termasuklah Syarikat Malayan Tin Dredging dan Gopeng Consolidated.

Sarawak

- Kegiatan melombong emas dijalankan oleh orang Cina di Bau pada tahun 1820-an.
- Perlombongan emas kemudiannya diusahakan oleh Syarikat Borneo Berhad.
- Charles Brooke memberikan hak monopoli melombong antimoni kepada Syarikat Borneo Berhad.
- Syarikat Borneo Berhad menjalankan kegiatan perlombongan antimoni di Bau dan Kuching.
- Arang batu dilombong di Sadong dan diusahakan oleh Syarikat Borneo Berhad.
- The Anglo Saxon Petroleum Company melabur dalam perlombongan petroleum di Sarawak pada tahun 1882.
- Petroleum dijumpai di Miri pada tahun 1910. Kilang menapis minyak didirikan di Lutong, Miri.

Sabah

- Kegiatan melombong emas dijalankan di Sungai Segama oleh orang Cina.
- Syarikat Borneo Utara British membawa masuk pemodal Eropah yang memperkenalkan teknologi baharu dalam melombong emas.
- Arang batu dilombong di Silimpon, Sandakan dan Labuan.
- Perlombongan ini diusahakan oleh Syarikat Cowie Harbour Coal.



Cerna Minda

Namakan pemodal yang melabur dalam kegiatan perlombongan di Sarawak dan Sabah.



Tahukah Anda?

Syarikat Borneo Berhad ditubuhkan pada tahun 1856. Ibu pejabatnya terletak di Singapura. Syarikat ini menjalankan kegiatan melombong di Sarawak dan Sabah.

(ii) Pertanian Komersial

Apabila British menguasai negara kita, mereka memerlukan hasil tempatan untuk diperdagangkan. Pada peringkat awal, British mengusahakan beberapa jenis tanaman seperti lada hitam, gambir, buah pala, cengkoh, pinang, kulit kayu manis dan kelapa kerana harganya tinggi di pasaran dunia.

Negeri-negeri Melayu

- Penanaman lada hitam, buah pala dan cengkoh di Pulau Pinang dan Singapura untuk tujuan eksport.
- Pengusaha di Negeri-negeri Selat menanam modal dalam penanaman tebu di Seberang Perai dan Perak.
- Pada tahun 1830-an, Seberang Perai terkenal sebagai pusat pengeluaran gula yang utama di negara kita.
- Pemodal membuka ladang kopi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.
- Menjelang tahun 1880-an, kopi menjadi tanaman eksport negara kita.
- Pemodal Perancis menanam kelapa sawit secara komersial di Kuala Selangor pada tahun 1917.
- Tanaman kelapa sawit kemudian ditanam secara meluas di Johor dan Perak.
- Menjelang tahun 1920-an, Tanah Melayu mula mengeksport minyak kelapa sawit.
- Pemodal juga menanam ubi kayu di Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor.
- Tanaman teh pula diusahakan di Cameron Highlands, Pahang. Mereka mengusahakan “teh Ceylon” yang bermutu tinggi.
- Antara syarikat yang terlibat termasuklah Sime Darby dan Guthrie.

Sarawak

- Kawasan penanaman lada hitam di Sarawak terdapat di sekitar Kuching-Serian dan Sarikei-Maredong.
- Sagu diperoleh daripada pokok rumbia yang ditanam di sepanjang Sungai Igan, Oya, Mukah dan Bintulu.



Pokok rumbia yang menghasilkan sagu banyak ditanam di Sarawak.



Gudang tembakau di Segama, Lahad Datu, Sabah.

Sabah

- SBUB melakukan pelaburan dalam penanaman tembakau.
- Tanaman ini diusahakan di Pulau Banggi, Teluk Marudu, Sungai Labuk, Sugut, Segama, Kinabatangan, Lahad Datu, Tawau dan Sandakan.
- Tembakau mendapat pasaran yang baik di Eropah.
- Antara syarikat yang terlibat termasuklah London Borneo Tobacco Company.



Cerna Minda

Namakan tanaman yang dikomersialkan oleh pemodal Barat.



Kegiatan pertanian komersial penting untuk menjana pendapatan negara. Bincangkan.

(iii) Getah

Perusahaan getah berkembang pesat pada awal abad ke-20 berikutan kejatuhan harga kopi di pasaran dunia pada penghujung abad ke-19. Kejatuhan harga kopi disebabkan oleh serangan penyakit dan pengeluaran yang berlebihan dari Brazil. Keadaan ini menyebabkan pengusaha tanaman komersial mula mengusahakan tanaman getah untuk eksport.

Negeri-negeri Melayu

- Pelabur Eropah seperti Guthrie, Sime Darby, United Plantations, Harrisons & Crosfield dan Boustead Buttery Estate melabur dalam industri getah di Tanah Melayu.
- Mereka banyak melabur dalam pembukaan ladang getah di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Sarawak

- Dinasti Brooke tidak menggalakkan pembukaan ladang getah oleh syarikat asing bagi melindungi ekonomi penduduk tempatan daripada dieksploitasi oleh kapitalis Barat.
- Syarikat ini menanam modal dalam perladangan getah di Dahan, Bidi dan Sungai Samarahan.
- Oleh itu, Syarikat Borneo Berhad sahaja diberikan kebenaran mengusahakan tanaman getah.
- Getah mula menjadi tanaman eksport Sarawak pada tahun 1910.

Sabah

- Getah ditanam di Taman Percubaan Kerajaan di Sandakan pada tahun 1882.
- SBUB melabur modal dalam penanaman getah yang ditanam di Bongaya, Sungai Labuk.
- Jesselton menjadi pusat perdagangan getah.
- Antara syarikat getah di Sabah termasuklah British North Borneo Para Rubber, British North Borneo Company dan Langkon Borneo Rubber Company Limited.

Jadual: Senarai Syarikat Getah yang Beroperasi di Sabah pada tahun 1907.

Bil.	Nama Syarikat	Keluasan Tanaman (Ekar)	Modal (Pound Sterling)
1	British North Borneo Para Rubber	3000	20,000
2	British North Borneo Company	20,000	200,000
3	Langkon Borneo Rubber Company Limited	12,000	100,000
4	Manchester North Borneo Company Limited	13,000	100,000
5	Sapong and Tobacco Estates Limited	30,000	100,000
6	The Tenom Borneo Para Rubber Company Limited	10,000	100,000

(Sumber: *Planting in British North Borneo*, 1907. Printed at Government Printers British North Borneo, Sandakan)

Pemodal asing sentiasa mengintai peluang untuk mengeksploitasi kekayaan dan kemakmuran negara kita. Oleh itu, kita haruslah sentiasa berusaha dengan gigih untuk memanfaatkan sumber hasil bumi negara kita.



KPS

Interpretasikan pelaburan modal oleh para pelabur Barat.

Sejarah
Pokok
Getah



2. Teknologi

Bagi mempercepatkan proses pengeluaran dengan lebih cekap dan menguntungkan, pihak British berusaha membawa masuk teknologi moden dalam kegiatan perlombongan dan kegiatan pertanian.

(i) Perlombongan

Negeri-negeri Melayu

Pada tahun 1929, terdapat 107 buah kapal korek di negeri-negeri Melayu. Kesemuanya milik syarikat Eropah seperti Pahang Consolidated Company Limited, Syarikat Malayan Tin Dredging dan Gopeng Consolidated. Syarikat tersebut memperkenalkan teknologi kapal korek dan perlombongan hidraulik. Di samping itu, Eastern Smelting Company dan Straits Trading Company ditubuhkan untuk melebur bijih timah.



Kapal korek buat pertama kalinya digunakan oleh Syarikat Malayan Tin Dredging di Batu Gajah Perak pada tahun 1912.




Kaedah perlombongan bijih timah bawah tanah dengan membina terowong diperkenalkan oleh Pahang Consolidated Company Limited di lombong bijih timah Sungai Lembing, Pahang.



Pekerja lombong sedang menggunakan mesin gerudi *Jumbo Drilling* untuk memecahkan batuan yang mengandungi bijih timah di lombong bijih timah bawah tanah di Sungai Lembing, Pahang.

Sarawak

Antimoni dilombong di Bau oleh Syarikat Borneo dengan menggunakan kaedah moden. Kilang melebur antimoni didirikan di Bau dan Kuching. Antimoni dipasarkan ke Singapura.



[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Sabah

Terowong Tanjung Kubong, Labuan pernah menjadi tapak aktiviti perlombongan arang batu (1849 – 1911).




Cerna Minda

Siapakah yang memperkenalkan teknologi kapal korek dalam perlombongan bijih timah di negara kita?



Teknologi membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Bahaskan.

(ii) Pertanian



H.N. Ridley

Negeri-negeri Melayu

- H.N.Ridley dilantik sebagai Pengarah Taman Botanikal Singapura.
- Pada tahun 1897, beliau memperkenalkan teknik torehan sistem *ibedem* atau sistem torehan *tulang ikan hering*. Teknik ini mampu memanjangkan hayat pokok getah.
- Beliau juga memperkenalkan teknik membungkus anak-anak pokok getah di dalam arang yang lembap. Teknik ini membolehkan anak-anak pokok getah diangkut ke tempat yang jauh bagi membolehkan pembukaan ladang getah.

Sarawak



Kilang memproses lada hitam di Betong, Sarawak yang masih mengekalkan pertanian tradisional.



Pemandangan di sebuah kilang memproses sagu di Mukah.

Sabah



Kilang memproses getah di Sabah pada tahun 1918.



Pekerja sedang mengasingkan daun tembakau mengikut mutunya di sebuah kilang pada awal abad ke-20.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]



Cerna Minda

Apakah peranan H.N. Ridley dalam memperkenalkan industri getah di negara kita?

3. Buruh

British membawa masuk buruh dari luar untuk menampung kepesatan kegiatan perlombongan dan pertanian di negara kita.

(i) Perlombongan

Negeri-negeri Melayu

Pembangunan dan kepesatan ekonomi menyebabkan British menggalakkan kemasukan buruh asing untuk mengisi kekosongan pekerjaan di kawasan perlombongan bijih timah.

Sarawak

Orang Cina dibawa masuk ke Sarawak untuk mengusahakan lombong emas dan antimoni di Bau.

Sabah

- SBUB menggalakkan kemasukan orang Cina untuk bekerja di sektor perlombongan.
- Mereka melombong emas di Sungai Segama.

(ii) Pertanian

Negeri-negeri Melayu

British turut membawa masuk orang India untuk mengatasi masalah kekurangan buruh di ladang getah.

Sarawak

- Kemasukan orang Cina didorong oleh pelbagai galakan yang diberi oleh Charles Brooke.
- Pada tahun 1901, orang Cina Foochow dibawa masuk ke Sarawak sebagai buruh ladang.
- Orang Jawa dibawa masuk ke Sarawak untuk bekerja di ladang getah.

Sabah

- Orang Cina dibawa masuk ke Sabah untuk bekerja di ladang tembakau.
- SBUB membentuk Lembaga Penasihat Orang Cina di Sandakan (1890) untuk menjaga kebajikan orang Cina.



Cerna Minda

Nyatakan faktor kemasukan buruh dari luar.


4. Skala Besar dan Bercirikan Eksport

Kegiatan perlombongan dan pertanian di negara kita dijalankan secara besar-besaran untuk tujuan eksport bagi memenuhi keperluan pasaran di Barat.

(i) Perlombongan

Negeri-negeri Melayu

Graf menunjukkan pengeluaran bijih timah oleh pelombong Eropah berbanding dengan pelombong Cina sebelum Perang Dunia Kedua.




Pengeluaran Arang Batu di Sarawak

Tahun	Tan
1874	500
1898	31,390

Pengeluaran Petroleum di Miri, Sarawak

Tahun	Tan
1912	5534
1920	146,729



Pada akhir abad ke-19, negara kita merupakan penyumbang utama pengeluaran bijih timah dunia, iaitu 55 peratus daripada jumlah keluaran dunia.

(ii) Pertanian

Negeri-negeri Melayu

Jadual menunjukkan pertambahan keluasan ladang getah antara tahun 1901 hingga tahun 1912.

Tahun	Jumlah Ekar
1901	5965
1904	19,239
1908	240,000
1912	642,000


Sarawak

Tanaman tradisional seperti kelapa, lada hitam dan tembakau ditanam secara meluas untuk dieksport. Pada abad ke-20, getah merupakan eksport kedua Sarawak selepas petroleum.

Tanaman	Kawasan
Kelapa	Bahagian Pertama dan Kedua
Lada Hitam	Bahagian Pertama dan Ketiga
Tembakau	Lundu

Sabah

Peta menunjukkan taburan kawasan penanaman getah di Sabah pada tahun 1909.



Petunjuk

Orange box: Kawasan penanaman getah

5. Tanah

Tanah merupakan aset yang amat berharga dan perlu dimiliki oleh pemodal dan pelabur Eropah. Tanah bagi kawasan perlombongan dan perladangan biasanya ialah kawasan hutan yang belum diterokai serta terpisah daripada petempatan penduduk tempatan. Antara syarikat Eropah yang membuat pelaburan di negara kita boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Syarikat	Perdagangan	Tahun Penubuhan
Boustead and Company Ltd.	Bijih timah, Gula, Getah	1821 di Singapura
Guthrie & Co. Ltd.	Kopi, Getah	1821 di Singapura
Harrisons & Crosfield Ltd.	Getah	1844 di Liverpool
Borneo Co. Ltd	Bijih timah, Getah	1856 di London
Sime Darby & Co. Ltd.	Bijih timah, Getah	1902 di Melaka

Pelabur Eropah berminat dengan tanaman komersial kerana lebih menguntungkan dan tidak melibatkan sistem pengairan yang mahal seperti padi.



Tahukah Anda?

British mengatur strategi agar penduduk tempatan mengusahakan tanaman padi sahaja dan mengelakkan mereka menjadi pesaing kepada pelabur Eropah. British memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917 yang menghalang penduduk tempatan menanam getah. British juga menyekat bantuan kredit pertanian, subsidi dan pinjaman modal kepada penduduk tempatan. Hal ini menyebabkan petani tempatan mengalami masalah hutang bagi membiayai operasi tanah sawah mereka. Akibatnya, tanah-tanah kepunyaan penduduk tempatan tergadai dan berpindah milik kepada orang luar.

British telah memperkenalkan sistem ekonomi moden di negara kita untuk mengeksploitasi sumber yang ada seperti perlombongan dan pertanian. Hal ini memberikan iktibar kepada kita bahawa sikap gigih dalam mengusahakan sesuatu pekerjaan amatlah penting bagi memastikan pulangan lumayan yang akan diperolehi.

6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

Pengenalan

British memperkenalkan sistem pentadbiran moden berkaitan dengan ekonomi bagi memastikan kelangsungan penguasaannya di negara kita. Antaranya termasuklah dalam hal perundangan, mewujudkan jabatan atau agensi kerajaan, mewujudkan syarikat perwakilan dan menubuhkan sistem kewangan dan insurans.

Perundangan

(i) Tanah

Menjelang abad ke-19, berlaku banyak perubahan di negara kita akibat pembukaan lombong bijih timah dan pembukaan ladang getah oleh pemodal Eropah. Mereka menawarkan harga yang tinggi untuk membeli tanah masyarakat tempatan.

Negeri-negeri Melayu

- Pada tahun 1913, Majlis Mesyuarat Persekutuan meluluskan Akta Tanah Simpanan Melayu.
- Menurut akta ini, Residen boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam sesebuah negeri sebagai hak orang Melayu.
- Tanah tersebut tidak boleh dijual, dipajak gadaai atau dipindah milik kepada orang bukan Melayu.
- Namun begitu, akta ini sebenarnya bertujuan melindungi kepentingan ekonomi British. Kebanyakan kawasan tanah tersebut tidak subur dan tidak sesuai untuk kegiatan pertanian atau ekonomi perladangan.

Sarawak

- Land Order yang memperuntukkan hak milik tanah simpanan peribumi diwartakan pada tahun 1931.
- Matlamatnya adalah untuk melindungi kepentingan masyarakat peribumi daripada dicerobohi oleh kaum pendatang yang membuka tanah untuk pertanian.
- Pada tahun 1933, Land Settlement Order dikuatkuasakan untuk melindungi masyarakat peribumi.
- Kedua-dua undang-undang tanah ini menjadi rujukan bagi pelaksanaan Land Order 1948.
- Tanah Sarawak dibahagikan kepada kawasan tanah campuran, kawasan tanah peribumi, kawasan tanah adat peribumi, kawasan tanah simpanan dan kawasan tanah pedalaman.

Sabah

- Urus niaga tanah antara peribumi dengan orang Eropah sebelum tahun 1888 dianggap tidak sah.
- Pada tahun 1889, Proklamasi III Perlindungan Hak Peribumi telah diwartakan.
- Di bawah akta ini, langkah untuk melindungi hak dan kepentingan peribumi dilaksanakan.
- Segala urus niaga dengan orang Eropah, ketua peribumi mestilah diberitahu terlebih dahulu.
- Penduduk peribumi mempunyai hak untuk memohon dan mendapatkan ganti rugi. Pegawai Daerah bertanggungjawab untuk menjaga hak milik tanah peribumi.



Cerna Minda

Mengapakah British memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu?

(ii) Buruh

Perkembangan pesat dalam perusahaan bijih timah dan getah menyebabkan British menggalakkan kemasukan buruh dari China dan India. Tenaga buruh dari China dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah melalui Sistem Kontrak. Buruh dari India pula dibawa masuk secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang getah melalui Sistem Kangani.

Sistem Kontrak

- Melalui sistem ini, buruh dari China dibawa masuk ke negara kita oleh pihak majikan.
- Tambang perjalanan, makanan, pakaian dan tempat tinggal disediakan oleh majikan.



Ramai buruh China dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Sistem Kangani

- Kangani bermaksud ketua, tandil, mandur atau penyelia di ladang getah.
- Pemilik ladang menghantar Kangani ke India untuk mencari tenaga buruh.
- Kangani mengurus tambang dan perjalanan buruh tersebut ke ladang majikannya.



Buruh yang dibawa masuk dari India dikehendaki bekerja dengan pemilik ladang sehingga hutang tambang mereka selesai.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Pada tahun 1877, British menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Cina (Chinese Protectorate) bagi melindungi buruh-buruh dari China dieksploitasi oleh mana-mana pihak. Pada tahun 1882, Ordinan Buruh Kontrak diluluskan untuk melindungi pekerja. Pada tahun 1908, Majlis Perundangan Singapura menubuhkan Tabung Imigran India untuk memberikan kemudahan belayar dengan percuma kepada buruh-buruh India dari Madras ke negeri-negeri Melayu.

Perkembangan ekonomi di negara kita menarik dan menjadi tumpuan buruh dari Indonesia. Hal ini demikian kerana perusahaan bijih timah dan getah menyediakan banyak peluang pekerjaan. Mereka merantau untuk bekerja sebagai buruh.



Pejabat Jabatan Hal Ehwal Cina yang pertama di Havelock Road, Singapura.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Jabatan dan Agensi Kerajaan

British telah menubuhkan Jabatan Kerja Raya (Public Works Department) pada tahun 1872. Jabatan ini membina bangunan Sultan Abdul Samad, Ibu Pejabat Kereta Api Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Masjid Jamek Kuala Lumpur dan Carcosa.



Institut Penyelidikan
Getah Malaya (RRIM)



Astana Kuching, Sarawak

British juga menubuhkan Jabatan Pertanian pada tahun 1905 yang bertanggungjawab memajukan tanaman ekonomi dan membangunkan industri getah. Jabatan ini membuat penyelidikan tanaman, menyediakan pakar teknikal kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil.

Kesan peningkatan permintaan industri getah, British menubuhkan institusi khas penyelidikan getah, iaitu Institut Penyelidikan Getah Malaya (RRIM) pada tahun 1926.

Bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengairan, British menubuhkan Jabatan Parit dan Tali Air pada tahun 1931. Jabatan Pos dan Telegraf dan Jabatan Kereta Api Tanah Melayu pula ditubuhkan untuk melicinkan sistem pengangkutan dan perhubungan di negara kita.

Di Sarawak dan Sabah juga terdapat penubuhan jabatan kerajaan bagi kemudahan perkhidmatan pos dan telegraf serta kegiatan pertanian.



Carcosa



Ibu Pejabat Kereta Api
Negeri-negeri Melayu
Bersekutu



Pejabat Pos Kota Kinabalu,
Sabah

Kewujudan Syarikat Perwakilan

Pemodal British dan Eropah membawa masuk modal asing yang besar ke negara kita. Oleh itu, mereka telah mengimport barangan secara terus dari negara-negara tertentu. Peranan ini dimainkan oleh syarikat perwakilan.

Syarikat Perwakilan (Agency House)

Dikenali juga dengan nama Gedung Perwakilan atau Crown Agent. Mereka memiliki rangkaian sistem kewangan, insurans, syarikat perkapalan, pusat penyelidikan dan menjalankan perdagangan antarabangsa. Syarikat perdagangan seperti Boustead and Company, Boustead Buttery, Estate Agency, Harrisons & Crosfield, Guthrie & Company, Barlow & Company dan Sime Darby mempunyai hubungan yang erat dengan kerajaan pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Misalnya, Boustead and Company mengurus pengeksportan getah dan bijih timah, malahan menguasai syarikat perkapalan dan kewangan Hong Kong Bank.

Pewujudan Sistem Kewangan dan Insurans

Kuasa Barat telah memperkenalkan penggunaan mata wang asing di negara kita. Mata wang perak Sepanyol diperkenalkan pada tahun 1580. Mata wang ini telah digunakan di negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1897, British menubuhkan Lembaga Pesuruhjaya Wang untuk mengeluarkan wang kertas di bawah Ordinan VIII. Lembaga ini diberikan kuasa mengeluarkan mata wang kertas Negeri-negeri Selat menyebabkan mata wang kerajaan Melayu terhapus. Pada tahun 1939, Dolar Selat digantikan dengan Dolar Malaya.



Mata wang perak Sepanyol.



Mata wang Dolar Sepanyol.



Contoh mata wang Negeri-negeri Selat dan mata wang Negeri-negeri Melayu serta wilayah Borneo.


Kepesatan ekonomi di negara kita menyebabkan British memperkenalkan sistem kewangan moden dan insurans untuk melicinkan urusan kewangan. British menubuhkan sistem perbankan supaya modal dari luar negara dapat disalurkan ke negeri-negeri Melayu dengan mudah.



Merchantile Bank Pulau Pinang, 1859.



Hong Kong and Shanghai Bank, Pulau Pinang, 1884.



The Chartered Bank, Jalan Raja Kuala Lumpur, 1888.



Ban Hin Lee Bank, Pulau Pinang, 1935.

Syarikat insurans yang terkenal ialah Syarikat Royal Insurance Company (1860) dan Khean Guan Insurance Limited (1885) di Pulau Pinang serta Commercial Union (1919) di Ipoh.

Pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, kapal laut merupakan pengangkutan penting dalam sektor perdagangan antarabangsa. Syarikat perkapalan memerlukan perkhidmatan insurans maritim untuk melindungi kapal dagang dan muatan yang dibawa. Perkhidmatan insurans yang lain ialah insurans nyawa, insurans kemalangan, insurans kebakaran, perniagaan dan insurans harta.



British melakukan perubahan dalam sistem pentadbirannya bagi mengurus kegiatan ekonomi dengan cekap. Oleh itu, jelas menunjukkan kepentingan memanfaatkan kekayaan negara melalui permuafakatan semua pihak untuk membangunkan negara.

6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

Pengenalan

Kemajuan ekonomi membolehkan British membina sistem pengangkutan bagi mengangkut hasil bijih timah dan getah dari kawasan pengeluaran ke pelabuhan untuk dieksport. Bagi memenuhi keperluan ini, British membina landasan kereta api, jalan raya, lapangan terbang awam dan pelabuhan. British juga memajukan sistem telekomunikasi, iaitu telegraf, telefon dan pos.

Pengangkutan

(i) Kereta Api

British memperkenalkan perkhidmatan kereta api di negara kita pada akhir abad ke-19 bagi mengeksploitasi kekayaan ekonomi.



Pembinaan landasan kereta api pada akhir abad ke-19 dan pada abad ke-20.



Cerna Minda

Namakan landasan kereta api terawal yang dibina di negara kita?

Negeri-negeri Melayu

(1) Tahun (1885 – 1896)

Landasan kereta api dibina untuk menghubungkan kawasan lombong dengan pelabuhan bagi memudahkan bijih timah dieksport. Landasan kereta api dibina menghubungkan bandar.

(2) Tahun (1897 – 1909)

Landasan kereta api dibina menghubungkan di antara utara Tanah Melayu dan selatan apabila NNMB dibentuk.

(3) Tahun (1910 – 1931)


British berjaya meluaskan pengaruhnya ke NNMTB. Kemudian, landasan kereta api dibina bagi menghubungkan seluruh Tanah Melayu. Penggunaan kereta api bertambah meluas daripada mengangkut bahan mentah kepada membawa penumpang.



Apakah kesan pembinaan sistem pengangkutan di negara kita?

Sabah

Pembinaan landasan kereta api di Sabah dimulakan pada tahun 1896 di Bukau yang terletak kira-kira 13 kilometer dari Weston. Pada tahun 1900 pula, landasan kereta api dibina untuk menghubungkan Beaufort dengan Jesselton dan Tenom. Pembinaan landasan kereta api Sabah adalah untuk kegiatan pembukaan ladang getah. Pembinaan landasan kereta api di Sabah tertumpu di kawasan pantai barat Sabah.



Pembinaan landasan kereta api di Sarawak dan Sabah.
(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)

Sarawak

Terdapat landasan kereta api menghubungkan Bau dengan Kuching yang dibina pada tahun 1917.



Stesen Bukau (1896), stesen landasan kereta api yang pertama di Sabah.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Stesen landasan kereta api Jesselton pada tahun 1904.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

(ii) Pembinaan Jalan Raya

Kemajuan industri perlombongan bijih timah dan getah menyebabkan British melibatkan diri dalam pembinaan jalan raya. British membina jalan raya untuk menghubungkan kawasan perlombongan bijih timah dan kawasan pertanian dengan stesen kereta api.

Negeri-negeri Melayu

Di Selangor, British membina jalan raya yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Klang (Port Swettenham). Pada tahun 1902, jalan raya yang lebih lebar dibina kerana peningkatan penggunaan kenderaan bermotor seperti lori, bas, kereta dan basikal. Menjelang tahun 1911, jalan raya dibina bagi menghubungkan bandar-bandar besar, kawasan yang mempunyai potensi sumber ekonomi dan pelabuhan. Menjelang tahun 1939 pula, jaringan jalan raya dibina yang menghubungkan seluruh negeri. Kesannya, banyak petempatan baharu dibuka, pembukaan kawasan perladangan getah yang baharu dan kawasan perlombongan bijih timah.

Sarawak

Sarawak mempunyai banyak kawasan berbukit, paya dan sungai. Masalah bentuk muka bumi dan kos membina jalan raya yang tinggi menghalang pembinaan jalan raya di negeri ini. Di Sarawak, terdapat jalan raya pendek yang tidak berturap dibina di Kuching dan Miri.

Sabah

Di Sabah, SBUB membina jalan raya untuk kepentingan ekonomi mereka. Jalan raya yang dibina adalah menghubungkan bandar yang sedia wujud di sebelah pantai barat. Menjelang tahun 1941, terdapat kira-kira 165 kilometer jalan raya berturap di Sabah. Kebanyakan jalan tersebut hanya terdapat di sekitar bandar Jesselton, Sandakan, Kudat, Lahad Datu dan Tawau.



Aktiviti Spontan

Berdasarkan peta perkembangan jaringan jalan raya di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, anda diminta memberikan idea secara spontan.



1. Namakan bandar-bandar baharu di dalam peta yang muncul kesan daripada perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan.
2. Mengapakah British membina sistem pengangkutan dan perhubungan?
3. Bagaimanakah sistem pengangkutan dan perhubungan dapat memakmurkan negara?

(iii) Pengangkutan Udara dan Laut

Negeri-negeri Melayu

Perkhidmatan penerbangan awam pula diperkenalkan oleh Syarikat Wearne Air Service pada tahun 1937. Syarikat ini menjalankan perkhidmatan penerbangan domestik di antara Singapura, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.



Kapal terbang DH 89 Dragon Rapide yang digunakan oleh Syarikat Wearne Air Service.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Pada tahun 1890, Syarikat Straits Steamship ditubuhkan di Singapura yang menyediakan perkhidmatan kapal wap kepada pelabuhan-pelabuhan negeri-negeri Melayu. Kapal susur pantai ini membawa bekalan makanan, buruh dan jentera untuk industri perlombongan bijih timah.

Sarawak

Di bandar Kuching, terdapat perkhidmatan perkapalan yang disediakan oleh Singapore and Sarawak Steamship Company. Pada tahun 1924, terdapat perkhidmatan kapal terbang air bagi menghubungkan bandar Kuching dengan Singapura.

Sabah

Di Sabah, SBUB turut memajukan sistem pengangkutan air. Pada tahun 1890, syarikat perkapalan Straits Steamship memulakan perkhidmatan mengangkut barang dan penumpang.

Kemudahan Pelabuhan

Kedatangan British menyebabkan pelabuhan-pelabuhan lama kerajaan Melayu hilang dan muncul pelabuhan baharu yang moden.

Negeri-negeri Melayu

Peningkatan eksport bijih timah dan getah menjadikan pelabuhan Pulau Pinang, Kuala Sepetang (Port Weld), Port Dickson, Melaka, Singapura dan Klang (Port Swettenham) sebagai bandar pelabuhan yang penting di Tanah Melayu.



Pemandangan di kawasan jeti Weld Quay, Pulau Pinang (1900).

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Sarawak

Di Sarawak muncul pelabuhan Kuching, Rajang, Bintulu dan Miri.



Pelabuhan Kuching (1910).

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Sabah

Di Sabah pula muncul pelabuhan penting seperti Labuan, Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.



Pelabuhan Sandakan, Sabah (1880-an).

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Telekomunikasi

Sejajar dengan kemajuan sistem pengangkutan, kerajaan British memajukan sistem telekomunikasi lain seperti sistem pos dan telegraf, telefon dan radio. Oleh hal yang demikian, perhubungan antara negeri di Semenanjung dengan negara lain dapat dibuat dengan pantas. Sistem perhubungan mula diperkenalkan di kawasan kegiatan ekonomi, pusat pentadbiran, pelabuhan dan berkembang ke kawasan petempatan.

Negeri-negeri Melayu

Pada tahun 1886, talian telegraf telah dipasang menghubungkan di antara Kuala Lumpur dan Melaka. Perkhidmatan pos bermula di Kuala Lumpur sejak tahun 1880-an.



Pejabat pos dan telegraf di Batu Gajah Perak dibina pada tahun 1866.

Sarawak

Perkhidmatan telekomunikasi diperkenalkan di Sarawak bagi melicinkan pentadbiran dan mengurus kegiatan ekonomi. Pada tahun 1897, terdapat perkhidmatan telegraf antara bandar Kuching dan Singapura.



Bangunan Pejabat Pos Kuching yang dibina pada tahun 1933.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Sabah

SBUB memperkenalkan perkhidmatan telegraf dan radio terutamanya di bandar-bandar besar. Perkhidmatan ini membolehkan Sabah berhubung dengan negara lain.

6.4

Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

Pengenalan

Kepesatan kegiatan ekonomi menyebabkan Barat mengukuhkan pentadbirannya. Hal ini menyebabkan kesan sosial dalam perkembangan bandar, pembentukan masyarakat majmuk, perkembangan pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan pembinaan penjara.

Perkembangan Bandar

Perkembangan sistem pengangkutan menjadi penghubung kepada beberapa buah bandar dan kawasan lain. Bandar-bandar ini dihubungkan antara satu sama lain dengan rangkaian landasan kereta api dan jalan raya yang dibina oleh British. Kesannya, perniagaan dan perdagangan antara bandar berkembang pesat.

Negeri-negeri Melayu



Kuala Lumpur pada tahun 1884.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001.
Early Modern History (1800-1940).
Singapura: Editions Didier Millet]



Kuala Lumpur pada tahun 2017.

Bandar-bandar baharu muncul sebagai pusat perniagaan, pusat kewangan, pusat pendidikan dan pusat pentadbiran. Misalnya, Kuala Lumpur, Seremban, Taiping dan Ipoh. Hal ini membawa perubahan dalam demografi masyarakat di negara kita.



Cerna Minda

Apakah sistem pengangkutan antara bandar di negara kita?

Sarawak

Perkembangan bandar di Sarawak tertumpu di kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi seperti bandar Kuching, Sibu dan Miri.

Bandar Kuching dijadikan sebagai ibu negeri Sarawak pada tahun 1841 oleh James Brooke. Penduduknya terdiri daripada orang Melayu dan Cina. Pada pertengahan abad ke-19, banyak rangkaian jalan raya dan bangunan kerajaan dibina di Kuching.



Bandar Kuching pada tahun 1910.



Bandar Kuching pada tahun 2017.



Bandar Sibu pada tahun 2017.



Bandar Sibu pada tahun 1900-an.

Bandar Sibu muncul pada tahun 1862. Pada tahun 1900 ramai orang Cina telah berpindah ke Sibu untuk menjalankan aktiviti perdagangan.

Bandar Miri pula muncul pada abad ke-20. Kemunculannya disebabkan oleh penemuan petroleum pada tahun 1910.



Bandar Miri pada awal abad ke-20.



Bandar Miri pada tahun 2017.

Sabah

Di Sabah, bandar-bandar muncul menjelang akhir abad ke-19. Jesselton merupakan pusat perdagangan dan pelabuhan yang penting di Sabah. Nama asalnya ialah Jessel Town bersempena dengan nama Charles Jessel yang membina bandar itu. Kemudian, namanya ditukar kepada Kota Kinabalu. Perladangan getah dan pembinaan landasan kereta api memberikan sumbangan besar kepada kemajuan Jesselton.

Perkembangan pesat dalam bidang ekonomi menyebabkan pertambahan bilangan bandar dan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar dan kedatangan buruh luar ke negara kita.



Bandar Jesselton pada abad ke-19.



Bandar Kota Kinabalu (Jesselton) pada tahun 2017.



Glosari

Perbandaran: berlaku akibat perkembangan pesat ekonomi di kawasan perlombongan bijih timah. Kesannya, kawasan petempatan berkembang menjadi bandar, pusat perniagaan, pusat kewangan dan pusat pentadbiran.

Pembentukan Masyarakat Berbilang Kaum

Negara kita terbentuk oleh penduduk berbilang kaum yang mempunyai latar belakang sejarah, keturunan, budaya, agama, kepercayaan, cara hidup dan nilai yang berbeza-beza. Kepsatan perkembangan industri bijih timah dan getah semasa pentadbiran British menggalakkan kedatangan buruh asing ke negara kita. Kemasukan buruh-buruh asing ini melahirkan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Orang Melayu

Petempatan

Orang Melayu ramai di kawasan kampung dan sebahagiannya menetap di kawasan bandar dan pekan.

Kegiatan Ekonomi

Orang Melayu mengambil bahagian dalam sektor pertanian, perikanan, perniagaan, perusahaan, harta tanah, perbankan dan menjadi ahli profesional dalam pentadbiran dan syarikat swasta.

Orang Cina

Petempatan

Orang Cina ramai di kawasan bandar dan pekan yang mempunyai banyak peluang ekonomi.

Kegiatan Ekonomi

Orang Cina melibatkan diri dalam sektor pertanian, perniagaan, perusahaan, harta tanah, perbankan dan menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan.

Orang India

Petempatan

Orang India yang sebelum ini ramai di kawasan perladangan tetapi kini telah menjadi penduduk di kawasan pekan dan bandar.

Kegiatan Ekonomi

Orang India mengambil bahagian dalam sektor perladangan, pengangkutan dan pelbagai pekerjaan dalam sektor swasta dan kerajaan.



Komuniti Melayu ramai di kawasan Kampung Baru.



Kuala Lumpur merupakan contoh bandar terawal di negara kita yang berkembang dan menempatkan masyarakat berbilang kaum yang hidup dalam keadaan harmoni.

(Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia)

Jadual: Peratusan Penduduk Mengikut Kaum di Tanah Melayu (1911-1931).

Tahun	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
1911	58.6	29.6	10.2	1.6
1921	54.0	29.4	15.1	1.5
1931	49.2	33.9	15.1	1.8

(Sumber: Saw Swee Hock, 1988. *The Population of Peninsular Malaysia*. Singapura: Singapore University Press)


Jadual: Jumlah Penduduk Mengikut Kaum di Tanah Melayu (1921-1931).

Kaum	1921 (orang)	1931 (orang)
Melayu	1 569 000	1 864 000
Cina	856 000	1 285 000
India	571 000	707 000

(Sumber: *Malaysia, Penduduk-Penduduk Malaysia*, 2015. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia)



Komuniti berbilang kaum di bandar Kuching, Sarawak.



Pembentukan masyarakat berbilang kaum di bandar Kuching, Sarawak.



Komuniti Cina ramai di kawasan Bukit Bintang.



Pembentukan masyarakat berbilang kaum di bandar Kota Kinabalu, Sabah.



Komuniti berbilang kaum di bandar Kota Kinabalu, Sabah.



Komuniti India ramai di kawasan Brickfields.

Bahasa

- Setiap kaum bersikap terbuka dan bersedia menerima bahasa kaum lain.
- Setiap kaum bertutur dan memahami bahasa Melayu dan boleh menggunakan bahasa ibunda masing-masing.

Perkembangan Pendidikan

Kedatangan British membawa sistem pendidikan sekular kepada masyarakat di negara kita. Kewujudan masyarakat berbilang kaum dan dasar British yang kurang memberikan penekanan kepada pendidikan menyebabkan munculnya sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu. Pentadbiran British tidak mempunyai dasar pelajaran yang tetap atau bermatlamat hingga menyebabkan sekolah-sekolah vernakular berkembang mengikut kumpulan etnik masing-masing.

Negeri-negeri Melayu

Sekolah Vernakular Melayu

- British tidak berminat untuk memajukan orang Melayu dalam pendidikan.
- Pendidikan di sekolah vernakular Melayu hanya bertujuan menjadikan orang Melayu mempunyai pengetahuan asas, iaitu membaca, menulis dan mengira.



Sekolah Melayu Pertama, Sekolah Melayu Gelugor Pulau Pinang (1819).

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]



Sekolah Cina Sam Tet, Ipoh 1936.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

Sekolah Vernakular Cina

- Masyarakat Cina membuka sekolah di bandar atau tempat mereka tinggal.
- Kurikulum yang digunakan adalah berorientasikan kurikulum sekolah dari China.
- Guru yang mengajar dan buku-buku teks mereka juga dibawa dari China.
- Masyarakat Cina di Negeri-negeri Selat pula lebih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris.



Tahukah Anda?

George Maxwell dalam *Annual Report* bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1920, menyatakan:

“Tujuan kerajaan ... sebenarnya adalah untuk meninggikan taraf hidup kebanyakan orang, iaitu anak seorang nelayan dan petani sebagai nelayan atau petani yang lebih bijak daripada bapanya dari segi pelajaran dan melalui pelajaran juga, membantu untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekitarnya.”

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Glosari

Vernakular: sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

Sekular: pendidikan yang berkaitan dengan ilmu keduniaan.

Sekolah Vernakular Tamil

- Pada tahun 1912, British memperkenalkan Ordinan Buruh yang mewajibkan majikan ladang mendirikan sekolah Tamil di ladang.
- Pendidikan Tamil hanya terbatas di sekolah rendah.
- Kandungan kurikulum, buku teks dan guru yang mengajar dibawa dari India.



Sekolah Tamil Vivekananda, Brickfields.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]



Penang Free School, Pulau Pinang (1816).

(Sumber: Koleksi DBP, 2016)

Sekolah Inggeris

- Sekolah Inggeris pertama di Tanah Melayu ialah Penang Free School yang dibuka pada tahun 1816 di Pulau Pinang dan Malacca Free School di Melaka pada tahun 1826.
- Kebanyakan sekolah Inggeris ini didirikan di kawasan bandar.
- Lulusan sekolah Inggeris berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
- Mereka berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang pentadbiran dan kejuruteraan.
- Lulusan sekolah Inggeris juga diberi keutamaan menjawat jawatan yang baik dalam perkhidmatan kerajaan.

Pada tahun 1905, Kolej Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan. Kolej ini ditubuhkan untuk menarik minat golongan anak-anak raja dan golongan bangsawan Melayu belajar di maktab ini. Matlamat British adalah untuk melahirkan pentadbir Melayu yang berpendidikan Inggeris. Lulusan kolej ini diberi peluang menjawat jawatan-jawatan yang terdapat dalam pentadbiran British.



Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak (1905).

(Sumber: Koleksi DBP, 2017)



Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (1935).

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Pada tahun 1935, Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka ditubuhkan untuk melatih guru-guru perempuan.



Cerna Minda

Apakah tujuan penubuhan Kolej Melayu Kuala Kangsar?

Pembukaan sekolah vernakular Melayu dan aliran Inggeris, menyebabkan British mendirikan beberapa buah maktab perguruan untuk melatih bakal guru sebelum dihantar untuk mengajar di sekolah. Pada tahun 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris (Sultan Idris Training College) di Tanjung Malim, Perak dibuka.



Maktab Perguruan Sultan Idris (1922) diwujudkan khusus untuk melatih guru-guru Melayu.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*. Singapura: Editions Didier Millet)

Sarawak

Di Sarawak, terdapat lebih daripada 20 buah sekolah didirikan oleh mubaligh. Antaranya termasuklah St. Thomas (Kuching), St. Joseph (Kuching), Sekolah St. Paul (Banting) dan Anglikan St. Augustine School (Betong). Sekolah St. Mary dan Sekolah St. Teresa ditubuhkan di Kuching untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan.

- Sekolah Melayu pertama (Sekolah Abang Kassim) di Kampung Jawa, Kuching (1833).
- Government Lay School (Sarawak National College) ditubuhkan di Kuching (1903).
- Madrasah Melayu (Malay College) ditubuhkan untuk melatih orang Melayu menjadi guru sekolah dan Native Officer (1931).
- Sekolah Cina ditubuhkan di Bau oleh orang Cina (1870).



Sekolah St. Joseph, Kuching, Sarawak.

(Sumber: Koleksi DBP 2018)

Sabah

- Di Sabah pula, mubaligh Kristian mendirikan beberapa sekolah seperti Sekolah Rendah St. Mary dan Sekolah Lelaki St. Michael.
- Selain itu, mubaligh Kristian juga membina sekolah untuk kanak-kanak perempuan.
- SBUB membuka sekolah Melayu di Papar dan Kota Belud.



Sekolah St. Mary Convent, Sandakan.

(Sumber: Chai Foh Chin, 2007. *Early Picture Postcards of North Borneo and Labuan*. Kota Kinabalu: Opus Publications)



Cerna Minda

Nyatakan ciri-ciri persamaan sekolah vernakular sebelum Perang Dunia Kedua.



Keluarga Brooke di Sarawak dan pentadbir SBUB di Sabah enggan memajukan pendidikan anak tempatan. Bincangkan penyataan ini.

Perkhidmatan Kesihatan

Kedatangan buruh asing, pembukaan kawasan hutan, pembinaan petempatan baharu dan kekurangan air bersih menyebabkan merebaknya penyakit berjangkit. British membangunkan perkhidmatan perubatan untuk mengawal wabak penyakit tersebut.

Negeri-negeri Melayu

- Hospital kerajaan yang pertama dibina di Taiping, Perak (1878).
- Pada akhir tahun 1890-an, British mendirikan hospital di Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Kuala Lumpur (1904).
- Hospital didirikan bagi merawat buruh-buruh asing yang bekerja di lombong dan estet. Di samping itu, penduduk tempatan juga mendapat manfaatnya.



Hospital Taiping.

(Sumber: Koleksi DBP, 2016)



Institut Penyelidikan Perubatan (1900), Kuala Lumpur.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*. Singapura: Editions Didier Millet)

- British juga menubuhkan Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur pada tahun 1900.
- Sebahagian besar kerja penyelidikan saintifik ditumpukan kepada penyakit tropika, iaitu beri-beri dan malaria.
- Kesannya, masyarakat telah berubah daripada rawatan menggunakan kaedah tradisional berasaskan alam semula jadi kepada rawatan moden.

- Yap Kwan Seng, Kapitan Cina Kuala Lumpur telah membina Hospital Tung Shin (Pooi Shin Thong) di Jalan Sultan (1881).
- Hospital persendirian lain dibina oleh Taukeh Loke Yew di Serendah dan Taukeh Loh Chin Keng di Sepang.
- Di Pahang, hospital persendirian dibina oleh F.E. Maynard, kontraktor Syarikat Perlombongan Chong Heng Kongsi dan Pahang Consolidated Company and Blat Tin Mining Company.



Hospital Tung Shin (1881) di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*, Singapura: Editions Didier Millet)

- Pada tahun 1890-an, Sanitary Board telah ditubuhkan untuk mengawasi kebersihan dan kesihatan bandar Kuala Lumpur.
- Pada tahun 1911, Sanitary Board bertanggungjawab menjaga kebersihan bandar.
- Jabatan Kesihatan pula mengawasi aspek kesihatan penduduk bandar.



Ibu Pejabat Sanitary Board (1911) di Kuala Lumpur.

(Sumber: Cheah Jin Seng, 2015. *Malaya 500 Early Postcards*, Singapura: Editions Didier Millet)

Sarawak



Hospital yang dibina di Kuching, Sarawak.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

- Pentadbiran Brooke membina sebuah hospital di Kuching (1900) dan di Sibu (1913).
- Sarawak Shell Oilfields Limited membina hospital di Miri.
- Hospital Raja Brooke Memorial yang dibina pada tahun 1925 merupakan satu-satunya tapak penempatan kusta di seluruh Borneo.

Sabah

- William Hood Treacher, Gabenor pertama SBUB telah membina hospital di Kota Kinabalu, Sandakan, Beaufort, Tawau dan Kudat.
- Perkhidmatan dispensari diwujudkan di Tambunan, Kota Belud, Sipitang, Keningau, Semporna, Pensiangan, Papar, Tuaran dan Ranau.



Hospital pertama di Jesselton dibuat daripada binaan kayu.
(Sumber: Chai Foh Chin, 2007. *Early Picture Postcards of North Borneo and Labuan*. Kota Kinabalu: Opus Publications)



Bagaimanakah perkhidmatan kesihatan yang baik dan cekap dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara?

Pembinaan Penjara

Negeri-negeri Melayu

Setelah Francis Light menduduki Pulau Pinang, beliau memulakan langkah menjadikan pulau berkenaan sebagai pusat menempatkan banduan dari India. SHTI menjadikan banduan sebagai bekalan tenaga buruh murah untuk membina pelabuhan, bangunan, jalan raya, landasan kereta api dan penjara. Menjelang tahun 1790, banduan dari India telah ditempatkan di Fort of Cornwallis, Pulau Pinang. Dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Penjara Taiping dijadikan pusat penahanan banduan hukuman lama bagi negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor.



Pada tahun 1803, British mendirikan penjara Cornwallis di Pulau Pinang dengan menggunakan binaan konkrit, batu bata dan besi.

(Sumber: Koleksi DBP 2016)

Sarawak

Semasa pemerintahan Dinasti Brooke, Penjara Sibu dikenali sebagai Rumah Pasong. Rumah Pasong yang awal dibina pada tahun 1890. Dari tahun 1918 hingga 1963, Rumah Pasong ditadbir oleh Pegawai Daerah.



Penjara Sibu, Sarawak.

(Sumber: Koleksi DBP 2016)

Sabah

Semasa pentadbiran SBUB, penjara terawal dibina di Sandakan. Penjara ini ditadbir oleh *Inspector of Prison* yang juga merupakan *Commissioner of Police*. Selain itu, penjara dibina di Tawau, Kota Belud dan Tenom.



Penjara, mahkamah dan pejabat kerajaan di Kota Belud, Sabah.

(Sumber: Khoo Kay Kim, 1981. *Sabah History and Society*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia)



Kedatangan British membawa perubahan, khususnya dalam bidang pentadbiran. Dasar-dasar pentadbiran yang dilaksanakan membawa kesan ekonomi dan kesan sosial. Namun begitu, pentadbiran British hanya mementingkan keuntungan ekonomi, melindungi pemodal Eropah dan golongan kapitalis Barat tanpa memikirkan kebajikan masyarakat negara ini. Pembangunan ekonomi masyarakat tempatan tidak sekata hingga menyebabkan jurang perbezaan yang luas antara penduduk bandar dengan luar bandar. Kewujudan masyarakat majmuk dan kesan pengenalan pendidikan vernakular telah menyukarkan proses perpaduan kaum. Hal ini seharusnya menjadi iktibar kepada kita tentang kepentingan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum dan kepentingan sikap bermuafakat dalam memajukan negara pada masa depan.



Imbas Kembali

Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial
Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita

- Modal
- Teknologi
- Buruh
- Skala Besar dan Bercirikan Eksport
- Tanah

Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

- Perundangan
- Jabatan dan Agensi Kerajaan
- Kewujudan Syarikat Perwakilan
- Pewujudan Sistem Kewangan dan Insurans

Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

- Pengangkutan
- Kemudahan Pelabuhan
- Telekomunikasi

Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

- Perkembangan Bandar
- Pembentukan Masyarakat Berbilang Kaum
- Perkembangan Pendidikan
- Perkhidmatan Kesihatan
- Pembinaan Penjara

Bab ini telah memerihalkan kesan pentadbiran Barat terhadap ekonomi dan sosial masyarakat tempatan. Kuasa Barat memperkenalkan sistem pentadbiran dan sistem ekonomi yang ternyata berbeza daripada amalan biasa masyarakat tempatan sebelum ini. Perubahan dapat dirasakan dalam sistem ekonomi dan sosial masyarakat tempatan yang merubah gaya hidup mereka. Namun begitu, perubahan ini telah menggugat kedudukan atau status quo raja dan pembesar tempatan yang sebelum ini menjadi tunjang utama pemerintahan masyarakat. Bab seterusnya akan memerihalkan kebangkitan penduduk tempatan menentang penjajahan oleh kuasa Barat.



PAK-21

Aktiviti 1: Lawatan ke Galeri (*Gallery Walk*)

Arahan:

Murid bergerak atau berjalan di dalam kelas untuk:

- (i) Melihat dan membaca hasil tugasan yang dipaparkan.
- (ii) Berfikir tentang hasil tugasan tersebut.
- (iii) Berbincang dengan rakan-rakan kumpulan.



Jabatan dan agensi kerajaan di atas telah wujud sejak zaman pentadbiran British.

1. Murid-murid dibahagikan kepada empat kumpulan utama.
2. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan poster jabatan dan agensi kerajaan yang dinyatakan di atas. Maklumat yang perlu dicari:
 - (a) Sejarah penubuhan.
 - (b) Perkembangan jabatan dan agensi kerajaan.
 - (c) Cabaran masa hadapan.

Kumpulan 1

Jabatan Pertanian

Kumpulan 2

Jabatan Kesihatan

Kumpulan 3

Lembaga Getah Malaysia

Kumpulan 4

Keretapi Tanah Melayu

3. Selepas poster siap dihasilkan, poster akan ditampal di dalam kelas.
4. Setiap ahli kumpulan akan bergerak dan membaca serta berbincang tentang semua poster tersebut.



Aktiviti 2: Bulatan dan Pandangan (*Circle and Opine*)

Arahan:

- (i) Setiap murid akan mendapat nota perekat untuk membuat catatan dan melontarkan pandangan.
- (ii) Pusingan 1: Setiap murid bergerak dari satu stesen ke stesen lain dan melontarkan pandangan yang dituliskan pada nota perekat.
- (iii) Pusingan 2: Setiap murid bergerak dari satu stesen ke stesen lain dan membaca serta membincangkan pandangan lain.
- (iv) Sesi perbincangan atau ulasan daripada guru dan rumusan oleh murid.



Stesen 1: Kereta api pada abad ke-18.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Stesen 2: Kereta api zaman sekarang.
(Sumber: Express Rail Link Sdn. Bhd.)

Secara berkumpulan, berdasarkan gambar di atas, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Ceritakan apakah yang anda lihat?
2. Dengan menggunakan pelbagai sumber, bincangkan sejarah perkembangan pengangkutan kereta api di negara kita berdasarkan kronologi.

Era	Perkembangan
1900-an	
1970-an	
2000-an	

3. Bagaimanakah industri pengangkutan kereta api membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara?
4. Bandingkan ciri-ciri kereta api wap dengan kereta api elektrik.
5. Ramalkan bentuk pengangkutan kereta api pada masa hadapan.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Mengapakah British memperkenalkan tanaman yang berikut menjelang abad ke-20?

- Getah
- Kelapa Sawit

- A. Peningkatan modal tempatan.
- B. Harga tinggi di pasaran dunia.
- C. Kemerosotan harga bijih timah.
- D. Kemasukan tenaga buruh murah.

2. Mengapakah pemodal Eropah menguasai perlombongan bijih timah pada abad ke-20?

- I. Sokongan pembesar.
- II. Buruh mencukupi.
- III. Teknologi moden.
- IV. Modal besar.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

3. Apakah sumbangan H.N. Ridley terhadap perusahaan getah?

- A. Memberikan subsidi baja.
- B. Membawa masuk imigran luar.
- C. Memajak tanah peribumi untuk ditanami getah.
- D. Memperkenalkan sistem torehan *tulang ikan hering*.

4. Jadual yang berikut berkaitan dengan kemasukan buruh luar ke negeri-negeri Melayu.

Abad	Isu
Awal abad ke-20	Pertambahan kemasukan buruh luar dari China dan India di negeri-negeri Melayu.

Apakah kesan pertambahan tersebut?

- A. Kewujudan masyarakat berbilang kaum.
- B. Kemerosotan kuasa pembesar tempatan.
- C. Perkembangan pertanian sara diri.
- D. Petempatan setinggian bertambah.

5. Mengapakah British membina landasan kereta api di negeri-negeri Melayu?

- I. Memudahkan pentadbiran.
- II. Memajukan industri tempatan.
- III. Memenuhi desakan pembesar tempatan.
- IV. Memenuhi keperluan ekonomi.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Gambar di bawah menunjukkan kapal korek pada abad ke-20.



Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- Siapakah yang memperkenalkan teknologi melombong bijih timah di negara kita?
 - Nyatakan syarikat pelaburan bijih timah di negara kita pada tahun 1900-an.
 - Pada pendapat anda, mengapakah sektor perlombongan lebih memajukan negara kita?
 - Pada pandangan anda, bagaimanakah bekas tapak perlombongan boleh dimanfaatkan?
7. Apakah kepentingan Jabatan Hal Ehwal Cina dan Ordinan Buruh Kontrak yang diwujudkan oleh British?
8. Gambar di bawah menunjukkan Kolej Melayu Kuala Kangsar yang ditubuhkan pada tahun 1905.



Berdasarkan gambar dan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- Mengapakah British menubuhkan institusi di atas?
- Jelaskan kepentingan penubuhan institusi tersebut.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Sikap keterbukaan dan bersedia menerima perubahan amat penting untuk memajukan diri, bangsa dan negara.
- Pengaruh dari Barat memang tidak dapat dinafikan dalam kehidupan hari ini, namun begitu kita harus memelihara dan mempertahankan warisan tradisi yang membentuk masyarakat di negara kita.
- Sikap toleransi dan bijak dalam bertindak amat penting untuk mendepani cabaran pengaruh dari luar, bak kata pepatah, “umpama menarik rambut di dalam tepung; rambut tidak putus, tepung tidak berselerak”.

Diri dan Keluarga

Kita hendaklah sentiasa bersikap terbuka dalam menerima perbezaan pendapat demi kebaikan pembangunan potensi diri.

Negara


Kita perlu bersikap positif dan bijak menerima perubahan kesan pertumbuhan dan pemodenan ekonomi negara demi memastikan kelangsungan kegemilangan negara pada masa depan.



Sistem perhubungan negara kita mula berkembang dengan adanya pembinaan landasan kereta api dan jalan raya pada tahun 1880-an. Pembinaan transit laju massa (MRT) menunjukkan kemodenan sistem perhubungan negara kita yang memberikan manfaat kepada rakyat.

(Sumber: Perbadanan MRT)

Penentangan Masyarakat Tempatan



Potret lukisan pahlawan tempatan yang menentang kuasa British.



Sinopsis

Gerakan kebangkitan menentang kuasa Barat di negara kita merupakan kesan cetusan rasa tidak puas hati masyarakat tempatan terhadap hak mereka yang dinafikan oleh British. Matlamat mereka adalah untuk mengembalikan hak yang dirampas melalui pelbagai bentuk perjuangan. Perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh kuasa Barat yang sangat berbeza daripada sistem pentadbiran tradisional sedia ada telah memberikan kesan terhadap kuasa pemerintah dan masyarakat tempatan. Kesannya, mereka bangkit dengan nekad mengusir kuasa Barat dari tanah air. Pada permulaannya, kebangkitan tersebut menampilkan kejayaan yang membanggakan. Namun begitu, akhirnya masyarakat tempatan terpaksa mengalah dengan kelebihan strategi dan teknologi yang digunakan oleh kuasa Barat untuk menewaskan kebangkitan tersebut.



Pahlawan tempatan.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan matlamat dan bentuk penentangan masyarakat tempatan.
2. Menghuraikan sistem pentadbiran Barat yang memberikan kesan terhadap kuasa pemerintah dan kehidupan masyarakat tempatan.
3. Menilai penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat.
4. Merumus kesan penentangan masyarakat tempatan.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.
2. Menghuraikan kepentingan sifat bijaksana dalam mengatur strategi perjuangan.
3. Menghubungkan kepentingan bermuafakat dengan kejayaan dalam perjuangan.
4. Menilai kepentingan menghargai perjuangan tokoh-tokoh tempatan sebagai wira.



Dato' Siamang Gagap atau Pendekar Siamang Gagap merupakan pahlawan Melayu yang menentang British di Negeri Sembilan. Nama sebenar beliau ialah Kahar bin Haji Mukmin, lahir di Kampung Repah, kemudian berpindah ke Seri Menanti. Beliau bertanggungjawab memimpin angkatan perang Seri Menanti menentang askar British dalam Perang Bukit Putus pada 25 November 1875.

(Sumber: Muzium Negeri Sembilan)




Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi penentangan masyarakat tempatan terhadap British.
2. Membuat interpretasi faktor masyarakat tempatan menentang British.
3. Membuat imaginasi penentangan masyarakat tempatan terhadap British.
4. Meneroka bukti sistem pentadbiran Barat memberikan kesan kepada pemerintah dan kehidupan masyarakat tempatan.
5. Membuat rasionalisasi kesan penentangan masyarakat tempatan.

7.1 Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

Pengenalan

Campur tangan kuasa Barat di negara kita membawa perubahan kepada sistem pentadbiran tempatan. Perubahan tersebut menyebabkan masyarakat tempatan tidak berpuas hati kerana kehilangan hak dan kedudukan mereka. Oleh itu, mereka bangkit menentang kuasa British di negara kita melalui penentangan bersenjata, mencabar perjanjian dan sistem perundangan.



Perjuangan
Menentang
Penjajah



Penentangan Bersenjata

Penentangan masyarakat tempatan terhadap British diketuai oleh golongan bangsawan tempatan, pembesar-pembesar tempatan dan pemimpin agama yang tidak berpuas hati dengan pembaharuan yang dibuat oleh British. Golongan ini menentang British dengan nekad melalui penentangan bersenjata. Di Terengganu, muncul tokoh dalam kalangan pemimpin agama. Mereka memperjuangkan masyarakat tani yang ditindas akibat pelaksanaan cukai Barat yang tidak mengikut syarak.

1. Abad Ke-19

(i) Penentangan Dol Said di Nanning

Latar Belakang

- Abdul Said bin Omar dikenali sebagai Penghulu Nanning Seri Merah Raja Dol Said.
- Beliau dilahirkan pada tahun 1773 dan berasal daripada suku Semelenggang.



Dol Said

Sebab Penentangan

- Dol Said menentang bayaran cukai hasil tahunan sebanyak 1/10 yang dikenakan oleh British terhadap Nanning.
- Beliau mendakwa Nanning ialah sebuah negeri yang merdeka.

Peristiwa Penentangan

- Beliau bermuafakat dengan pemimpin Rembau dan mengadakan pakatan dengan orang Melayu dari wilayah yang lain untuk menentang British. Antaranya termasuklah Yamtuan Muda Raja Ali dari Rembau, Pembesar Seri Menanti, Penghulu Gemenceh, Dato' Kelana Sungai Ujong, Penghulu Remai dan Rechat, Penghulu Linggi, Johol dan Ulu Muar.
- Pakatan ini berjaya mengumpul kira-kira 4000 orang hulubalang Melayu untuk menentang British.
- Pada tahun 1831, dalam Perang Nanning Pertama, Dol Said dan pengikutnya berjaya mengalahkan British.
- Permuafakatan Dol Said dengan pembesar Melayu lain tidak kekal lama. British berjaya memecahbelahkan pakatan tersebut.
- Dalam Perang Nanning Kedua pada tahun 1832, Yamtuan Rembau dan pembesar lain enggan memberikan bantuan kepada Dol Said.
- British berjaya menakluki Taboh pusat pentadbiran Nanning dan menyatukan Nanning dengan Melaka.



Ilustrasi Perang Nanning



Peta Perang Nanning

(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)



KPS

Buat kronologi peristiwa penentangan oleh Dol Said di Nanning.

Dol Said



(ii) Penentangan Yamtuan Antah di Negeri Sembilan

Latar Belakang

- Tunku Antah ialah anak Raja Radin Yamtuan Besar Negeri Sembilan (1833-1861).
- Pada tahun 1875, Yamtuan Antah dilantik sebagai Yamtuan Seri Menanti.

Sebab Penentangan

- Beliau menentang campur tangan British di Sungai Ujong kerana menggugat kedaulatan bangsa.
- Beliau bimbang British akan meluaskan kuasa ke wilayah di sekitarnya.

Peristiwa Penentangan

- Beliau memimpin 4000 orang pengikutnya menentang Dato' Kelana yang disokong oleh pasukan tentera British.
- British berjaya mengalahkan angkatan Yamtuan Antah di Paroi dan Bukit Putus.
- Pada tahun 1876, baginda berunding dengan Gabenor Negeri-negeri Selat, William Jervouis. Melalui rundingan tersebut, British melantik Yamtuan Antah sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti.

Yamtuan Antah



Peta jajahan takluk Seri Menanti dan kawasan pertempuran Yamtuan Antah pada tahun 1874. (Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)

(iii) Penentangan Dato' Bahaman di Pahang

Latar belakang

- Nama asalnya Abdul Rahman bin Imam Noh dan dikenali sebagai Dato' Bahaman.
- Beliau dilantik sebagai pembesar Temerloh setelah kematian Orang Kaya Indera Segara.

Sebab Penentangan

- Beliau menentang British di Pahang kerana hilang hak mengutip cukai dan pembinaan balai polis oleh tanpa pengetahuannya.

Peristiwa Penentangan

- Pada tahun 1891, beliau melancarkan gerakan menentang British dengan bantuan Tok Gajah (Imam Perang Rasul) dan Mat Kilau.
- Pada tahun 1894, Dato' Bahaman dan pengikutnya menawan Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.
- British bertindak balas menghantar Kolonel Walker dan berjaya menawan semula Jeram Ampai.
- Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau berundur ke Kelantan dan Terengganu. Peristiwa ini menandakan berakhirnya Perang Pahang.



Dato' Bahaman



Peta menunjukkan tempat-tempat berlakunya kebangkitan Pahang yang dipelori oleh Dato' Bahaman.

Dato' Bahaman



Cerna Minda

Mengapakah Dato' Bahaman bangkit menentang British?

(iv) Penentangan Rentap di Sarawak

Latar Belakang

- Nama asalnya Libau.
- Rentap bermaksud “penggoncang dunia”.
- Beliau lahir pada tahun 1800.
- Beliau juga digelar Raja Ulu dan Raja Darat
- Merupakan pemimpin orang Iban di Sungai Skrang dan Sungai Saribas.



Rentap

Sebab Penentangan

- Rentap dituduh oleh James Brooke sebagai lanun.
- James Brooke menghapuskan petempatan orang Iban.

Peristiwa Penentangan

- Pada tahun 1853, Rentap menyerang kubu Brooke di Nanga Skrang. Dalam serangan ini Alan Lee, pegawai James Brooke terkorban.
- Pada tahun 1854, James Brooke menyerbu kubu Rentap di Sungai Lang. Rentap mengundurkan diri ke Bukit Sadok.
- Pada tahun 1857, Charles Brooke menggempur Rentap di Bukit Sadok. Rentap berjaya mengundurkan pasukan Charles Brooke.
- Pada tahun 1858, Charles Brooke menggempur kubu Rentap di Bukit Sadok buat kali kedua.
- Pada tahun 1861, Charles Brooke menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok buat kali ketiga.
- Rentap berundur ke Entabai, beberapa tahun kemudian beliau meninggal dunia.




Rentap



Ilustrasi kubu Rentap di Sungai Lang.

Rentap merupakan pejuang sejati dan gagah berani. Beliau tidak pernah gentar menghadapi kekuatan tentera James Brooke sehingga titisan darah yang akhir. Semangat juang Rentap harus dicontohi oleh generasi muda pada masa ini supaya bersemangat waja dan sedia berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara tercinta.



Lokasi kubu Rentap.



Cerna Minda

Apakah nama sebenar Rentap?

(v) Penentangan Sharif Masahor di Sarawak

Latar Belakang

- Sharif Masahor ialah pembesar Sarikei di kawasan Sungai Rajang.
- Beliau dilantik oleh Sultan Abdul Mumin Brunei pada tahun 1849.
- Beliau berasal dari Kampung Igan.



Sharif Masahor

Sebab Penentangan

- Kewibawaan Sharif Masahor tergugat apabila Sarikei diletakkan di bawah pentadbiran Brooke.
- Beliau mahu mengusir James Brooke dan mengembalikan kuasa pembesar tempatan yang terjejas.

Peristiwa Penentangan

- Pada tahun 1860, Sharif Masahor mengadakan pakatan sulit dengan Dato' Patinggi Abdul Gapur dan Pengiran Temenggung Hashim Jalil dari Sadong untuk menggulingkan Dinasti Brooke di Kuching.
- Beliau mengajak orang Melayu dan Dayak menyertai pakatan tersebut.
- Sharif Masahor menggunakan jalan laut untuk menyerang Kuching dari arah barat.
- Dato' Patinggi Abdul Gapur pula melancarkan serangan dari arah timur.
- Brooke mematahkan serangan ini menggunakan kapal perang dan senjata moden.
- Kedua-dua tokoh ini telah dibuang negeri oleh Brooke.

2. Abad Ke-20

(i) Penentangan Tok Janggut di Kelantan



Tok Janggut



Tok Janggut

Latar Belakang

- Nama sebenar Tok Janggut ialah Haji Hassan bin Munas.
- Beliau lahir pada tahun 1853 di Kampung Jeram, Pasir Puteh, Kelantan.
- Tok Janggut mendapat pendidikan pondok di Kelantan dan di Makkah.

Sebab Penentangan

- Beliau menentang kekerasan pentadbiran Encik Abdul Latiff, Ketua Jajahan Pasir Puteh.
- Beliau menentang peraturan cukai yang diperkenalkan pada tahun 1915 yang mewajibkan petani membayar cukai tanah.
- Beliau bersemangat jihad menentang British.

Peristiwa Penentangan

- Pada 29 April 1915, Tok Janggut mengadakan mesyuarat di Kampung Tok Akib bagi memboikot pengenalan cukai oleh British.
- Tok Janggut merancang menyerang Pasir Puteh dan mendapat sokongan daripada Haji Said, Penghulu Adam dan Che Ishak Merbol.
- British menyerang Tok Janggut yang berkubu di Kampung Dalam Pupuh Saring.
- Dalam pertempuran tersebut Tok Janggut terkorban.



Peta kawasan kebangkitan Tok Janggut menentang British di Kelantan.



British menyatakan Tok Janggut ialah penderhaka. Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Berikan hujah anda.

(ii) Penentangan Mat Salleh di Sabah

Latar Belakang

- Mat Salleh atau Mohammad Salleh dilahirkan di Inanam Sabah.
- Beliau berketurunan Bajau dan Suluk.

Peristiwa Penentangan

- Pada bulan Julai 1897, Mat Salleh menyerang pusat pentadbiran British di Pulau Gaya. Beliau membina kubu di Ranau.
- Pada bulan November 1897, Mat Salleh menyerang Ambong.
- Pada tahun 1898, Cowie mengadakan rundingan dengan Mat Salleh di Menggatal. Mat Salleh dibenarkan mentadbir daerah Tambunan.
- Walau bagaimanapun, SBUB tidak menepati janji dan mengambil alih pentadbiran Tambunan pada tahun 1899.
- Pasukan tentera SBUB menyerang kubu Mat Salleh di Teboh, Tambunan secara besar-besaran.
- Pada tahun 1900, Mat Salleh gugur dalam pertempuran di Tambunan.

Sebab Penentangan

- Mat Salleh menentang tindakan SBUB yang mengambil alih hak memungut cukai sehingga menyebabkan pembesar tempatan kehilangan kuasa.
- Mat Salleh cuba mengadakan rundingan dengan SBUB, namun gagal. Sebaliknya, Gabenor Beaufort menganggap Mat Salleh mengancam kepentingan SBUB.



Mat Salleh



Lokasi penentangan Mat Salleh di Sabah.

(iii) Penentangan Mat Sator di Sabah

Latar Belakang

- Mat Sator merupakan orang kanan dan Ketua Leftenan Mat Salleh yang bertanggungjawab melindungi kubu Mat Salleh di Tibabar.
- Beliau juga pemimpin Kadazandusun di Tambunan.
- Beliau turut dikenali sebagai Mat Jator.

Peristiwa Penentangan

- Mat Sator membina kubu di Kampung Kapayan Lama Tambunan berhampiran kubu Mat Salleh di Tibabar.
- Kubu ini dibina bertujuan melambatkan serangan British.
- Pada tahun 1900, British berusaha menamatkan kebangkitan Mat Sator dan Mat Salleh.
- Mat Sator dan pengikutnya berundur ke Sungai Sunsuron.
- Pada bulan April 1900, Mat Sator berjaya menawan Kudat. Namun begitu, British menyerang balas yang menyebabkan beliau terkorban.

Sebab Penentangan

- Memperjuangkan kedaulatan tanah air.
- Beliau meneruskan perjuangan selepas kematian Mat Salleh pada tahun 1900.



Muzium Pahlawan Mat Sator.



Aktiviti

Bina carta kronologi peristiwa penentangan Mat Salleh terhadap SBUB di Sabah.

Mencabar Perjanjian


British campur tangan di negeri-negeri Melayu melalui pelbagai strategi dan disahkan melalui perjanjian yang dimeterai dengan pemerintah tempatan. Raja-raja Melayu menyedari bahawa kehadiran Residen dan Penasihat British bukan setakat memberikan nasihat tetapi cuba memerintah. Oleh sebab itu, muncul pemerintah tempatan yang cuba mencabar perjanjian tersebut.

Latar Belakang

- Dato' Maharaja Lela Pandak Lam ialah keturunan Daeng Salili anak Raja Bugis yang berasal dari daerah Luwuk, Sulawesi.
- Dato' Maharaja Lela ialah Orang Besar Berlapan Perak yang mentadbir Pasir Salak.



Dato'
Maharaja Lela



Dato' Maharaja Lela

Sebab Penentangan

- Dato' Maharaja Lela bangkit menentang British kerana Residen British mengambil alih kuasa Sultan, pengambilan hak mengutip cukai dan Residen British yang mencabuli adat resam orang Melayu.



Peristiwa Penentangan

- Pada 16 Oktober 1874, Sultan Abdullah dan pembesar Perak mengupah R.C. Woods, peguam dari Pulau Pinang untuk memansuhkan Perjanjian Pangkor. Namun begitu, usahanya gagal.
- Rentetan itu, beberapa mesyuarat sulit diadakan antara Sultan Abdullah dengan pembesarnya bagi membincangkan pakatan menghapuskan J.W.W. Birch.
- Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch diiringi oleh Leftenan Abbott, Mat Arshad, jurubahasanya dan sepasukan tentera tiba di Pasir Salak untuk menampal perisytiharan mengambil hak memungut cukai oleh British.
- Kesempatan tersebut digunakan oleh Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya untuk membunuh J.W.W. Birch.
- J.W.W. Birch dibunuh pada 2 November 1875.
- Pada tahun 1877, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut dan Siputum dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh British.
- Sultan Abdullah, Raja Ismail dan Ngah Ibrahim dibuang negeri.



Pemeteraian perjanjian perlu dibuat secara berhati-hati. Bincangkan.

Menggunakan Sistem Perundangan

Gerakan kebangkitan menentang sistem pentadbiran British di Terengganu berlaku pada tahun 1922, pada tahun 1925 dan seterusnya pada tahun 1928. Ciri yang menarik dalam gerakan Kebangkitan Tani di Terengganu ini ialah kebijaksanaan pemimpinnya menggunakan sistem perundangan dan agama untuk menentang peraturan baharu yang diperkenalkan oleh British.

Latar Belakang

- Ketua gerakan Kebangkitan Tani ialah Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid bin Haji Abdul Qadir atau Haji Abdul Rahman Limbong.
- Keluarganya berasal dari Patani dan Terengganu.
- Beliau lahir pada tahun 1868 dan meninggal dunia di Makkah pada tahun 1929.

Peristiwa Penentangan

- Haji Abdul Rahman Limbong memohon Lesen Wakil (*pleader*) untuk menjadi wakil kepada tertuduh.
- Beliau bertindak sebagai peguam bagi mewakili penduduk Ulu Telemong menentang pihak kerajaan yang diwakili oleh renjer hutan.
- Kegagalan pihak peguam cara (pendakwa) dan hakim menjelaskan pertanyaan Haji Abdul Rahman Limbong menyebabkan perbicaraan ditangguhkan dan berakhir tanpa keputusan.
- Akhirnya, perbicaraan ditamatkan dengan keputusan berpihak kepada Haji Abdul Rahman Limbong.
- Apabila berlaku Kebangkitan Tani 1928, British menangkap beliau atas tuduhan menghasut.
- Beliau dibicarakan dan dibuang negeri ke Makkah.

Sebab Penentangan

- Haji Abdul Rahman Limbong menentang pengenalan pentadbiran Barat di Terengganu dan menolak undang-undang tanah yang berlawanan dengan hukum syarak.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Penduduk tempatan menghadiri perbicaraan bagi menyatakan sokongan kepada Haji Abdul Rahman Limbong.

Perjuangan menentang British yang dipimpin oleh golongan bangsawan, pembesar tempatan dan pemimpin agama disokong oleh masyarakat tempatan demi mengembalikan maruah bangsa dan kedaulatan tanah air. Keberanian, permuafakatan dan kebijaksanaan mereka dalam menentang British memberikan inspirasi kepada generasi muda kita pada masa ini supaya bersatu padu memperkasa maruah bangsa sekali gus memastikan negara kita tidak dijajah.



Kebijaksanaan dan keberanian merupakan ciri utama seorang pemimpin. Bincangkan.

7.2

Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat Tempatan

Pengenalan

Sistem pentadbiran Barat memberikan kesan kepada kuasa pemerintahan dan kehidupan masyarakat negara kita. Mereka kehilangan kuasa dari segi mentadbir dan hubungan luar, kuasa perundangan dan kuasa kewangan.

Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan

(i) Pentadbiran Tempatan

Negeri Sembilan

- British mula meluaskan kuasanya di Sungai Ujong pada tahun 1874 dengan menyebelahi pembesar tempatan, Dato' Kelana.
- British menggugat kewibawaan dan mencabar kedudukan Yamtuan Antah.
- British seterusnya menguasai Rembau, Jelebu dan Seri Menanti dengan cara menempatkan Pegawai Majistret dan Pemungut Hasil.
- Menjelang tahun 1895, British menyatukan semua daerah dan membentuk Persekutuan Negeri Sembilan.

Sarawak

- Bagi mengukuhkan kuasanya di Sarawak, Brooke melibatkan penduduk tempatan dalam pentadbiran.
- Pembesar Melayu yang berpengalaman, misalnya Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung dilantik mentadbir Sarawak untuk memudahkan Brooke menghapuskan kebangkitan pemimpin tempatan.

Pahang

- Pembentukan daerah di bawah pentadbiran Pemungut Cukai dan Majistret menyebabkan hilangnya kuasa pentadbiran pembesar di daerah masing-masing.
- British memaksa Sultan Ahmad melucutkan gelaran Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan daripada Dato' Bahaman.
- Tindakan British ini memalukan beliau dan menyebabkan berlakunya kebangkitan menentang British di Pahang.

Perak

- Residen British yang pertama di Perak ialah J.W.W. Birch. Beliau menggunakan tekanan supaya Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan yang membolehkan Residen British mentadbir hasil negeri atas nama sultan.
- Tindakan J.W.W. Birch menyebabkan Sultan Abdullah dan pembesarnya kehilangan kuasa.



Cerna Minda

Apakah tindakan British yang menyebabkan pemimpin tempatan hilang kuasa?

Sabah

- Pentadbiran SBUB menggugat kedudukan Mat Salleh, pembesar di hulu Sungai Sugut.
- Dalam satu rundingan antara Mat Salleh dengan William Cowie, Mat Salleh dibenarkan mentadbir daerah Tambunan.
- Kemudian, SBUB memungkir janji dengan mengambil semula Tambunan daripada penguasaan Mat Salleh. Hal ini mencabar kuasa dan kewibawaan Mat Salleh.

Terengganu

- Pelantikan Penasihat British di Kuala Terengganu dan Penolong Penasihat British di Besut dan Kemaman menggugat kekuasaan sultan dan pembesar. Hubungan luar negeri pula ditetapkan oleh British.

Kelantan

- Pembentukan jajahan dan pelantikan ketua jajahan sebagai pentadbir telah mengambil alih kuasa pembesar.
- Pusat pentadbiran jajahan Pasir Puteh telah dipindahkan dari Jeram ke Pasir Puteh. Engku Besar Jeram hanya diberi jawatan yang rendah, iaitu Tok Kweng Muda.
- Beliau kehilangan kuasa, wibawa dan keistimewaan. Engku Besar Jeram Tuan Ahmad dan Tok Janggut menjalankan kempen menentang pentadbiran baharu itu.

(ii) Perundangan Tempatan

Naning

British berusaha melaksanakan undang-undang Barat di Naning. Tindakan British mencabar bidang kuasa penghakiman yang dimiliki oleh Dol Said dan mengganggu sistem perundangan Naning yang berlandaskan Adat Perpatih.

Perak

Pembinaan balai polis dan pelantikan Kapten Speedy sebagai Penolong Residen di Larut mengurangkan kuasa Menteri Ngah Ibrahim mentadbir kerana beliau diminta menerima nasihat daripada Kapten Speedy.

Pahang

Konflik antara Dato' Bahaman dengan British di Pahang menjadi lebih serius apabila British mendirikan balai polis di Lubuk Terua. Tindakan British menyebabkan kedudukannya sebagai penguasa undang-undang tergugat.

(iii) Kewangan Tempatan

Perak

Pembatalan pajakan pungutan cukai dan larangan mengutip cukai oleh J.W.W. Birch di Kuala Sungai Perak menyebabkan Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim dan pembesar Perak terjejas pendapatan mereka.

Pahang

Dengan pengenalan Pegawai Majistret dan Pemungut Hasil, Dato' Bahaman dan pembesar lain yang berkuasa di Semantan tidak dibenarkan memungut cukai. Mereka ditawarkan elaun bulanan yang sangat kecil. Misalnya, Dato' Bahaman ditawarkan elaun \$70.00 sahaja sebulan. Para pembesar Pahang tidak berpuas hati dengan elaun tersebut dan membantah tidak akan mematuhi keputusan Majlis Mesyuarat Negeri.



Undang-undang tradisional terjejas dengan pengenalan sistem pentadbiran Barat. Bincangkan.

Kesan Terhadap Kehidupan Masyarakat

Kesengsaraan kepada Rakyat

British memperkenalkan pelbagai jenis cukai terhadap tanah, hasil hutan dan tumbuh-tumbuhan. Contohnya, di Kelantan, Majlis Mesyuarat Negeri mengeluarkan perisytiharan sistem pungutan cukai baharu yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1915. Hal ini menjejaskan kehidupan penduduk tempatan.

Cukai Terhadap Petani di Pasir Puteh

Sebelum Pentadbiran British

- Kutipan cukai berdasarkan jumlah keluaran.
- Sekiranya hasil tanaman sedikit, maka cukai yang dikenakan adalah rendah.
- Tanah yang tidak diusahakan, dikecualikan daripada cukai.

Selepas Kedatangan British

- Setiap penduduk mesti melaporkan jumlah keluasan sawah padi yang dimiliki.
- Setiap tanah yang mempunyai keluasan 400 depa per segi dikenakan cukai sebanyak tiga kupang (30 sen) setahun.
- Semua pemilik tanah diwajibkan membayar cukai.

Jenis Cukai	Kadar Cukai yang Dikenakan
Tanah Pertanian	40 sen seekar hingga \$1.20 ringgit seekar

Cukai Tanaman dan Binatang Ternakan	Kadar Cukai yang Dikenakan
Pokok durian	12 ½ sen sepokok
Pokok kelapa berbuah	3 sen sepokok
Pokok pinang	1 sen sepokok
Sirih	5 sen sejunjung
Lembu dan kerbau	20 sen seekor setahun

Masalah Membayar Cukai

- Penduduk Pasir Puteh, Kelantan menghadapi masalah membayar cukai kerana pejabat bayaran cukai terletak jauh dari tempat tinggal mereka.
- Bayaran cukai hanya boleh dijelaskan semasa waktu pejabat. Penduduk yang enggan membayar cukai ditangkap dan didenda.
- Keadaan ini menyebabkan penduduk semakin benci kepada British.

Bercanggah dengan Nilai Tempatan

- British melaksanakan beberapa perubahan baharu dalam pentadbiran yang bertentangan dengan nilai tempatan.
- Misalnya, penduduk Terengganu memerlukan surat kebenaran untuk mengambil hasil hutan, membuka tanah untuk petempatan atau berhuma.
- Cukai mesti dibayar di pejabat tanah. Mereka yang gagal mematuhi peraturan tersebut akan didenda dan jika gagal membayar denda akan dipenjarakan.



KPS

Rasionalkan tindakan British mengenakan cukai yang tinggi kepada penduduk tempatan.

Sarawak

- Pada tahun 1894, D.J.S. Bailey, pegawai Brooke yang bertugas di Simanggang mengenakan cukai terhadap orang Iban di Ulu Batang Lupar.
- Beliau mengeluarkan arahan memusnahkan rumah panjang yang dibina di kawasan sempadan Sarawak dengan kawasan Belanda di Kalimantan.
- Orang Iban membantah paksaan supaya berpindah ke petempatan di sepanjang sungai utama kerana menjejaskan kegiatan tanaman pindah mereka.
- Ketika memasuki sempadan dari kawasan pentadbiran Belanda, barang-barang yang dibawa oleh penduduk tempatan seperti tempayan dan tembaga dirampas oleh pegawai bertugas kerana gagal membayar cukai di samping dikenakan denda sebanyak 10 kati (\$7.20). Sepatutnya barang mewah orang Iban tidak perlu dikenakan cukai. Cukai pula biasanya hanya dipungut di pusat pungutan di hilir sungai.

Sabah

SBUB memperkenalkan pelbagai jenis cukai yang membebankan rakyat.

Cukai yang dikenakan oleh SBUB ke atas orang Murut.

Jenis Cukai	Kadar Cukai
1 ekar tanah	\$1.00 (Satu Dolar)
Kawasan tanah yang melebihi 1 ekar	\$2.00 (Dua Dolar)
Hak milik tanah bagi setiap 0.4 hektar	50 sen setahun
Pokok kelapa yang menghasilkan nira	25 sen setahun
Segantang beras	2 sen
Tangkapan ikan besar	\$1.00 seekor
Memelihara anjing	\$1.00 seekor

Layanan Tidak Adil

- Di Sabah, pentadbiran SBUB menindas orang Murut. Mereka dilarang membuka tanah baharu untuk pertanian pindah atau penempatan. Akibatnya, orang Murut kekurangan bekalan beras untuk makanan harian.
- Orang Murut dikenakan bayaran menyukat tanah untuk menentukan sempadan. Suami isteri orang Murut dipaksa tinggal berasingan dan dipisahkan oleh aliran sungai. Setiap kali mereka ingin berjumpa dikenakan denda \$1.00 Dolar.
- Peraturan baharu ini menyulitkan kehidupan orang Murut.

Sistem pentadbiran Barat mengancam kehidupan sosial masyarakat tempatan. Kestabilan dan kemakmuran yang dinikmati terjejas akibat tekanan yang diberikan oleh British. Oleh hal yang demikian, permuafakatan amat penting untuk memastikan perjuangan penentangan ketidakadilan dapat dicapai.



Sistem pentadbiran Barat menyebabkan hak kehidupan kita terjejas. Bincangkan.

7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat

Pengenalan

Masyarakat tempatan bangkit menentang British dengan menggunakan pelbagai strategi. Kebangkitan ini mempunyai kekuatan dan kelemahan. Pada peringkat awalnya menunjukkan kejayaan sebelum British bertindak balas dengan agresif menghapuskan penentangan masyarakat tempatan.

Kekuatan

Pada peringkat awal, pembesar tempatan mengecap kejayaan dalam usaha menentang kuasa Barat. Kejayaan ini dicapai melalui beberapa kekuatan strategi seperti muafakat, membina kubu pertahanan, penggunaan teknologi senjata dan perundangan.

(i) Muafakat

Dato' Maharaja Lela

- Pada 16 Oktober 1874, Sultan Abdullah, Ngah Ibrahim, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan pembesar Melayu lain mengadakan pakatan sulit untuk menghapuskan J.W.W. Birch.
- Pada 21 Julai 1875, satu mesyuarat penting diadakan di Durian Sebatang. Mereka yang hadir berjabat tangan dan mengangkat sumpah tidak akan memungkiri keputusan yang dicapai.
- Pada 5 September 1875, mereka mengadakan mesyuarat di rumah Dato' Sagor. Mereka bersumpah meminum air keris akan merahsiakan pakatan sulit itu.
- Pada 12 September 1875, mereka mengadakan mesyuarat khas pada waktu malam di Istana Sultan Ismail di Belanja.
- Setelah mengadakan tujuh kali mesyuarat, akhirnya mereka berjaya membunuh J.W.W. Birch di Pasir Salak.

Sharif Masahor

- Berjaya menyerang Kanowit dengan bantuan Dato' Patinggi Abdul Gapur.
- Pakatan itu berjaya membunuh dua orang pegawai British.
- Brooke tidak dapat membuktikan beliau terlibat dalam pakatan tersebut.


Pakatan kita berjalan lancar Dato'. Dalam serangan di Kanowit orang kita berjaya membunuh dua orang pegawai British.



Tahniah, Dato' Patinggi Abdul Gapur!

(ii) Kubu Pertahanan

Kubu pertahanan kita di Paroi telah jatuh ke tangan British. Sekarang kita perlu memperkukuh kubu Bukit Putus sebagai kubu pertahanan terakhir.



Baiklah, Yamtuan. Kita akan melakukannya dengan sebaik-baik mungkin.

Yamtuan Antah

- Berjaya mematahkan serangan British pada peringkat awal penentangan kerana kekuatan kubu di Paroi dan kubu Bukit Putus.
- Kedua-dua kubu semula jadi tersebut terlalu ampuh untuk ditembusi oleh British kerana terletak di atas bukit yang tinggi.
- Terdapat halangan ranjau dan pokok tumbang di bahagian hadapan.
- Kawasan kubu tersebut berbukit bukau dan dikelilingi oleh hutan tebal.



Faktor alam semula jadi turut membantu dari segi pertahanan ketenteraan. Bincangkan.

Rentap

- Berjaya mematahkan serangan keluarga Brooke sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 1857 dan 1858 kerana keutuhan kubu Bukit Sadok.
- Kubu Bukit Sadok terletak di kawasan curam dan perbukitan yang tinggi.
- Dikelilingi oleh hutan rimba dan bukit batu kapur.
- Terdapat halangan kayu belian setebal dua kaki yang tidak boleh ditembusi oleh peluru.
- Rentap juga menggunakan meriam “Bujang Timpang Berang” yang diperbuat daripada besi.

Sudah dua kali serangan kita berjaya dipatahkan oleh Rentap. Kubu Bukit Sadok itu kukuh dan tinggi serta dilengkapi dengan meriam “Bujang Timpang Berang”.



Kita kumpulkan orang Melayu dan orang Iban untuk menyerang Rentap. Kita juga perlu gunakan meriam Bujang Sadok untuk menghancurkan kubu Rentap di Bukit Sadok.

Mat Sator

- Mat Sator mempunyai kubu yang dikenali sebagai Kota Mat Sator yang terletak di Kampung Kapayan Lama, Tambunan yang terletak berdekatan dengan Kota Mat Salleh di Tibabar.
- Kedudukan kota ini strategik kerana terletak di tebing Sungai Sunsuron yang membekalkan sumber air.
- Kota ini menjadi pusat tinjauan kegiatan British.

(iii) Persenjataan

Dol Said

- Beliau memperoleh bantuan angkatan tentera dari Rembau dan wilayah yang menjadi jiran Naning.
- Angkatan tersebut menggunakan senapang jenis *flintlock* dan *snider rifles* ketika membuat serangan hendap terhadap tentera British.
- Beliau juga menggunakan meriam kecil (lela rentaka) yang mudah dibawa ke medan pertempuran.



Bagaimanakah strategi serangan hendap berjaya menewaskan serangan British?



Cerna Minda

Nyatakan senjata yang digunakan oleh Dol Said.

(iv) Perundangan

Haji Abdul Rahman Limbong

- Beliau memohon lesen *pleader* untuk membela para petani Terengganu di mahkamah dengan menggunakan hujah agama.
- Beliau menyatakan bahawa tanah yang dikerjakan oleh mereka ialah “Hak Allah SWT” dan rakyat bebas mengerjakannya tanpa perlu membayar cukai.
- Beliau berhujah, sistem percukaian yang diperkenalkan oleh British adalah berlawanan dengan hukum syarak.
- Melalui perbicaraan tersebut, beliau menuntut hak mengerjakan tanah harus mengikut hukum agama Islam.



Aktiviti Drama

Simulasikan peristiwa perbicaraan Haji Abdul Rahman Limbong di mahkamah.

Kelemahan

Kebanyakan kebangkitan menentang British hanya dimenangi oleh masyarakat tempatan pada peringkat awal penentangan sahaja. Selepas itu, kebangkitan tersebut dapat ditangkis dengan mudah oleh British. Apakah kelemahan strategi pemimpin tempatan sehingga kebangkitan masyarakat tempatan menentang British mengalami kegagalan?

(i) Penentangan Bersenjata

Yamtuan Antah Pejuang Terbilang

- British menggunakan meriam yang besar untuk menghancurkan kubu pertahanan Yamtuan Antah.
- Yamtuan Antah juga kehabisan peluru dan kekurangan ubat bedil.
- British berjaya menawan Paroi dan Bukit Putus.
- Yamtuan Antah berundur ke Johor.

Rentap Wira Bukit Sadok

- Brooke berjaya menewaskan Rentap dalam serangan ketiga (1861).
- Brooke menggunakan meriam tembaga “Bukit Sadok” dan angkatan tentera yang lebih besar.
- Brooke berjaya menawan Bukit Sadok.
- Rentap berundur ke Entabai.



KPS

Imaginasikan dan ceritakan semula tentang serangan British terhadap Yamtuan Antah.

(ii) Ancaman Perundangan Barat

Haji Abdul Rahman Limbong Pejuang Masyarakat Tani Terengganu

Kebangkitan Tahun 1922

- Petani di Kuala Telemong menentang peraturan baharu dengan membersihkan tanah tanpa mengambil pas kebenaran.

Kebangkitan Tahun 1925

- Seramai 300 hingga 500 orang petani berkumpul di Kuala Telemong dan membersihkan 200 ekar tanah milik Tengku Nik Maimunah dan 400 ekar tanah kerajaan tanpa pas kebenaran.

Kebangkitan Tahun 1928

- Berlaku Kebangkitan Tani di Marang, Kuala Telemong dan Kuala Berang
- Mereka mengisytiharkan perang terhadap British, menduduki balai polis, menduduki bangunan kerajaan dan mengibarkan bendera merah di Kuala Berang.
- Haji Abdul Rahman Limbong ditangkap.
- Kemudian, beliau dibicarakan di Kuala Terengganu.
- Beliau dijatuhi hukuman buang negeri ke Makkah atas kesalahan menghasut.

British mengancam untuk menangkap petani-petani yang enggan membayar cukai.

Oleh sebab itulah kita para petani mesti bersatu melawan British.



Mari sertai kami. Kita serang balai polis Kuala Berang dan bangunan kerajaan.

Ayuh, mari kita bersatu melawan British!

Beta difahamkan, adakah Tuan Haji telah menghasut petani-petani itu supaya menentang undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British?



Sultan Sulaiman

Haji Abdul Rahman Limbong

Ampun tuanku, tuduhan British itu tidak benar, tuanku. Patik tidak terlibat menghasut petani menentang British, tuanku!

Begini, untuk kebaikan semua pihak saya mencadangkan agar hakim mengenakan hukuman buang negeri ke atas Haji Abdul Rahman Limbong.



Cerna Minda

Apakah tindakan British untuk menamatkan perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong?



Ya. Lagipun beliau memang berhasrat untuk menghabiskan usianya dengan beribadat di Makkah. Hukuman ini sudah pasti dapat meredakan kemarahan pengikut beliau terhadap British.

(iii) Gagal Mentafsir Perjanjian

Dato' Maharaja Lela Pahlawan Melayu

- Tindakan Sultan dan pembesar Perak untuk mencabar Perjanjian Pangkor menemui kegagalan.
- Usaha membatalkan perjanjian tersebut perlu mendapat sokongan British.
- Pembesar Melayu tidak diberikan masa yang cukup untuk meneliti Perjanjian Pangkor.

Rancangan kita untuk membatalkan Perjanjian Pangkor menggunakan peguam tidak berjaya dilaksanakan, tuanku.



Apa, tidak berjaya? Dato' Maharaja Lela, kumpulkan pembesar kita untuk bermesyuarat bersama-sama beta bagi membincangkan rancangan seterusnya.

Rancangan untuk membatalkan Perjanjian Pangkor telah gagal. Baginda meminta kita memikirkan cara yang lain untuk menghapuskan Residen British J.W.W. Birch.



Kasihlah Sultan Abdullah, kalau begitu J.W.W. Birch harus dihapuskan dengan apa-apa cara sekali pun.

(iv) Tipu Muslihat

Tok Janggut Pejuang Jihad

- British mendesak Sultan Muhammad IV Kelantan supaya mengisytiharkan perjuangan Tok Janggut dan pengikutnya sebagai penderhakaan terhadap Sultan Kelantan.
- Muslihat British ini berjaya menakutkan rakyat supaya tidak menyokong atau menyertai perjuangan Tok Janggut.

Mat Salleh Pahlawan Sabah

- SBUB menggunakan tipu muslihat untuk melemahkan perjuangan beliau.
- Dalam Rundingan Perdamaian Menggatal (1898), SBUB membenarkan beliau mentadbir daerah Tambunan.
- Pada tahun 1899, SBUB mengambil alih pentadbiran Tambunan.



Cerna Minda

Bagaimanakah SBUB melemahkan perjuangan Mat Salleh?



Bagaimanakah British boleh memecahbelahkan permuafakatan dalam kalangan pembesar?

Kegagalan Penentangan Masyarakat Tempatan



Hukuman British terhadap penentangannya.



Kebijaksanaan merancang strategi amat penting dalam memastikan kemenangan dalam sesuatu perjuangan. Bincangkan.

Kisah perjuangan masyarakat tempatan menentang kedatangan British perlu dijadikan iktibar oleh generasi muda pada masa ini. Kebangkitan masyarakat tempatan mudah ditewaskan oleh British kerana kelicikan mereka menyusun strategi. Oleh itu, kita haruslah menghargai perjuangan tokoh-tokoh tempatan yang bangkit menentang British.

Pengenalan

Penentangan masyarakat tempatan memberikan kesan kepada kedua-dua belah pihak, iaitu kesan kepada pentadbiran British dan kesan kepada masyarakat tempatan.

Kesan Terhadap Pentadbiran British**Kerugian Akibat Peperangan**

- British kerugian sebanyak 100,000 Pound Sterling dalam Perang Naning dan membelanjakan 400,000 Pound Sterling dalam Perang Perak.
- British juga mengalami kerugian sebanyak 7000 Pound Sterling dalam Perang Pahang.

British Lebih Berhati-hati dalam Sistem Pentadbiran

- British melantik Residen yang berpengalaman, bijaksana, fasih berbahasa Melayu, pandai mengambil hati dan menguasai adat resam tempatan.
- British menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) yang ahlinya dilantik oleh sultan setelah dicadangkan oleh Residen.
- MMN menjadi badan penasihat sultan dan meluluskan “Perintah atau Peraturan Sultan dalam Majlis Mesyuarat.”

British Merombak Semula Skim Penempatan Pegawai

- Penempatan pegawai British di negeri-negeri Melayu mestilah mengetahui adat istiadat Melayu.
- Menubuhkan Kolej Melayu Kuala Kangsar di Perak (1905).
- British memberikan peluang kepada aristokrat Melayu untuk menyertai Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (Malayan Civil Service - MCS).
- Menubuhkan Perkhidmatan Tadbir Melayu (Malay Administrative Service - MAS) bagi melibatkan orang Melayu dalam pentadbiran kerajaan.

Pemantapan Kuasa Barat

- British menguasai seluruh negeri Melayu.
- Dinasti Brooke berjaya meluaskan pengaruh dan wilayahnya di Sarawak.
- SBUB menguasai Sabah (Borneo Utara).

Kesan Terhadap Masyarakat Tempatan



Bagaimanakah persediaan anda menghadapi ancaman musuh negara pada masa depan?

Kesan Terhadap Pemerintah dan Pembesar Tempatan

- Kehilangan jawatan dan kedudukan. Contohnya, Dol Said, Dato' Bahaman dan Sharif Masahor.
- Kehilangan jiwa. Contohnya, Dato' Maharaja Lela, Rentap, Mat Salleh dan Tok Janggut.
- Ramai dibuang negeri. Contohnya, Sultan Abdullah, Raja Ismail, Ngah Ibrahim dan Haji Abdul Rahman Limbong.

Kedudukan Raja dan Pembesar Melayu Diberi Perhatian

- British memperkenalkan Durbar.
- Durbar memberikan peluang kepada sultan, Ahli Mesyuarat Negeri dan pembesar Melayu menyuarakan pandangan mereka dengan bebas berkaitan perkara yang melibatkan kepentingan bersama.
- Dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negeri, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi persidangan dan menggunakan tulisan jawi dalam urusan surat-menyurat.

Menjadi Inspirasi kepada Pejuang Kemerdekaan Tanah Air

- Keberanian mereka menjadi inspirasi kepada pejuang bangsa.
- Memberikan semangat kepada pejuang kemerdekaan.



Sistem pentadbiran Barat menyebabkan penderitaan dan penghinaan dalam kalangan penduduk tempatan. Kekayaan tanah air telah dirampas oleh British dan masyarakat tempatan ditindas. Demi mengembalikan maruah bangsa dan kedaulatan negara, masyarakat tempatan bangkit berjuang menentang British yang menggunakan pelbagai strategi seperti tipu helah, manipulasi, pengaruh istana, kekuatan tentera dan menguatkuasakan undang-undang untuk menewaskan kebangkitan tersebut. Pejuang-pejuang negara ini dijatuhi hukuman mati, dibuang negeri, dipenjara, harta benda mereka dirampas dan kampung halaman mereka dibakar sehingga menjadi padang jarak padang tekukur. Semangat perjuangan mereka dikagumi dan menjadi inspirasi kepada generasi akan datang agar bersiap siaga mempertahankan kedaulatan maruah bangsa dan bumi tercinta.



Imbas Kembali

Penentangan Masyarakat Tempatan

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

- Penentangan Bersenjata
- Mencabar Perjanjian
- Menggunakan Sistem Perundangan

Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat

- Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan
- Kesan Terhadap Kehidupan Masyarakat

Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat

- Kekuatan
- Kelemahan
- Kegagalan Penentangan Masyarakat Tempatan

Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan

- Kesan Terhadap Pentadbiran British
- Kesan Terhadap Masyarakat Tempatan


Bab ini telah memerihalkan kebangkitan masyarakat tempatan menentang British. Dasar pentadbiran British yang mengancam kedudukan raja dan pembesar Melayu menjadi faktor utama kebangkitan penentangan ini. Rakyat turut merasai kesan perubahan pentadbiran Barat apabila mereka terpaksa membayar cukai yang lebih tinggi dan amalan budaya tradisional mereka terancam. Maka, bermulalah tiupan semangat nasionalisme anti-Barat dalam kalangan masyarakat. Bab seterusnya pula akan memerihalkan kebijaksanaan raja dan pembesar Melayu menangani cabaran Barat.



Aktiviti 1: Pembelajaran Akses Kendiri (*Self Access Learning*) dan Mangkuk Ikan Emas (*Goldfish Bowl*)

Arahan:

- (i) Murid diberikan tajuk dan membuat pembentangan untuk mempersembahkan hasil dapatan.
- (ii) Murid boleh menggunakan pelbagai cara dan bahan untuk pembentangan.
- (iii) Yang boleh tampil di hadapan sama ada wakil murid atau satu kumpulan murid bagi menyatakan pandangan dan menjawab soalan.



“Kaedah yang digunakan oleh Tok Janggut menentang secara terbuka terhadap penguasaan British tidak berjaya kerana kuasa kolonial ini akan menggunakan kekuatan ketenteraan bagi menghapuskan penentangan.”

Petikan daripada “Perjuangan Tok Janggut: Satu Realiti kepada Kebangkitan Nasionalisme dalam seminar 100 Tahun Tok Janggut”.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

1. Berdasarkan gambar di atas, secara berkumpulan jawab soalan yang berikut:
 - (a) Nyatakan perasaan anda terhadap gambar dan kisah perjuangan Tok Janggut.
 - (b) Apakah strategi perjuangan Tok Janggut?
 - (c) Mengapakah British menghukum Tok Janggut seperti yang ditunjukkan dalam gambar?
 - (d) Pada pendapat anda, apakah strategi lain yang boleh digunakan untuk menentang British?
2. Ahli kumpulan akan memindahkan jawapan dalam bentuk peta minda.
3. Setiap kumpulan akan membentangkan jawapan di hadapan kelas dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain.



Aktiviti 2: Stesen Berputar (*Rotating Stations*)

Arahan:

- (i) Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil di setiap stesen.
- (ii) Mereka diberikan masa 10 minit untuk menjawab topik yang telah ditentukan di setiap stesen.
- (iii) Apabila masa tamat, kumpulan ini akan bergerak ke stesen seterusnya sehinggalah semua kumpulan melalui semua stesen.
- (iv) Setiap kumpulan diberikan pen warna yang berbeza-beza warna untuk mencatat jawapan.

Gambar di bawah menunjukkan antara kompleks bersejarah di negara kita.



Kompleks Sejarah Pasir Salak



Memorial Mat Salleh



Kubu Brooke

Anda diminta melakukan aktiviti yang berikut:

1. Sediakan tiga keping gambar, iaitu Kompleks Sejarah Pasir Salak, Memorial Mat Salleh dan Kubu Brooke.
2. Gambar ini diletakkan di stesen pertama, stesen kedua dan stesen ketiga dengan dicerakinkan soalan yang berbeza-beza, iaitu:

Stesen Pertama

Perjanjian Pangkor 1874 merupakan titik mula penjajahan kuasa Barat di negara kita. Pemimpin tempatan bangkit menentang kuasa Barat. Nyatakan tokoh yang terlibat dalam penentangan tersebut, faktor-faktor penentangan dan peristiwa penentangan.

Stesen Kedua

Mat Salleh merupakan antara tokoh yang bangkit menentang Syarikat Borneo Utara British di Sabah. Jelaskan penentangan Mat Salleh.

Stesen Ketiga

Dinasti Brooke menggunakan strategi manipulasi dan desakan dalam peluasan kuasa di Sarawak. Bincangkan.

3. Murid bersiap sedia di stesen yang ditetapkan oleh guru.
4. Dalam tempoh 10 minit, murid menjawab soalan yang diberikan. Apabila masa tamat, murid akan bergerak ke stesen berikutnya sehingga selesai.
5. Setiap kumpulan diberikan pen warna yang berbeza-beza untuk menuliskan jawapan.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Dialog di bawah mungkin berlaku di Naning semasa pentadbiran Penghulu Dol Said pada abad ke-19.

X : Dato' Penghulu, wakil British datang meminta cukai?

Y : Berapa banyak?

X : Satu per sepuluh daripada hasil Naning.

Y : Beritahu wakil tersebut. Kita tidak akan membayar walau sedikit pun!

Apakah tindakan British setelah arahnya diingkari?

- A. Menduduki Naning.
 - B. Membunuh Dol Said.
 - C. Merampas hasil penduduk.
 - D. Memulaukan wilayah Naning.
2. Syair berikut menggambarkan kedudukan Sultan Abdullah semasa J.W.W. Birch menjadi Residen Perak.

Pembesar dan sultan berasa gundah,
hilang sudah kuasa memerintah,
kerana negeri sudah diserahkan,
dengan Residen British selalu berbalah.

Bagaimanakah Sultan Abdullah berusaha mengembalikan kuasanya?

- A. Menandatangani perjanjian.
 - B. Memodenkan sistem pentadbiran.
 - C. Mengadakan pakatan dengan pembesar.
 - D. Menjalinkan kerjasama dengan kuasa Barat.
3. Mengapakah British menggunakan nama Sultan Kelantan untuk mematahkan kebangkitan Tok Janggut pada tahun 1915?
- A. Menghormati sultan.
 - B. Kuasa mutlak sultan.
 - C. Mengekalkan kuasa sultan.
 - D. Kesetiaan rakyat kepada sultan.
4. Dialog berikut menggambarkan semangat perjuangan Rentap menentang Brooke.

“Bawalah semua meriam kamu dari Eropah, kami tidak takut kepada orang Eropah”

Keyakinan Rentap tersebut disebabkan

- A. Pengikut yang ramai.
- B. Kubu pertahanan yang kukuh.
- C. Taktik serangan yang berkesan.
- D. Kelengkapan perang yang moden.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Jadual berikut berkaitan usaha untuk menyelesaikan pertelingkahan antara Yamtuan Antah dengan British.

Tarikh	Peristiwa
Mei 1876	Rundingan antara Yamtuan Antah dengan Gabenor Negeri-negeri Selat, William Jervois.

Apakah kesan rundingan tersebut?

- A. British berundur dari Seri Menanti.
 - B. Yamtuan Antah dibuang negeri ke Melaka.
 - C. Yamtuan Antah memperkukuh kubu pertahanan.
 - D. Yamtuan Antah dilantik sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti.
6. Lengkapkan jadual di bawah:

Tokoh	Bentuk Perjuangan	Matlamat Perjuangan
Mat Salleh		
Dato' Maharaja Lela		
Haji Abdul Rahman Limbong		

Berdasarkan bentuk dan matlamat perjuangan tokoh-tokoh tempatan di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah cabaran yang terpaksa dilalui oleh tokoh tersebut?
 - (b) Apakah iktibar daripada perjuangan ini?
 - (c) Apakah yang dapat anda rumuskan tentang kekuatan dan kelemahan strategi perjuangan mereka?
- 7.
-
- Nama-nama pejuang yang bangkit menentang British diabadikan bagi mengenang jasa mereka dan membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.
- (a) Apakah sumbangan tokoh yang dinyatakan di dalam gambar di atas?
 - (b) Apakah cara lain yang boleh kita lakukan untuk menyemai semangat patriotik mengenang jasa pahlawan negara?
8. Lakarkan satu komik/karikatur tentang kebangkitan mana-mana tokoh penentang British.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Semangat juang yang tinggi dan tekal merupakan contoh nilai terbaik ditunjukkan oleh para pejuang yang bangkit menentang kuasa Barat.
- Sikap keberanian dan tidak gentar dengan musuh merupakan kemuncak semangat yang ditunjukkan oleh para pejuang terdahulu.
- Kita hendaklah mempunyai jati diri ampuh dan tidak tunduk kepada tekanan pihak musuh dalam sesuatu perjuangan.

Diri dan Keluarga

Kita hendaklah berani mempertahankan maruah diri dan keluarga daripada dicalarkan oleh pihak lain.

Negara

Kita hendaklah sentiasa bersedia tampil di baris hadapan dalam mendepani serangan musuh-musuh negara.



Proses pembinaan jati diri amat penting bagi melahirkan warganegara yang bertanggungjawab kepada tanah air yang tercinta daripada serangan musuh sama ada dari dalam atau luar negara.

BAB 8

Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat



Persidangan Raja-raja Melayu atau Durbar di Kuala Kangsar, Perak pada bulan Julai 1897.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Persidangan
Raja-raja Melayu,
Sultan Johor
dan Sultan
Terengganu.



Sinopsis

Peluasan kuasa British menimbulkan reaksi pemerintah di Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor. Raja-raja Melayu berpakat dan mengatur strategi bagi menangani cabaran Barat. Para pembesar Melayu juga berusaha melakukan pemodenan di negeri masing-masing. Kesepakatan usaha raja dan pembesar tempatan ini amat penting dalam menangani cabaran kuasa Barat.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan reaksi pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor terhadap tindakan Barat.
2. Menghuraikan tindakan raja Melayu dalam menangani cabaran Barat.
3. Menilai usaha pembesar Melayu dalam pemodenan negeri.
4. Merumuskan keberkesanan peranan pemerintah tempatan dalam menangani cabaran Barat.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menerangkan kepentingan sikap bijaksana dalam mempertahankan kedaulatan tanah air.
2. Menghuraikan kepentingan sikap taat setia kepada pemerintah.
3. Membahaskan kepentingan sikap bermuafakat untuk kemajuan negara.
4. Merumuskan kepentingan menghargai sumbangan pemimpin terdahulu.



Sultan Johor, Sultan Abu Bakar
(1862-1895).

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin
III (1881-1918).

(Sumber: Muzium Terengganu)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi tindakan pemerintah tempatan menangani cabaran Barat.
2. Meneroka bukti kebijaksanaan raja dan pembesar Melayu menangani cabaran Barat.
3. Membuat imaginasi kegigihan pemerintah tempatan menangani cabaran Barat.
4. Membuat interpretasi keberkesanan peranan pemerintah tempatan menangani cabaran Barat.
5. Membuat rasionalisasi usaha pembesar Melayu dalam pemodenan negeri.

8.1 Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor Terhadap Tindakan Barat

Pengenalan

Penguasaan British ke atas Negeri-negeri Melayu Utara didorong oleh perkembangan politik serantau yang melibatkan persaingan kuasa Barat terutamanya British dan Perancis. Kesungguhan British untuk meluaskan kuasa ke atas Negeri-negeri Melayu Utara berhasil melalui Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909 seperti yang anda pelajari dalam Bab Empat.


Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok Memecahbelahkan Wilayah Negeri-negeri Melayu Utara

Peluasan pengaruh British melalui Perjanjian Bangkok 1909 memecahbelahkan wilayah Negeri-negeri Melayu Utara. British dan Siam mementingkan kedudukan pengaruh masing-masing tanpa mengambil kira soal kebudayaan, geografi, etnik dan agama penduduk tempatan dalam membuat perubahan sempadan. British dan Siam bersetuju menjadikan legeh dan lembah sungai sebagai pembahagian atau garisan sempadan berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok.



Peta menunjukkan wilayah dan pulau yang menjadi milik Siam dan naungan British berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Fauzi Nordin, 2006. *Land and River Boundaries Demarcation and Maintenance-Malaysia Experience, International Symposium on Land and River Boundaries Demarcation and Maintenance in Support of Borderland Development*. Bangkok)



Sempadan berdasarkan legeh.

Sempadan berdasarkan lembah sungai.

Ilustrasi penentuan sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam berdasarkan legeh dan lembah sungai.

(Sumber: Adaptasi daripada *Aspek Teknikal Penentuan Sempadan Antarabangsa dan Negeri*, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia)



Glosari

Legeh: kawasan tanah tinggi yang memisahkan dua hulu sungai atau lebih.



Tahukah Anda?

Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909

- Garis sempadan berasaskan legeh dan lembah sungai.
- Bermula dari utara muara Sungai Perlis di sebelah barat.
- Berakhir di muara Kuala Tabal di sebelah timur.
- Pulau Langkawi dan pulau-pulau di bahagian selatan menjadi kepunyaan British.
- Pulau Terutau dan pulau-pulau di bahagian utara menjadi milik Siam.

Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara Terhadap Perjanjian Bangkok

Pemerintah Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis mempersoalkan hak British dan Siam menentukan masa depan politik negeri-negeri Melayu tanpa berunding dengan mereka terlebih dahulu.

Reaksi Pemerintah Perlis

- Melalui Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909, Perlis kehilangan wilayah Pujoh yang terletak di sebelah utara Sungai Perlis kepada Siam.
- Raja Syed Alwi Jamalullail membantah tindakan Siam mengambil wilayah Pujoh dan dimasukkan ke dalam wilayah Setul.
- Wilayah Pujoh sepatutnya menjadi sebahagian daripada Perlis kerana sebelum itu Pujoh ditadbir oleh kerajaan Perlis melalui Penghulu Kuala Perlis.



Raja Syed Alwi
Jamalullail (1905-1943)
(Sumber: Ahmad Ismail
dan Yazid Mat, 1992. *Perlis
Indera Kayangan: Sejarah
Pembentukan Sebuah
Negeri Berdaulat*. Perlis:
Perbadanan Perpustakaan
Awam)

Reaksi Pemerintah Kedah

- Sultan Abdul Hamid Halim Shah berasa tersinggung kerana tidak dibawa berunding perihal negeri baginda.
- Berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909, Kedah kehilangan wilayah Sadao, Setul, Pulau Terutau, Butang dan pulau-pulau sekitarnya kepada Siam.
- Sultan Abdul Hamid Halim Shah menegaskan sempadan baharu di antara Kedah dan Siam harus ditentukan mengikut kriteria sempadan yang sedia ada.
- Baginda amat murka sehingga menyatakan tidak akan memaafkan pihak yang menjual negeri Kedah seperti menjual seekor kerbau.



Sultan Abdul
Hamid Halim
Shah (1881-1943).
(Sumber: Muzium
Negeri Kedah)



Upacara menandakan sempadan baharu wilayah Siam dan British selepas Perjanjian Bangkok 1909.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Cerna Minda

Mengapakah Sultan Abdul Hamid Halim Shah enggan mengiktiraf Perjanjian Bangkok 1909?

Reaksi Pemerintah Terengganu

- Perjanjian Bangkok tidak dapat diterima sama sekali oleh pelbagai pihak di Terengganu, terutamanya dalam kalangan sultan, ulama dan pembesar.
- Sultan Zainal Abidin III mengecam tindakan Siam menyerahkan Terengganu kepada British tanpa pengetahuan baginda dan mempertahankan kedaulatan negeri.
- Baginda menegaskan bahawa Siam tidak mempunyai sebarang hak ke atas Terengganu.
- Baginda mengulangi kenyataan bahawa penghantaran bunga emas bukan menandakan Terengganu adalah jajahan Siam tetapi sebagai tanda persahabatan.
- Baginda mengemukakan bantahan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat pada 24 Mei 1909.



Sultan Zainal Abidin III
(Sumber: Jelani Harun, 2017. *Sultan Zainal Abidin III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Tindakan pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara yang berusaha mempertahankan hak wajar dihargai. Perjanjian Bangkok 1909 memberikan iktibar kepada kita bahawa jika kita tidak mempunyai pendirian yang tegas mempertahankan hak dan maruah bangsa, maka pihak luar akan mengambil kesempatan menentukan hala tuju negara kita.



Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909 memecahbelahkan masyarakat Melayu, khususnya di sempadan Kelantan-Siam. Bincangkan.

Reaksi Pemerintah Kelantan

J.S. Mason dan wakil Siam datang ke Kota Bharu menghadap Sultan Muhammad IV memaklumkan persetujuan antara Siam dengan British melalui Perjanjian Bangkok 1909. Dalam pertemuan tersebut, Sultan Muhammad IV menolak perjanjian berkenaan.



Sultan Muhammad IV juga kecewa dengan tindakan British menyerahkan wilayah Tabal, iaitu daerah di Kelantan yang dihuni kira-kira 15,000 orang Melayu kepada Siam.

Sultan Muhammad IV, Kelantan.



Peta menunjukkan sempadan di antara Kelantan dan Siam selepas Perjanjian Bangkok 1909. Sungai Golok dijadikan sempadan antarabangsa menyebabkan British menyerahkan wilayah Tabal kepada Siam. Sebahagian besar penduduk Tabal berhijrah ke Kelantan kerana tidak mahu berada di bawah pemerintahan Siam.

(Sumber: Adaptasi daripada Arkib Negara Malaysia)

Kebijaksanaan Pemerintah Johor Menyekat Kemaraan British

British berminat untuk campur tangan di Johor disebabkan oleh kedudukan negeri tersebut yang penting kepada perkembangan ekonomi British. Namun begitu, pemerintah Johor berhati-hati dalam tindakan mereka agar negeri Johor tidak jatuh di bawah kawalan British.

Kewibawaan Temenggung Daeng Ibrahim (1825-1862)



Temenggung Daeng Ibrahim

- Peka terhadap rancangan British ingin menguasai Johor dan perairan Selat Melaka.
- Berusaha membina jati diri sebagai pemerintah yang berdaulat.

Menjamin Keselamatan Perairan

- Memastikan perairan Johor dan Singapura selamat untuk perdagangan.
- Mendapat hadiah pedang keemasan daripada Ratu Victoria sebagai menghargai jasa beliau mewujudkan keamanan perairan.

Mengasaskan Bandar Iskandar Puteri

- Memindahkan pusat pentadbiran Johor dari Teluk Belanga, Singapura ke Tanjung Puteri untuk mengelakkan tekanan British di Negeri-negeri Selat yang juga berpusat di Singapura.
- Mengisytiharkan Tanjung Puteri sebagai ibu negeri Johor dan dinamakan Bandar Iskandar Puteri.

Memodenkan Pentadbiran Negeri

- Mempelopori birokrasi moden.
- Sistem tradisional diperkukuh dengan unsur baharu dari Barat ke dalam sistem pentadbiran seperti pendidikan moden.

Mengeksploitasi Hasil Hutan

- Mengeluarkan hasil hutan terutama getah perca untuk dijual kepada pedagang British.
- Perdagangan getah perca menguntungkan sehingga Temenggung mengisytiharkannya sebagai monopoli Johor.

Memperkenalkan Sistem Kangcu

- Menggalakkan kemasukan orang Cina untuk mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam.
- Pada tahun 1860-an, Johor menjadi pengeluar gambir dan lada hitam yang terkemuka di Alam Melayu.

Pada 1 Januari 1866, bandar Iskandar Puteri diberikan nama baharu, iaitu Johor Bahru oleh Sultan Abu Bakar.



Petempatan Kangcu pada tahun 1859.

(Sumber: Caroline Wong May Leng, 1992. *Sistem Kangcu di Johor 1844-1917*. Kuala Lumpur: Muzium Negara)



Tahukah Anda?

Antara usaha lain Temenggung Daeng Ibrahim termasuklah memperkenalkan beberapa pendekatan seperti melantik kangcu, iaitu ketua petempatan di lembah sungai; memberikan surat sungai, iaitu surat kuasa atau surat kebenaran untuk menetap dan mengusahakan pertanian di lembah-lembah sungai di Johor; dan mewujudkan kangkar, iaitu petempatan orang Cina yang dibina berhampiran dengan muara sungai.

Kewibawaan Temenggung Daeng Ibrahim berjaya memacu pembangunan dan kemakmuran negeri Johor dan sekali gus menyekat peluasan kuasa British di Johor.

8.2 Tindakan Raja Melayu dalam Menangani Cabaran Barat

Pengenalan

Raja-raja Melayu menggunakan pelbagai strategi bagi melindungi kepentingan bangsa dan kedaulatan negeri dalam menghadapi cabaran peluasan kuasa Barat.

1. Tuntutan Raja Melayu Melalui Durbar

Raja-raja Melayu berperanan sebagai jurubicara, menzahirkan suara membela nasib dan melindungi kepentingan bangsa melalui Durbar.

Durbar di Kuala Lumpur 1903

- Sultan Perak, Sultan Idris Murshidul Adzam Shah mengkritik pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral dan mendesak dilaksanakan langkah mengembalikan kuasa kepada institusi raja.
- Baginda juga mendesak bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan persekutuan ditambah dan dilantik ke jawatan yang lebih tinggi.
- Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad ibni Yamtuan Antah menuntut bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi Persekutuan.

Durbar di Pekan, Pahang 1932

Sultan Perak, Sultan Iskandar Shah bertitah dengan tegas mendesak agar kuasa pemerintahan dikembalikan kepada Raja-raja Melayu dan Majlis Negeri dalam semua aspek pemerintahan negeri.

Durbar di Klang, Selangor 1937

- Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman menggesa British memberikan peluang perkhidmatan kepada buruh dari rumpun Alam Melayu, khususnya orang Jawa menggantikan buruh Cina dan India di negeri-negeri Melayu.
- Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muazzam Shah mendesak British memberikan perhatian kepada masalah orang Melayu yang tidak mempunyai pekerjaan atau tanah.

Durbar di Seri Menanti, Negeri Sembilan 1939

Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah mencadangkan penubuhan Malay Girls College yang sama tarafnya dengan Malay College Kuala Kangsar untuk meningkatkan pendidikan kaum wanita.

Peranan Raja-raja Melayu melalui Durbar melambangkan kepekaan dan tanggungjawab Raja-raja Melayu sebagai pelindung rakyat. Peranan sedemikian penting semasa orang Melayu tidak mempunyai suara atau perwakilan dalam pentadbiran kerajaan British.



Durbar merupakan wadah pertemuan antara Raja-raja Melayu dengan pihak British bagi membangkitkan isu-isu masyarakat tempatan yang terjejas akibat dasar pentadbiran British. Bincangkan.

2. Diplomasi Menangani Tekanan British

Kebijaksanaan berdiplomasi, ketinggian peribadi dan semangat patriotik seperti yang dipamerkan oleh pemerintah Kesultanan Johor dan Kesultanan Terengganu membuktikan kesungguhan raja-raja Melayu dalam menghadapi cabaran peluasan kuasa Barat.

Diplomasi Sultan Abu Bakar Johor



Sultan Abu Bakar
(1862-1895)
(Sumber: Arkib
Negara Malaysia)

Mengadakan Hubungan Baik dengan Kerajaan Negeri-negeri Selat

- British mengekalkan kawasan Teluk Belanga di Singapura sebagai milik Kesultanan Johor.
- Baginda dan kerabatnya menetap di Singapura sehingga tahun 1889 sebelum berpindah ke Johor.

Kunjungan ke England Bertemu dengan Ratu Victoria

- Baginda dikurniakan gelaran Maharaja Johor pada tahun 1868.
- Meredakan tekanan Gabenor Negeri-negeri Selat.
- Diberi kepercayaan menyelesaikan pertikaian di negeri-negeri Melayu.

Menubuhkan Lembaga Penasihat Johor di London

- Ahli dilantik oleh baginda dalam kalangan pegawai British yang berpengaruh.
- Membantu menasihati baginda dalam hal pentadbiran.

Kebijaksanaan diplomasi dan dasar persahabatan Sultan Abu Bakar dengan British berjaya mengekalkan kedaulatan Kesultanan Johor sehingga tahun 1914.

Diplomasi Sultan Zainal Abidin III Terengganu



Perjanjian British-Terengganu 22 April 1910, menzahirkan sifat arif Sultan Terengganu mempertahankan kedaulatan negeri.

(Sumber: Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009. *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Tuanku Sultan Mizan)

Kebijaksanaan dalam Rundingan

- Baginda merupakan pemerintah yang berani mempertahankan kedaulatan negeri.
- Berangkat ke Singapura berunding dengan Gabenor Negeri-negeri Selat selepas Perjanjian Bangkok 1909.

Menandatangani Perjanjian British-Terengganu 1910

- Hasil rundingan membawa kepada Perjanjian Tahun 1910 yang meminda Perjanjian Bangkok 1909.
- Baginda hanya bersetuju menandatangani perjanjian apabila British mengakui Terengganu negeri yang merdeka.
- Terengganu hanya menerima wakil British yang tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran negeri.

Kebijaksanaan diplomasi dan sikap patriotik Sultan Zainal Abidin III membolehkan Terengganu menyekat kemasukan Penasihat British sehingga tahun 1919.



Sultan Zainal
Abidin III
(Sumber:
Muzium
Terengganu)

3. Keengganan Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara Menerima Penasihat British

Tindakan British menyetepikan kewibawaan raja dan pembesar Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu menyedarkan pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara tentang kedudukan politik mereka yang terancam. Oleh itu, mereka berusaha mempertahankan hak dan identiti negeri dan enggan menerima Penasihat British yang dilantik selepas Perjanjian Bangkok 1909.



Syed Hamzah Jamalullail, Naib Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Perlis (1930).


(Sumber: Muzium Kayangan, Perlis)

Penasihat British di Perlis

- Pada 15 Julai 1909, British melantik Meadow Frost sebagai Penasihat British di Perlis.
- Meskipun pemindahan naungan Siam kepada British berlaku pada tahun 1909, namun British dan Perlis tidak terikat dengan sebarang perjanjian rasmi.
- Pada 28 April 1930, Perjanjian Perlis-British yang ditandatangani menjadikan Perlis secara rasmi negeri Melayu terakhir menerima naungan British.
- Perjanjian tersebut meningkatkan kawalan Penasihat British terhadap pentadbiran negeri melalui Majlis Mesyuarat Negeri Perlis.

Penasihat British di Kedah

- Pada 15 Julai 1909, British menghantar W.G. Maxwell sebagai Penasihat British di Kedah.
- Keengganan menerima kehadiran W.G. Maxwell menimbulkan pergeseran dengan Majlis Mesyuarat Negeri Kedah yang diterajui oleh Tunku Mahmud.
- Konflik berpunca daripada tindakan W.G. Maxwell yang dianggap melampaui dalam mencampuri urusan pentadbiran negeri.
- Majlis Mesyuarat Negeri Kedah menentang langkah W.G. Maxwell menuntut surat rasmi mesti melalui Residen Jeneral dan ditulis dalam bahasa Inggeris.
- Tindakan W.G. Maxwell menyetepikan nama Kedah dalam surat rasmi dan mengibarkan bendera Union Jack di kediamannya dianggap tidak wajar dan mencabar identiti negeri.
- Konflik dengan Penasihat British membawa kepada Perjanjian Kedah-British pada 1 November 1923.
- Walaupun secara rasmi menjadi naungan British, Kedah berjaya mengekalkan identiti sebagai negeri Melayu.
 - Penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran dan perundangan.
 - Penggunaan kalendar Hijrah.
 - Cuti umum pada hari Jumaat.
 - Keutamaan melantik pegawai Melayu dalam pentadbiran.



Tunku Mahmud, Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Kedah (1907-1913).



Cerna Minda

Apakah kesan Perjanjian Perlis-British 1930 terhadap bidang kuasa raja?



Apakah yang akan terjadi sekiranya pembaharuan W.G. Maxwell tidak dihalang oleh Majlis Mesyuarat Negeri Kedah?



Aktiviti Kajian Teks

Penasihat British di Kelantan

Sultan Muhammad IV tidak menerima Perjanjian Bangkok. Oleh itu, British berunding dengan baginda untuk mewujudkan perjanjian lain. Akhirnya, perjanjian ditandatangani antara British dengan Kelantan pada tahun 1910. Antara kandungan perjanjian tersebut termasuklah:

- J.S. Mason dihantar ke Kelantan sebagai Penasihat British.
- Sultan Kelantan perlu mengikut dan melaksanakan nasihat Penasihat British dalam semua perkara kecuali agama Islam dan adat Melayu.
- Sultan Kelantan juga tidak dibenarkan membuat hubungan dengan kuasa luar tanpa melalui Penasihat British.



Sultan Muhammad IV,
Kelantan.

Secara berkumpulan, kaji kandungan petikan surat Sultan Muhammad IV di bawah. Bincangkan sebab Sultan Muhammad IV membantah Perjanjian Bangkok 1909.

“Maka pada fikiran beta adapun pada masa kiraan dahulu-dahulu dengan negeri Melayu itu kerajaan Inggeris tidak beroleh sekali-kali masuk campur di dalam apa-apa perkara negeri Melayu itu jika tidak tuan yang empunya negeri itu meminta dilakukan seperti itu maka sekarang ini beta sekali lagi dengan waris-waris negeri ini harap yang tidak ada hajat mengubah peraturan di dalam Negeri Kelantan serta harap tidak ada hajat meletakkan seorang wakil menduduki di dalam negeri kita ini juga sebelum lagi terlebih dahulunya diselesaikan apa-apa kiraan dengan beta.”

Sebahagian daripada terjemahan surat Sultan Muhammad IV kepada British yang membantah Perjanjian Bangkok.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Penasihat British di Terengganu

- Sultan Zainal Abidin III enggan menerima Penasihat British dan hanya menerima pelantikan wakil British yang tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran negeri pada tahun 1910.
- Penguasaan British dalam pentadbiran Terengganu berlaku selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin III apabila Sultan Muhammad II yang menaiki takhta selepas itu didesak menandatangani Perjanjian Terengganu-British pada 24 Mei 1919.
- Melalui perjanjian ini, status wakil British ditukarkan menjadi Penasihat British yang membolehkan British campur tangan dalam segala hal ehwal pentadbiran negeri kecuali agama Islam dan adat Melayu.
- Penasihat British yang pertama di Terengganu ialah J.L. Humphreys.
- Sultan Muhammad II (1918-1920) lebih banyak berunding dengan pembesar negeri berbanding dengan merujuk Penasihat British.
- Tindakan Sultan Muhammad II menimbulkan kemarahan British dan dianggap sebagai penghalang dasar British di Terengganu. Baginda turun takhta pada tahun 1920 dan digantikan dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.



Sultan Muhammad II
(1918-1920).



KPS

Bincangkan ciri-ciri semangat patriotik pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dalam menangani cabaran peluasan kuasa British.

4. Menggubal Undang-undang Tubuh

Raja-raja Melayu mengambil inisiatif menjadikan pemerintahan negeri lebih bersifat kerajaan berperlembagaan. Langkah ini bertujuan memperkukuh kuasa pemerintahan negeri dan menghalang kuasa asing mencampuri urusan pentadbiran negeri.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor

- Pada 14 April 1895, Sultan Abu Bakar memasyhurkan perlembagaan negeri yang dikenali sebagai Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.
- Pengenalan undang-undang ini menjadikan Johor sebagai negeri Melayu pertama yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan dan mempunyai unsur demokratik.



Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor menyentuh tentang hak raja dan kerabatnya, kerajaan, Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Glosari

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri: dokumen perjanjian bertulis tentang pembentukan secara rasmi dasar pemerintahan sesebuah kerajaan Melayu.

Kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor mengandungi 64 fasal. Antara kandungan penting undang-undang ini termasuklah:

- Sultan tidak boleh menyerahkan negeri dan kerajaan Johor kepada sebarang kuasa asing.
- Menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan juga tidak boleh menyerahkan negeri kepada kerajaan asing.
- Jemaah Menteri hendaklah terdiri daripada bangsa Melayu, rakyat Johor dan beragama Islam.
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mestilah terdiri daripada rakyat Johor.
- Agama Islam sebagai agama negeri selamanya.
- Raja dan kerajaan Johor mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan lain terutama British.

Kepentingan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor menyediakan asas yang kukuh bagi negeri Johor untuk mengimbangi kuasa British dan mempertahankan identiti negeri.
- Perlembagaan tersebut digubal untuk membentuk kerajaan yang berteraskan demokrasi bagi menggantikan pemerintahan bercorak mutlak.
- Langkah ini memberikan kesan kepada rancangan British untuk menguasai Johor.



Cerna Minda

Apakah asas penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor?

Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

Pada 2 November 1911, Sultan Zainal Abidin III menggubal Undang-Undang Tubuh bertulis pertama di Terengganu, iaitu Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (*Itqan Al-Muluk Bi Ta 'dil Al-Suluk*).

Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu atau *Itqan Al-Muluk Bi Ta 'dil Al-Suluk* bermaksud “keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan”. Antara kandungannya termasuklah soal kuasa sultan, tugas pembesar, kesetiaan rakyat dan peraturan dalam negeri.

(Sumber: Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009. *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Tuanku Sultan Mizan)



Kandungan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu mengandungi 53 fasal. Antara kandungan penting undang-undang ini termasuklah:

- Kerajaan Terengganu merupakan kerajaan Melayu Islam (Malayuwiyyah Islamiyyah).
- Islam merupakan asas perundangan negeri.
- Sultan Terengganu tidak boleh menyerahkan negeri Terengganu kepada mana-mana kuasa asing.
- Sultan Terengganu yang menyerahkan negeri Terengganu kepada kuasa asing hendaklah turun dari takhta.
- Menteri Besar mestilah beragama Islam dan rakyat Terengganu.
- Ahli Mesyuarat Negeri boleh terdiri daripada orang bukan beragama Islam tetapi mestilah rakyat Terengganu.

Kepentingan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

- Penggubalan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu merupakan langkah Sultan Zainal Abidin III untuk memantapkan pentadbiran dan memelihara kedaulatan negeri.
- Penggubalan undang-undang tersebut juga berhubung rapat dengan usaha sultan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan raja, pembesar dan rakyat jelata.
- Kekuatan hubungan antara raja dengan rakyat menjadi benteng untuk menghalang campur tangan British terhadap pemerintahan Terengganu.



Bandingkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dari aspek:

1. Tujuan penggubalan.
2. Kandungan
3. Kepentingan

5. Raja Menerajui Pemodenan Negeri

Raja-raja Melayu menerajui pembaharuan dan pemodenan negeri sebagai langkah untuk menutup ruang campur tangan British.

Pemodenan Johor

Sultan Abu Bakar dengan kerjasama Majlis Jemaah Menteri yang cekap dan taat setia, meneruskan pemodenan pentadbiran yang dipelopori oleh Temenggung Daeng Ibrahim. Antaranya termasuklah dalam aspek pentadbiran, kewangan, undang-undang, pelajaran, kesihatan, tanah, polis dan tentera.



Masjid Sultan Abu Bakar mula dibina pada tahun 1893. (Sumber: P. Lim Pui Huen, 2009. *Johor 1885-1957 Local History, Local Landscapes*. Singapura: Straits Times Press)

Sultan Abu Bakar dengan kerjasama pembesar berwibawa seperti Dato' Jaafar bin Muhamad, Dato' Abdul Rahman bin Andak, Dato' Mohammad Salleh bin Perang dan Dato' Muhammad Ibrahim bin Munsyi Abdullah menubuhkan pelbagai jabatan untuk mengurus pembangunan rakyat dan negeri. Jabatan-jabatan ini beroperasi dengan begitu cekap dan berkesan sehingga pihak British tidak mempunyai ruang untuk campur tangan.

Sultan Abu Bakar berjaya meletakkan Johor sebagai negeri yang moden berbanding dengan negeri Melayu lain pada abad ke-19, sehingga baginda digelar "Bapa Pemodenan Johor".



Sultan Abu Bakar bersama-sama pembesar baginda di Istana Besar Johor pada tahun 1895.

(Sumber: P. Lim Pui Huen, 2009. *Johor 1885-1957 Local History, Local Lanscapes*. Singapura: Straits Times Press)



Istana Besar mula dibina oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1866 sebagai kediaman diraja dan pusat pentadbiran. Kini, dibuka kepada orang ramai sebagai Muzium Diraja.

(Sumber: Koleksi DBP, 2018)



Tahukah Anda?

Sir Cecil Clementi Smith yang dipelawa Sultan Abu Bakar melawat Johor telah melaporkan kepada Setiausaha Negara dan Pejabat Tanah Jajahan di London bahawa terdapat organisasi yang baik, kemajuan yang memuaskan dan kerja-kerja mengagumkan dilakukan oleh pegawai-pegawai Melayu. Tidak ada bukti salah tadbir untuk mewajarkan pelantikan Residen British.

(Sumber : Ahmad Fawzi Mohd Basri, 1998. *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti)



Cerna Minda

Apakah gelaran yang diberikan kepada Sultan Abu Bakar?

Pemodenan Kedah

Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943), terkenal sebagai “Bapa Kedah Moden” kerana semasa pemerintahannya, Kedah melalui arus pembangunan dan pemodenan.

Baginda dibantu oleh pembesar negeri yang berkebolehan termasuk Tunku Abdul Aziz, Tunku Mahmud, Tunku Ibrahim dan Wan Muhammad Saman dalam menjayakan pembangunan negeri.

Pada akhir abad ke-19, Kedah mewujudkan Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Audit, Pejabat Besar Pos dan Telekom, Mahkamah Keadilan dan Pasukan Polis Kedah.

Kedah dapat mengembangkan sistem politik yang tersusun sebelum campur tangan British kerana mempunyai pegawai berpengalaman dan memainkan peranan yang berkesan dalam sistem pentadbiran.



Pemandangan Pekan Melayu, Alor Setar pada tahun 1905.

(Sumber: Mazizah Hj. Md. Darus, 2003. *Kedah Dulu-dulu*. Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah)

Pemodenan Terengganu

Sultan Zainal Abidin III bersama-sama Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad melakukan pembaharuan dan pemodenan dalam bidang pentadbiran dengan menubuhkan Jemaah Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri sejak tahun 1912.

Penubuhan badan-badan ini membawa kepada penubuhan jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Perbendaharaan, Pejabat Pesuruhjaya Keadilan, Pejabat Agama dan Pelajaran, Pejabat Kerja Raya dan Pejabat Pesuruhjaya Hutan.

Langkah tersebut merupakan usaha menutup ruang penglibatan British dalam pentadbiran kerana menerusi institusi-institusi inilah lazimnya British melakukan campur tangan di dalam sesebuah negeri.



Pejabat Daerah dan Tanah di Terengganu pada awal abad ke-20.

(Sumber: Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009. *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Tuanku Sultan Mizan)

Kesepakatan dan kerjasama raja-raja Melayu menangani cabaran peluasan kuasa Barat dapat mempertahankan kedudukan institusi raja sebagai pelindung bangsa. Peranan dan tindakan raja-raja Melayu mencerminkan kepentingan sikap bijaksana dalam mempertahankan kedaulatan tanah air. Kita sewajarnya menghargai peranan dan kebijaksanaan pemerintah terdahulu dalam usaha menjamin kesejahteraan rakyat dengan sentiasa menanam kepentingan sikap taat setia kepada pemerintah.



KPS

Bagaimanakah pemodenan negeri dapat menyejahterakan kehidupan rakyat?

8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

Pengenalan

Para pembesar negeri-negeri Melayu berusaha bergandingan dengan pemerintah negeri dalam proses pembangunan dan pemodenan demi kesejahteraan rakyat tempatan.

1. Pembangunan Sosioekonomi

Long Jaafar dan Tengku Menteri Ngah Ibrahim, usahawan bijih timah memajukan daerah Larut Matang. Mereka berjasa besar dalam memartabatkan bangsa menerusi penguasaan ekonomi dalam perlombongan bijih timah meskipun berhadapan dengan peluasan kuasa British pada abad ke-19.

Long Jaafar

- Membawa kemajuan di Larut sekali gus memperkenalkan negeri Melayu di pasaran dunia sebagai pengeluar utama bijih timah.
- Menggalakkan pusat pengajian agama dan membina sekolah Melayu Matang pada tahun 1826 untuk memberikan pendidikan kepada anak tempatan.




Tengku Menteri Ngah Ibrahim

Tengku Menteri Ngah Ibrahim

- Jutawan berwatak nasionalis dan berwawasan dalam membangunkan ekonomi bangsa.
- Menemui Sultan Abu Bakar Johor untuk mempelajari sistem pentadbiran moden baginda bagi memajukan daerah Larut.
- Usaha Ngah Ibrahim berakhir apabila beliau dijatuhkan hukuman dibuang negeri ke Pulau Seychelles dan kemudiannya meninggal dunia di Singapura pada tahun 1895.

Long Jaafar dan Ngah Ibrahim merupakan “Tokoh Korporat Melayu (Bapa dan Anak) Terulung di Tanah Melayu 1790-an – 1895”, ditinjau daripada aspek keusahawanan merupakan pengusaha bijih timah, ladang tebu dan ladang kopi

(Sumber: Talib Samat, 2013. *Tengku Menteri Kisah Tokoh Korporat Melayu Terulung Long Jaafar dan Ngah Ibrahim Pengasas Taiping Bandar Warisan 1790-1895*, Selangor: PTS Akademia)



Lakaran menggambarkan Kota Ngah Ibrahim sebagai tempat kediaman dan pusat pentadbiran Larut.

Usaha Ngah Ibrahim berakhir apabila beliau dijatuhkan hukuman dibuang negeri ke Pulau Seychelles seperti yang telah anda pelajari dalam Bab Tujuh.



Tahukah Anda?

Pengebumian Semula Dua Pahlawan Melayu

Pada 9 September 2006, jenazah Paduka Menteri Ngah Ibrahim dikebumikan semula di Kota Ngah Ibrahim yang kini dikenali sebagai Kompleks Sejarah Matang di Taiping. Jenazah beliau diberikan penghormatan pengebumian penuh istiadat.



Cerna Minda

Nyatakan kemajuan yang dibawa oleh Long Jaafar?

2. Pembangunan Pertanian

Wan Muhammad Saman

- Beliau dikenali sebagai Tokoh Pembangunan Negeri Kedah kerana mencetuskan idea membina terusan bermula dari Alor Setar hingga kaki Gunung Jerai, Gurun.
- Sempena mengenangkan jasa beliau kepada pembangunan negeri, terusan yang dibina oleh beliau dinamakan Terusan Wan Muhammad Saman.



Tahukah Anda?

Terusan Wan Muhammad Saman dibina dengan ukuran panjang 36 kilometer, lebar 7.5 meter dan dalam 1.5 meter. Merupakan pencapaian mengagumkan kerana dibina menggunakan kaedah sistem kerah dan peralatan tradisional.



Terusan Wan Muhammad Saman
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Wan Muhammad Saman
Perdana Menteri Kedah
(1870-1898).

Kejayaan pembinaan terusan Wan Muhammad Saman memberikan kesan kepada pembangunan negeri Kedah terutamanya dalam bidang pertanian. Banyak tanah dibuka untuk penanaman padi dan banyak lagi terusan kecil dibina untuk mengairi tanah-tanah sawah.

3. Pembangunan Bandar

Dato' Muhammad Salleh bin Perang

- Beliau melukis peta lengkap pertama bagi negeri Johor bagi memudahkan kerajaan menggerakkan pembangunan pertanian, perbandaran dan sistem perhubungan.
- Beliau mengasaskan pembukaan Bandar Maharani (Muar), Endau dan Bandar Penggaram (Batu Pahat).



Peta Johor yang dilukis oleh Dato' Muhammad Salleh bin Perang, ketepatan ukuran peta tersebut disahkan oleh pakar-pakar jabatan ukur dari London.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Batu Pahat dibangunkan oleh Dato' Muhammad Salleh pada tahun 1893 dan dibuka secara rasmi pada tahun 1894.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Dato' Muhammad Salleh bin Perang (Dato' Bentara Luar), menjawat beberapa jawatan dalam pentadbiran Johor seperti Pesuruhjaya Polis (1868), Ketua Jabatan Ukur (1883) dan Ketua Jabatan Tanah (1887).

4. Pentadbiran dan Pendidikan

Dato' Jaafar bin Muhammad

- Memelihara kedaulatan negeri dengan mengarahkan bendera *Union Jack*, iaitu bendera British dikibarkan lebih rendah daripada bendera negeri Johor.
- Memartabatkan bahasa Melayu dengan menetapkan penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan surat rasmi kerajaan.
- Mewajibkan pegawai British yang berkhidmat di Johor memakai pakaian rasmi kerajaan Johor.



Dato' Jaafar bin Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama (1882-1919), bergelar Datuk Bentara.

Dato' Abdul Rahman bin Andak

- Bertanggungjawab mengawal hubungan Johor dengan British, bijak dalam diplomasi dan berpandangan jauh dalam usaha mengekalkan kedaulatan negeri.
- Kebijaksanaan mematahkan usaha peluasan kuasa British menyebabkan beliau dibersarakan daripada pentadbiran Johor atas desakan British.
- Perintis penubuhan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa pada tahun 1888 yang merupakan badan persuratan terulung ketika itu.

Dato' Abdul Rahman bin Andak, Setiausaha Sulit Sultan (1885), Setiausaha Kerajaan Johor (1893-1909) bergelar Dato' Seri Amar Diraja.



Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

- Menggalakkan perkembangan pendidikan moden melalui penubuhan Jabatan Pelajaran pada tahun 1883 dan sekolah-sekolah di Johor.
- Membentuk Jawatankuasa Pelajaran Negeri yang terdiri daripada tokoh birokrat, agama dan masyarakat.
- Mendesak diwartakan pendidikan wajib kepada kanak-kanak Johor.

Dato Muhammad Ibrahim Munsyi, bergelar Dato' Bentara Dalam, Ketua Jabatan Pelajaran Johor yang pertama (1883). Beliau digelar "Bapa Pendidikan Melayu Johor".



Syeikhul Islam Terengganu

- Saiyid Abdur Rahman bin Saiyid Muhammad bin Saiyid Zainal Abidin al-Aidruss. Terkenal dengan gelaran Tok Ku Paloh.
- Pembesar istana yang dilantik sebagai Sheikhul Islam dalam pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.
- Tokoh penting dalam memberikan nasihat dan semangat perjuangan kepada sultan ketika berhadapan peluasan kuasa British di Terengganu termasuk terlibat dalam penggubalan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.



Aktiviti TMK

Secara berkumpulan, dengan melayari Internet dan sumber lain, dapatkan maklumat tentang tokoh-tokoh lain dan sumbangan mereka terhadap kemajuan dan pemodenan negeri. Bentangkan dapatan anda.

5. Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan



Dato' Abdullah Haji Dahan,
Undang Luak Rembau
ke-18 (1922-1938).

Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan

- Golongan bangsawan yang dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan.
- Menuntut pembentukan Rejimen Askar Melayu Diraja untuk menjaga keselamatan bangsa.
- Mendesak British membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak watan khususnya dalam perkhidmatan awam.



Raja Chulan, Raja Di
Hilir Perak (1920-1933).

6. Kepimpinan Tempatan di Sarawak dan Sabah

Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi

- Memainkan peranan penting dalam pentadbiran Dinasti Brooke terutamanya dalam hal ehwal yang berkaitan dengan umat Islam di Sarawak.
- Memulakan pengajian Islam yang lebih formal di Sarawak melalui penubuhan Madrasah al-Murshidiyyah di Kuching pada awal abad ke-20.
- Bersama-sama Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dan Abang Haji Bolhassan menubuhkan sebuah sekolah khas bagi kaum wanita mempelajari ilmu agama yang dikenali sebagai Sekolah Kajang.
- Pada tahun 1925, beliau dilantik sebagai Datuk Hakim dan sebagai ahli Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri Sarawak.
- Pada tahun 1932, beliau dilantik sebagai Datu Imam.
- Beliau juga mengasaskan Majlis Syuyukh Islam yang kemudiannya dikenali sebagai Majlis Islam Sarawak.



Datuk Hakim Imam
Abang Haji Murshidi
(1877-1939).



Haji Mohammad Arshad,
Ketua Anak Negeri semasa
pentadbiran Syarikat Borneo
Utara British.

Orang Kaya-kaya Haji Mohammad Arshad

- Ketua Anak Negeri yang membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran pada peringkat daerah.
- Menjaga keamanan, mengutip cukai, mengurus hal yang berkaitan dengan pembahagian tanah dan memajukan pertanian dalam masyarakat tempatan.
- Menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri yang mengendalikan kes berkaitan dengan hukum adat dan syariah.

Sejarah membuktikan negara kita memiliki tokoh kepimpinan berwibawa yang berusaha membawa kemajuan dan pemodenan untuk kesejahteraan rakyat. Kewibawaan pemimpin terdahulu wajar dihayati dan dijadikan inspirasi untuk membina kecemerlangan diri, bangsa dan negara.



Aktiviti Peta Pemikiran

Berdasarkan maklumat pada kedua-dua halaman ini, buat kesimpulan tentang usaha pembesar Melayu memodenkan negeri khasnya dalam aspek pentadbiran dan pendidikan. Bentangkan hasil perbincangan anda dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai seperti peta *i-Think*.

8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat

Pengenalan

Semasa menghadapi kemaraan kuasa Barat, peranan pemerintah tempatan dengan sokongan pembesar negeri berjaya membawa kemakmuran negeri dan melambatkan peluasan kuasa British. Selepas peluasan kuasa British, pemerintah tempatan dapat mempertahankan institusi beraja dan memperjuangkan hak dan kebajikan rakyat seperti kemajuan pendidikan, penglibatan anak tempatan dalam pentadbiran kerajaan serta penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja.

1. Kemakmuran Negeri

- Kemakmuran ekonomi Johor merupakan manifestasi kecekapan dan keberkesanan sistem pentadbiran yang diwujudkan pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Walaupun pemodenan dan kemajuan ditempa, namun jati diri dalam kalangan rakyat masih kekal dan utuh.
- Pemodenan dalam pentadbiran dan ekonomi menarik lebih ramai pelabur asing datang ke Johor untuk melabur dalam sektor pertanian komersial seperti gambir dan lada hitam.
- Sultan Abu Bakar mengabadikan peranan yang dimainkan sumber hasil pertanian penting yang membawa kemajuan ekonomi Johor dengan menjadikan motif lada hitam dan gambir tersebut sebagai awan larat pada semua peralatan istana dan kerajaan.



Motif awan larat daun gambir dan lada hitam dalam warna kuning keemasan menghiasi permaidani biru di dalam Bilik Singgahsana dan Bilik Persemayaman Istana Besar dan ruang istana yang lain.

- Usaha memajukan perlombongan bijih timah oleh Tengku Menteri Ngah Ibrahim di Larut dan peranan Sultan Ismail di Lembah Kinta memperkenalkan Perak sebagai pengeluar bijih timah utama dunia.
- Pembaharuan pentadbiran Kedah sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan kewibawaan Perdana Menteri Wan Muhammad Saman berjaya menjadikan Kedah sebagai negeri jelapang padi.
- Kerancangan kegiatan ekonomi di Sarawak dan Sabah juga berlaku sebelum kedatangan kuasa Barat. Kewujudan pelabuhan-pelabuhan seperti Kota Batu, Sandakan, Kuching, Santubong, Banjarmasin, Kutei dan Sambas membuktikan penduduk Sarawak dan Sabah sudah terlibat dalam kegiatan perdagangan. Pelabuhan tersebut memperdagangkan bahan mentah, hasil hutan dan hasil laut. Sarawak dan Sabah kaya dengan pelbagai hasil hutan yang diusahakan oleh penduduk tempatan.
- Di samping itu, penemuan hasil bumi pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 seperti antimoni, emas dan arang batu menyebabkan kuasa Barat melihat potensi ekonomi di Sarawak dan Sabah. Pada awal tahun 1820-an, Sarawak merupakan pengeksport utama emas, antimoni dan sagu. Sabah pula menjadi pengeluar hasil hutan seperti kapur barus dan sarang burung serta hasil laut seperti mutiara dan sirip ikan yu.



KPS

Kemakmuran negeri dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Berikan penjelasan anda.

2. Melambatkan Peluasan Kuasa British

Kebijaksanaan dan ketegasan pemerintah tempatan menangani cabaran kemaraan kuasa Barat berjaya melambatkan peluasan kuasa dan penerimaan Penasihat British di negeri-negeri Melayu terutama di Johor dan Terengganu.

- Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Undang-Undang Bagi Diri Terengganu membantutkan cita-cita British untuk meluaskan kuasa ke atas negeri Melayu tersebut.
- Kawalan undang-undang tubuh tersebut terhadap kedaulatan negeri dinyatakan dengan tegas bahawa pemerintah tidak boleh menyerahkan negeri kepada kuasa asing.
- British hanya berjaya menempatkan Penasihat Am British di Johor selepas Sultan Abu Bakar mangkat dengan mendesak Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian British-Johor pada tahun 1914.
- Terengganu pula merupakan negeri Melayu terakhir menerima Penasihat British setelah berjaya mendesak pengganti Sultan Zainal Abidin III, iaitu Sultan Muhammad II menandatangani perjanjian menerima Penasihat British pada tahun 1919.

Jadual: Peluasan Kuasa British di Negeri-negeri Melayu

Tahun	Kejayaan British
1874	Residen British di Perak
1874	Residen British di Selangor
1874	Residen British di Sungai Ujong
1888	Residen British di Pahang
1895	Residen British di Negeri Sembilan
1910	Penasihat British di Perlis
1910	Penasihat British di Kedah
1910	Penasihat British di Kelantan
1914	Penasihat Am British di Johor
1919	Penasihat British di Terengganu

Meskipun menerima Penasihat Am British, Sultan Ibrahim yang mewarisi pemerintahan negeri selepas kemangkatan Sultan Abu Bakar tetap berpegang pada falsafah “Johor mesti jadi Johor”.

(Sumber: Shaharom Hussain, 1995. *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti)



Sultan Ibrahim
(1895-1959)

Cerna Minda

Apakah kesan penggubalan undang-undang tubuh kepada British?

Perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain dengan Negeri Johor 1914

Bahawasanya adalah dianggap perlu bahawa Perkara III Perjanjian 11 Disember 1885, yang dibuat oleh Yang Teramat Mulia Frederick Arthur Stanley, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Baginda Queen, bagi pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Great Britain dengan Duli Yang Maha Mulia Baginda Maharaja Johor hendaklah dimansuhkan dan Perkara yang lain mengantikannya.

Perkara III

Sultan Negeri dan wilayah Johor akan menerima dan menyediakan kediaman yang sesuai untuk seorang Pegawai British yang dinamakan Ketua Penasihat, yang akan ditauliahkan ke istana Baginda dan tinggal dalam Negeri dan wilayah Johor, dan nasihatnya mestilah diminta dan diambil tindakan atas semua perkara yang melibatkan pentadbiran am negeri itu dan semua persoalan selain yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat orang Melayu.

Sebahagian kandungan Perjanjian British-Johor pada tahun 1914.
(Sumber: *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad)



Aktiviti Kajian Teks

1. Secara berpasangan/berkumpulan teliti kandungan Perjanjian Johor-British 1914 di atas.
2. Bincangkan implikasi kandungan perjanjian tersebut terhadap negeri Johor.
3. Bentangkan dapatan kajian anda di hadapan kelas.

3. Kemajuan Pendidikan

Penyediaan kemudahan pendidikan bukan menjadi keutamaan British kerana tumpuan British adalah untuk mengeksploitasi sumber ekonomi negeri-negeri Melayu. British kurang memberikan perhatian kepada pendidikan terutama pendidikan wanita kerana dianggap tidak memberikan pulangan ekonomi kepada British. Walau bagaimanapun, desakan berterusan Raja-raja Melayu melalui Durbar mengenai kepentingan pendidikan anak watan membawa kepada penubuhan sekolah-sekolah di negeri-negeri Melayu termasuk sekolah perempuan.



Aktiviti Kedai Kopi

Secara berkumpulan, bincangkan sebab sekolah perempuan tidak dibina di Pahang dan Negeri Sembilan pada tahun 1896-1900.

Tahun	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang	Jumlah
1896	5	1	-	-	6
1897	7	2	-	-	9
1898	9	2	-	-	11
1899	8	3	-	-	12
1900	10	2	-	-	12

Statistik Sekolah Perempuan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Pada Tahun 1896-1900.

(Sumber: Muhammad Ridzuan Idris dan Arba'iyah Mohd. Noor, "Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1941" dlm. *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 23, Bil. 2, 2014)

4. Penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja

Rejimen Askar Melayu ditubuhkan hasil inisiatif Yamtuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad ibni Yamtuan Antah, Sultan Perak Sultan Alang Iskandar, Undang Luak Rembau Dato' Abdullah Dahan dan Raja Di Hilir Perak, Raja Chulan ibni Sultan Abdullah. Raja-raja Melayu dan pembesar Melayu mendesak melalui Durbar dan Majlis Perundangan Persekutuan tentang keperluan pasukan bersenjata yang dianggotai oleh anak watan bagi memelihara kedaulatan dan keselamatan negara.

Pada tahun 1933, Kompeni Percubaan diwujudkan di Port Dickson, Negeri Sembilan yang kemudiannya menjadi Rejimen Askar Melayu pada tahun 1935. Penubuhan pasukan ini menjadi asas penubuhan pasukan tentera di negara kita yang kemudiannya dianugerahkan gelaran Diraja menjadi Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).



Perbarisan Kompeni Percubaan seramai 25 anggota pada 18 Julai 1933 di Port Dickson.

(Sumber: Syed Othman bin Syed Omar, 2005. *Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya)



Logo pasukan Rejimen Askar Melayu pertama dengan moto "Taat Setia" melambangkan keberanian mempertahankan ketaatsetiaan kepada raja dan negara, menegakkan kesucian agama Islam dan mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh.

5. Pegawai Tadbir Melayu

Kemunculan generasi pentadbir Melayu bermula pada tahun 1910 apabila skim Perkhidmatan Tadbir Melayu (PTM) ditubuhkan untuk melatih orang Melayu menceburkan diri dalam pentadbiran negeri.

- Penubuhan PTM merupakan hak kepada raja-raja Melayu bagi kepentingan anak-anak mereka.
- British sedar bahawa mereka perlu mendapatkan kerjasama elit Melayu untuk mengekalkan kedudukan mereka di negeri-negeri Melayu.
- Pelantikan elit Melayu dalam pentadbiran British akan memberikan peluang kepada mereka untuk menyesuaikan diri dengan kehendak British.
- Pada dasarnya, pegawai-pegawai Melayu boleh dinaikkan pangkat dan dipindahkan ke Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (PATM) dan menduduki jawatan-jawatan tinggi.
- Walaupun begitu, PTM tetap dianggap sebagai eksklusif dengan prestij yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu.



Beberapa orang pegawai PTM dan PATM yang terkenal. Mengikut pusingan jam dari atas: Tan Sri Datuk Dr. Mohamad Said dengan Encik C. Baiell (Pengetua Kolej Melayu pada tahun 1930-an), Tunku Tan Sri Mohamad bin Tunku Besar Burhanuddin, Tan Sri Nik Ahmed Kamil dan Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

[Sumber: Cheah Boon Kheng, 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet]

6. Mempertahankan Institusi Beraja

Dalam menangani cabaran Barat, raja-raja membuktikan kebolehan berdiplomasi sehingga institusi raja dapat dikekalkan dan berjaya dipertahankan. Peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu tidak menghapuskan kedudukan raja-raja Melayu. British hanya dapat mengambil alih pemerintahan pada peringkat pembesar negeri. Peranan pembesar negeri digantikan oleh pegawai British. Jabatan-jabatan dan sistem bercorak barat digunakan bagi menggantikan peranan pembesar tempatan. Walaupun nasihat British mesti diterima dan raja tidak lagi boleh membuat undang-undang seperti sebelumnya, namun semua undang-undang yang dilaksanakan mesti memperoleh tandatangan dan cap mohor sultan sebagai pengesahan kepada undang-undang yang dilaksanakan di bawah pentadbiran British.

Kebijaksanaan raja-raja Melayu dan pembesar negeri menangani cabaran peluasan kuasa Barat dapat mempertahankan kesinambungan warisan bangsa dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Kesepakatan raja dan pembesar memberikan iktibar kepada kita kepentingan muafakat untuk kemajuan bangsa dan negara. Kebijaksanaan pemerintah yang cinta akan rakyatnya diibaratkan negeri sentosa rakyat sejahtera, negeri bersultan, rakyat beraja.



Bandingkan kedudukan institusi pemerintahan beraja sebelum dan selepas zaman peluasan kuasa British di negara kita.



Imbas Kembali

Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat

Pada akhir bab ini, saya telah mempelajari:

Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor Terhadap Tindakan Barat

- Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok Memecahbelahkan Wilayah Negeri-negeri Melayu Utara
- Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara Terhadap Perjanjian Bangkok
- Kebijaksanaan Pemerintah Johor Menyekat Kemaraan Kuasa British

Tindakan Raja Melayu dalam Menangani Cabaran Barat

- Tuntutan Raja Melayu Melalui Durbar
- Diplomasi Menangani Tekanan British
- Keengganan Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara menerima Penasihat British
- Menggubal Undang-Undang Tubuh
- Raja Menerajui Pemodenan Negeri

Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

- Pembangunan Sosioekonomi
- Pembangunan Pertanian
- Pembangunan Bandar
- Pentadbiran dan Pendidikan
- Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan
- Kepimpinan Tempatan di Sarawak dan Sabah

Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat

- Kemakmuran Negeri
- Melambatkan Peluasan Kuasa British
- Kemajuan Pendidikan
- Penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja
- Pegawai Tadbir Melayu
- Mempertahankan Institusi Beraja

Bab ini telah memerihalkan usaha dan tindakan Raja-raja Melayu bersama-sama pembesar tempatan mendepani cabaran Barat. Usaha ini dilakukan dalam hal pentadbiran dan mengurus kekayaan serta kemakmuran negeri. Raja sebagai tonggak utama pemerintahan dalam struktur sosial masyarakat Melayu bertindak segigihnya untuk menyekat kemaraan British. Baginda disokong oleh para pembesar yang menunjukkan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi.



PAK - 21

Aktiviti 1: Perbincangan Bebas (*Free Discussion*)

Arahan:

Perbincangan murid dalam kumpulan-kumpulan kecil. Oleh sebab aktiviti ini tidak berstruktur, maka sesi perbincangan memerlukan guru atau murid yang berpengalaman sebagai pemudah cara.

Tajuk: Warisan Sistem Pemerintahan Beraja

“Sistem beraja telah menjadi benteng penghalang, menyukarkan British melakukan penjajahan mutlak; British sekadar berupaya memperkenalkan sistem Residen, satu bentuk penjajahan tidak langsung yang masih mengekalkan kedaulatan Raja Melayu.”

Petikan Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semasa merasmikan “*Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Tersurat*” di Putrajaya pada tahun 2017.



Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Ke-35, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Berdasarkan petikan ucapan dan maklumat di atas, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Perbincangan dalam kumpulan kecil:

- Senaraikan negara di Asia Tenggara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja.
- Bagaimanakah institusi pemerintahan beraja dapat dipertahankan semasa zaman peluasan kuasa British?
- Jelaskan maksud pernyataan “memperkukuh pasak negara”.
- Prinsip Rukun Negara kedua, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Jelaskan sikap yang perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia untuk merealisasikan prinsip Rukun Negara tersebut.

2. Perbincangan dalam kumpulan besar/kelas:

- Dengan bimbingan guru/pemudah cara, kongsi maklumat hasil perbincangan dengan kumpulan lain dalam bentuk perbincangan bebas.



Aktiviti 2: Stesen Berputar (*Rotating Stations*)

Arahan:

- (i) Letakkan kumpulan kecil di setiap stesen.
- (ii) Mereka diberikan masa 10 minit untuk menjawab topik yang telah ditentukan di setiap stesen.
- (iii) Apabila masa tamat, kumpulan ini akan bergerak ke stesen seterusnya sehinggalah semua kumpulan telah melalui semua stesen.
- (iv) Setiap kumpulan diberikan pen warna yang berbeza-beza warna untuk mencatat jawapan.

Tugasan: Menilai keberkesanan peranan pemerintah tempatan menangani cabaran peluasan kuasa Barat. Berikan ulasan.



Terusan Wan Muhammad Saman merupakan antara usaha pemodenan yang dilakukan untuk menangani cabaran peluasan kuasa Barat.

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Secara berkumpulan, dengan merujuk pelbagai sumber, ahli kumpulan berbincang tentang tugasan.
3. Setiap kumpulan, menghasilkan pengurusan grafik berkaitan tugasan.
4. Kemudian, setiap kumpulan bergerak ke kumpulan yang lain untuk menyampaikan pendapat mereka atau memberikan pendapat tentang hasil perbincangan kumpulan tersebut.
5. Ahli kumpulan akan membuat tambahan pada pengurusan grafik sedia ada atau membuat yang baharu untuk kumpulan mereka.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Mengapakah Sultan Zainal Abidin III tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok 1909?
 - A. Kedaulatan negeri tergugat.
 - B. Kehilangan wilayah pentadbiran.
 - C. Terpaksa menghantar bunga emas.
 - D. Bercanggah dengan perlembagaan negeri.

2. Senarai yang berikut berkaitan dengan perlembagaan negeri.

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895
- Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911

Apakah persamaan kepentingan undang-undang tersebut?

- A. Menerap pengaruh Barat.
 - B. Menjamin kedaulatan negeri.
 - C. Mempelopori amalan demokrasi.
 - D. Menjadi asas pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
3. Apakah sumbangan Wan Muhammad Saman sebagai Perdana Menteri Kedah yang pertama?
 - A. Memajukan pertanian.
 - B. Memodenkan sistem pengangkutan.
 - C. Memperkenalkan pentadbiran baharu.
 - D. Menggubal undang-undang tubuh negeri.

4. Yang berikut ialah usaha pembesar dalam pemodenan negeri.

- Melukis peta Johor yang lengkap.
- Mengasaskan pembukaan bandar Muar dan Batu Pahat.

Siapakah pembesar tersebut?

- A. Dato' Jaafar bin Muhammad.
- B. Dato' Abdul Rahman bin Andak.
- C. Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi.
- D. Dato' Muhammad Salleh bin Perang.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Tokoh-tokoh yang berikut telah berjasa kepada negara kita.

(a) Lengkapkan jadual berikut dengan maklumat berkaitan sumbangan tokoh tersebut.

Tokoh	Sumbangan
Wan Muhammad Saman 	
Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi 	
Haji Mohammad Arshad 	
Tengku Menteri Ngah Ibrahim 	
Dato' Muhammad Salleh Perang 	

(b) Jelaskan ciri kepimpinan berwibawa yang boleh dicontohi daripada tokoh-tokoh di atas untuk kemajuan bangsa dan negara.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Sikap berani dan bijaksana raja dan pembesar Melayu menangani cabaran Barat wajar menjadi contoh nilai kepimpinan terbaik.
- Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita perlu sentiasa memberikan taat setia kepada pemimpin untuk memajukan negara.
- Sikap permuafakatan dalam kalangan rakyat menyokong usaha penentangan oleh raja dan pembesar terhadap kuasa Barat menjadi kunci utama kejayaan menangani cabaran Barat. Bak kata pepatah, “bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”.

Diri dan Keluarga

Sebagai ahli dalam sebuah keluarga, kita mestilah menunjukkan taat setia kepada ibu bapa bagi memastikan kejayaan nama keluarga.

Negara

Sikap taat setia dan permuafakatan dalam kalangan rakyat merupakan unsur utama dalam memastikan kejayaan dan kelangsungan tamadun bangsa.



Perpaduan merupakan aset terpenting dalam membentuk suasana masyarakat yang harmoni di negara kita.

BIBLIOGRAFI

- A. Rahman Tang Abdullah, 2011. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar: Kajian, Transliterasi dan Terjemahan Bahasa Inggeris*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Abdul Aziz Bari, 2006. *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Ramli, 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahman Embong (ed.), 2012. *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2016. *Gerakan Penjajahan & Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Abdul Rahman Haji Ismail (ed.), 2005. *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Ariffin (ed.), 2016. *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Razak Mahmud, 2005. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Samad Idris, 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Seremban: Abdul Samad Idris.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 1996. *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali, et.al., 2005. *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*. Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor.
- Ahmad Dahlan, 2017. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fawzi Mohd Basri dan Hasrom Harom, 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Penerbit Muzium Negara.
- Ahmad Fawzi Mohd Basri, 1998. *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Ismail & Yazid Mat, 1992. *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Ahmad Murad Merican, 2015. *Batu Uban Sejarah Awal Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2016. *Sejarah Kedah Dua Millenia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press Kreatif.
- Andaya, B.W. dan Leonard, Y.A., 1983. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Publishers.
- Augustine, J. F., 1996. *Kedah Zaman Silam*. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.
- Azmah Abdul Manaf, 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Barlow, H.S., 1992. "The Early History of the Residency: Kuala Lumpur" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 65 Part II.
- Bonney, R., 1971. *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil, 1971. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chai, F.C., 2007. *Early Picture Postcards of North Borneo and Labuan*. Sabah: Opus Publications.
- Cheah, B.K., "Malay Politics & Birch's Murder" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 71 Part 1, 1998
- Cheah, B.K., "The Romance of Tok Janggut: A Kelantan Folk Hero" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol.72 Part 2, 1999.
- Cheah, B.K., 2001. *Early Modern History (1800-1940)*. Singapura: Editions Didier Millet.
- Cheah, J.S., 2015. *Malaya 500 Early Postcards*. Singapura: Editions Didier Millet.
- Daniels, P.S. dan Hyslop, S.G., 2003. *Almanac of World History*. Washington: National Geographic Society.
- Emerson, R., 1982. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, S.R., Abdul Rahman Zainal dan Wong, R.K.N., 2007. *The History of Labuan: Victoria Island*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Furtado, P., 1993. *The New Century A Changing World*. London: Andromeda Oxford Ltd.

- Gopinath, A., 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick, J.M., "The Kuala Langat Piracy Trial" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 69 Part 2, 1996.
- Gullick, J.M., "The Growth of Kuala Lumpur and of Malay Community in Selangor Before 1880" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. Part I, 1990.
- Gullick, J.M., "Adat Perpatih" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 73 Part 2, 2000.
- Hanita Ladjaharun dan Shamsudin Frans (ed.), 2016. *Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Sejarah*. Sabah: Sandakan Offset Percetakan Sdn. Bhd.
- Harussani bin Haji Zakaria, 2015, "Tanggungjawab Raja Menjaga Agama Islam", dlm. Ramlah Adam, et.al., *Pemerintahan Raja dan Kerajaan Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Nor Muhammad, 2014. "Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu" dlm. *International Journal of the Malay Civilization (Iman)*, Vol. 2, No. 3.
- Irwin, G., 1995. *Nineteenth-Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*. Singapura: D Moore.
- Ishak bin Saat, 2005. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Jelani Harun, 2017. *Zainal Abidin III Biografi Sultan yang Adil dan Alim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan M. Padasian (comp.), 1981. *Sejarah Sabah dalam Gambar (1881-1981)*. Kota Kinabalu: The Sabah Centenary Publications Committee.
- Kassim Thukiman, 2011. *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kaur, A., 1991. "Semenanjung Tanah Melayu pada Abad ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi" dlm. *Kolokium Masyarakat Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairil Annas Jusoh, 2014. *Dustur Wa Salatin Perlembagaan dan Para Sultan*. Shah Alam: Yayasan Penyelidikan Transformasi.
- Khoo, G., 1976. *Sejarah Asia Tenggara Sejak Tahun 1500*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Khoo, K.K. (ed.), 1981. *Sabah: History and Society*. Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society.
- Khoo, K.K., 1984. *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Khoo, K. K. (ed.), 1985. *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kratoska, P.H. (ed.), 1983. *Honourable Intentions, Talks on the British Empire in South-East Asia Delivered at the Royal Colonial Institute 1874-1928*. Singapura: Oxford University Press.
- Leong, D., 2011. *The White Rajahs... Myths Retold*. Kuching: Leong's Colour Print Service.
- Lim, P.P.H., 2009. *Johor 1885-1957 Local History, Local Landscapes*. Singapura: Straits Times Press.
- Malaysia Kita, 1991. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Miller, W.G, 2011. "English Country Traders and Their Relations with Malay Rules in the Late Eighteenth Century" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 84 Part 1.
- Milner, A., "Who Created Malaysia's Plural Society" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 76 Part 2, 2003.
- Mohammad Isa Othman, 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009. *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Tuanku Sultan Mizan.
- Mohd. Isa Othman, 2001. *Zaman Penjajahan British Pengalaman Kedah Perlis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor.
- Mohd. Isa Othman, 2002. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Rashidi, Nik Haslinda, 2005. *Klian Intan: Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman, 2006. *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Shariff Abu Samah, 2012. *Modernisasi Pentadbiran Negeri Kedah, 1895-1957*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Mohd Zamberi A. Malek, 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moore, W.K., 2004. *Malaysia, A Pictorial History 1400-2004*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, Arkib Negara Malaysia, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Muhammad Haji Salleh (ed.), 2012. *Early History of Penang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Ridzuan Idris dan Arba'iyah Mohd. Noor, "Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1941" dlm. *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 23, Bil. 2, 2014.

- Muhammad Yusuff Hashim, "Masyarakat Perak pada Abad Ke-18: Interpretasi Historis Daripada Misa Melayu", *Jurnal Sejarah*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 2, 1993.
- Muhammad Zain Saleh, 1987. *Keluarga Diraja Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 2000. *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?* Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 2001. *Tuntutan Filipina ke Atas Borneo Utara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 2003. *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Haslinda Nik Hussain, 2011. *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan 1881-1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 1998. *The Encyclopedia of Malaysia-Early History*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi dan Haji Salleh bin Mohd Akib, 2016. *Menteri Besar Kelantan: Tahun 1921 hingga Sekarang*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Noraini Mohamed Hassan, 2008. *Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nordin Husin, 2002. "Two Ports: Melaka and Penang" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 75 Part 2.
- Nordin Husin dan Shakimah Che Hasbullah, "Pentadbiran Kolonial Inggeris di Negeri-negeri Selat dan Usaha Membanteras Jenayah" dlm. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space 7 (5)*, Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysia Development, 2011.
- Nordin Selat, 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor.
- Norhalim Haji Ibrahim, 1998. *Sejarah Linggi Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Noriah Mohamed, et. al., 2006. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed dan Kamdi Kamil, 2011. *Masyarakat Keturunan Jawa Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Oii, K.G., 2007. "Kerajaan-kerajaan di Borneo Sekitar Tahun 1850-1941", dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (ed.), *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Porritt, V.L., 1997. *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Qasim Ahmad, 1999. *Revolusi Industri Pertama: Sejarah Permasalahan Sosioekonomi dan Politik*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Rahimah Abdul Aziz. 1997. *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reminiscences of the Straits Settlement Through Postcards*, 2005. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Raja, S.S., 2005. *Sejarah Perdagangan Bebas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Raja, S.S., 2011. "Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) dalam Penulisan Sejarah Malaysia" dlm. Mohammad Redzuan Othman (ed.), *Jendela Masa*, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Khay Kim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rider, C., 2007. *Encyclopedia of the Age of the Industrial Revolution, 1700-1920*. New York: Greenwood.
- Rivers, P.J., 2004. *The Origin of Sabah*. dlm. JMBRAS. Volume 77 Part 1.
- Ruslan Zainuddin dan Fuziah Shafie, 2001. *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Singapore from Settlement to Nation Pre 1819 to 1971*, 2012. Singapura: Marshall Cavendish Education.
- Steven, R., 1960. *The White Rajah: A History of Sarawak from 1841-1946*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Steven, Runciman, 2007. *Malaysia Heritage: The White Rajahs*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sabihah Osman, 1991. "Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah pada Abad ke-19" dlm. *Kolokium Masyarakat Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh Mohd Akib, 2016. *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Shaharom Hussain, 1995. *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Sharifah Darmia Sharif Adam, 2015. "Perkembangan Pentadbiran di Sabah, 1991-1963", dlm. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Noor Ain Mat Noor (ed.), *Dasar dan Tadbir Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suffian Mansor, 2015. "Perubahan Sistem Pentadbiran Sarawak, 1840-1963", dlm. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Noor Ain Mat Noor (ed.), *Dasar dan Tadbir Dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Shahril Talib, 1995. *History of Kelantan 1890-1940*, MBRAS Monograph No. 21.
- Sheppard, M., 1996. *Klang Twenty Centuries of Eventful Existence*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Singh, D.S.R., 2000. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Singh, D.S.R., 2012, "Evolusi Masyarakat Peribumi di Sabah, 1865-1941: Dimensi Politik-Pentadbiran", dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Arba'iyah Mohd Noor dan Ahmad Kamal Ariffin, Mohd Rus (ed.). *Dastar Pendeta: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof. Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Siti Aidah Hj Lokin, 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran: Masyarakat Peribumi Sabah, 1810-1963*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sivarajan dan Arasi, S.M., 2012. *Sejarah Sosio Ekonomi Malaysia Sehingga Tahun 1970*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Suzana Hj Othman, 2007. *Perang Bendahara Pahang 1857-63 Pensejarahan Semula Menerusi Peranan British*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Syed Othman Syed Omar, 2005. *Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat, 2010. *Kenali Tokoh Berjasa Jilid 1*. Kajang: Pekan Ilmu Publication.
- Talib Samat, 2013. *Tengku Menteri Kisah Tokoh Korporat Melayu Terulung Long Jaafar dan Ngah Ibrahim Pengasas Taiping Bandar Warisan 1790-1895*. Selangor: PTS Akademia.
- Tan, D.E., 1989. *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tang, J.S.C., 2002. *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*. Monograf No 32, Kuala Lumpur: MBRAS.
- Tarling, N., 1971. *Britain, the Brookes and Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, N., 1989. "Malaya in British History" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 62, Part 1.
- Tarling, N., 1992. "Brooke Rule in Sarawak and its Principles" dlm. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 65, Part 1.
- Tregonning, K.G., 1965. *A History of Modern Sabah, 1881-1963*. Singapura: University of Malaya Press.
- Wan Shamsuddin Mohd Yusuf, 2006. *Sejarah Menteri-menteri Besar Kedah Darul Aman 1830-2005*. Alor Setar: Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia.
- Witt, D.D., 2007. *History of the Dutch in Malaysia*. Petaling Jaya: Nutmeg Publishing.
- Wong, C.M.L., 1992. *Sistem Kangu di Johor 1844-1917*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Wong, D.T-K., 2004. *Community and Society*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Zakaria Ibrahim dan Yahya Ramli, 2011. *Selagi Hayat Dikandung Badan, Lembaran Perjuangan*. Petaling Jaya: Alaf Baru dan HPM Publishing.

Laman Web

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/sejarah-panjang-sungai-klang-1.131773#ixzz54b5GHIRE>

Dicapai pada 1 Mac 2018

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Laporan_Khas/20141004/lk_01/Seraup-emas-sejarah-Raub

Dicapai pada 2 Mac 2018

Ahmad Jelani Halimi, "Perundangan Kerajaan Kedah Lama", dlm. <http://www.mykedah2.com>.

Dicapai pada 10 Mac 2018

Wan Shamsuddin Mohd Yusof, "Hukum Kanun Kedah-Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Star", dlm.

<http://www.mykedah2.com>

Dicapai pada 10 Mac 2018



Senarai Rujukan
Lengkap

INDEKS

- Andrew Clarke 70
bahasa Melayu 9
Borneo Utara 122
campur tangan British 68
Charles Vyner Brooke 118, 185
Dato' Abdul Rahman bin Andak 214
Dato' Bahaman 175, 186
Dato' Jaafar bin Muhammad 214
Dato' Maharaja Lela 178
Dol Said 186
Durbar 204
Francis Light 34, 46
Gabenor Negeri-negeri Selat 48-49
Haji Abdul Rahman Limbong 179
hasil bumi 58, 63
hubungan luar 5
Hugh Clifford 71
institusi beraja 218
J.G Davidson 71
James Brooke 114, 117-19, 175,185
kedudukan Sultan 100
kegiatan perdagangan 58
kegiatan perlombongan 58, 60, 62,142
Kesultanan Kelantan 88
Kesultanan Brunei 112, 114, 122
Kesultanan Johor 89, 94, 203
Kesultanan Johor Riau 31, 38, 44
Kesultanan Kedah 30, 34
Kesultanan Kedah 86
Kesultanan Melayu Melaka 31
Ketua Anak Negeri Sabah 215
Long Jaafar 212
Maharaja Abu Bakar 205
Majlis Eksekutif 49
Majlis Mesyuarat Negeri 76
Majlis Mesyuarat Persekutuan 76
manipulasi British 67
Mat Salleh 177
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 74-75
Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu 84, 96
Negeri-Negeri Selat 29, 46, 48
pakatan British-Belanda 40-41
pegawai tadbir Melayu 219
Pejabat India 48
Pejabat Tanah Jajahan 49
pelabuhan persinggahan 32
pembesaran tempatan 126
pemerintahan Kesultanan Melayu 86
pemerintahan tempatan 110
pemodenan negeri 210
pendidikan formal 8
penentangan masyarakat tempatan 117, 170, 172, 179,184-85
Pengiran Raja Muda Hashim 114
pentadbiran Barat 108,124, 136, 146
pentadbiran British 182
peluasan kuasa British 29, 36, 64, 90
Perang Larut 64
Perang Napoleon 36
perebutan takhta kerajaan 64
Perjanjian Bangkok 1909 92-93, 200
Perjanjian British-Kedah 206
Perjanjian British-Kelantan 1910 207
Perjanjian British-Negeri Sembilan 1895 71
Perjanjian British-Perlis 1930 206
Perjanjian Burney 92
Perjanjian London 1824 41-43
Perjanjian Pangkor 1874 70
perkembangan bandar 154
perkembangan pendidikan 158
perkhidmatan kesihatan 161
pertanian komersial 140
Pesuruhjaya Tinggi British 76
Raja Abdullah bin Raja Jaafar 66
Raja Mahadi bin Raja Sulaiman 66
Residen Jeneral 74, 77
Revolusi Perindustrian 12
Sarawak 139
sekolah vernakular 158-160
Selat Singapura 43
Sharif Masahor 117, 176
Sir Cecil Clementi Smith 217
sistem ekonomi moden 138
Sistem Kangani 147
Sistem Kangcu 203
Sistem Kedatuan 113
sistem kesukuan 110-11
Sistem Ketua Bebas 113
sistem kewangan dan insurans 149
sistem kontrak 147
sistem pemerintahan 4
sistem pengangkutan 150-53
sistem perundangan 5
Sistem Residen 72-73
Stamford Raffles 36, 38
Sultan Abdul Hamid Halim Shah 201
Sultan Abdullah 34
Sultan Ahmad 69
Sultan Hussein Shah 44
Sultan Muhammad Jiwa 34
Sungai Ujong 67
Syarikat Borneo Utara British 120-21
Syarikat Hindia Timur Inggeris 32, 48
Syarikat Perwakilan 148
Temenggung Daeng Ibrahim 203
Tengku Kudin 66
Tengku Menteri Ngah Ibrahim 212
Terusan Suez 14
Tok Janggut 176
tulisan jawi 9
Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 209
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 208
Wan Muhammad Saman 213
William Farquhar 36
William Hood Treacher 123
Yamtuan Antah 174, 186
Yap Kwan Seng 161

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL

ISBN 978-983-49-2080-7



9 789834 920807

FT093044